



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

SOALAN LISAN DAN JAWAPAN

30 OGSO 2021 HINGGA 2 SEPTEMBER 2021

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
1	Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	1 - 8
2	Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong)	9
3	Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	9 - 10
4	Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee)	10 - 11
5	Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail)	11
6	Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	11 - 12
7	Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	12
8	Ahli Kawasan Ait Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	13 - 19
9	Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	19 - 20
10	Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	20

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
11	Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil)	20 - 25
12	Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin)	25 - 34
13	Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen)	35 - 37
14	Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	38 - 40
15	Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah)	41 - 42
16	Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	43 - 45
17	Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	46 - 50
18	Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid)	51 - 52
19	Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim)	52 - 53
20	Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	53
21	Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	54 - 56
22	Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	57
23	Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	57 - 59
24	Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	60 - 62
25	Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	63 - 70
26	Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	71
27	Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	72
28	Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee)	72 - 73
29	Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail)	73 - 76
30	Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	76 - 79
31	Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	80 - 81
32	Ahli Kawasan Ait Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	82 - 84
33	Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	84 - 85
34	Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	86
35	Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil)	86

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
36	Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin)	87
37	Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen)	87 - 100
38	Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	101 - 105
39	Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah)	106
40	Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	107 - 108
41	Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	108
42	Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim)	109
43	Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	109 - 118
44	Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	119
45	Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	119 - 120
46	Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	121
47	Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	122 - 124
48	Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	124 - 140
49	Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	141 - 144
50	Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	144
51	Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee)	145
52	Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail)	145 - 146
53	Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	146 - 148
54	Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	148 - 167
55	Ahli Kawasan Ait Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	168 - 171
56	Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	171
57	Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	172 - 175
58	Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil)	176
59	Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin)	176
60	Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen)	177 - 178

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
61	Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	178 - 179
62	Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah)	179 - 180
63	Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	180
64	Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	181
65	Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim)	182
66	Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	182
67	Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	185
68	Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	185 - 189
69	Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	190 - 214

SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN LISAN DARIPADA YAB. KETUA MENTERI

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Senaraikan kluster industri yang masih aktif dan telah tamat di Pulau Pinang dan nyatakan jumlah kes positif setiap kluster.
 - (a) Apakah tindakan terhadap kilang yang berlaku kluster COVID-19?
 - (b) Nyatakan kilang dan jumlah pekerja menyertai saringan sektor industri anjuran Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FFM).
 - (c) Nyatakan kilang dan jumlah pekerja yang menyertai Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

YAB. Ketua Menteri:

1. Ahli-Ahli Yang Berhormat, senarai kluster industri yang masih aktif dan telah tamat di Pulau Pinang dan jumlah kes positif setiap kluster sehingga tarikh 12 Ogos 2021 adalah seperti di **Lampiran A**.
 - (a) Sekiranya berlaku kluster COVID-19 di sesebuah kilang, siasatan akan dibuat oleh pasukan penyiasat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berkenaan ke atas semua kilang yang mempunyai kluster COVID-19. Panduan dan nasihat berkenaan langkah kawalan dan pencegahan akan diberi. Sekiranya perlu, kilang tersebut akan ditutup atau dikenakan kompaun mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), berdasarkan kepada penilaian risiko oleh pasukan penyiasat pejabat kesihatan.
 - (b) Sehingga 20 Ogos 2021, Penang Safe telah menjalankan saringan kepada 59 syarikat dengan 6753 pekerja. Jumlah pekerja yang disaring dan positif adalah 145 orang. (2.15%).

Pecahan mengikut Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti berikut:

SPU	1
SPT	120
SPS	17
BD	7

Pecahan Kadar jangkitan Mengikut Bulan Adalah :

May 21	0.58%
June 21	0.64%
July 21	3.41%
Aug 21	4.52%

Pekerja yang disaring dan didapati positif akan dilaporkan kepada KKM di bawah SIMKA.

- (c) Sehingga tarikh 23 Ogos 2021, pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Pulau Pinang merekodkan sebanyak 3,217 buah kilang dan syarikat yang telah berdaftar bagi menyertai Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) dengan jumlah keseluruhan pekerja yang berdaftar seramai 254,319 orang.

Jumlah dos 1 dan dos 2 mengikut PPV (PIKAS) sehingga 22 Ogos 2021 adalah seperti berikut :

No	Nama PPV	Dos 1	Dos 2
1	PPV Jawi	16402	15822
2	PPV EQ	34439	23585
3	PPV Intel	14000	13218
4	PPV Plexus	16997	16136
5	PPV Jabil	15300	14658
6	PPV Flextronics	13500	10524
7	PPV Inari P34	20628	15444
8	PPV B Braun	8379	3828
9	PPV Keysights	9000	7380
10	PPV Molex	4700	4366
11	PPV Hotel Pearl View	9983	7577
12	PPV Matel	4720	1068
13	PPV Osram	4826	2036
14	PPV Ixora Hotel	16374	0
		189248	135642

LAMPIRAN A**SENARAI KLUSTER INDUSTRI DAN STATUS KLUSTER****12 Ogos 2021 (Khamis)**

BIL.	KLUSTER (AKTIF)	JUMLAH KES POSITIF
1	Kluster Tingkat Perusahaan Empat (Jinko Solar Technology, Perai, SPT)	311
2	Kluster Jalan Perusahaan Maju Sembilan (Sanmina-Sci Systems (M) Sdn Bhd, SPT)	196
3	Kluster Jalan Nagasari Satu (Prestige Dynamics Industries Sdn Bhd, SPT)	120
4	Kluster Industri Perai Lima (Flex Plant 5, SPT)	443
5	Kluster Tingkat Mak Mandin Lima (Aik Joo Can Factory Sdn Bhd, SPU)	68
6	Kluster Persiaran Cassia Selatan Tujuh (Jabil Circuit Sdn Bhd, SPS)	144
7	Kluster Industri Perai 4A (Computime (Malaysia) Sdn Bhd, SPT)	113
8	Kluster Lorong Perusahaan Bukit Minyak 22 (Straits Orthopaedics (MFG) Sdn Bhd, SPT)	140
9	Kluster Lorong Perindustrian Bukit Minyak 21 (Paramit Malaysia Sdn Bhd, SPT)	103
10	Kluster Jalan Bukit Tengah (Dell Global Business Center, SPT)	31
11	Kluster Jalan Gajah Mati (Linkhardware Trading Sdn Bhd, SPT)	71
12	Kluster Lorong IKS Juru Tujuh (Stellar Challenge Sdn Bhd, SPT)	15
13	Kluster Tapak Bina Lingkaran Cassia (Tapak Bina Iconic Medicare Construction Site, SPS)	75
14	Kluster Lorong Industri Enam (Platinum Marine Sdn. Bhd, Cheng Hooi Food Industry Sdn. Bhd, SPS)	57
15	Kluster Zon Dagang Bebas 4A (ADV Precision Industries Sdn. Bhd, SPT)	20
16	Kluster Jalan Todak (Visco Technology, SPT)	219
17	Kluster Solok Perusahaan Satu (Kilang Nationgate Solution, SPT)	564
18	Kluster Lorong Perusahaan Empat (Elna Pcb (M) Sdn Bhd, SPT)	144
19	Kluster Persiaran Cassia Selatan Satu (Inari Technology Sdn Bhd & PCL Inari Technologies Sdn Bhd, SPS)	92

BIL.	KLUSTER (AKTIF)	JUMLAH KES POSITIF
20	Kluster Lorong Jelawat (KAGA Components (Malaysia) Sdn Bhd, SPT)	186
21	Kluster Industri Perai Lapan (THK Rhythm Malaysia Sdn Bhd, SPT)	77
22	Kluster Industri Persiaran Cassia Selatan (Western Digital Malaysia (Sandisk Storage Malaysia Sdn Bhd, SPS)	70
23	Kluster Zon Dagang Bebas Perai (Penfabric Mill 4, SPT)	49
24	Kluster Lorong Perindustrian Bukit Minyak 11 (Dufusion Sdn Bhd, SPT)	96
25	Kluster Jalan Baru Batu Maung (SME, BD)	58
26	Kluster Tingkat Selamat Dua (Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd, SPU)	49
27	Kluster Jalan IKS Bukit Minyak (K.H. Metal Linkage, SPT)	21
28	Kluster Lorong Jelawat Lapan (Ichi Ban Plastic Industries (M) Sdn. Bhd, SPT)	10
29	Kluster Jelawat Dua Seberang Jaya (BCL Packaging Sdn Bhd, SPT)	13
30	Kluster Jalan Perindustrian Bukit Minyak Satu (Kamen Steel Industries Sdn. Bhd, SPT)	6
31	Kluster Lorong IKS Juru Tiga (Creative Precision Engineering Sdn Bhd, SPT)	45
32	Kluster Lorong Perusahaan 8B (Valeo Malaysia CDA Sdn Bhd, SPT)	195
33	Kluster Lorong Perusahaan Baru Tiga (LAIRD Technologies, SPT)	116
34	Kluster Industri Valdor (Nukoncept New Furniture Sdn Bhd, SPS)	53
35	Kluster Jalan Jelawat Satu (Pan-International Wire & Cable (M) Sdn Bhd, SPT)	142
36	Kluster Industri Jalan Pantai (MSC Malaysia Smelting Corporation Bhd, SPU)	61
37	Kluster Jalan Tasek (Muda Paper Mills Sdn Bhd & Muda Paper Converting Sdn Bhd, SPS)	150
38	Kluster Industri Bukit Minyak 88A (Amphenol TCS (M) Sdn Bhd, SPT)	113
39	Kluster Industri Perai Dua (Canon Electronic Malaysia, SPT)	48
40	Kluster Solok Perusahaan Tiga (Ichia Rubber Industry (M) Sdn Bhd, SPT)	131

BIL.	KLUSTER (AKTIF)	JUMLAH KES POSITIF
41	Kluster Lorong Mak Mandin Tiga (Chee Wah Corporation Bhd, SPU)	41
42	Kluster Sungai Kluang Empat 2 (ASE Electronics (M) Sdn Bhd, BD)	76
43	Kluster Hilir Sungai Kluang Satu (Polytool Industries Sdn Bhd, BD)	27
44	Kluster Lintang Bayan Lepas Lapan (Lumileds Malaysia Sdn. Bhd Plant 2, BD)	65
45	Kluster Lebuhraya Bandar Cassia (Hotayi Electronic (M) Sdn. Bhd Batu Kawan, SPS)	52
46	Kluster Lorong IKS Bukit Minyak Satu (YCSG Industrial Sdn Bhd, SPT)	26
47	Kluster Zon Dagang Satu 2 (Mattel (Malaysia) Sdn. Bhd, SPT)	224
48	Kluster Lorong Perusahaan Bukit Minyak Sembilan (Le Nam Megasheet (M) Sdn Bhd, SPT)	44
JUMLAH KESELURUHAN		5,170

BIL.	KLUSTER TAMAT	JUMLAH KES POSITIF
1	Kluster Jalan Kilang Ubi (Perniagaan Tacsin BM, SPT)	25
2	Kluster Jalan Besar Sungai Jawi (Silitech Technology, SPS)	395
3	Kluster Persiaran Cassia Selatan Dua (Foong Chi Mould Industries Sdn Bhd, SPS)	63
4	Kluster Bukit Minyak Lapan (Ibiden Electronic, SPT)	163
5	Kluster Perusahaan Maju Enam (Kilang Taiki Manufacturing, SPT)	16
6	Kluster Industri Bukit Minyak (RINDA Food Industries, SPT)	68
7	Kluster Perusahaan Maju Lapan (JP Printers, SPT)	90
8	Kluster Bayan Lepas Innoplex (Motorola Bayan Lepas, BD)	23
9	Kluster Teknologi Juru (NE Tecnology, SPT)	27

BIL.	KLUSTER TAMAT	JUMLAH KES POSITIF
10	Kluster Lintang Bayan Lepas Enam (AMBU, BD)	34
11	Kluster Industri Nibong Tebal (Kilang Public Packages, SPT)	76
12	Kluster Perusahaan Valdor (Southern Latext Products, SPS)	93
13	Kluster Lebuah Kampung Jawa (Lumileds, BD)	34
14	Kluster Hala Kampung Jawa Dua (Kilang QDOS Flexcircuit, BD)	42
15	Kluster Perusahaan Baru Dua (Flextronic Plant 5, SPT)	199
16	Kluster Jalan Besar Perai (Malayan Sugar Manufacturing, SPT)	16
17	Kluster Lorong Perusahaan 8A (Season Manufacturing Aerospace, SPT)	44
18	Kluster Jalan Perindustrian Bukit Minyak (Hung Thong Food Tech, SPT)	34
19	Kluster Jalan Kampung Juru (Lee Lean Trading, SPT)	49
20	Kluster Industri Bukit Panchor (Coraza Sytem, SPS)	169
21	Kluster Jalan Veterinari (Flat Taman Sri Pinang, TL)	89
22	Kluster Industri Zon Dagang Satu (Mattel Malaysia Sdn Bhd, SPT)	181
23	Kluster Lebuah Sungai Tiram Satu (Bbraun Plant 3, BD)	24
24	Kluster Lorong Perusahaan Maju Enam (Percetakan KONTA, SPT)	57
25	Kluster Perusahaan Baru Satu (Fu Hao Manufacturing, Perai, SPT)	36
26	Kluster Hilir Sungai Keluang Tiga (NGK Electronics, BD)	152
27	Kluster Lorong Jelawat Dua (Kilang Bizlink Technology, SPT)	70
28	Kluster Tingkat Perusahaan 6A (Attrctive Venture Sdn Bhd, SPT)	15
29	Kluster Industri Perai Empat (Public Packages Asia, SPT)	47
30	Kluster Jalan Perindustrian Bukit Minyak Tiga (Infinic Plastic Technology, SPT)	50

BIL.	KLUSTER TAMAT	JUMLAH KES POSITIF
31	Kluster Jalan Bandar Baru (N.T. Paper Mill, SPS)	91
32	Kluster Industri Miel Bayan Lepas (Konway Industries Sdn Bhd, BD)	18
33	Kluster Tembok Bukit Mertajam (Penjara Satelit Bukit Mertajam, SPT)	100
34	Kluster Sungai Keluang 2 (Kilang Venture Bayan Lepas, BD)	129
35	Kluster Industri Bukit Minyak Tujuh (Wang Saga Industries, SPT)	49
36	Kluster Jalan Usaha Jaya (New Billion Precision Metal, SPT)	23
37	Kluster Tingkat Perusahaan 4A (Uchi Optoelectronic (M) Sdn Bhd, SPT)	18
38	Kluster Jalan Perusahaan Maju Empat (Sony Perai (Plant A), SPT)	152
39	Kluster Jalan Seruling (MFORCE Bike, SPS)	96
40	Kluster Industri Chain Ferry (Golden Fresh, SPU)	179
41	Kluster Industri Bukit Minyak 11 (Ee-Lian Plastic Industries (M) Sdn Bhd, SPT)	38
42	Kluster Lorong Sungai Tiram (Kilang Bbraun 1, BD)	59
43	Kluster Lorong Perusahaan Maju Lapan (Winchester Interconnect (M) Sdn Bhd, SPT)	82
44	Kluster Jalan Perusahaan Prai (NTA Machining (M) Sdn Bhd, SPT)	38
45	Kluster Industri Sungai Baong (Berjaya Park Sdn Bhd, SPS)	28
46	Kluster Industri Bukit Tengah (Nansin (Malaysia) Sdn. Bhd., SPT)	52
47	Kluster Jalan Kampung Jawa (Globetronics Technology, BD)	57
48	Kluster Pintasan Kampung Jawa (TF AMD, BD)	116
49	Kluster Jalan Penang (AK Shipping Sdn Bhd, TL)	25
50	Kluster Jalan Cassia Selatan Lima (UWC Berhad, SPS)	193
51	Kluster Lorong Perusahaan 10 (PGF Insulation, SPT)	62

BIL.	KLUSTER TAMAT	JUMLAH KES POSITIF
52	Kluster Jalan Permatang Pauh (M6 Home International Sdn Bhd, SPU)	15
53	Kluster Jalan Ong Yi How (Awana Sofa Sdn Bhd, SPU)	20
54	Kluster Jalan Seladang (Nam Seng Food Industries Sdn Bhd, SPT)	32
55	Kluster Jalan Bayan Lepas (Benchmark Precision Technologies, BD)	78
JUMLAH KESELURUHAN		4,131

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

2. Difahamkan kerja fizikal Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang akan bermula pada bulan Januari tahun hadapan akan merangkumi pembinaan Jelutong diversion yang baru di mana ia akan dapat membantu mengurangkan beban diversion sedia ada.
 - (a) Anggaran bilakah pembinaan projek diversion baru ini dapat bermula? Saya berharap pembinaan ini dapat diutamakan.

YAB. Ketua Menteri:

2. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang akan memberi keutamaan pada lokasi-lokasi *hotspot* banjir di sepanjang Sungai Pinang iaitu dari Jambatan Jalan Patani hingga ke Jambatan Jalan Dato Keramat/Air Itam.
 - (a) *Jelutong Diversion* baharu masih dalam pertimbangan akhir Jawatankuasa Teknikal berdasarkan faktor-faktor seperti kesesuaian di kawasan setempat serta pembangunan-pembangunan masa hadapan di jajaran tersebut.

Namun demikian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang sedang dalam penyediaan reka bentuk peringkat akhir bagi mengatasi isu banjir di dua (2) lokasi kritikal di Jelutong iaitu di Jalan Van Praagh dan Kampung Pokok Asam yang dijangka akan memulakan pembinaan pada penghujung tahun 2021. Kedua-dua projek tebatan banjir berskala kecil ini adalah penyelesaian jangka masa sederhana sementara penyiapan RTB Sungai Pinang yang bermula dari Jambatan Jalan Patani hingga ke Jambatan Jalan Dato Keramat/Air Itam. Projek ini akan mengambil masa selama empat (4) tahun untuk disiapkan dan dijangka akan bermula pada tahun 2022.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

3. Projek Gurney Wharf.
 - (a) Apakah perkembangan terkini projek Gurney Wharf dan bilakah projek tersebut dijangka untuk bermula dan siap?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mempercepatkan projek tersebut?

YAB. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menjadikan Projek Gurney Wharf sebagai sebuah kawasan rekreasi bertaraf antarabangsa dan bagi tujuan tersebut sebanyak tujuh (7) perunding telah dilantik dengan kepakaran bidang masing-masing iaitu Arkitek (termasuk Pengurus Projek), Arkitek Landskap Tempatan (yang bekerjasama dengan Arkitek Landskap Antarabangsa), Jurutera Awam & Struktur, Jurutera Mekanikal & Elektrik, Jurukur Bahan, Jurutera Marin (Pantai & Tambakan) dan Konsultan Alam Sekitar (termasuk Auditor Alam Sekitar). Perjanjian Perunding telah ditandatangani oleh wakil Kerajaan Negeri bersama kesemua perunding pada 21 Disember 2020.

Pelaksanaan projek dijangka akan bermula pada suku keempat tahun 2021 dan tempoh masa yang diperlukan bagi pelaksanaan keseluruhan projek adalah selama tiga (3) tahun. Kerajaan Negeri juga telah mensyaratkan satu (1) tahun tambahan untuk tempoh *Defect Liability Period* iaitu sehingga suku keempat tahun 2024. Keseluruhan projek ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dengan anggaran kos berjumlah RM200.30 juta.

Pelaksanaan keseluruhan projek terbahagi kepada Fasa 1 dan Fasa 2 seperti berikut:

- (i) **Fasa 1** terdiri daripada penyediaan kawasan permainan kanak-kanak, kawasan permainan *skate park*, anjung tinjau (*viewing deck*), tandas awam, *promenade* untuk pejalan kaki, kiosk penjaja, *retail area*, kedai serbaneka, surau, *refuse center*, kawasan landskap & taman rekreasi, tempat letak kenderaan bertingkat dan terbuka. Fasa ini dijangka siap pada suku keempat tahun 2022 dan kawasan projek akan mula dibuka kepada orang awam; dan
- (ii) **Fasa 2** terdiri daripada penyediaan sebahagian lagi kawasan landskap dan taman rekreasi, kiosk penjaja tambahan, tandas dan tempat letak kenderaan serta sistem perparitan dan saliran yang dijangka siap pada suku keempat tahun 2023.

Susulan itu, perunding telah merujuk kepada semua jabatan/agensi teknikal yang terlibat bagi tujuan penyediaan pelan pembangunan dan kelulusan projek. Permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (BP) telah dikemukakan masing-masing pada 11 Mei 2021 dan 15 Julai 2021 kepada PLANMalaysia@Pulau Pinang. Pelan KM telah diluluskan secara prinsip dengan pindaan *minor* pada 12 Julai 2021. Permohonan kelulusan landskap juga telah dikemukakan pada 2 Julai 2021 dan masih dalam pertimbangan jabatan berkaitan.

Terkini, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (*Superintendent Officer*) pada 6 Ogos 2021 dan sebagai Penasihat Teknikal memandangkan projek ini merupakan projek sosial dengan pembiayaan penuh Kerajaan Negeri. Pihak perunding telah menyediakan dokumen tender projek dan sedang dalam peringkat akhir untuk dimuktamadkan. Pelawaan tender dijangka akan dibuka pada hujung bulan Ogos atau awal bulan September 2021.

Kerajaan Negeri sangat komited untuk pelaksanaan projek ini bagi manfaat penduduk Pulau Pinang dan telah mewajibkan semua jabatan/agensi teknikal untuk memberikan keutamaan bagi memproses permohonan yang berkaitan dengan projek ini. Pihak perunding juga telah diarahkan untuk mematuhi tempoh masa yang ditetapkan dan melaporkan perkembangan projek dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 4. Apakah rancangan dan kaedah baru Kerajaan Negeri untuk mengatasi segala masalah penyelenggaraan yang berbangkit di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak?
 - (a) Adakah PPR Padang Tembak akan dibina semula?
 - (b) Adakah PPR Padang Tembak boleh dipindahkan ke lokasi yang lain?

YAB. Ketua Menteri:

- 4. Sejak tahun 2008 sehingga Ogos 2021, sebanyak RM281.77 juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan di semua skim perumahan awam dan swasta yang layak. Daripada amaun berkenaan, sebanyak RM51,910,417.80 telah dibelanjakan bagi tujuan penyelenggaraan di Rumah Pangsa Padang Tembak. Perbelanjaan yang begitu besar ini merangkumi skop penyelenggaraan seperti berikut:-
 - (i) Pembaikan keretakan bangunan;
 - (ii) Kontrak kebersihan;
 - (iii) Pembaikan kawasan gunasama dan harta gunasama; dan

- (iv) Penukaran baharu dan penyelenggaraan 27 unit lif di kesemua sembilan (9) blok.
- (a) Keputusan bagi pembaharuan semula Rumah Pangsa Padang Tembak memerlukan kajian menyeluruh mengambilkira aspek perundangan hakmilik strata terutamanya sebelum ianya dapat diputuskan. Dengan mengambilkira kos penyelenggaraan yang tidak lagi efektif dengan usia dan keadaan bangunan yang semakin usang serta serba ketinggalan dari segi fasiliti dan keselesaan unit pembaharuan semula bandar, sememangnya pembaharuan semula skim perumahan ini merupakan opsi terbaik bagi menangani permasalahan sedia ada.
- (b) Kerajaan Negeri perlu membuat kajian selanjutnya bagi mempertimbangkan sebarang cadangan untuk penempatan semula ke lokasi yang berlainan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 5. Kemudahan jaringan internet amat penting untuk pelajar (PdPR) dan dewasa kerja di rumah (online meeting). Ini menjadi masalah utama di kawasan luar bandar seperti di Balik Pulau kerana capaian jaringan internet amat lambat.
 - (a) Apakah syor Kerajaan Negeri untuk mengatasinya?

YAB. Ketua Menteri:

- 5. (a) Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan seluruh Negeri Pulau Pinang dapat mencapai jaringan telekomunikasi yang optimum termasuk di kawasan luar bandar. Kawasan seperti Balik Pulau telah dikenalpasti sebagai kawasan *underserved area* dengan kadar penembusan jalur lebar mudah alih adalah sebanyak 80.79%. Setakat ini, sebanyak 973 buah premis di kawasan Balik Pulau telah diliputi dengan jaringan internet jalur lebar talian tetap dan sebanyak 37 buah stesen pemancar telah dinaiktaraf untuk menampung keperluan dan permintaan penduduk tempatan.

Melalui perancangan di bawah Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP), sebanyak 1,676 buah premis di kawasan Balik Pulau akan diliputi dengan internet jalur lebar talian tetap manakala bagi internet jalur lebar mudah alih pula, terdapat perancangan sebuah struktur telekomunikasi baharu akan dibina di kawasan tersebut.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama semua pemegang taruh seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan MCMC akan terus memantau keperluan menambah baik liputan komunikasi yang disediakan oleh syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi bagi meningkatkan usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan masyarakat selaras dengan pembangunan digital di kawasan-kawasan awam seperti pelaksanaan inisiatif tanpa tunai, berkerja dari rumah serta pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PDPR).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 6. Sejauh manakah *climate resilient* bagi Negeri Pulau Pinang berdepan dengan bencana alam serta cuaca ekstrem?
 - (a) Terangkan secara terperinci tentang persiapan kerajaan bersiap siaga terhadap musim hujan tengkujuh serta kemarau.

- (b) Sejauh manakah keberkesanan projek-projek tebatan banjir dalam menangani masalah banjir khususnya di kawasan kampung yang tidak mempunyai sistem saliran yang sistematik?

YAB. Ketua Menteri:

6. Perancangan dan penyediaan cadangan reka bentuk bagi projek-projek tebatan banjir yang dalam peringkat reka bentuk akan mengambil kira keperluan *Climate Change Factor (CCF)* dan impaknya sebelum pelaksanaan projek.
- (a) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan perolehan bagi pembelian tiga (3) buah pam bergerak (jenis mudah alih dalam pengoperasiannya) dengan menggunakan peruntukan Caruman Pamaritan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2020. Tambahan sebanyak dua (2) buah pam bergerak jenis yang sama akan diperolehi pada tahun ini bagi melengkapkan setiap daerah dengan satu (1) pam bergerak mudah alih bagi operasi tersebut. Di samping itu, JPS juga memiliki 12 buah pam bergerak sedia ada sebagai langkah siap siaga bagi kegunaan serentak sekiranya terdapat keperluan.
- (b) Keberkesanan projek-projek tebatan banjir dalam menangani masalah banjir khususnya di kawasan kampung yang tidak mempunyai sistem saliran yang sistematik tersebut dilaksanakan melalui dua (2) kaedah.

Kaedah pertama adalah melalui pelaksanaan Projek Tebatan Banjir berskala besar contohnya Projek Tebatan Banjir Parit 4 secara tidak langsung membantu kawasan perkampungan Kampung Dock dan Kampung Nenas di Lembangan Parit 4 dan *Borrowpit* Sungai Juru. Manakala Projek Tebatan Banjir Kawasan Mak Mandin telah mengurangkan risiko dan kekerapan banjir di kawasan penempatan yang mempunyai sistem saliran yang lama.

Kaedah kedua adalah di luar kawasan projek-projek tebatan banjir melalui pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan tanah kepada sistem saliran yang lebih sistematik oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di daerah masing-masing. Beberapa projek berskala kecil telah dilaksanakan bagi mengurangkan isu ketidaksempurnaan aliran dengan menggunakan peruntukan Caruman Pamaritan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2016.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

7. Apakah projek Jambatan Tanjong Berembang telah disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)?
- (a) Jika telah siap, adakah telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR)?
- (b) Jika belum, apakah sebab proses kelewatan ini berlaku serta tindakan kepada kontraktor tersebut?

YAB. Ketua Menteri:

7. Projek Jambatan Tanjong Berembang adalah projek yang dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). PDC telah memaklumkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang bahawa projek Jambatan Tanjong Berembang telah disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor dan telah dibuka kepada pengguna awam bermula 1 Mei 2021 yang lalu.

Dokumen penyerahan jambatan telah diserahkan oleh pihak PDC kepada pihak JKR pada 19 Julai 2021. Pihak JKR dijangka akan mengatur pemeriksaan tapak pada waktu terdekat.

Walau bagaimanapun, pihak JKR membuat pengesahan bahawa penerimaan masih belum selesai kerana perlu melibatkan proses Audit Kriteria Penerimaan Jalan dan ia dijangka selesai pada September 2021.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

8. Kes pengangguran terutama golongan belia semakin meningkat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan kehilangan kerja dan perniagaan mereka tidak dapat dijalankan.
 - (a) Apakah usaha/bantuan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan belia tersebut untuk kemasukan semula dalam pekerjaan dan memulih perniagaan mereka selepas pandemik ini selain daripada hanya membekalkan latihan sahaja?

YAB. Ketua Menteri:

8. Usaha Kerajaan Negeri dalam membantu golongan belia yang terjejas akibat kehilangan pekerjaan dan membantu memulihkan perniagaan mereka adalah melalui usaha berterusan oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di bawah MMK Belia dan Sukan di mana PYDC telah mengambil inisiatif menganjurkan beberapa program untuk menangani masalah pengangguran golongan belia akibat pandemik COVID-19.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (a) *We Want You*

Program ini merupakan pelantar kerjaya yang dilancarkan pada tahun 2020 untuk menandingi bakat yang diperlukan oleh majikan dan yang paling penting, mengurangkan kadar pengangguran belia di Pulau Pinang. Setakat ini terdapat 376 majikan mendaftar dalam pelantar ini dan mengiklankan sebanyak 508 peluang pekerjaan. Seramai 875 yang telah mendaftar sebagai pengguna di pelantar ini.

- (b) *Virtual Career Fair 2021* bertema *Explore, Connect and Get Hired*

Program ini akan diadakan pada 26 hingga 29 Ogos di mana ia dianjurkan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan *Big Domain* bertujuan untuk menjadi medium antara majikan dan belia yang kehilangan pekerjaan. Selain itu, program ini juga akan menawarkan beberapa aktiviti tambahan untuk menyediakan para belia ke arah alam pekerjaan seperti *Career Assessment & Counseling*, *Live Industrial Talks*, *Career Readiness Workshop* dan *Live Interview* bersama majikan.

Setakat 23 Ogos 2021, terdapat 83 majikan telah mendaftar dalam pameran kerjaya ini untuk merekrut pekerja daripada pelbagai bidang dan kepakaran seperti pencari kerja, *fresh graduate* dan pelajar yang menjalani latihan industri.

Jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan yang berdaftar adalah sebanyak 7000.

Setakat ini terdapat lebih kurang 1,167 pemohon yang telah mendaftar dalam dalam kerjaya maya ini

(c) *Career Readiness Program* (April dan Ogos)

Program ini dianjurkan supaya para belia dapat menguasai dan menyedari tentang kepentingan serta pendedahan awal mengenai alam pekerjaan. Program ini mampu mempertingkatkan kemahiran kerjaya demi membantu mereka untuk berjaya dalam meraih pekerjaan yang dimohon dan seterusnya membantu mengurangkan pengangguran.

Butiran program adalah seperti berikut:

KETETAPAN PELAKSANAAN	PERINCIAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA
Pada 10 April setiap tahun	(i) <i>Innovative and Resilient Mindset;</i> (ii) <i>Resume Clinic;</i> (iii) <i>Personal Image and Branding;</i> dan <i>Interview Simulation</i>	43 orang
Pada 21 dan 22 Ogos setiap tahun	(i) <i>Innovative and Resilient Mindset;</i> (ii) <i>Personal Branding & Grooming;</i> (iii) <i>What Employers Are Looking For?;</i> dan <i>Resume Writing & Interview Skills.</i>	125 orang
JUMLAH KESELURUHAN PESERTA		ang

(d) *Penang Young Digital Talent Programme*

Program ini merupakan satu program pensijilan yang akan melayakkan para belia menerima sijil yang diperakui oleh Kerajaan Negeri dan pihak industri. Program ini akan menawarkan modul teras dan modul kemahiran insaniah kepada peserta di mana mod pembelajaran ilmu dan kemahiran ini adalah dijalankan secara teori.

Selain itu, para peserta juga perlu menjalani 80 jam sesi praktikal untuk memastikan mereka mempraktikkan segala ilmu yang telah dipelajari.

Dengan corak pembelajaran sebegini, para peserta akan menerima pendedahan yang lebih menyeluruh serta lebih efektif dalam meningkatkan pembangunan mereka khususnya dalam kursus yang diminati.

Tempoh	Kursus	Bilangan peserta
Suku tahun pertama	Kursus <i>Key Opinion Leader</i>	21 orang
	Kursus <i>Digital Marketing</i>	24 orang
	Kursus <i>e-Commerce</i>	25 orang
	Kursus <i>Web Design</i>	26 orang
JUMLAH PESERTA		96 orang
Suku tahun kedua	Kursus <i>Digital Marketing</i>	44 orang
	Kursus <i>e-Commerce</i>	20 orang
	Kursus <i>Web Design</i>	35 orang
	Kursus <i>Basic Graphic Design</i>	23 orang
JUMLAH PESERTA		122 orang
JUMLAH KESELURUHAN PESERTA		218 orang

Program anjuran PYDC telah berjaya membantu para belia kita berjaya dalam bidang yang diceburi misalnya seorang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan perniagaan keluarganya sebanyak 30 peratus walaupun dalam masa pandemik COVID-19 ini setelah menyertai kursus *Key Opinion Leader* dan *e-Dagang*. Beliau telah mempraktikkan apa yang dipelajari daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh PYDC untuk menguruskan laman web, *Youtube* dan *Facebook Marketing* untuk perniagaannya. Langkah ini telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarganya.

(e) *Digitalise Penang for Youth*

Program ini bertujuan untuk merancakkan pembangunan serta transformasi digital dalam kalangan belia. Program ini menawarkan peluang kepada pelajar dari seluruh Malaysia yang berumur dari 15 hingga 35 tahun untuk mempelajari menggunakan *Web Hosting* atau *Virtual Private Server (VPS)* secara percuma selama satu (1) tahun yang ditaja sepenuhnya oleh Exabytes Sdn Bhd. Ini akan memanfaatkan anak-anak muda terutamanya yang bukan berlatarbelakangkan pendidikan dalam bidang teknologi informasi dan seumpamanya. Para peserta yang layak boleh menggunakan platform ini

sebaik mungkin sama ada untuk tujuan peribadi ataupun perniagaan dan sekali gus memastikan para belia kita tidak ketinggalan dalam zaman teknologi informasi yang semakin canggih ini. Exabytes menaja sebanyak 1,000 orang belia dan setakat hari ini PYDC mempunyai 123 peserta yang layak mendapat penajaan ini.

Kursus-kursus yang dilakukan di bawah program ini adalah seperti berikut:

(i) *Website Know-How 1: Domain, Hosting & VPS;*

(ii) *Website Know-How 2: Wordpress;* dan

(iii) *Website Know-How 3: Website Maintenance*

Para peserta boleh mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari untuk menjana pendapatan dan mampu menangani masalah pengangguran.

Para peserta boleh mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari untuk menjana pendapatan dan mampu menangani masalah pengangguran.

(f) Kisah Usahawan Belia (TOE);

PYDC menyediakan platform kepada usahawan belia untuk mempromosikan perniagaan mereka dengan berkongsi kisah keusahawanan mereka. Sekiranya terdapat belia yang baharu menceburi bidang perniagaan setelah mengalami pengangguran, maka mereka boleh menyertai program ini.

Setakat Julai 2021, terdapat seramai 30 orang usahawan belia perniagaan kecil telah berkongsi kisah kejayaan mereka. Program ini telah menerima maklum balas positif daripada usahawan belia dengan menyatakan bahawa inisiatif ini mampu membantu mereka untuk mempromosikan perniagaan mereka. Selain berkongsi kisah kejayaan mereka, usahawan belia ini turut dijemput untuk menyertai bengkel-bengkel yang bakal dianjurkan pada bulan September secara percuma untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mengusahakan perniagaan mereka.

(g) *Program Reskilling, Upskilling & New Skilling: PYDC Essential Skills Programme*

PYDC ingin memantapkan pelbagai nilai insaniah termasuk komunikasi yang berkesan dan kemampuan untuk bekerja dalam pasukan dan memupuk daya fikir kritikal, daya penyelesaian masalah, kepimpinan, berpidato serta kemahiran sosial agar diaplikasikan dalam kerjaya mereka dengan lebih efisien.

Program ini menawarkan sebanyak 16 modul untuk meningkatkan kebolehpasaran golongan belia termasuk mereka yang sedang menganggur. Ini boleh membantu golongan belia yang terjejas untuk dilatih sebagai seorang yang bernas dan mempunyai daya kebolehpasaran yang tinggi dan mempunyai kemampuan yang dikehendaki oleh majikan.

Antara modul-modul yang ditawarkan adalah:

TEMPOH PELAKSANAAN	PROGRAM-PROGRAM
Suku tahun pertama	(i) <i>Personal Profile Building dan Job Hunting</i> ; (ii) <i>Self-leadership for personal success</i> ; (iii) <i>Personal Branding and Grooming</i> ; (iv) <i>Communication and interpersonal skills</i> ; (v) <i>Effective Time management</i> ; (vi) <i>Managing Job and Workshop Stress</i> ; (vii) <i>Professional Writing Skills</i> ; dan (viii) <i>Selling Through the Language of the Mind</i> .
Suku tahun kedua	(i) <i>The art of self-coaching</i> ; (ii) <i>Personal financial planning</i> ; (iii) <i>Innovative & resilient mindset</i> ; (iv) <i>Public speaking: essential ingredient in personality development</i> ; (v) <i>Develop amazing social skills</i> ; (vi) <i>Crisis leadership</i> ; dan (vii) <i>Managing transition effectively</i> ; dan (viii) <i>Critical thinking & effective problem-solving</i> .

Modul-modul ini berjaya memanfaatkan 1,701 orang orang belia daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Sebagai daripada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang juga secara berterusan membantu mewujudkan peluang pekerjaan baharu dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Memberi khidmat fasilitasi kepada pelabur-pelabur baharu dalam pelaksanaan projek agar peluang pekerjaan dapat diwujudkan secara berterusan;
- (ii) InvestPenang secara konsisten menggalakkan syarikat multinasional untuk melokalisasikan rantai bekalan (*supply chain*) dan memberi perkhidmatan fasilitasi dalam *business matching* yang mana secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada perniagaan tempatan;
- (iii) Kerjasama berterusan di antara InvestPenang dengan agensi-agensi lain untuk meneruskan usaha mempromosi/menarik pelaburan, sama ada daripada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan industri kecil sederhana tempatan. Ini membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan bagi penempatan pekerjaan oleh pelabur baharu atau pelabur sedia ada yang mengembangkan operasi; dan
- (iv) Usaha juga dipertingkatkan untuk mempelbagaikan pelaburan seperti daripada sektor Perkhidmatan Perniagaan Dunia (GBS) supaya

menambahkan peluang pekerjaan dalam bidang kewangan, IT, seni kreatif, perisian dan sumber manusia yang bernilai tinggi.

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang CAT Centre juga terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia melalui kempen "*My Penang, My Workplace*" yang bertujuan untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan.

Di bawah kempen ini terdapat beberapa siri *webinar* bertajuk *Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang* telah dianjurkan oleh Penang CAT Centre yang disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang bagi memberi perkongsian kepada pencari kerja khususnya golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan yang terdapat di syarikat masing-masing di samping keistimewaan bekerja dengan syarikat-syarikat ini. Sepanjang setengah tahun pertama 2021, sebanyak dua (2) siri *webinar* telah dianjurkan pada bulan Mac dan Mei yang melibatkan lapan (8) buah syarikat manakala tiga (3) siri lagi akan dijalankan pada bulan Ogos dan suku keempat tahun 2021.

Antara usaha-usaha lain adalah melalui peranan Pusat CAT dalam memberi khidmat fasilitasi untuk padanan kerja (*job matching*) dan fasilitasi lain-lain:

- (i) Pusat CAT berfungsi sebagai titik tumpuan majikan dan pencari kerja. Disebabkan oleh pandemik COVID-19, Pusat CAT menjalankan usaha yang berterusan bagi membantu pencari kerja yang terjejas. Pusat CAT akan menghubungi syarikat yang terlibat dengan aktiviti pemberhentian pekerja/*Voluntary Separation Scheme* (VSS) bagi berkongsi jenis-jenis bantuan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat CAT kepada syarikat dan juga pekerja-pekerja yang terkesan;
- (ii) Pusat CAT kerjasama dengan Kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh mereka (latihan, kaunseling, insentif kewangan dan lain-lain);
- (iii) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif (walaupun terhad) untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta *Facebook* Pusat CAT;
- (iv) Kerjasama dengan *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) dalam mempromosikan program JomKerja & JomNiaga melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang, Pusat CAT Centre serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan; dan
- (v) Kerjasama dengan TalentCorp dalam mempromosikan program *Career Comeback* melalui *Facebook* Pusat CAT Centre serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah meluluskan satu cadangan berkenaan dengan Pelaksanaan SKIM Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (SKIM PEKA 3.0) dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan implikasi kewangan berjumlah RM5 juta untuk melaksanakan Skim PEKA PKS. Skim ini adalah bertujuan untuk menyediakan pinjaman modal pusingan secara cepat kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat PKP demi kelangsungan perniagaan selepas tempoh kesukaran ini.

Di bawah Skim PEKA PKS ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk memperuntukan sebanyak 30% peruntukan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana yang berusia 40 tahun dan ke bawah untuk memulih perniagaan mereka selepas pandemik.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan amanah kepada pihak PDC untuk menjalankan urusan yang berkenaan. Maklumat yang lebih lanjut akan diumumkan pada masa yang terdekat.

Berdasarkan usaha-usaha yang telah dinyatakan seperti di atas, peluang pekerjaan secara langsung akan terhasil dan ini membuka peluang yang luas kepada mereka yang kehilangan pekerjaan, khususnya golongan belia tempatan bagi memenuhi kekosongan yang ditawarkan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan jumlah pelaburan yang diterima oleh Pulau Pinang dalam tempoh enam (6) bulan pertama tahun ini.
 - (a) Apakah sektor yang mencatatkan pelaburan yang positif dan berikan jumlah pelaburan yang diterima oleh sektor tersebut?
 - (b) Apakah insentif yang disediakan Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung domestik ke Pulau Pinang?

YAB. Ketua Menteri:

9. (a) Bagi bulan Januari hingga Mac 2021, Pulau Pinang mencatatkan jumlah pelaburan pembuatan sebanyak RM1.083 billion dengan perincian seperti berikut :

Industri pembuatan (Subsektor)	RM	Sumbangan kepada jumlah keseluruhan (%)
Produk Logam Fabrikasi (<i>Fabricated Metal Products</i>)	433.174 Juta	40%
Mesin & Peralatan	226.001 Juta	21%
Elektrik & Elektronik	163.014 Juta	15%
Lain-lain	260.855 Juta	24%
JUMLAH	1.083 bilion	100%

Sumber: MIDA

Prestasi pelaburan untuk bulan April hingga Jun 2021 masih belum diumumkan oleh MIDA.

- (b) Antara insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung domestik ke Pulau Pinang adalah seperti berikut:
 - (i) Memberi diskaun sebanyak 10% kepada pembelian tanah industri milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk sebarang pelaburan bernilai RM1 bilion dan ke atas. Kerajaan negeri, melalui InvestPenang, memberi pelbagai fasilitasi untuk pelabur-pelabur merangkumi perkara-perkara berikut:
 - (a) InvestPenang sebagai pusat sumber dan tempat rujukan bagi pelabur dalam sektor pembuatan dan Perkhidmatan Perniagaan Global (*Global Business Services, GBS*);
 - (b) Memberi maklumat mengenai peluang perniagaan di Pulau Pinang;
 - (c) Membantu pelabur dalam proses *due diligence*; dan
 - (d) Fasilitasi pelaksanaan projek di Pulau Pinang.

Insentif kewangan atau pengecualian cukai hanya diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) atau kementerian / agensi persekutuan lain yang berkaitan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 10. Bagaimanakah pelaksanaan darurat dari 12 Januari sehingga 1 Ogos 2021 telah membantu ataupun menggendalakan pengurusan dan operasi Kerajaan Negeri?
 - (a) Adakah darurat yang dicadang oleh Kerajaan Persekutuan itu telah berjaya membasmi penularan COVID-19 di Pulau Pinang ataupun hanya bertujuan politik semata-mata?

YAB. Ketua Menteri:

- 10. Sehingga 1 Ogos 2021, program pengawalan penularan COVID-19 berjalan seperti biasa, mengikut tatacara kerja yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa di mana tidak memberi apa-apa kesan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri.

Pelaksanaan penguatkuasaan darurat, walaupun ada peningkatan kes, tetapi lebih terkawal berbanding tindakan penguatkuasaan Akta 342 tanpa payungan proklamasi darurat tersebut.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 11. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membendung masalah mental terutamanya tekanan akibat COVID-19?

YAB. Ketua Menteri:

- 11. Masalah kesihatan mental bukan sahaja mengakibatkan gejala gangguan mental atau penyakit mental (kesan biologikal dan psikologikal), tetapi mendatangkan kesan kepada kehidupan sosial dan tahap kefungsi individu berkenaan.

Rangkaian kerjasama pelbagai agensi di dalam pengendalian masalah psikologi telah lama wujud, samada agensi kerajaan, swasta, universiti, korporat, dan badan-badan bukan kerajaan serta lain-lain agensi. Kesihatan mental akibat pandemik COVID-19 memberi kesan kepada semua golongan umur dan kategori, samada petugas barisan hadapan (frontliners), petugas-petugas lain, masyarakat amnya, mereka yang kehilangan ahli keluarga akibat kematian serta golongan pesakit.

Dari segi kesan psikologikal, kemudahan perkhidmatan ini disediakan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia di Pulau Pinang:

- (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
 - (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Kesihatan Awam dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor)
 - (ii) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)*
 - (iii) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat
- (b) Klinik Kesihatan
 - (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai-pegawai Perubatan, anggota paramedik dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor)
 - (ii) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)*
 - (iii) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat
- (c) Hospital
 - (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (*Clinical Psychologist*), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik.
 - (ii) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)*
 - (iii) Aksesibiliti perkhidmatan di hospital:
 - (a) Waktu pejabat:
 - (i) Temujanji
 - (ii) Walk-in
 - (b) Selepas waktu pejabat/cuti:
 - (i) Pegawai bertugas atas panggilan
 - (ii) Hadir untuk rawatan di Jabatan Kecemasan dan Traumatologi
- (d) MENTARI (Pusat Kesihatan Mental Masyarakat, KK Butterworth)
 - (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (*Clinical Psychologist*), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik.
 - (ii) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat
- (e) Talian Kasih iaitu talian *helpline* bebas tol 24 jam yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- (f) Saluran Pendidikan
 - (i) Webinar pendidikan telah diadakan dalam pelbagai saluran media
- (g) Kerjasama dengan badan bukan kerajaan
 - (i) Terutama dari segi pendidikan dan bantuan psikososial
- (h) Kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat
 - (i) Petugas-petugas kesihatan dan juga pegawai Jabatan Kerja Perubatan Sosial di hospital memberi khidmat nasihat dan bantuan sosial sewajarnya kepada pesakit berdaftar yang terkesan akibat pandemik ini.
- (i) Kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
 - (i) Rangkaian kerjasama di antara PERKESO, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam dan Unit Jurupulih Carakerja di kedua-dua hospital berkenaan telah dijalinan sebelum ini untuk program *RESTART (Re-employment support, treatment and rehabilitation teamwork)* dan *MyFutureJobs* dengan objektif untuk membantu pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental untuk bekerja semula.
 - (ii) Proses ini meliputi penilaian, pemeriksaan, rawatan, latihan, pemantauan, pendidikan, di antara pihak hospital, PERKESO dan majikan.
 - (iii) Program ini amat penting kerana kesan pandemik, kesihatan mental, tahap kefungsi individu dan sosio-ekonomi adalah berkaitan.

Sekurang-kurangnya 10 orang membunuh diri dalam sebulan di Pulau Pinang dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini iaitu sepanjang pelaksanaan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19.

Data yang pernah dikongsi Ketua Menteri, Chow Kon Yeow yang memaklumkan, sebanyak 53 kes bunuh diri dan sebanyak 19 kes cubaan bunuh diri dilaporkan berlaku di negeri ini antara Januari hingga Mei tahun ini.

Peranan Ketua Komuniti seperti ketua-ketua kampung, pengerusi jawatankuasa penduduk, kelab rukun tetangga dan PBT penting dalam mendepani cabaran pandemik ini dan usaha-usaha mendekati masyarakat telah dipergiatkan.

Banyak punca yang menyebabkan kesihatan mental terjejas termasuk potensi membunuh diri semasa pandemik ini rentetan kehilangan pekerjaan, sokongan kewangan tidak stabil, tekanan keluarga dan sebagainya. NGO seperti *Befrienders Penang* melaporkan bahawa mereka menerima 6,202 panggilan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini. Begitu juga *D'Home Mental Health Association* yang menerima peningkatan aduan daripada orang ramai yang memerlukan bantuan psikologi dan sebagainya.

Sejajar dengan hasrat menuju kearah merealisasikan Visi Penang 2030 iaitu menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalinan kolaborasi dengan pelbagai NGO seperti *D'Home*, *Befrienders Penang*, Pertubuhan Kebajikan Snehm Malaysia (Pulau Pinang), Kelab Kiwanis Pulau Pinang, The Penang Buddhist Tzu Chi Merits Society (Tzu Chi), JCI Penang dan lain-lain termasuk persatuan-persatuan

dalam kalangan pemain industri di negeri ini seperti Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA), Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta golongan professional untuk membentuk gabungan bagi mengukuhkan dan mempercepatkan penyaluran bantuan kepada rakyat sepanjang tempoh pandemik ini.

Gabungan yang dimaksudkan ini adalah *PgCare Alliance* atau Gabungan *PgCare*. Gabungan ini mempunyai empat teras utama iaitu;

- (i) Kesihatan Mental
- (ii) Pekerjaan
- (iii) Makanan dan Perlindungan
- (iv) Kewangan

Yang mana semua ini saling berkait antara satu sama lain. Misalnya, kebanyakan isu kesihatan mental dan tekanan adalah berpunca daripada isu pekerjaan atau kedudukan kewangan semasa tempoh pandemik ini. Perincian *PgCare* ini dilampirkan dalam **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat.

LAMPIRAN A

ARE YOU OKAY?

HAVE YOU DONE A SELF-TEST?

Take a quick self-test to understand further if you are too stressed out. You may benefit from this test, designed by mental health professionals.

[Take A Quick Self-test*](#)

*You will be re-directing to other website for this self-test.



HOW WE CAN HELP?

WE CAN HELP YOU ON THESE



Mental Health Aid

After the self-test, if you would like someone to talk to or listen to you, we are here to provide you the services. Together we will make a difference for a brighter tomorrow. For there's hope & light at the end of the tunnel!

[Call Helpline](#)



Food Aid

If you are looking for food aid, let us help you here! You can contact the ADUN or Member of Parliament (MP) in your area to get help. We have provided the list of ADUN & MP in Penang below or you can directly contact PgCare Alliance Helpline as well.

[Get Help](#)



Job Aid & Financial Consultation

If you are looking for a job, we will help you to match you with the right employers. If you are looking for financial consultation, please contact us for details.

[Get Help](#)


CLICK THE LOGO TO GET FOOD AID

WE ARE READY TO HELP



CLICK THE LOGO TO GET JOB AID & FINANCIAL CONSULTATION

WE ARE READY TO HELP



 Befrienders Penang Helpline: 04-2910100 Everyday (3pm - 12am) English, BM, Mandarin & Tamil	 Persatuan Minda D'Home Helpline: 04-2910111 Mon - Sat (10am - 2pm) BM, English, 华语 & Hokkien	 Home Dynamics Helpline: 011-10629927 Mon - Sat (10am - 5pm) 华语
 Hope Worldwide Helpline: 014-6323889 Tuesday & Thursday (2pm - 5pm) English & 华语	 Sneham Malaysia Helpline: 1800-22-5757 Everyday (24 hours) BM, English & Tamil	 Than Hsiang Association Helpline: 014-3286429 Mon - Fri (1pm - 6pm, 7pm - 9pm), Sat (1pm - 6pm) English & 华语
 Women's Centre for Change Helpline: 016-4390698 Mon - Fri, 9am to 5pm BM, English, 华语 & Tamil	 Agape Counselling Helpline: 017-4894236 Everyday 8am-6pm English & 华语	 Tzu Chi Helpline: 012-4498128 Mon-Sat, 9am-5pm English & 华语

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

12. Mohon senaraikan projek infrastruktur dan kos pembinaan yang telah dirancang di dalam DUN Seberang Jaya bagi tahun 2019 hingga 2021.

(a) Apakah status pelaksanaan projek tersebut?

YAB. Ketua Menteri:

12. Senarai projek-projek infrastruktur yang telah dirancang berserta kos pembinaan yang melibatkan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya bagi tahun 2019 hingga 2021 mengikut pihak berkuasa masing-masing adalah seperti berikut:

(i) **Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang**

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak JKR adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(ii) **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang**

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak JPS adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

(iii) **Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSTPT)**

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak PDTSTPT adalah seperti di **LAMPIRAN C**. Sebanyak 23 buah projek infrastruktur telah disiapkan dari tahun 2019 hingga 2021 manakala sebanyak 10 buah projek masih dalam proses pembinaan.

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak JKR

2019

NAMA PROJEK	JUMLAH	STATUS
Kerja membaru muka jalan Industri Jelawat	480,200.00	100%
Kerja mengecat garisan jalan Permatang Nibong, Permatang Batu, Permatang Rawa dan sekitar Permatang Pauh	103,452.50	100%
Kerja-kerja memasang road stud sepanjang Jalan Permatang Nibong	42,464.00	100%
Kerja-kerja naiktaraf bahu jalan dengan memasang interlocking di jalan Perda Barat	165,630.00	100%
Kerja-kerja selenggara jalan dengan membaiki road base di Jalan Perda Barat (hadapan Jabatan Perhilitan)	388,303.87	100%
Kerja selenggara longkang di hadapan SMK Permatang Rawa	191,622.65	100%
Kerja pemasangan railing di kawasan Perda dan Jalan Tun Hussien Onn	65,790.00	100%
Kerja selenggara longkang di hadapan Kedai Kopi Permatang Rawa	147,670.75	100%
Kerja membaru muka jalan Tun Hussien Onn dihadapan Hospital Seberang Jaya dan Imigresen Seberang Jaya	466,845.07	100%

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak JKR

2020

NAMA PROJEK	JUMLAH	STATUS
Kerja naiktaraf bahu jalan dengan pemasangan interlocking di hadapan TM Seberang Jaya	19,869.66	100%
Kerja-kerja naiktaraf bahu jalan dengan memasang imprint di jalan Perda Utama	183,194.30	100%
Kerja-kerja penyelenggaraan bahu jalan dengan pemasangan Interlocking di hadapan Masjid Seberang Perai	198,759.95	100%
Kerja penyelenggaraan longkang rosak di Jalan Tun Hussien Onn dan dihadapan A Tu Z Seberang Jaya	177,232.40	100%
Kerja-kerja baru muka sebahagian jalan Tun Hussien Onn dan Jalan Permatang Rawa	486,375.00	100%
Kerja membarumuka jalan Perda utama	492,410.00	100%
Kerja menaiktaraf pejalan kaki dengan pemasangan imprint di hadapan caltex Permatang Rawa	49,620.30	100%

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak JKR

2021

NAMA PROJEK	JUMLAH	KEMAJUAN	STATUS
Kerja penyelenggaraan jalan rosak dan berlubang dengan membarumuka jalan dan garisan jalan serta kerja berkaitan di sebahagian jalan permatang batu	387,483.00	10%	Pembinaan
Kerja menaiktaraf bahu jalan yang rosak dengan membaiki pejalan kaki dan scupper yang rosak serta kerja berkaitan perabot dan bahu jalan rosak di perda utama di hadapan mcd	200,000.00	0%	Perolehan
Kerja penyelenggaraan bahu jalan dengan pemasangan imprint di hadapan IPD Perda	181,050.00	10%	Pembinaan
Kerja penyelenggaraan bahu jalan dan perabot jalan serta kerja berkaitan di perda dan sekitar parlimen permatang pauh dan jalan di sekitar spt, pulau pinang.	200,000.00	0%	Perolehan
Kerja penyelenggaraan perabot jalan yang rosak dengan membaiki railing serta kerja berkaitan di perda dan jalan-jalan di sekitar daerah spt, pulau pinang.	200,000.00	0%	Perolehan

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak JPS

PROJEK INFRASTRUKTUR KAWASAN DUN SEBERANG JAYA

TAHUN : 2019

BIL	PROJEK	KOS	STATUS
PEMBANGUNAN			
1	KERJA-KERJA PEMULIHARAAN SUNGAI PERAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	217,951.00	100%
2	KERJA-KERJA MENDALAM DAN MEMBAIKI SUNGAI BAGAN SERAI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	78,850.00	100%
3	KERJA MENAIKTARAF KUARTERS SEBERANG JAYA DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH.	15,420.00	100%
4	KERJA MENDALAM DAN MEMBAIKI TEBING PARIT BORROWPIT SEBERANG JAYA DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH.	19,940.00	100%
5	KERJA MENDALAM DAN MEMBUANG ENAPAN DI PARIT EKSPLO SEBERANG JAYA DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH.	19,900.00	100%
6	KERJA MEMBERSIH RIZAB SUNGAI DAN MENDALAM MUARA PARIT PT 1 SEBERANG JAYA SERTA KERJA BERKAITAN DI SEBERANG PERAI TENGAH.	19,300.00	100%
7	KERJA MEMBERSIH DAN MEMBUANG ENAPAN YANG TERSEKAT DI SCREEN RUMAH PAM SEBERANG JAYA DAN KERJA BERKAITAN DI SEBERANG PERAI TENGAH.	19,500.00	100%
PENYELENGGARAAN			
1	Kerja-kerja menyelenggara Titi Sungai Pertama berhampiran tempat Rekreasi Tmn Tunku Seberang Jaya serta kerja berkaitan di Daerah Seberang Perai Tengah.	19,968.00	100%
2	Menyelenggara jalan ladang di lembangan Sungai Perai (Kampung Bagan Serai) dan kerja berkaitan di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	160,100.00	100%
3	Menyelenggara jalan ladang di lembangan Sungai Perai dan kerja berkaitan di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	161,500.00	100%
4	Kerja penyelenggaraan parit-parit di kawasan Seberang Jaya di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Pakej 12-Tahunan)	91,373.32	100%

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak JPS

PROJEK INFRASTRUKTUR KAWASAN DUN SEBERANG JAYA

TAHUN : 2020

BIL	PROJEK	KOS	STATUS
PEMBANGUNAN			
3	MENDALAM DAN MEMBAIKI SUNGAI PERTAMA SERTA KERJA BERKAITAN DI SEBERANG PERAI TENGAH PULAU PINANG.	43,840.00	100%
4	KERJA-KERJA MENDALAM DAN MEMBAIKI SUNGAI BAGAN SERAI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	19,250.00	100%
5	KERJA MENAIKTARAF TEBING SUNGAI PERAI (KAMPUNG BAGAN SERAI) DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH.	19,740.00	100%
6	KERJA PEMULIHARAAN SUNGAI PERTAMA DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH.	19,700.00	100%
PENYELENGGARAAN			
1	Kerja penyelenggaraan parit-parit di kawasan Seberang Jaya di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Pakej 12-Tahunan)	100,277.39	100%
TENDER (Peruntukan Persekutuan)			
1	Kerja-kerja menaiktaraf hidromekanikal dan elektrik di rumah pam Seberang Jaya Pulau Pinang	3,969,663.00	87%

PROJEK INFRASTRUKTUR KAWASAN DUN SEBERANG JAYA

TAHUN : 2021

BIL	PROJEK	KOS	STATUS
PEMBANGUNAN			
1	KERJA MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN SUNGAI PERAI DAN KERJA BERKAITAN DI SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	150,000.00	Dalam proses penilaian sebutharga
2	KERJA-KERJA MENDALAM DAN MEMBAIKI SUNGAI PERTAMA DAN KERJA BERKAITAN DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	81,180.00	90%
3	KERJA-KERJA MENAIKTARAF KUARTERS KAWASAN SEBERANG JAYA DI DAERAH	100,000.00	90%
4	KERJA-KERJA MENDALAM DAN MEMBAIKI SUNGAI PERAI DI DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	18,550.00	100%
PENYELENGGARAAN			
1	Menyelenggara jalan ladang di lembangan Sungai Perai dan kerja berkaitan di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	156,600.00	10%
2	Kerja menyelenggara pintu pasang surut parit hospital dan kerja berkaitan di Daerah Seberang Perai Tengah.	19,900.00	10%
3	Kerja penyelenggaraan parit-parit di kawasan Seberang Jaya di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Pakej 12-Tahunan)	102,424.00	66%
TENDER (Peruntukan Persekutuan)			
1	Pembinaan Rumah Pam Siakap 1 Dan Rumah Pam Siakap 2 Di Seberang Jaya, Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang	10,000,000.00	Dijangka akan ditender pada bulan September

LAMPIRAN C1				
Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak PDTST				
Sebanyak 23 Projek Infrastruktur yang telah disiapkan dari tahun 2019-2021 manakala sebanyak 10 projek masih dalam pembinaan seperti berikut:-				
BIL	PROJEK	KOS	STATUS	TAHUN
1	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Serta Menurap Semula Jalan Kampung Pertama, Sbrg Jaya termasuk lain-lain jalan kampung di SPT	20,000.00	Selesai	2019
2	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Serta Menurap Semula Jalan Kampung Belah Dua, Sbrg Jaya termasuk lain-lain jalan kampung di SPT	18,356.63	Selesai	2019
3	Kerja-kerja Naiktaraf Longkang Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Lot 1607, Mukim 6, Jalan Baru, Sbrg Jaya, SPT	30,783.30	Selesai	2019
4	Membina longkang baru di Kg Permatang Nibong (Lot 10157), Seberang Jaya	19,000.00	Selesai	2019
5	Kerja-kerja Naiktaraf Jalan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Lot 39, Kg Padang Lalang, Mukim 7, Sbrg Jaya, SPT	14,200.00	Selesai	2019
6	Bina baru Jalan di Kampung Permatang Nibong	24,964.65	Selesai	2019
7	Kerja-kerja Memasang Partition Di Pasar Awam Seberang Jaya	5,585.60	Selesai	2020
8	Kerja-kerja Memadatkan Crusher Run Di Bahu Jalan Penghubung Padang Lalang Dan Permatang Rawa (Tepi Real Keretapi) KADUN Seberang Jaya	10,794.40	Selesai	2020
9	Kerja-kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Tempat Parking Lantai Konkrit Di Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya 2	20,000.00	Selesai	2020
10	Kerja-kerja Menurap Jalan Kampung Belah Dua, Seberang Jaya	6,280.00	Selesai	2020
11	Kerja-kerja Menurap Jalan-jalan Di Kampung Masjid Timah	9,360.00	Selesai	2020

12	Kerja-kerja Menaiktaraf parking Dengan Menurap Semula Jalan Di Dalam Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya	20,000.00	Selesai	2020
13	Kerja-kerja Menurap Jalan Di Kawasan Kampung Setoi Dan Naik Taraf Futsal Taman Siakap (Tandas & Pagar)	14,360.00	Selesai	2020
14	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Batu, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	99,989.00	Selesai	2020
15	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Batu, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	94,172.89	Selesai	2020
16	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Besar, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	99,995.75	Selesai	2020
17	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Nibong, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	90,909.64	Selesai	2020
18	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Timah, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	49,986.25	Selesai	2020
19	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Simpang Ampat, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	49,987.50	Selesai	2020
20	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Belah Dua, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	49,618.75	Selesai	2020
21	Membaiki Dan Menggantikan Longkang Yang Rosak Dan Tersumbat di Jalan Bunga Teratai, Kg Surau, Sbrg Jaya, P.Pinang	19,993.00	Selesai	2020
22	Kerja-kerja Pembaikan Tebing & Menaiktaraf Jalan di Jalan Tok Nasir (Kampung Besar) Seberang Jaya, Permatang Pauh, SPT	25,000.00	Dalam pembinaan	2021
23	Kerja-kerja Mencuci Longkang Tanah dan kerja berkaitan di Kampung Besar, Seberang Jaya, Permatang Pauh, SPT	4,970.00	Dalam pembinaan	2021

24	Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang Konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Cina Jalan Tun Hussein Onn, Seberang Jaya, SPT	49,185.00	Dalam pembinaan	2021
25	Kerja-kerja Menaiktaraf Tanah ke Longkang Konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di sebelah Surau Kg Pmtg Rawa, Sbrg Jaya, Pmtg Pauh, SPT	20,650.00	Dalam pembinaan	2021
26	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Pertama, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	2021
27	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Besar, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	2021
28	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Pematang Nibong, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	2021
29	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Belah Dua, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	2021
30	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Pematang Batu/Simpang Empat, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	2021
31	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Pematang Rawa, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Selesai	2021
32	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Kampung Jalan Baru/Kampung Setol, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Selesai	2021
33	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Timah, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	2021
JUMLAH		499,805.00		

Senarai projek-projek infrastruktur yang dilaksanakan oleh pihak PDTST				
Tahun 2019				
BIL	PROJEK	KOS	STATUS	CATATAN
1	Kerja-kerja Baikpulih Kabin MPKK Kampung Pertama Bagi DUN Seberang Jaya (Outright Grant)	4,000.00	Selesai	
2	Kerja-kerja Menaiktaraf Kuil Arulmigu Karumariamman Jalan Todak Bagi KADUN Seberang Jaya (Outright Grant)	10,000.00	Selesai	
3	Kerja-kerja Melukis Mural Di Taman Tuna Skate Bagi KADUN Seberang Jaya	3,500.00	Selesai	
3	Kerja-kerja Baikpulih Taman Permainan Di Taman Haji Mohd Amin Bagi KADUN Seberang Jaya	7,495.00	Selesai	
4	Kerja-kerja Membekal dan Memasang Taman Permainan Kanak-Kanak Di Taman Baru Bagi DUN Seberang Jaya	19,900.00	Selesai	
5	Kerja-kerja Memasang Lampu Dan Meter Di Gelanggang Futsal Sembilang Bagi DUN Seberang Jaya	17,000.00	Selesai	
6	Kerja-kerja Penambahan Ruang Belakang Kelas Untuk Dijadikan Dapur Dan Larian Ke Tandas Di Sekolah Kebangsaan Bandar Perda Bagi DUN Seberang Jaya	9,900.00	Selesai	
7	Kerja-kerja Membekal Dan Memasang Gazebo Jenis Tensile Membrane Cabana Di Taman Tunku Untuk KADUN Seberang Jaya	14,400.00	Selesai	
8	Kerja-kerja Pembaikan Dan Naiktaraf Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Bengkel Sembilang Bandar Sbrg Jaya SPT	20,000.00	Selesai	
9	Kerja-kerja Pembaikan dan Naiktaraf Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Bengkel Kereta Seberang Jaya SPT	20,000.00	Selesai	
10	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Serta menurap Semula Jalan Kampung Pertama, Sbrg Jaya termasuk lain-lain jalan kampung di SPT	20,000.00	Selesai	

Tahun 2020				
BIL	PROJEK	KOS	STATUS	CATATAN
1	Kerja-kerja Membina Lantai Untuk Gazebo Seberang Jaya	2,700.00	Selesai	
2	Kerja-kerja Membaiki Kotak Elektrik Dan Kabel Yang Terbakar Di Blok B3 KADUN Seberang Jaya	6,000.00	Selesai	
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pusat Aktiviti KRT Taman Haji Mohd Amin	13,620.00	Selesai	
4	Kerja-kerja Memasang Partition Di Pasar Awam Seberang Jaya	5,585.60	Selesai	
5	Kerja-kerja Memadatkan Crusher Run Di Bahu Jalan Penghubung Padang Lalang Dan Permatang Rawa (Tepi Real Keretapi) KADUN Seberang Jaya	10,794.40	Selesai	
6	Kerja-kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Tempat Parking Lantai Konkrit Di Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya 2	20,000.00	Selesai	
7	Kerja-kerja Menurap Jalan Kampung Belah Dua, Seberang Jaya	6,280.00	Selesai	
8	Kerja-kerja Menurap Jalan-jalan Di Kampung Masjid Timah	9,360.00	Selesai	
9	Kerja-kerja Menaiktaraf parking Dengan Menurap Semula Jalan Di Dalam Sekolah Kebangsaan Seberang Jaya	20,000.00	Selesai	
10	Kerja-kerja Menaiktaraf Gelanggang Futsal Taman Pauh Jaya	20,000.00	Selesai	
11	Kerja-kerja Menurap Jalan Di Kawasan Kampung Setol Dan Naik Taraf Futsal Taman Siakap (Tandas & Pagar)	14,360.00	Selesai	
12	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Batu, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	99,989.00	Selesai	
13	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Batu, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	94,172.89	Selesai	

11	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Serta Menurap Semula Jalan Kampung Belah Dua, Sbrg Jaya termasuk lain-lain jalan kampung di SPT	18,356.63	Selesai	
12	Kerja-kerja Pembaikan Dan Naiktaraf Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Dewan JKKK Kg Pertama, Sbrg Jaya, SPT	93,050.79	Selesai	
13	Dewan Orang Ramai Kg Permatang Nibong, Seberang Jaya	118,428.97	Selesai	
14	Dewan Orang Ramai Taman Tuna, Seberang Jaya	24,139.30	Selesai	
15	Dewan Taman Sembilang Bandar Seberang Jaya	164,470.39	Selesai	
16	Dewan Orang Ramai Jalan Tenggiri, Seberang Jaya	161,796.03	Selesai	
17	Dewan MPKK Jalan Bunga Raya, Seberang Jaya	161,796.03	Selesai	
18	Kerja-kerja Naiktaraf Longkang Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Lot 1607, Mukim 6, Jalan Baru, Sbrg Jaya, SPT	30,783.30	Selesai	
19	Membina longkang baru di Kg Permatang Nibong (Lot 10157), Seberang Jaya	19,000.00	Selesai	
20	Kerja-kerja Naiktaraf Jalan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Lot 39, Kg Padang Lalang, Mukim 7, Sbrg Jaya, SPT	14,200.00	Selesai	
21	Bina baru Jalan di Kampung Permatang Nibong	24,964.65	Selesai	
	JUMLAH	977,181.09		

14	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Besar, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	99,995.75	Selesai	
15	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Nibong, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	90,909.64	Selesai	
			Selesai	
16	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Timah, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	49,986.25	Selesai	
17	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Simpang Empat, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	49,987.50	Selesai	
18	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak & Berlubang serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Belah Dua, Seberang Jaya termasuk lain-lain jalan di SPT	49,618.75	Selesai	
19	Membaki Dan Menggantikan Longkang Yang Rosak Dan Tersumbat di Jalan Bunga Teratai, Kg Surau, Sbrg Jaya, P.Pinang	19,993.00	Selesai	
20	Kerja-kerja Membaki dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak Takraw Lebu Tuna Seberang Jaya Termasuk Lain-lain Kerja Berkaitan	22,677.00	Selesai	
	JUMLAH	706,029.78		

Tahun 2021				
BIL	PROJEK	KOS	STATUS	CATATAN
1	Kerja-kerja Pembaikan Kecil dan Selenggara Dewan Taman Siakap Seberang Jaya, SPT	5,500.00	Dalam pembinaan	
2	Kerja-kerja Pembaikan Tebing & Menaiktaraf Jalan di Jalan Tok Nasir (Kampung Besar) Seberang Jaya, Permatang Pau, SPT	25,000.00	Dalam pembinaan	
3	Kerja-kerja Memasang Awning dan Lantai Simen di Pusat Aktiviti KRT Blok L, Jalan Tenggori, Seberang Jaya, Pmtg Pau, SPT	16,642.00	Dalam pembinaan	
4	Kerja-kerja Mencuci Longkang Tanah dan kerja berkaitan di Kampung Besar, Seberang Jaya, Permatang Pau, SPT	4,970.00	Dalam pembinaan	
5	Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang Konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di Kampung Cina Jalan Tun Hussein Onn, Seberang Jaya, SPT	49,185.00	Dalam pembinaan	
6	Kerja-kerja Menaiktaraf Tanah ke Longkang Konkrit dan lain-lain kerja berkaitan di sebelah Surau Kg Pmtg Rawa, Sbrg Jaya, Pmtg Pau, SPT	20,650.00	Dalam pembinaan	
7	Kerja-kerja Mengecat Bangunan dan lain-lain kerja berkaitan di Surau Permatang Rawa Hujung, Permatang Rawa, Seberang Jaya, Permatang Pau, SPT	19,953.00	Dalam pembinaan	
8	Kerja-kerja Membaki dan Menaiktaraf Bumbung Awning Termasuk Mengecat Dewan Orang Ramai Lebu Tuna, Sbrg Jaya, Pmtg Pau	19,106.05	Selesai	
9	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Pertama, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	
10	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Besar, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	

11	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Nibong, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	
12	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Belah Dua, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	
13	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Batu/Simpang Empat, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	
14	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Permatang Rawa, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Selesai	
15	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Kampung Jalan Baru/Kampung Setol, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Selesai	
16	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Rosak Dan Berlubang Serta Menurap Semula Jalan Kampung Masjid Timah, Seberang Jaya Termasuk Lain-Lain Jalan Di Daerah SPT	50,000.00	Dalam pembinaan	
17	Menaiktaraf Dewan Orang Ramai Lebu Tuna Seberang Jaya, Pulau Pinang	70,584.17	Selesai	
18	Kerja-kerja Membaiki Dan Menaiktaraf Dewan Orang Ramai Sri Tenggir, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	93,879.36	Dalam pembinaan	
19	Membaiki Dan Menaiktaraf Gelanggang Sepak Takraw (Bersebelahan Gelanggang Bola Keranjang) Termasuk Gelanggang Bola Jaring Di Taman Awam Lebu Tuna, Seberang Jaya	107,000.00	Dalam pembinaan	
JUMLAH		832,469.58		

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

13. Skim Pemilikan Rumah (HOC).

- (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri terhadap sektor pembangunan perumahan ketika pandemik COVID-19?
- (b) Senaraikan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pemilikan perumahan di kalangan rakyat Pulau Pinang ketika pandemik COVID-19 ini.

YAB. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri memantau rapi segala aspek sosial dan ekonomi kesan daripada wabak COVID-19 sejak 2020 lagi. Pelbagai inisiatif fiskal langsung dan berbentuk insentif diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi merangsang aktiviti ekonomi hampir kesemua sektor termasuk sektor pembinaan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan projek pembinaan terpaksa dihentikan dan seterusnya merencatkan momentum dalam sektor pembinaan, selain kesan kenaikan mendadak kos bahan mentah telah memberikan kesan terhadap rantai bekalan industri pembinaan. Permasalahan ini telah mendorong Kerajaan Negeri sebagai pemudahcara dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dalam Dasar Rangsangan Sektor Hartanah dan Dasar Pemilikan Kediaman / *Home Ownership Campaign* (HOC) yang diperkenalkan pada tahun 2020 dan telah dilanjutkan ke versi 2.0 sehingga 30 Jun 2022. Sehingga wabak ini dapat dikawal sepenuhnya atau sekurang-kurangnya *herd immunity* dicapai, industri perlu merancang kesediaan persekitaran kediaman rumah mampu milik yang lebih selesa, ruang yang lebih besar dengan fasiliti dan kemudahan setempat yang dapat mengupayakan komuniti sekiranya keperluan perintah kawalan pergerakan diaktifkan lagi.

- (a) Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan menyaksikan dua aspek utama isi rumah (*household*) perlu diberi perhatian iaitu kesan ekonomi dan keperluan kediaman yang selesa. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan penurunan paras maksima harga Rumah Mampu Milik (RMM) sebanyak 10 peratus di Pulau dan Seberang Perai menjadikan harga Rumah Mampu Milik bagi unit berkeluasan 850 kaki persegi maksima RM270,000.00 di Pulau dan RM225,000.00 seunit di Seberang Perai. Sekiranya pemaju ingin mengekalkan harga lama iaitu RM300,000.00 di Pulau dan RM250,000.00 di Seberang Perai, saiz hendaklah ditingkatkan menjadi minima 900 kaki persegi. Selain daripada itu, pelbagai kemudahan dan fasiliti kegunaan bersama seperti tempat riadah, dewan serbaguna, ruang bacaan juga perlu disediakan. Ringkasan kepada pengurangan harga tersebut adalah seperti berikut:

Jenis Hartanah	Had Siling/ Keluasan Semasa	Had Siling/ Keluasan Baharu
Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	C3 RM300,000.00 (850 kps)	C3 RM300,000.00 (900 kps)
	C2 RM200,000.00 (800 kps)	C2 RM180,000.00 (800 kps)
	C1 RM150,000.00 (750 kps) tanpa kemasan	C1 RM135,000.00 (750 kps) tanpa kemasan
	C3 RM250,000.00	C3 RM250,000.00

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MSBP)	(900 kps)	(950 kps) C3 RM225,000.00 (900 kps)
	C2 RM200,000.00 (850 kps)	C2 RM180,000.00 (850 kps)
	C1 RM150,000.00 (750 kps)	C1 RM150,000.00 (800 kps) C1 RM135,000.00 (750 kps)

Kerajaan Negeri perlu merancang sektor pembinaan hartanah khususnya kediaman sebagai penggerak kepada ekonomi Pulau Pinang dimana tidak kurang 140 sektor akan mendapat manfaat darinya. Strategi pertama adalah mengurangkan jumlah unit kediaman siap tidak terjual (*overhang*) yang berjumlah 3,035 unit dengan nilai RM1.07 billion berdasarkan laporan Suku Keempat Tahun 2020 (H4 2020) yang dikemaskini oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negara (NAPIC) melalui Unsold Property Enquiry System Malaysia (UPESM) NAPIC.

Strategi kedua adalah mengurangkan kos pembangunan di mana Kerajaan Negeri memberi pelbagai insentif dan diskaun seperti premium tukar guna tanah, kadar sumbangan dan caj pembangunan. Manakala strategi ketiga adalah meningkatkan penyertaan pemaju dalam membina Rumah Mampu Milik melalui pemberian nisbah plot lebih tinggi iaitu kepada 4:1 kepada RMM B dan C.

Kerajaan Negeri telah merangka strategi bagi memudahkan pemilikan melalui sasaran penyediaan 22,000 unit Rumah Mampu Milik secara sewa beli (*rent to own*) dalam Penang2030 berbanding sasaran asal 1,000 unit. Sasaran ini sememangnya besar tapi perlu mengambilkira kadar penolakan dan tren terkini dimana ramai rakyat Pulau Pinang terjejas pendapatan kesan pandemik COVID-19. Sehingga kini, sejumlah 2,501 unit sewa beli telah dikenalpasti dan ditawarkan secara berkala dimana sebahagian besar telah ditawarkan. Penyenaraian unit sewa beli di negeri Pulau Pinang adalah sepertimana diperincikan di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat. Kerajaan Negeri akan terus melihat kepada lain-lain skim yang sesuai untuk dilaksanakan kaedah sewa beli bagi membantu isu kesukaran pembiayaan unit RMM A dan B termasuk dalam perancangan seperti Mak Mandin dan Murai Jaya. Perbincangan bersama pemaju RMM C untuk turut memasukkan RMM C di bawah kaedah sewa beli juga sedang berjalan.

LAMPIRAN A

**SENARAI SKIM PERUMAHAN YANG DITAWARKAN SECARA SEWA BELI
OLEH KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Bil.	Skim Perumahan	Jenis RMM	Jenis Kediaman	Status	Jumlah Unit
1.	Taman Prestij Idaman, Barat Daya	A	Strata	Siap	612
2.	B Park, Barat Daya	A	Strata	Perancangan	500
		B			
3.	PPR Tok Suboh, Seberang Perai Tengah	B	Teres	Siap	231
4.	PPR Mak Mandin, Seberang Perai Tengah	B	Strata	Siap	70
5.	Taman Seri Desa, Seberang Perai Utara	A	Teres	Siap	64
6.	Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan	A	Strata	Siap	51
7.	Taman Sungai Duri Emas, Seberang Perai Selatan	A	<i>Townhouse</i>	Siap	104
8.	Rumah Pangsa Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah	A	Strata	Siap	456
9.	Rumah Pangsa Mak Mandin, Seberang Perai Utara	A	Strata	Siap	138
10.	Byram, Daerah Seberang Perai Selatan	A	Teres	Pembinaan	68
11.	Taman Sejahtera, Seberang Perai Selatan	B	Teres	Siap	41
12.	Taman Desa Tok Suboh, Seberang Perai Tengah	B	Teres	Siap	39
13.	Taman Desa Ara Permai, Seberang Perai Tengah	A	Teres	Siap	100
		B			
14.	Murai Jaya	A	Teres	Pembinaan	36
					2,510

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

14. Satu DUN satu Gelanggang.

- (a) Berapakah gelanggang sukan telah dibina dan dinaik taraf sejak 2018 mengikut DUN dan daerah?
- (b) Sebagai perancangan jangka panjang, adakah peruntukan disediakan untuk penyelenggaraan gelanggang-gelanggang sukan tersebut?

YAB. Ketua Menteri:

14. Bilangan gelanggang sukan yang telah dibina dan dinaik taraf sejak 2018 sehingga kini mengikut DUN dan daerah adalah sebanyak 94 buah. Perinciannya adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (a) Berikut merupakan ulasan berkenaan perancangan jangka panjang bagi peruntukan untuk penyelenggaraan gelanggang-gelanggang sukan tersebut mengikut daerah iaitu:

Daerah	Ulasan
Barat Daya	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) akan memohon peruntukan dengan Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) di bawah peruntukan P.01 Butiran 59 (Pembangunan Sukan) bagi sebarang rancangan penyelenggaraan gelanggang sukan awam.
Timur Laut	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) akan memohon peruntukan daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) di bawah Peruntukan P.01 Butiran 59 (Pembangunan Sukan) sebagai perancangan jangka masa panjang sekiranya terdapat permohonan atau keperluan untuk menyelenggara gelanggang-gelanggang tersebut. Sebagai tambahan, PDTDTL juga pernah diluluskan peruntukan P.16 (02) YB. ADUN untuk penyelenggaraan/pembaikan gelanggang sukan sekiranya terdapat pembaikan-pembaikan kecil yang perlu dilakukan.
Seberang Perai Selatan	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) akan memohon kos penyelenggaraan gelanggang-gelanggang sukan melalui pelbagai sumber peruntukan seperti peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan peruntukan secara <i>one-off</i> yang dimohon atau disumbangkan oleh YB Ahli Parlimen/ADUN Kawasan dan juga Kementerian Kewangan.
Seberang Perai Tengah	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) akan memohon peruntukan di bawah Peruntukan P.01 Butiran 59 (Pembangunan Sukan) dan peruntukan ADUN Kawasan di bawah peruntukan P16 (02).
Seberang Perai Utara	Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara (PDTSPU) akan memohon peruntukan untuk kerja-kerja menaik taraf kemudahan melalui permohonan kepada Pengerusi Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan melalui pihak Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) sekiranya menerima permohonan oleh pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) atau mana-mana agensi.

dan Program Strategi Memperluas Akses dan Inovasi PTSP WAM pada tahun 2021

NO	NAMA PEJABAT	SENDA LAYAN / KEMERDEHAAN	KADIN	TAHUN
1.	1. Iainie		BAYU MAJUNG	2018
2.	2. Iainie			2019
3.	3. Iainie			2020
4.	4. Gela ng gung Putul Nuklilililil	Putul		2021
5.	5. Iainie		PU LAU BOTO NO	2018
6.	6. Iainie			2019
7.	7. Gela ng gung Putul Ra ngung Taring	Putul		2020
8.	8. Gela ng gung Putul Ra ngung Gering	Putul		2021
9.	9. Gela ng gung Tab is u'k ngung Gering	Tab is is	BAYU LIPA	2020
10.	10. Gela ng gung Sepal To braw Tama in Cina Gering	Tab is is		2021
11.	11. Gela ng gung Sepal To braw Ra ngung Taring	Tab is is		2021
12.	12. Iainie			2018
13.	13. Iainie		PANYA BERAR	2019
14.	14. Iainie			2020
15.	15. Iainie			2021
16.	16. Iainie			2018
17.	17. Iainie			2019

88	
----	--

NO.	NAMA PROJEK	JENIS LUBANG / KEMUDAHAN	KAKIIN	TAHAP
1.	BE WA- BE WA NIB NAB SARAP GELAN GUSANG BE PAK SARAPAN CE PLAT PPR JALAN BUJANG	GE LANGGANGS U LUBANG	BUNGAH PE NANG	CEI B
2.	BE WA- BE WA NIB NABIN BE GELANGGANG PUTI AL CE CE MAU LUK BATU PERINGGOS DAN KURUS BE WA BERKAKSI	GE LANGGANGS U LUBANG	TANONG BUNGA	CEI B
3.	BE WA- BE WA NIB NAB SARAP GELAN GUSANG SARAPAN LUTTER BE GELAN JARAN BE LUBA Y	GE LANGGANGS U LUBANG	PAGANG KITA	CEI B
4.	BE WA- BE WA NIB NAB SARAP GELAN GUSANG BE PAK SARAPAN CE RAMPUNG PERANG 2 SEBAYAT TUMBU PLALU PE NANG BE BE GELAN KURUS BE WA BERKAKSI	GE LANGGANGS U LUBANG	AM ITAM	CEI B
5.	BE WA- BE WA NIB NAB SARAP LAMT AL GELANGGANG HOKI BE GELAN BERKAKSI BATU PERINGGOS DAN KURUS KURUS BERKAKSI	GE LANGGANGS U LUBANG	TANONG BUNGA	CEI B
6.	BE WA- BE WA NIB NAB SARAP GELAN GUSANG BE LA RAMPANGS CE TAYAN KURUS BE RAMPAL BE LA KAKSI BE BE GELAN DAN KURUS KURUS BE PLAT AN	GE LANGGANGS U LUBANG	SEPI CE LIMA	CEI B
7.	BE WA- BE WA NIB NAB SARAP GELAN GUSANG PUTI AL BERKAKSI LAMT BE CE ALAL CE TAYAN TUN SARAPAN DAN BE WA- BE WA BERKAKSI	GE LANGGANGS U LUBANG		

--	--

NO.	LOKASI PROJEK	INDUKSI URUSAN / KEMUDAHAN	KAZUUS	WAKTU
1.	Gedung pengantar Petak asparagus di Jero	Gedung pengantar Petak	Bukit Tengah	2018
2.	Gedung pengantar Petak Nelayan Pematang	Gedung pengantar Petak	Sekeloa	2018
3.	Gedung pengantar Petak Pagar Tugu Pengkalan Sembawang	Gedung pengantar Petak Pagar Tugu	Pematang Pagar	2018
4.	Gedung pengantar Petak Pematang Jero	Gedung pengantar Petak		2018
5.	Gedung pengantar Petak Tahanan Lelaki Tahanan Sekeloa	Gedung pengantar Petak Tahanan	Sekeloa	2018
6.	Dewan Perwakilan, Gedung pengantar Petak dan Gedung pengantar Petak Tahanan di Gura (Pematang, Pematang)	Dewan Perwakilan, Gedung pengantar Petak dan Gedung pengantar Petak	Pematang	2018
7.	Gedung pengantar Petak Tahanan Pematang Jaya	Gedung pengantar Petak	Sekeloa	2018
8.	Gedung pengantar Petak Tahanan Pengkalan Pagar Tugu	Gedung pengantar Petak Tahanan	Pematang	2018
9.	Gedung pengantar Petak Tahanan Pematang Jaya	Gedung pengantar Petak Tahanan	Makassar	2018
10.	Gedung pengantar Petak Tahanan Pengkalan Pagar Tugu Pengkalan Sembawang	Gedung pengantar Petak Tahanan Pengkalan Sembawang	Sekeloa	2018
11.	Gedung pengantar Petak Tahanan Pematang Pagar Tugu Pematang Pagar	Gedung pengantar Petak Pematang Pagar	Pematang Pagar	2018

PELABAT DARIJAH DAN TARIK SE SE RANG PERUM UTARA

[illegible]

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

15. Berapakah kos keseluruhan vaksinasi di Pulau Pinang?

- (a) Senaraikan belanjawan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang terlibat dalam program vaksinasi negeri ini.
- (b) Mengapakah Kerajaan Negeri boleh tertipu dengan scammer sebanyak 2 juta dos vaksin?

YAB. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Persekutuan melalui MOSTI telah meluluskan siling peruntukan sebanyak RM25.1 juta kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menampung perbelanjaan pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Peruntukan dimaklumkan akan disalurkan secara berfasa. Dengan itu, daripada RM25.1 juta itu, RM7.71 juta telah disalurkan pada 16 April 2021 bagi fasa 1 dan dijangka akan menerima tambahan peruntukan sebanyak RM7.8 juta untuk fasa kedua dalam tempoh terdekat ini. Pihak MOSTI juga memaklumkan sekiranya siling yang ditetapkan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan PPV, maka peruntukan tambahan akan dipertimbangkan jua. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah meluluskan RM2 juta untuk menampung kos-kos pengoperasian PPV yang tidak dapat ditampung di bawah perbelanjaan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

- (a) Sehingga 30 Julai 2021 yang lalu, jumlah perbelanjaan mengikut butiran disertakan dalam **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri/ Persekutuan terlibat dalam program vaksinasi negeri ini. Antaranya, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kesihatan Negeri, Majlis Keselamatan Negeri Pulau Pinang, MITI, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Belia Sukan, BOMBA, PDRM, Angkatan Pertahanan Malaysia, RELA, LPPKN dan lain-lain agensi. Di samping itu, PBA, SPICE Arena, SPICE Convention Centre, pihak hotel dan lain-lain entiti telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Program Vaksinasi di negeri ini.

Kerajaan Negeri menerima tawaran sumbangan vaksin dan Kerajaan Negeri telah menulis kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk pandangan dan khidmat nasihat. Pihak KKM telah membalas surat dengan memaklumkan Kerajaan Negeri tidak perlu menimbangkan sumbangan tersebut kerana Kerajaan Persekutuan telahpun merangka dan melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) secara keseluruhannya.

						LAMPIRAN A
LAPORAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN PICK NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA 30 JULAI 2021						
BIL	BUTIRAN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM) (a)	PERUNTUKAN DITANGGUNG (RM) (b)	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM) (c)	BAKI BELUM BELANJA (RM) (d) = (a)-(c)	% PERBELANJAAN (RM) (e) = (c)/(a) x 100
1	SEWAAN DAN UTILITI	3,202,680.00	3,179,176.61	1,037,008.70	2,165,671.30	32.38
2	PERKAKASAN DAN PERALATAN PAKAI HABIS	856,667.00	1,861,870.56	109,626.75	747,040.25	12.80
3	PEMBERSIHAN DAN SANITASI	1,713,333.00	193,373.66	62,665.94	1,650,667.06	3.66
4	MAKAN DAN MINUM PETUGAS	1,937,320.00	475,924.00	285,868.61	-	14.76
	JUMLAH	7,710,000.00	5,710,344.83	1,495,170.00	6,214,830.00	
	ID711/05					

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

16. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

- (a) Apakah perkembangan terkini LPNPP yang berjaya ditubuhkan pada tahun ini?
- (b) Apakah projek-projek yang akan dilaksanakan oleh LPNPP?
- (c) Apakah tindakan proaktif yang akan diambil oleh kerajaan tentang rumah Kos Rendah terbengkalai di dalam negeri?

YAB. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa meletakkan agenda merumahkan setiap rakyat Pulau Pinang mengikut kemampuan kewangan terutamanya golongan B40 dan M40. Ini diterjemahkan melalui penetapan sasaran pembinaan sebanyak 220,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) menjelang 2030 bagi memenuhi hasrat 1 Keluarga 1 Kediaman. Pencapaian semasa dilaporkan sebanyak 119,116 unit (54.17%) daripada sasaran tersebut berada di dalam rekod Kerajaan Negeri dengan perincian mengikut Jenis RMM dan status pembinaan seperti berikut:

Jenis RMM/Status	Siap Dibina	Pelbagai Peringkat Pembinaan	Perancangan
	38,190	19,640	61,286
RMM A	15,494	3,155	7,967
RMM B	13,709	3,116	13,334
RMM C	8,987	13,369	39,985

Fungsi pembinaan, penyelenggaraan dan kawalselia pematuhan dasar berkaitan perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Bahagian Perumahan sebelum ini kini dipusatkan dan dibawa ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang mulai 1 Januari 2021.

- (a) Cabaran utama Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) adalah perluasan fungsi utama dalam membekalkan Rumah Mampu Milik di negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, sebanyak 10 lokasi/tapak yang berpotensi untuk dibangunkan RMM telah dikenalpasti untuk diletakkan di bawah LPNPP sepertimana diperincikan di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat. Projek pertama RMM bagi tahun 2021 adalah Projek RMM Bukit Gedung di Tanah Kerajaan bersebelahan Lot 8471, Jalan Mayang Pasir, Mukim 12, Bukit Gedung di daerah Barat Daya. LPNPP buat masa ini sedang dalam proses penyediaan dokumentasi bagi membuka tender secara *Request For Proposal* dan dijangka diiklankan pada bulan Oktober 2021.

Selain daripada itu, LPNPP juga menerajui inisiatif Pembaharuan Semula Bandar (*Urban Regeneration City-URC*) dimana lima (5) projek perintis melibatkan skim-skim perumahan yang telah dimamah usia dan usang (*dilapidated and deteriorated*) akan dibangunkan semula. Projek pertama URC bagi tahun 2021 adalah Projek URC Mahsuri 5 Points Blocks di Lot 2319 – 2325, Mukim 12, Bayan Baru di daerah Barat Daya. LPNPP buat masa ini

sedang dalam tindakan pelantikan konsultan dan dijangka diiklankan pada bulan Februari 2022.

- (b) Sejumlah 14 projek pembangunan telah diletakkan dalam Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) 2021 hingga 2025. Daripada jumlah berkenaan, sembilan (9) projek melibatkan pembangunan RMM dan baki lima (5) projek melibatkan pembangunan URC dalam rangka kerja pelan lima tahun sepertimana diperincikan di **LAMPIRAN B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat. Dalam masa yang sama, LPNPP juga akan mengkaji tapak yang sesuai bagi menambah prospek pembangunan projek RMM untuk dibangunkan.

Cabaran terkini dalam sektor pembinaan impak pandemik COVID-19 adalah peningkatan harga bahan binaan dan pengurangan kuasa membeli (*buying power*) kepada pembeli. Kesannya secara langsung akan memberikan lebih penekanan dan tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri melalui LPNPP dalam membekalkan lebih banyak unit RMM.

- (c) Pemantauan dan pengelasan projek perumahan swasta terbengkalai adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri turut memainkan peranan sebagai perantara dan pemudahcara kepada pemulihan projek tersebut bagi memelihara kepentingan rakyat negeri Pulau Pinang mengambilkira pembeli bagi kategori Mampu Milik A dan B merupakan pemohon yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri dan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa membantu dalam menghidupkan projek terbengkalai. Pada masa ini, tiada projek terbengkalai dilaporkan di negeri Pulau Pinang sepertimana disahkan oleh KPKT.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan proaktif dalam memastikan hak pembeli projek yang terbengkalai dipelihara, namun KPKT sebagai pihak utama yang mengawal pemaju perlu memastikan tindakan awalan mengelakkan projek terbengkalai diambil.

LAMPIRAN A

PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN KEPADA LEMBAGA BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

Bil.	RMM	Lot Tanah	Luas	Komponen	Catatan
1.	Kota Giam, Jelutong	Kerajaan	5.6 ekar	RMM B 768	Pendudukan setinggan
2.	Jelutong	Kerajaan (CMI)/ Persendirian (Nova)		RMM B 330 RMM C 431	
		PT 113 , Seksyen 4, Bandar Jelutong			
3.	Perai	Kerajaan	24.7 ekar	RMM C 1000	
		Bersebelahan Lot 949, Bandar Perai, SPT		RMM B 300	
4.	Ampang Jajar	Kerajaan		RMM B 600	
				RMM C 600	
5.	Juru	Kerajaan	20 ekar	RMM B 800	
		Lot 1014, Mukim 12		RMM C 800	
6.	Bukit Mertajam	Kerajaan	11.7 ekar	RMM B 408	
		Lot 13,14, 22,23,24,30, 31, 40 Seksyen 2, Bukit Mertajam		RMM C 408	
7.	Kampung Main Road, Perai	Kerajaan	9.39 ekar	RMM B 560	Pendudukan setinggan
		Lot 671, Bandar Perai		RMM C 560	
8.	Ujong Batu, Butterworth	Kerajaan	13 ekar	RMM C 800	Pendudukan setinggan
		Lot 20087, Seksyen 4, Ujong Batu, Butterworth			
9.	Bandar Cassia	PDC		RMM B 3223 RMM C 8057	Fasa 4-25 Bandar Cassia oleh PDC
10.	Bukit Gedung	Tanah Kerajaan	7.6 ekar		

LAMPIRAN B

RANCANGAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021 HINGGA 2025				
RP1 2021	RP2 2022	RP3 2023	RP4 2024	RP5 2025
1. RMM JALAN MAYANG PASIR, DBD	4. RMM BATU KAWAN	7. RMM KOTA GIAM, JELUTONG	10. RMM UJONG BATU	13. RMM JURU
2. URC MAHSURI 5 POINT BLOCK	5. URC FREE SCHOOL	8. RMM BUKIT MERTAJAM	11. RMM AMPANG JAJAR	14. RMM KG. MAIN ROAD, PERAI
3. RMM KG TONGKANG, SPT	6. URC MAK MANDIN	9. URC SIAKAP	12. URC PADANG TEMBAK	

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

17. Kes positif COVID-19.

- (a) Mengapakah berlakunya peningkatan mendadak di Malaysia khususnya di Pulau Pinang?
- (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai masalah dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menguruskan hal ini?
- (c) Apakah pandangan Kerajaan Negeri mengenai kuarantin sendiri? Bukankah ianya akan meningkatkan lagi kes positif COVID-19?

YAB. Ketua Menteri:

17. (a) Peningkatan kes di Pulau Pinang mula dilaporkan sejak negeri Pulau Pinang memasuki fasa kedua Pelan Pemulihan Negara pada 7 Julai 2021. Antara punca utama peningkatan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kes yang melibatkan kilang dan industri

Siasatan pihak Pejabat Kesihatan Daerah mendapati kes-kes yang melibatkan pekerja kilang dan industri merupakan antara penyumbang terbesar kepada kes-kes yang direkodkan di Pulau Pinang. Punca jangkitan kebiasaanya akan menjurus kepada penempatan pekerja warga asing yang akan melibatkan percampuran antara lebih dari 10 kilang dalam satu kawasan penempatan atau dormitory. Kuarantin yang sempurna juga tidak dapat dijalankan dengan baik kerana fasiliti rumah yang kurang sesuai dan sentiasa melebihi kapasiti yang dihadkan. Kajian yang dilakukan oleh Dr David Benjamin Lim mendapati bahawa 70% daripada jumlah keseluruhan kes Covid-19 di Pulau Pinang adalah berpunca daripada kluster tempat kerja dimana dari 1 Jun 2021 hingga 14 Julai 2021, 6,222 kes adalah berpunca daripada kluster tempat kerja dari jumlah keseluruhan kes 8,668. **Jadual 1** menunjukkan kadar kebolehan jangkit di Pulau Pinang dari 1 Julai 2021 hingga 1 Ogos 2021. Maklumat lebih lanjut boleh didapati dari

pautan https://dblim.github.io/files/modeling_covid19_malaysia.pdf.

Jadual 1

Kadar Kebolehan Jangkit di Pulau Pinang	1.218
Kluster Tempat Kerja	0.686
Lain – lain kluster	0.536

- (ii) Penularan dalam komuniti

Penularan dalam komuniti berlaku dan mengakibatkan jangkitan yang sukar dikawal. Terdapat isu pematuhan SOP yang lemah yang menyebabkan risiko jangkitan yang lebih tinggi. **LAMPIRAN A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan** menunjukkan maklumat terperinci mengenai keseluruhan bilangan kes dan tren kes-kes Covid-19 mengikut kes dan kumpulan umur.

(iii) Jangkitan Dalam Kalangan Isi Rumah dan Keluarga


Jangkitan dari kilang dan aktiviti ekonomi juga melibatkan pekerja warganegara Malaysia yang tidak tinggal di dormitory atau asrama pekerja. Pekerja warganegara akan tinggal bersama keluarga masing-masing dan akan mengakibatkan penularan dalam kalangan ahli keluarga. Selain itu, aktiviti ekonomi dan sosial sepanjang PPN fasa 2 juga menjadi punca penularan COVID-19 di premis-premis terlibat seperti pasar, tapak bina dan pusat perniagaan. Kesannya, penularan akan berterusan di rumah yang menjadikan bilangan kes terus meningkat.

(b) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai masalah dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam urusan pandemik ini. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) sentiasa bekerjasama dalam membuat keputusan-keputusan penting berkaitan dengan pandemik ini.

(c) Sehingga 9 Ogos 2021, sebanyak 908 kes baru telah dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di Pulau Pinang adalah sebanyak 53,276 kes. Pada awal pandemik, semua kes positif COVID-19 telah dimasukkan ke hospital untuk tujuan rawatan. Namun begitu, pada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negera (MKN): Pengurusan Covid 19 Bil 1 Tahun 2021 pada 4 Januari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Bencana KKM pada 11 Januari 2021 telah bersetuju untuk kes positif COVID-19 kategori 1 (yang tidak bergejala) dan kategori 2 (bergejala ringan) untuk diisolasi di rumah/ tempat kediaman/ hotel atau Pusat Kuarantin dan rawatan Risiko Rendah (PKRC) atau hospital, mengikut kesesuaian tempat kediaman kes. Untuk Negeri Pulau Pinang, memandangkan bilangan kes positif COVID-19 adalah melebihi kapasiti katil di PKRC dan hospital kes-kes yang menepati kriteria kategori 1 & 2 dibenarkan diisolasi di tempat kediaman. Kes-kes ini akan dipantau status kesihatan mereka oleh Pusat Penilaian COVID-19 (COVID-19 Assessment Center, CAC) menggunakan senarai semak '*Home Assessment Tool*'. Sehingga 9 Ogos 2021, bilangan kes baru harian di bawah pemantauan CAC adalah sebanyak 554 kes. Manakala, bilangan kes aktif harian yang masih di bawah pemantauan CAC adalah 4,215 kes. Maklumat terperinci mengenai peningkatan kes-kes Covid-19 kategori 3 dan 4 di PKRC dan cara-menggunakan *pulse oximeter* semasa di dalam kuarantin sendiri adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

REC


Bilangan Kes dan Kadar Insiden Covid-19 Pulau Pinang hingga 19.08.2021



1

ID715/03


Penang Daily Total Cases, Admission and Discharge



Daily new cases have slowly climb up with around 150 cases per day in 3rd week of July to 500 cases during the last week of July and hit an all time record high of 1385 with average of around 1000 cases over last 7 days

2


ID715/03




ID715/03


3

Trend Kategori Kes COVID-19



Trend Kes Mengikut Kumpulan Umur





ID715/03

1

**TANDA BACAAN
PULSE
OXIMETER**

PEMERHAATAN	KEPEKATAN OKSIGEN (SpO2%)	KADAR NADI (bpm)	SUHU (Celcius)
Bacaan Normal	96 % atau lebih	40 - 100	36.5 - 37.5
Boleh Teruskan Pemantauan Di Rumah	95 %	101 - 109	38
Dapatkan Nasihat Daripada Doktor Anda	93-94 %	110-130	38.1 - 39
Memerlukan Nasihat Perubatan Segera Telefon 999	92% atau kurang	131 atau lebih	39 atau lebih

SATU KELUARGA, SATU PULSE OXIMETER!

Pusat Kesihatan UTM Shah Alam | pkuitmsa

ID715/03

**COVID-19
#KitaMendukung**

**Cara menggunakan
Pulse Oximeter**

- Pengukuran dan hasil bacaan perlu dicatat tiga kali sehari dan perlu dilakukan pada masa yang sama setiap hari. Contohnya, 3 kali sehari mengikut masa makan.
- Lakukan pengukuran tambahan jika anda merasakan berlaku perubahan dalam kesihatan anda.

Cara penggunaan

- Tanggalkan pewarna kuku atau kuku palsu dan pastikan tangan dengan menggosokkan kedua tapak tangan jika berasa sejuk.
- Berhatilah sekurang-kurangnya lima minit sebelum melakukan pengukuran.
- Letakkan tangan anda di dada pada paras jantung dan kekalkan tangan anda pada paras tersebut.
- Hidupkan Pulse Oximeter dan pasang di jari tangan atau telunjuk pada tangan yang berada di dada anda.
- Kekalkan postur tangan anda dengan Pulse Oximeter sekurang-kurangnya satu minit atau sehingga bacaan menjadi stabil.
- Hanya catatkan bacaan tertinggi jika bacaan tidak berubah selama lima saat.

Pasilkan setiap bacaan dilakukan dengan berhati-hati

Kementerian Kesihatan Malaysia
#MYHEALTH
#BersamaHentikanWabakCovid-19
#MYHEALTHROOM

2

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

18. Sila berikan statistik mengikut daerah, penjaja kecil dan peniaga berlesen dan tidak berlesen yang terjejas akibat pandemik COVID-19 serta usaha Kerajaan Negeri membantu golongan tersebut.

YAB. Ketua Menteri:

18. Statistik penjaja kecil/peniaga berlesen dan tidak berlesen yang terjejas akibat pandemik COVID-19 mengikut daerah adalah seperti berikut :

Daerah	Penjaja Kecil/Peniaga Berlesen	Penjaja Kecil/Peniaga Tidak Berlesen	Jumlah
Timur Laut	5,162	1,513	6,675
Barat Daya	1,048	1,160	2,208
SPU	3,078	669	3,747
SPT	4,410	713	5,123
SPS	1,218	439	1,657
JUMLAH	14,916	4,494	19,410

Usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu penjaja kecil/peniaga berlesen dan tidak berlesen di Pulau Pinang sepanjang pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

- (i) Mengecualikan bayaran sewa gerai bagi tempoh empat (4) bulan pada tahun 2020;
- (ii) Mengecualikan bayaran penganjuran pasar malam/pagi/ minggu/tani bagi tempoh 12 bulan di tahun 2020;
- (iii) Mengecualikan bayaran sewa dan lesen gerai bagi tempoh enam (6) bulan pada tahun 2021;
- (iv) Mengecualikan bayaran penganjuran pasar malam/pagi/ minggu/tani bagi tempoh 12 bulan di tahun 2021;
- (v) Mengecualikan bayaran bagi semua tawaran baharu bagi tempoh enam (6) bulan di tahun 2021;
- (vi) Memberikan bantuan RM500.00 secara *one-off* kepada semua penjaja kecil mengikut kategori yang telah diluluskan;
- (vii) Memperkenalkan Jom Beli Online JBO@MBPP yang merupakan satu platform jual-beli secara *online*;

- (viii) Menjalinkan kerjasama dengan syarikat penghantar seperti DeliverEat, BungkusIt, Tapaufood, Grab Food untuk meluaskan jualan di platform *online* dan terbuka kepada mana-mana syarikat untuk meneroka peluang ini pada masa hadapan untuk membantu peniaga kecil;
- (ix) Mengeluarkan permit *business from home* bagi menyokong perniagaan jenis *Cash On Delivery* (COD);
- (x) Mengeluarkan lesen/permit sementara kepada peniaga/penjaja yang mematuhi syarat-syarat PBT;
- (xi) Membantu dalam memudahkan proses pengeluaran lesen/permit kepada penjaja/peniaga kecil iaitu lesen dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;
- (xii) Menyediakan Garis Panduan Perniagaan Secara Atas Talian (*Online*) di Premis Kediaman sebagai pilihan bagi membantu peniaga-peniaga yang tidak dapat beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menjalankan perniagaan secara atas talian di premis kediaman;
- (xiii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT melalui sesi temuduga ruang niaga yang diadakan pada setiap bulan; dan
- (xiv) Mewujudkan lokasi penempatan semula penjaja bagi peniaga/penjaja yang tidak berlesen/tanpa kebenaran sebagai peluang untuk menjana ekonomi.

Ahli Kawasan TELok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

19. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
 - (a) Kenapakah Masjid di Taman Botanica CT tiada tapak tetap sehingga kini?
 - (b) Adakah MAINPP atau JAIPP dilibatkan dalam mana-mana permohonan dalam Kebenaran Merancang seperti agensi lain?
 - (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam hal ini?

YAB. Ketua Menteri:

19. (a) Bagi tapak masjid di Taman Botanica CT, terdapat satu (1) tapak yang sepatutnya diserahkan kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Lot 1100, Mukim 4, Daerah Barat Daya yang berkeluasan 12,155 meter persegi. Semakan mendapati, lot ini telah dicagar dan digadai oleh pemilik tanah iaitu MTT Properties & Development Sdn. Bhd. kepada Affin Bank Berhad sejak 23 Februari 2006. Pihak MAINPP telah berulang kali menggesa agar pemaju melepaskan gadaian dan menyerahkan tanah tersebut bagi tujuan perancangan pembangunan masjid di kawasan pembangunan berkenaan. Pihak MAINPP juga telah mengemukakan permohonan kemasukan kaveat pendaftar pada 21 Disember 2019 ke atas lot tanah tersebut.
- (b) Pihak MAINPP dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bukan agensi teknikal yang terlibat dalam permohonan kebenaran merancang.

- (c) Pihak pemaju pada 28 April 2021 telah mengemukakan cadangan penggantian tapak masjid berkenaan. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Tanah & Aset Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan membincangkan mengenai cadangan ini. Kerajaan Negeri melalui MAINPP juga telah berhubung dengan Jabatan Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya untuk membantu menggesa pemaju melaksanakan proses pelepasan gadaian dan pindah milik tanah kepada pihak MAINPP.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Lee Heng Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

20. Nyatakan pusat persampelan untuk pengambilan saringan di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (a) Berapakah saringan harian yang diambil di Pusat Kesihatan Berapit?
- (b) Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal golongan yang membuat saringan agar tidak berjalan atau parkir di luar pusat tersebut iaitu di taman perumahan dan menyebabkan kerisauan masyarakat setempat?

YAB. Ketua Menteri:

20. Pusat Persampelan COVID-19 di Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah Timur Laut

- (i) Klinik Kesihatan Jalan Perak
- (ii) Klinik Kesihatan Jalan Angsana
- (iii) Klinik Kesihatan Sungai Dua
- (iv) Klinik Kesihatan Jalan Macalister

Daerah Barat Daya

- (i) Klinik Kesihatan Bayan Baru

Daerah Seberang Perai Utara

- (i) Dewan Besar Sungai Dua

Daerah Seberang Perai Tengah

- (i) Klinik Kesihatan Berapit

Daerah Seberang Perai Selatan

- (i) Klinik Kesihatan Bukit Panchor
- (a) Klinik Kesihatan Berapit menjalankan saringan untuk kes-kes yang disyaki COVID-19, kontak rapat, kes bergejala dan untuk tahanan baru. Secara purata Klinik Kesihatan Berapit akan menjalankan sekitar 200 ke 300 persampelan sehari terdiri daripada ujian RT-PCR dan RTK-Antigen.
- (b) Individu yang menjalani saringan akan diminta sentiasa mengekalkan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal sepanjang masa.

- (i) Pemakaian gelang dan dokumen pemakluman perintah kuarantin akan diberikan untuk memastikan pergerakan mereka terhad ke kediaman masing-masing setelah proses saringan; dan
- (ii) Terdapat agensi yang bertindak untuk mengawal lalu lintas dan tinjauan untuk memastikan tiada kesesakan berlaku di luar kawasan pusat persampelan seperti RELA dan PDRM.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lin Guan Eng) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

21. Sila nyatakan bilangan kematian daripada wabak COVID-19 setiap bulan di Pulau Pinang sejak tahun lepas.
- (a) Berapakah jumlah dos pertama dan kedua vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca yang diberikan setiap bulan sejak tahun lalu mengikut daerah?

YAB. Ketua Menteri:

21. Kes Kematian di Pulau Pinang hingga 26 Ogos 2021

TAHUN	BULAN	KES KEMATIAN	TAHUN	BULAN	KES KEMATIAN
2020	Mac	1	2021	Januari	3
	April	0		Februari	5
	Mei	0		Mac	4
	Jun	0		April	5
	Julai	0		Mei	59
	Ogos	0		Jun	35
	September	1		Julai	71
	Oktober	1		Ogos (sehingga 26 Ogos)	287
	November	2			
	Disember	4			
JUMLAH		9		JUMLAH	469


Rujuk LAMPIRAN A untuk maklumat terperinci.

- (a) Permulaan pemberian vaksin adalah pada 23 Februari 2021.
- Rajah penerimaan vaksin mengikut jenis daripada Februari – 5 September 2021 bagi Negeri Pulau Pinang

Bulan	Pfizer	Sinovac	Astra Zeneca	Jumlah
Februari	16,380			16,380
Mac	51,860			51,860
April	44,460	7,400		51,860
Mei	60,840	39,580		100,420
Jun	117,000	106,500	61,000	284,500
Julai	299,622	369,318	84,700	753,640
Ogos (sehingga 17 Ogos)	140,400	209,860	40,000	390,260
30 Ogos - 5 September	140,400	11,300		151,700

Agihan vaksin diberi mengikut ketetapan penerimaan daripada peringkat kebangsaan. Tempoh antara dos 1 dan dos 2 adalah mengikut jenis vaksin iaitu kelaziman bagi Pfizer dan Sinovac adalah 21 hari manakala bagi bagi Astra Zeneca adalah 9 minggu.

Penggunaan vaksin di daerah adalah berdasarkan jenis serta kapasiti Pusat Pemberian Vaksin yang terdapat di daerah tersebut.



ID730/02

Agihan Vaksin Pulau Pinang

Tarikh	Pfizer	Sinovac	Astra Zeneca	Jumlah
16 Ogos – 22 Ogos	93,600	47,900	22,300	163,800
23 Ogos – 29 Ogos	168,480 Dos 1: 57,740 Dos 2: 110,740	134,025	32,020 Dos 1: 17,300 Dos 2: 14,720	334,525
30 Ogos – 5 Sept	140,400 Dos 1: 89,492 Dos 2: 50,908	11,300		151,700

ID730/02

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

22. Dengan peletakan jawatan Perdana Menteri Mahiaddin Yassin dan penukaran Kerajaan Pusat, apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Pusat baru dan kesannya kepada pentadbiran kerajaan di Pulau Pinang?

YAB. Ketua Menteri:

22. Meskipun tampuk pemerintahan Kerajaan Pusat sudah bertukar dengan peletakan jawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke-8, pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih berjalan seperti biasa dan sememangnya tidak terjejas dengan situasi politik yang terbaru. Malah, Kerajaan Negeri akan terus berusaha dalam menjalinkan hubungan kerjasama yang rapat dengan Kerajaan Pusat demi kemaslahatan rakyat Pulau Pinang tatkala negara mengharungi pandemik COVID-19 yang masih berleluasa dan peningkatan kes harian yang serius.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

23. Perumahan Mampu Milik (RMM) dalam Tasek Gelugor.
- (a) Mohon senaraikan kawasan perumahan di Tasek Gelugor yang telah siap dan dalam pembinaan dengan memperincikan nama, lokasi projek, jenis rumah, jumlah unit dan harga jualan.
 - (b) Daripada jumlah tersebut, nyatakan perincian hakmilikan mengikut gender dan kaum.
 - (c) Senaraikan baki rumah yang belum dimiliki.

YAB. Ketua Menteri:

23. Sasaran pembinaan sebanyak 220,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) pelbagai kategori menjelang tahun 2030 merupakan petunjuk prestasi utama dalam Gagasan Penang2030 Inisiatif Strategik A1: Menangani isu kemampuan dan kepelbagaian perumahan. Walaupun berdepan dengan cabaran COVID-19 dan sekatan-sekatan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang merencatkan aktiviti dalam sektor pembinaan, prestasi semasa penyediaan RMM sebanyak 119,116 unit RMM A, B dan C di pelbagai tahap pelaksanaan membuktikan iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri. Kenaikan harga barang rentetan dari masalah ini mendorong Kerajaan Negeri untuk menyuntik insentif kepada sektor hartanah melalui Kempen Pemilikan Rumah/*Home Ownership Campaign* dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Negeri Pulau Pinang 2020 yang kemudian dilanjutkan bagi Fasa 2.0 sehingga 30 Jun 2022. Ia dirangka bagi menggalakkan lebih pemajuan RMM pada harga lebih mampu dimiliki melalui pengurangan sebanyak 10 peratus daripada harga sedia. Sebagai contoh harga siliing di Pulau sebelum dasar ini ditetapkan pada RM300,000.00 seunit dan Seberang Perai RM250,000.00 seunit menjadi RM270,000.00 dan RM225,000.00 seunit dengan keluasan unit yang sama. Penurunan harga ini diimbangi dengan pemberian densiti yang lebih tinggi iaitu 1:4 dan lain-lain pengurangan caj pembangunan. Bahkan Tasek Gelugor menerima pemajuan yang lebih menarik bila pemajuan RMM teres 2 tingkat yang pertama di Pulau Pinang dibina disini secara yang keseluruhannya berjumlah 2,332 unit. Kerajaan Negeri sendiri turut membina RMM A teres 1 tingkat berjumlah 64 unit yang ditawarkan secara sewa beli.
- (a) Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Lembaga Perumahan terdapat sebanyak 34 pemajuan perumahan di Kawasan Parlimen

Tasek Gelugor yang terdiri daripada siap 15 projek, dalam pembinaan 8 projek dan diluluskan Kebenaran Merancang 11 projek. 9 pemajuan merupakan RMM yang menawarkan 5,192 unit RMM dan 24 pemajuan rumah biasa/mewah yang tidak dikawal penjualan oleh Kerajaan Negeri dengan jumlah unit sebanyak 2,058 unit. Senarai projek perumahan, jumlah dan harga jualan seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat.

- (b) Kerajaan Negeri membuat penawaran RMM berdasarkan tarikh kekananan pendaftaran senarai menunggu tanpa mengira gender pemohon. Prinsip kediaman bagi keluarga sebenarnya memberi manfaat kepada isi rumah samada tawaran diberikan kepada pemohon lelaki mahupun wanita. Kerajaan Negeri juga membenarkan penambahan nama bagi tujuan pembiayaan dengan syarat tertentu termasuk suami dan isteri. Pemohon RMM A dan B tidak boleh memilih projek dimana tawaran akan diberikan sebanyak dua (2) kali. dimana akan digilirkan semula sekiranya menolak tawaran berkenaan. Manakala permohonan bagi RMM C dibenarkan untuk memilih projek yang pemohon berminat.
- (c) Baki RMM A dalam kawasan Tasek Gelugor semasa adalah sebanyak 81 unit manakala masih terdapat banyak unit RMM C boleh dipohon daripada pemajuan Scientex yang dibina secara berfasa yang keseluruhannya berjumlah 2,332 unit teres dua tingkat. Selain daripada itu, pemaju ini juga dalam perancangan untuk memajukan rumah mampu milik lagi selepas memperolehi sebidang tanah di Tasek Gelugor.

SENARAI KELULUSAN PEMAJUAN KEDAMAN DI PARLIMEN TASEK GELU GOR					
JAM 22.00.00					
Bil.	Pemaju	Lokasi	Kategori Kedaman	Bil. Unit	Harga Jualan (RM)
Siap Bina					
1	PALACE GARDEN SDN BHD	Di Atas Lot 1172, 1173, 1176, 2994, 2995, 68	Rumah Teres, Sesetengah dan Berkanter 2 Tingkat	69	55,000.0 - 690,000
2	OCEAN MIX SDN BHD	Lot 7525, Msk. 11, Taman Merbau Indah, Jaka	Rumah Sesetengah 2 Tingkat	1	55,000.0
3	SUNDESH CAPITAL SE	Lot 3436, Jalan Pokok Machang / Jalan Pokok	Rumah Teres, Sesetengah dan Berkanter 2 Tingkat	51	42,000.0 - 920,000
4	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)	Taman Panda Indah, Sebahagian Lot P1 715	Rumah Sesetengah dan Berkanter 2 Tingkat	18	40,000.0 - 600,000
5	SAGA PROGRESS SE	Taman Seda Permai, Lot 5666, Jalan Tasek	Teras 2 Tingkat	67	Tiada maklumat
6	BLUE WAGON SE	Cayana "Clear" Water Bay, Lot "8104" (Lot Lama 1870) & 6108-6136 (Lot Lama 3354), Msk. 7, Jalan Telok Air Tawar	Pangapuri	Tiada maklumat	45,000.0
7	BEAUTY WEALTH SE	Taman Seri Tawar, Lot 6031 & 6033, Msk. 7, J	Rumah Teres, Sesetengah dan Berkanter 2 Tingkat	54	59,000.0 - 820,000
8	MISA RIVIERA SE	Lot 390, 1193 & 1326, Labuh Nakhoda, Telok	Rumah Teres, Sesetengah dan	48	76,000.0 - 1,000,000.0
9	BLUE WAGON SE	Taman Bayu Aman, Lot 6104 (Lot Lama 1870)	Rumah Teres 3 Tingkat	183	65,000.0
10	GOW MENGKUANG SDN BHD	Lot 369, 1217 & 1218, Msk. 13, Spu	Rumah Berkanter 1 Tingkat, Teres 1 Tingkat, Rumah Bender (Mampu Milik)	382	42,000.4 97,000
11	SYARikat PERUMAHAN NEGARA	Lot 2581, Mukim 7, Teluk Air Tawar, Seberang	Teras 1 dan 2 Tingkat, RUMAH (Mampu Milik)	337	+250,000
12	STREAMSVILLE SDN BHD	Lot 3423 & Sebahagian Lot 3417, Msk. 16, SP	Rumah Teres dan Berkanter 2 Tingkat	127	Tiada maklumat
13	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH	Lot P28 (3479) & P29 (3474), Msk. 16, Jalan	Rumah Teres, Berkanter dan Sesetengah 1 dan 2 Tingkat	499	+250,000
14	PERMANGUNAN RASA SEMPUR	Lot 928, Sungai Dua, Mukim 16, Seberang Pn	Duplex 3 Tingkat dan Pangapuri	146	Tiada maklumat
15	PERAJAANNEGERS	Taman Seri Ossa, SPJ	Teras 1 Tingkat	64	42,000 (FRT C)
Jumlah				2,066	
Sedang Bina					
1	LOYAL GREENWORLD SDN BHD	Lot 535, Msk. 16, Jalan Sungai Dua, Spu	Teras 2 Tingkat	17	Tiada maklumat
2	BNWAN DEVELOPMENT	Lot 2780, Jalan Tasek Gelugor / Jalan Hashim	Rumah Berkanter dan Sesetengah 2 Tingkat	40	Tiada maklumat
3	VILLA HECTARES SE	Atas Lot 2943, 2946 & 2947, Jalan Tasek Gel	Kedai, Rumah Berkanter dan Sesetengah 2 Tingkat (Kedai)	89	Tiada maklumat
4	DIVERSEED ENTERPRISES	(Plot 12-73) Lot 370, Msk. 13, Jalan Lunas, Sp	Linkhouse 2 tingkat	62	Tiada maklumat
5	KUNTUM BINA SDN BHD	Lot 1769, Msk. 13, Spu	Rumah Teres dan Berkanter 1 Tingkat Mampu Milik	580	+250,000
6	LOYAL GREENWORLD SDN BHD	Lot 535, Msk. 16, Jalan Sungai Dua, Spu	Rumah Teres 2 Tingkat	17	Tiada maklumat
7	PALACE GARDEN SDN BHD	Atas Lot 1172, 1173, 1176, 2994, 2995, 6839	Rumah Teres, Berkanter dan Sesetengah 2 Tingkat	69	55,000.0-690,000
8	PTL Properties Sdn Bhd	Lot 5569 Hingga Lot 5657 Dan Tanah Keraja	Townhouse (Mampu Milik)	338	20,000.0
9	Scintex (Skudai) Sdn Bhd	Lot 535, 567, 568, 3262, 3263 & 5688 (Lot Bar	Teras 2 Tingkat RUMAH	2,332	23,000.0.00 - 250,000.00
Jumlah				3,544	0
Perancangan / Belum Bina					
2	LEAF SOON DEVELOPMENT SA	Lot 2796, Tasek Gelugor, Msk. 12,	Teras dan Berkanter 2 Tingkat	24	38,000.0 - 600,000
3	BRA ALPHA BUILDINGS	Lot 3229 Dan 3232, Jalan Permatang Mangg	Teras 2 Tingkat	49	50,000.0
4	BLUE WAGON SE	Lot 10711 Lot Lama 10595, Mukim 7,	Pangapuri	342	45,000.0-600,000
5	METRO JELATA	Lot 3081 & 4370, Jalan Pokok Sena Mukim 1	Teras, Berkanter dan Sesetengah 2 Tingkat	108	Tiada maklumat
6	TETUAN SENAWAJAYA SDN BHD	Lot 1933, 1934 & 1935, Mukim 14, Jalan Ong	Pangapuri	128	Tiada maklumat
7	PAVILION REVERSE SE	Strata (Plot 122) Di Atas Lot 20084 (Sebahag	Teras dan Berkanter 2 Tingkat	71	Tiada maklumat
8	DIVERSEED ENTERPRISES SD	Lot 370 (Lot Baru 10464), Jalan Lunas, Mukim	Berkanter dan Sesetengah 2 Tingkat	59	Tiada maklumat
9	GOW MENGKUANG SDN BHD	Lot 1219, 1763, 1768 Dan 1770 (Lot Lama 116	Teras, Berkanter dan Sesetengah 1 Tingkat (Mampu Milik)	378	+250,000
10	GOW MENGKUANG SDN BHD	Lot 369, 1217 & 1218, Msk. 13, SPJ	Teras, Berkanter dan Rumah Bender 1 Tingkat (Mampu Milik)	282	+250,000
11	PAUMINGDALE SDN BHD	Lot 10075 Mukim 16 Jalan Cassia Maya Seba	Pangapuri	130	Tiada maklumat
	PRIMA UTARA SDN BHD	Lot-Lot 4804-4834, 4837, 4855 7 4858 (Lot L	Teras 2 Tingkat	69	Tiada maklumat
Jumlah				5,640	
				Rumah Mampu Milik	5,192
				Rumah Sewa	2,058
				Jumlah Keseluruhan	7,250
ID 738/05					

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

24. Bermula 2011, 1,100 ekar tanah bernilai RM12.5b telah dijual oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada antaranya syarikat Ivory Properties, Consortium Zenith, D.E.Land, Temasek, Paramount Group, Eco World dan Aspen Vision.
- (a) Kemanakah wang RM12.5b dibelanjakan untuk faedah rakyat? Senaraikan.
 - (b) Berapakah baki keluasan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang selepas penjualan/pelupusan? Senaraikan.

YAB. Ketua Menteri:

24. Penjualan tanah Kerajaan Negeri adalah merujuk kepada penjualan tanah Penang Development Corporation (PDC), Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang dikendalikan oleh PDC. Berdasarkan semakan, jumlah hasil daripada penjualan tanah Kerajaan Negeri seluas 485 ekar kepada syarikat Ivory Properties Group Bhd, Zubicon Sdn Bhd, PE Land Sdn Bhd, Paramount Corporation Berhad, Aspen Vision Land Sdn Bhd, Tanjung Villa Development Sdn Bhd, Nada Samudra Sdn Bhd, Pertubuhan Buddhist Tzu-Chi Merits Malaysia, Biopolis Resources Sdn Bhd dan Pentamaster Engineering (M) Sdn Bhd adalah bernilai RM1.9 bilion sahaja. Perinciannya adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan..

Manakala Kerajaan Negeri melaksanakan pembayaran secara *in kind* menerusi pemberimilikan tanah kepada Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd.(CZC) sebanyak dua (2) bidang tanah yang dikenalpasti sebagai pembiayaan ke atas pelaksanaan *Feasibility Studies & Preliminary Detailed Design* seperti termaktub di dalam *Preliminary Agreement (Part 1)* bagi komponen Projek Jalan-Jalan Utama di Pulau Pinang seperti berikut:-

- (i) Projek Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang;
- (ii) Projek Jalan Pintasan dari Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Ayer Itam; dan
- (iii) Projek Jalan Pintasan dari Georgetown (Persiaran Gurney) ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu.

Bayaran pertama kepada CZC telah dilaksanakan menerusi pemberimilikan tanah di Lot 702 iaitu seluas 3.67 ekar yang bernilai RM135,086,094.00. Manakala, bayaran kedua dilaksanakan menerusi sebahagian Lot 713 dengan keluasan 2.0 ekar daripada 5.73 ekar dengan nilai RM73,668,986.00. Kedua-dua lot ini terletak di Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

- (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai sebuah agensi pembangunan negeri berperanan untuk menerajui pertumbuhan sosio-ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup warga Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, lebihan hasil jualan tanah PDC adalah digunakan untuk meningkatkan bank tanah PDC di kawasan strategik bagi pembangunan industri dan pembangunan bercampur, pembangunan kemudahan infrastruktur dan pembangunan projek baru PDC. Selain itu, PDC juga menanggung kos penyelenggaraan taman-taman perindustrian PDC, projek pelaburan hartanah dan kemudahan infrastruktur di kawasan pembangunan PDC.

Tanah Kerajaan Negeri di bawah milik PDC sedia ada yang berkeluasan 5,616.13 ekar adalah seperti di **Lampiran B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

LAMPIRAN A

**MAKLUMAT BERKENAAN PENJUALAN TANAH PDC/KERAJAAN NEGERI DAN MBPP
YANG DIKENDALIKAN OLEH PDC BAGI TEMPOH 2011 SEHINGGA JULAI 2021**

BIL	NAMA PROJEK	MUKIM / SEKSYEN / DAERAH	KELUASAN	TARIKH PENJUALAN	HARGA JUALAN (RM)	PEMBELI
1	Cadangan RFP bagi Pembangunan Bercampur di atas Tapak Bayan Mutiara seluas 102.56 ekar, Mukim 13, Daerah Timur Laut	Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL)	102.56 ekar (Keseluruhan)	11 November 2011	1,017,000,000.00	Ivory Properties Group Berhad
2	RFP S P Chelliah Perumahan Mampu Milik	Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL),	11.04 ekar	01 November 2013	60,000,000.00	Zubicon Sdn Bhd
3	Cadangan penjualan tanah seluas 40.0 ekar di Batu Kawan	Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS),	40.0 ekar	11 Oktober 2013	65,340,000.00	PE Land Sdn Bhd
4	Cadangan Penjualan Tanah Seluas 30 ekar di Batu Kawan.	Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)	30 ekar	25 Mac 2014	67,007,594.40	Paramount Corporation Berhad
5	Cadangan Penjualan Tanah seluas 245 ekar di Batu Kawan	Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)	245 ekar	3 September 2014	483,951,600.00	Aspen Vision Land Sdn Bhd

LAMPIRAN A

BIL	NAMA PROJEK	MUKIM / SEKSYEN / DAERAH	KELUASAN	TARIKH PENJUALAN	HARGA JUALAN (RM)	PEMBELI
6	Cadangan Penjualan Tanah Seluas 13.5 ekar di Batu Kawan	Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)	13.5 ekar	11 Mei 2015	29,096,172.10	Paramount Corporation Bhd
7	Proposed Joint Development Of Penang State Land In An Area Of 4.23 Acres Pt 330 Sandiland Foreshore, Jalan C Y Choy, Section 11E, Georgetown, Northeast District, Penang	Mukim 13, Seksyen 11E, Daerah Timur Laut (DTL)	4.23 ekar	2 Julai 2015	36,000,000.00	Tanjung Villa Development Sdn Bhd
8	Penjualan Lot 20279, PN 5988, Sungai Nibong	Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL)	1.0206 ekar	2 Januari 2019	22,362,040.00	Nada Samudra Sdn Bhd
9	Penjualan Unit Kejiranan 3 (UK3), Bandar Cassia, Batu Kawan	Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)	30.0234 ekar	26 Jun 2019	52,312,772.00	Pertubuhan Buddhist Tzu-Chi Merits Malaysia (Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia)
10	Penjualan Lot 11105, PT 2092, H.S.(D) 13505, Sungai Nibong	Mukim 13, Daerah Timur Laut (DTL)	1.1355 ekar	11 Disember 2019	24,879,386.00	Nada Samudra Sdn Bhd

LAMPIRAN A

BIL	NAMA PROJEK	MUKIM / SEKSYEN / DAERAH	KELUASAN	TARIKH PENJUALAN	HARGA JUALAN (RM)	PEMBELI
11	Cadangan Penjualan Tanah Seluas 4.9781 ekar bagi Tujuan Pembinaan Asrama Pekerja di Utara Penang Science Park	Mukim 13, Seberang Perai Selatan (SPS)	4.9781 ekar	2 Januari 2020	13,281,819.71	Biopolis Resources Sdn Bhd
12	Pembangunan Pusat Makan di Taman Perindustrian Bayan Lepas, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Taman Perindustrian Bayan Lepas Fasa 4, Pulau Pinang	1.676 ekar	12 Februari 2020	6,570,590.40	Pentamaster Engineering (M) Sdn Bhd
JUMLAH			485.1636 ekar		1,877,801,974.61	

Lampiran B

TANAH KERAJAAN NEGERI MILIK PDC

LOKASI	KELUASAN (ekar)	Kategori Gunatanah
Seberang Perai Utara (SPU) (Bertam)	4.29	Institusi
Seberang Perai Tengah (SPT) (Penang science Park North, Seb. Jaya, Perai, Bkt Tengah, Juru & Bkt Minyak)	280.36	Perindustrian & Perumahan
Seberang Perai Selatan (SPS) (Bandar Cassia, East Batu Kawan, Penang Science Park South & Batu Kawan Industrail Park 2)	4,398.47	Perindustrian & Pembangunan Bercampur
Daerah Timur Laut (DTL) (Macallum, Komtar, Bayan Mutiara, Sungai Nibong, Bukit Jambul & Paya Terubung)	784.89	Perumahan & Komersial
Daerah Barat Daya (DBD) (Bayan Baru, Batu Maung, Bayan Lepas, Permatang Damar Laut)	148.12	Perumahan, Logistik & Pembesaran Lapangan Terbang
Jumlah Keseluruhan	5,616.13	

*Maklumat setakat Julai 2021

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

25. Senaraikan projek infrastruktur, sekolah, kemudahan awam dan perumahan dalam pembinaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta nyatakan statusnya.
- (a) Senaraikan projek-projek yang mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk beroperasi.
 - (b) Apakah tindakan untuk menangani isu kelewatan, kenaikan harga bahan-bahan binaan dan kos pembinaan?
 - (c) Adakah Pelan Pemulihan akan diketengahkan?

YAB. Ketua Menteri:

25. (a) Berdasarkan rekod Jabatan Kerja Raya (JKR), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), sejumlah 88 projek infrastruktur, sekolah, kemudahan awam dan perumahan yang dalam pembinaan dengan 80 projek telah mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) seperti di **LAMPIRAN A** yang telah diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan. Perincian mengikut Jabatan adalah seperti berikut:

JABATAN / AGENSI	BILANGAN PROJEK	KELULUSAN MITI (BILANGAN PROJEK)
JKR	23	23
PDC	18	10
MBPP	14	14
MBSP	33	33
JUMLAH	88	80

- (b) Antara tindakan yang diambil untuk menangani isu kelewatan, kenaikan harga bahan binaan dan kos pembinaan projek adalah seperti berikut:
 - (i) Meneliti dan mempertimbangkan Syarat Perubahan Harga atau *Variation of Price* (VOP) dalam kontrak kerja berikutan peningkatan ketara kos beberapa bahan binaan demi memastikan projek-projek dapat diteruskan dan dapat disiapkan mengikut jadual. Pekeliling Perbendaharaan PK 2.4 berkaitan perkara ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021;
 - (ii) Meneliti dan mempertimbangkan lanjutan masa atau *Extension of Time* (EOT) bagi projek yang terkesan pelaksanaannya pandemik COVID-19 menurut syarat-syarat dalam kontrak; dan
 - (iii) Meneliti dan mempertimbangkan keperluan peruntukan tambahan bagi menampung kenaikan kos bahan bina tertakluk kepada kedudukan kewangan tahun semasa.
- (c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri akan meneliti keadaan semasa pelaksanaan projek di Pulau Pinang dari semasa ke semasa bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan agar tidak menjejaskan kemajuan negeri.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK INFRASTRUKTUR, SEKOLAH, KEMUDAHAN AWAM DAN PERUMAHAN YANG DILAKSANAKAN OLEH JABATAN KERJA RAYA (JKR), PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC), MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) SERTA KELULUSAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

Jabatan : Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
1.	Membina 1 Blok Bangunan Tambahan 12 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Di SK Sungai Duri, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
2.	Pembinaan Blok Pengajian Di Perda-Tech	Fasa Pelaksanaan	/
3.	Membina Semula Masjid Jamek Sungai Puyu Butterworth, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
4.	Cadangan Naiktaraf Pusat Latihan Kemas (PLK) Kepala Batas, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
5.	Meroboh Dan Membina Baharu Masjid Perai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
6.	Membina 1 Blok Bangunan Tambahan Di SJKC Permatang Tinggi Yang Mengandungi 12 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Berkaitan Di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
7.	Pembinaan Bangunan Gantian 18BD Dan Lain-Lain Kemudahan Di SJKC Kay Sin, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Tawaran Semula)	Fasa Pelaksanaan	/
8.	Gantian Penuh 1 BD Prasekolah Dan Pembekalan Peralatan Serta Lain-Lain Kemudahan Di SK Minden Height, Gelugor, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/

1

ID5/05

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
9.	Pembinaan Gantian Penuh 5BD Dan Lain-Lain Kemudahan Yang Bersesuaian Dengan Keperluan Murid Berkeperluan Khas (MBK) Di Program Pendidikan Khas Integrasi SK Ayer Itam, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
10.	Pembinaan Masjid Qariah Sungai Nibong Besar, Parlimen Bayan Baru, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
11.	Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Masjid Al-Qahhar, Permatang Damar Laut Di Atas Lot 70051, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
12.	Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK3) Dengan Kuarters, Air Putih, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (Tender Semula)	Fasa Pelaksanaan	/
13.	Pembinaan Depot Tahanan Imigresen Dan Kuarters Jawi, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
14.	Naiktaraf Jabatan Kecemasan Dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang - Fasa 2	Fasa Pelaksanaan	/
15.	Projek Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) Bandar Perda, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
16.	Kuarters Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
17.	Projek Menaiktaraf Sekolah Menengah Teknik Seberang Perai Kepada Kolej Vokasional Seberang Perai Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
18.	Kerja-kerja Meroboh Dan Membina Baharu Sekolah Agama Rakyat Bertam Putra, Kepala Batas	Fasa Pelaksanaan	/
19.	Membina Dewan Orang Ramai Cheruk To Kun Atas Dan Kerja-Kerja Membina Jalan Masuk Ke Dewan, SPT	Fasa Pelaksanaan	/

2

ID5/05

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
20.	Kerja-Kerja Restorasi Dan Baik Pulih Bangunan Muzium Lebu Farquhar Dan Bangunan No. 57, Jalan Macalister.	Fasa Pelaksanaan	/
21.	Kerja Pembinaan Bangunan Dan Penyediaan Kemudahan Pejabat Pertanian Daerah SPT	Fasa Pelaksanaan	/
22.	Kerja-Kerja Membina Baharu Sekolah Agama Rakyat, Masjid Tuan Guru, DTL	Fasa Pelaksanaan	/
23.	Kerja-Kerja Menukar Bumbung Sediaada Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan No. 57, Jalan Macalister.	Fasa Pelaksanaan	/

Jabatan / Agensi : Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
1	Cadangan Pelebaran Jambatan Batu Kawan Sediada Merentasi Sungai Jejawi Di Batu Kawan Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
2	Cadangan Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Bandar Cassia / Persiaran Cassia Barat 3, Batu Kawan, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
3	Cadangan Rawatan Tanah Di Sepanjang Lingkaran Cassia Timur, Persiaran Cassia Timur 1 Dan Tapak Loji Rawatan Kumbahan 5, Lot 282, Mukim 13, Seberang Perai Selatan, Batu Kawan, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
4	Cadangan Pembinaan 'Piled Embankment' Termasuk Jalan Dan Parit Serta Lain-Lain Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Di Lingkaran Cassia Barat, Di Atas Sebahagian Lot 282, Mukim 13, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
5	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Persiaran Cassia Selatan 10 Di Atas Sebahagian Lot 282, Mukim 13, Kawasan Perindustrian Batu Kawan, SPS, Pulau Pinang	Fasa pelaksanaan	/
6	Cadangan Membina, Mentauliah, Menyelenggara Dan Menyerahkan Loji Pengolahan Kumbahan: Modul 1 – Kapasiti 112,500pe, Mukim 13, Batu Kawan, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
7	Cadangan Membina Dan Menyiapkan <i>Inteceptor Drain</i> Dari Tapak Pembangunan Design <i>Village Outlet Mall</i> Ke Sambungan Parit Monson, Di Atas Sebahagian Lot 282, Mukim 13, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
8	Cadangan Kerja-Kerja Parit Monsun Di Persiaran Cassia Selatan 9, Mukim 13, Bandar Cassia, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
9	Cadangan Projek Jambatan Ke Valdor Menyeberangi Sungai Tengah Serta Sambungan Jalan Sedia Ada Di Batu Kawan, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	
10	Cadangan Jalan Dan Parit Serta Kerja-Kerja Yang Bersangkutan Dengannya: Cadangan Jalan Perusahaan Valdor, Di Batu Kawan, Mukim 12, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	
11	Cadangan Jalan Dan Parit Serta Kerja – Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Di Atas Lot 642, 643, 644, 645, 646, 727, 728, 736, 4717, 4718, 4719, 4729, 4726, 4728, 4730 Dan 4771 Di Utara Science Park, Mukim 13, Juru, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	
12	Cadangan Jalan Dan Parit Serta Kerja-Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Di Atas Lot – Lot 686, 703, 705, 706 Dan 6648 Di Utara Science Park, Mukim 13, Juru, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. (Pakej 8)	Fasa Pelaksanaan	
13	Cadangan Kerja Menambun Tanah Serta Lain-Lain Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Di Bkip 2, Byram, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (Fasa 1a).	Fasa Pelaksanaan	/
14	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Tanah Serta Lain-Lain Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Di BKIP 2, Byram, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (Fasa 1a)	Fasa Pelaksanaan	

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
15	Projek Pelebaran Jalan Dan Menaiktaraf Jalan Dari Satu Lorong Ke Dua Lorong Dari Jalan Perusahaan Hingga Ke Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Tok Kangar, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Fasa 2)	Fasa Pelaksanaan	/
16	Cadangan Membina & Menyiapkan Sebuah Dewan 2 Tingkat, Sebuah Pencawang TNB, Sebuah Depo Sampah Dan 3 Unit Pondok Pengawal Di Atas Tanah Kerajaan Tapak A, (Sebahagian Lot 6151), Ampang Jajar, Seksyen 3, Bandar Butterworth Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
17	Cadangan Perumahan Untuk Penempatan Semula Penduduk Ladang Byram Mengandungi: A. 68 Unit Rumah Kluster Kos Rendah Setingkat B. Bangunan Sekolah 2 Tingkat C. Bangunan Kuil Setingkat Di atas Sebahagian Lot 7578, Jalan Sungai Daun, Nibong Tebal, Mukim 11 Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	
18	Cadangan Pembangunan Untuk Penempatan Semula 39 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Kampung Tok Subuh) Di Atas Tanah Kerajaan Lot 635, Mukim 14, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	

Jabatan : Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
1	Cadangan Kerja-Kerja Pengukuhan Dan Penambahbaikan Tembok Laut Padang Kota Lama, Esplanade, Pulau Pinang.	Fasa Pelaksanaan	/
2	Sebut Harga Menyelenggara, Membersih Dan Mengecat Dengan Lapisan 'Anti-Carbonation' Di Jejambat Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Gelugor	Fasa Pelaksanaan	/
3	Sebut Harga Menyelenggara, Membersih Dan Mengecat Dengan Lapisan 'Anti-Carbonation' Dan 'Anti-Corrosion' Di Jejambat Lorong Batu Lancang - Jalan Hamilton	Fasa Pelaksanaan	/
4	Projek Menaiktaraf Bahu Jalan Di Jalan Jelutong Dari Persimpangan Jalan Bakau Hingga Solok Bakau.	Fasa Pelaksanaan	/
5	Projek Menaiktaraf Bahu Jalan Di Jalan Resideni Dari Persimpangan Jalan Tull Hingga Jalan Utama.	Fasa Pelaksanaan	/
6	Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan P. Ramlee Dari Persimpangan Jalan Ismail Che Matt hingga Jalan Perak.	Fasa Pelaksanaan	/
7	Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Di Lebuh Kimberley	Fasa Pelaksanaan	/

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
8	Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Di Jalan Pintal Tali dan Lebu Cintra	Fasa Pelaksanaan	/
9	Projek Pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus)	Fasa Pelaksanaan	/
10	Cadangan Projek Menaiktaraf Pasar Anson	Fasa Pelaksanaan	/
11	Cadangan Projek Pusat Transit Gelandangan	Fasa Pelaksanaan	/
12	Cadangan Projek Pusat Penyimpanan dan Pengedaran Ayam	Fasa Pelaksanaan	/
13	PROJEK MENAIKTARAF TAMAN KEJIRANAN DESA MAWAR, AIR ITAM, PULAU PINANG	Fasa Pelaksanaan	/
14	Pembaikpulihan Dan Pemuliharaan Bangunan Dewan Bandaran (Town Hall)	Fasa Pelaksanaan	/

Jabatan : Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
1	Kerja-kerja Meroboh Dan Membina Semula Gerai Makanan Taman Sentosa Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	Fasa Pelaksanaan	/
2	Menaik Taraf Kemudahan Awam dan Infrastruktur di Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Seberang Perai Selatan Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan	Fasa Pelaksanaan	/
3	Menaik Taraf Kemudahan Awam dan Infrastruktur di Tanah Lapang Taman Ilmu, Seberang Perai Selatan	Fasa Pelaksanaan	/
4	Kerja-kerja Naiktaraf Pengindahan Serta Kerja-kerja Berkaitannya Di Tanah Lapang Taman Sentul Jaya, SPT	Fasa Pelaksanaan	/
5	Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap di Kawasan Lapang Jalan Sintar Indah, Taman Sintar Indah, SPS dan Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya	Fasa Pelaksanaan	/
6	Kerja-kerja Naiktaraf Pengindahan Serta Kerja-kerja Berkaitannya Di Kawasan Lapang Lorong Merbau Indah 16, Taman Merbau Indah, SPU dan Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya	Fasa Pelaksanaan	/
7	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pengindahan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya Di Tanah Lapang Di Lorong Shah Bandar 3, Taman Bertam Perdana, SPU	Fasa Pelaksanaan	/

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
8	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pengindahan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya Di Tanah Lapang Di Belimbing 9, Taman Belimbing, SPT	Fasa Pelaksanaan	/
9	Kerja-kerja membina Kolam Teratai dan kerja pengindahan di Peacock Park, Taman Kimsar	Fasa Pelaksanaan	/
10	Kerja-Kerja Pemuliharaan bangunan warisan, Surau Tuan Guru Hj Mahmud Taib, Kubang Semang	Fasa Pelaksanaan	/
11	Kerja-Kerja Pemuliharaan bangunan warisan, Surau Tuan Guru Hj Mahmud Taib, Kubang Semang	Fasa Pelaksanaan	/
12	Kerja-Kerja Pemuliharaan bangunan warisan, Rumah Tuan Guru Sheik Hj Osman Jalaludin	Fasa Pelaksanaan	/
13	Kerja-kerja menurap semula kawasan meletak kereta disekitar Dewan Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas, SPU	Fasa Pelaksanaan	/
14	Kerja-kerja menurap kawasan tempat letak kereta dan kerja-kerja berkaitan dengannya di kawasan Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, SPS	Fasa Pelaksanaan	/

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
15	Kerja-kerja menurap kawasan tempat letak kereta dan kerja-kerja berkaitan dengan di Kompleks Penjaja Taman Belibis, Simpang Ampat, SPS	Fasa Pelaksanaan	/
16	Menurap kawasan Pasar Awam Kampung Baru, Bukit Mertajam, SPT	Fasa Pelaksanaan	/
17	Menurap Kawasan Pasar Awam Kota Permai, Bukit Mertajam, SPT	Fasa Pelaksanaan	/
18	Kerja-kerja menurap semula jalan dan kerja-kerja berkaitan dengannya di Jalan Nangka Hadapan Kuarters Guru, Bukit Mertajam, SPT	Fasa Pelaksanaan	/
19	Memasang Sistem Pencahayaan dan Jalan Changkat ke Jeti Nelayan Changkat, Seberang Perai Selatan, MB Seberang Perai	Fasa Pelaksanaan	/
20	Kerja-kerja Membina Petak Penjaja Berbumbung dan Kerja Berkaitan di Kompleks Makan Bertam Indah, SPU, MB Seberang Perai	Fasa Pelaksanaan	/
21	Kerja-kerja menaiktaraf sistem bekalan air di Pasar Awam Kota Permai, SPT	Fasa Pelaksanaan	/

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
22	Menaiktaraf Infrastruktur (Bumbung) di Blok B1, Pintas Kalui 1, Bandar Seberang Jaya	Fasa Pelaksanaan	/
23	Menaiktaraf Infrastruktur (Tangki Air) di Taman Markisah	Fasa Pelaksanaan	/
24	Menaiktaraf Infrastruktur (Tangki Air) di Rumah Pangsa Taman Kencana	Fasa Pelaksanaan	/
25	Menaiktaraf Infrastruktur (Bumbung) di Rumah Pangsa Blok L4 Jalan Tenggiri	Fasa Pelaksanaan	/
26	Menaiktaraf Infrastruktur (Tangki Air & Bumbung) di Blok B2, Pintas Kalui Satu, Seberang Jaya	Fasa Pelaksanaan	/
27	Menaiktaraf Infrastruktur (Tangki Air & Bumbung) di Rumah Pangsa Blok D1, Lebuhraya Seberang Jaya	Fasa Pelaksanaan	/
28	Menaiktaraf Infrastruktur (Tangki Air) di Rumah Pangsa Sri Bagan	Fasa Pelaksanaan	/

BIL	NAMA PROJEK	STATUS	KELULUSAN MITI
29	Menaiktaraf Infrastruktur (Tangki Air) di Apartment Delima Impian, Taman Seri Delima	Fasa Pelaksanaan	/
30	Menaiktaraf Infrastruktur (Tangki Air) di Pangsa Tanjung Jaya	Fasa Pelaksanaan	/
31	Kerja Membaiki/Mengganti Tangki Air dan Sistem Paip Retikulasi di Pangsa PPR Ampangan	Fasa Pelaksanaan	/
32	Pembangunan Taman Awam Wawasan (Vision Park) Pulau Pinang	Fasa Pelaksanaan	/
33	Kerja-kerja menaik taraf Robina Eko Park Fasa 2, Taman Robina, Teluk Air Tawar, Butterworth	Fasa Pelaksanaan	/

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

26. Kebajikan Sukan.

- (a) Sejak Tabung Penang Athlete Career Education (PACE) diwujudkan, berapakah atlet Negeri Pulau Pinang telah mendapat manfaat di bawah tabung tersebut?
- (b) Dari segi kerjaya, adakah pihak Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada jurulatih sepenuh masa atau separuh masa yang terjejas akibat penutupan sektor sukan dan rekreasi sepanjang pandemik COVID-19?

YAB. Ketua Menteri:

26. Sejak penubuhan *Penang Athlete Career Education (PACE)* pada 1 Ogos 2020, seramai 80 orang atlet Negeri Pulau Pinang telah menerima manfaat daripada Tabung Sukan Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan sebagai platform dari segi kerjaya, pendidikan dan kebajikan. Perincian bagi tabung PACE adalah seperti berikut :

Bil.	Butiran Bantuan	Bilangan Atlet	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan (RM)
1.	Bantuan biasiswa sukan untuk pengajian di peringkat universiti (Bayaran secara semester)	18 orang	72,500.00
2.	Insentif pendidikan secara <i>one-off</i> sebagai galakan kepada atlet yang melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi	31 orang	28,400.00
3.	Insentif galakan kepada pelajar SPM tahun 2020 yang mendapat 5A ke atas	25 orang	9,050.00
4.	Insentif galakan kepada pelajar STPM tahun 2020 yang mendapat 2A ke atas	2 orang	500.00
5.	Bantuan dari segi kebajikan dan khidmat sokongan	(i) Nur Asiah binti Zaini (<i>Petanque</i>) (ii) Masri bin Abdullah (Perahu Layar) (iii) Khairul Mohamad Zafri bin Norman (<i>Petanque</i>) (iv) Israr Hazim bin Ismail (Pelayaran)	

Sehingga kini, semua jurulatih sepenuh masa dan separuh masa di bawah lantikan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) menerima gaji dan elaun penuh setiap bulan. Program latihan sukan yang melibatkan atlet-atlet pembangunan Sukan Malaysia (SUKMA) dilaksanakan seperti biasa di mana aktiviti latihan dikendalikan secara maya berpandukan kepada saranan jurulatih sukan masing-masing.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

27. Bangunan Pasar Pulau Tikus.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai rancangan untuk menaik taraf bangunan Pasar Pulau Tikus dan sekiranya ada, berapakah anggaran kos?
- (b) Berapa lamakah jangka masa jika projek ini akan dilaksanakan?

YAB. Ketua Menteri:

27. Setakat ini Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih belum mempunyai perancangan untuk menaiktaraf bangunan Pasar Pulau Tikus. Ini kerana pasar tersebut masih dalam keadaan yang memuaskan dan sentiasa diselenggara dengan baik oleh MBPP mengikut keperluan untuk keselesaan pengguna. Sejak tahun 2019, pihak MBPP telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala meliputi kerja-kerja menaiktaraf/ pembaikan bumbung, sistem perparitan, sistem pendawaian elektrik, sistem perpaipan dan sistem mekanikal *roller shutter* pasar yang berjumlah RM120,553.56.

Jangka masa projek ini akan dimaklumkan sekiranya terdapat perancangan penaiktarafan bangunan pasar oleh MBPP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

28. Ekonomi telah banyak terjejas akibat pandemik COVID-19, adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula pelaksanaan projek mega seperti Penang Transport Master Plan (PTMP) dan Penang South Reclamation (PSR)?

YAB. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah komited dalam melaksanakan projek PSR dan PTMP bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negeri bagi jangka masa panjang. Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengkaji semula keputusan untuk melaksanakan projek PTMP dan PSR.

Kedua-dua projek ini adalah penyumbang utama kepada pelaburan infrastruktur dan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang.

PSR yang juga dikenali sebagai pembangunan Penang South Islands telah dikenal pasti oleh Majlis Perundingan Pemulihan Sosioekonomi Pulau Pinang (PSERCC) sebagai pemacu pemulihan ekonomi untuk menghadapi kesan pandemik COVID-19 ke atas ekonomi.

Bagi jangka masa pendek, pelaksanaan PSR dan PTMP akan menjana peluang perniagaan kepada banyak syarikat-syarikat pembekal bahan pembinaan dan perkhidmatan tempatan. Peluang perniagaan ini membolehkan syarikat-syarikat ini menjana pendapatan dan mengekalkan pekerja mereka, selain membayar cukai kepada kerajaan.

Bagi jangka masa panjang, PSR mensasarkan *Foreign Direct Investment* (FDI) dengan anggaran sebanyak RM70 bilion, dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dianggarkan sebanyak RM1.5 trilion, serta mewujudkan lebih 300,000 pekerjaan menjelang 2050. Pembangunan ini akan menjadi pemangkin perkembangan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang memacu ekonomi negeri.

Pulau A akan dibangunkan sebagai taman perindustrian teknologi tinggi *Green Tech Park* untuk menarik pelabur antarabangsa dalam sektor elektrik dan elektronik (E & E) berteknologi tinggi di masa hadapan.

Pembangunan taman perindustrian baru ini akan mengembangkan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas yang terkenal sebagai Lembah Silikon Timur (*Silicon Valley of the East*) untuk membolehkan kita terus berdaya saing bagi menjamin kedudukan Pulau Pinang sebagai penyumbang penting dalam sektor E & E negara dan dunia yang semakin membangun akibat perkembangan teknologi.

Manakala, peranan PTMP pula adalah untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas, khususnya dari segi menyediakan sistem pengangkutan awam rel Pulau Pinang yang pertama yang akan mengurangkan kebergantungan rakyat kita pada kenderaan persendirian. Projek ini akan membantu mengekalkan produktiviti dan daya saing negeri kita sebagai sebuah destinasi pelaburan dan pelancongan antarabangsa, selain menambah baik tahap kebolehhidupan dan kesejahteraan rakyat.

Semua usaha ini yang akan mengambil masa berpuluh tahun untuk direalisasikan harus dilaksanakan mengikut perancangan supaya Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam ekonomi dunia yang semakin mencabar. Sekiranya ditangguhkan lagi walaupun sudah diberi kelulusan yang berkaitan, pelaksanaan projek-projek akan memakan kos yang lebih tinggi di masa depan, dan Pulau Pinang akan kehilangan peluang untuk bersaing dengan negeri dan negara lain di rantau ini yang juga sedang berusaha keras untuk membangunkan sektor E & E di zon masing-masing.

Dengan mengambil kira semua faktor-faktor ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menangguhkan pelaksanaan kedua-dua projek ini yang melibatkan pelaburan domestik langsung yang akan menjana ekonomi negeri ini serta akan membantu memulihkan ekonomi negeri dan negara yang telah terjejas akibat pandemik COVID-19 ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd. Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

29. Sektor pelancongan antara punca pendapatan utama penduduk di KADUN Pulau Betong lumpuh setahun akibat pandemik.
- (a) Sila jelaskan perancangan pelan tindakan untuk pemulihan sektor pelancongan.

YAB. Ketua Menteri:

29. (a) Kerajaan Negeri telah menghasilkan Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan setelah beberapa siri perbincangan dibuat bersama antara Kerajaan Negeri dengan penggiat-penggiat pelancongan di negeri ini sejak tahun lepas. Dalam pelan tindakan tersebut, perancangan telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut:-

(i) **Tindakan Segera (*Immediate Action*)**

(a) **Kempen media sosial**

Sejak permulaan penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih memberi fokus kepada usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui media sosial. Bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan utama pilihan pelancong, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meningkatkan kekerapan hantaran (*posting*) dalam media sosial

sehingga berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menjalankan pengiklanan di media sosial untuk menonjolkan keistimewaan Pulau Pinang. Pengiklanan di media sosial akan dipaparkan di laman web *penangtraveldeals.com* di mana pembelian pakej secara langsung dengan penggiat-penggiat pelancongan yang berkenaan dapat dilaksanakan.

(b) Kempen “Yes, This is Penang & Penang Through Lenses”

Kempen ini akan menggalakkan lawatan semula (*revisitation*) ke Pulau Pinang dengan memberi tumpuan kepada pemasaran destinasi seperti Seberang Perai, Balik Pulau dan juga Teluk Bahang di mana destinasi-destinasi ini menawarkan seribu satu keistimewaan tersendiri yang menggambarkan keunikan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

(c) Kempen 7 World Wonders of Penang

Pulau Pinang juga terkenal dengan tempat tarikan pelancong yang tiada bandingan di dunia yang kini dijenamakan sebagai “7 World Wonders of Penang” iaitu The Habitat, Penang Hill, The Top Penang, The Gravityz, Tech Dome Penang, Entopia by Penang Butterfly Farm dan Escape Theme Park. Kempen ini akan mempromosikan ketujuh-tujuh tempat tarikan pelancong ini melalui media sosial, saluran-saluran Astro Radio dan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Kempen ini juga telah mendapat sambutan baik daripada media-media tempatan seperti RTM, surat khabar dan majalah-majalah tempatan.

(d) Penang Give You Peace of Mind

Dua (2) video promosi iaitu “Your Safety is Our Priority” dan “Thank You for Keeping Penang Safe” telah dihasilkan untuk kempen ini, di mana ia menonjolkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak dalam meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi yang selamat.

(e) Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang (COVID-19 Safety Accreditation Programme)

Akreditasi ini akan diberikan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi dan mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan. Proses audit yang menyeluruh juga akan dijalankan untuk memastikan semua garis panduan dan SOP dipatuhi sebelum kelulusan permohonan akreditasi tersebut. Pihak yang telah memenuhi SOP akreditasi ini akan diberi logo rasmi untuk dipamerkan di premis serta untuk kegunaan promosi dan pemasaran. Dengan mempamerkan logo akreditasi di premis-premis hotel dan tempat-tempat daya tarikan,

ia akan memberi keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada pelancong semasa melancong di Pulau Pinang.

(f) Kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”

Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melancarkan kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”. Kempen ini merupakan satu pendekatan berhemah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memberi peringatan kepada semua pihak mengenai kepentingan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan menjaga kebersihan diri sendiri semasa melancong di Pulau Pinang.

(ii) Tindakan Jangka Pendek dan Pertengahan (*Short-Midterm Action*)

Kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan dengan penggiat industri pelancongan seperti syarikat penerbangan, hotel penginapan, tempat tarikan dan ejen pelancongan untuk mengadakan pakej pelancongan yang menarik dengan tujuan memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa. Kempen-kempen yang telah dilaksanakan dalam fasa ini adalah seperti berikut:-

(a) *Outdoor Advertising Campaign in Kuala Lumpur – Covered Walkways*

Kempen pengiklanan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) pusat bandar Kuala Lumpur sedang diadakan selama 12 bulan mulai Disember 2020 di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan.

(b) *JOM! Experience Penang Campaign*

Dalam usaha mengukuhkan pelancongan domestik dalam kalangan penduduk tempatan, laman web *penangtraveldeals.com* telah dilancarkan untuk memberikan maklumat tumpuan kepada pelancong yang ingin melawat Pulau Pinang. “JOM! Experience Penang Campaign” menawarkan platform yang sesuai bagi mereka yang merancang perjalanan mereka dengan tawaran terbaik yang dibekalkan oleh hotel, tempat tarikan pelancong, pakej pelancongan, makanan dan gaya hidup (*Best Hotel Deals, Best Attraction Deals, Best Tour Packages, Best Food and Lifestyle Deals*) dan akan merangkumi tawaran syarikat penerbangan pada masa hadapan.

(c) *Penang Tour Packages Promotion Best Tour Packages*

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang bekerjasama dengan persatuan pelancongan iaitu *Malaysian Chinese Tourism Association* (MCTA) dalam mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara konsortium. MCTA mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara pakej berkumpulan untuk menggalakkan pelancongan domestik ke Pulau Pinang.

(d) *Pakej dengan Malaysia Airlines*

Malaysia Airlines Holidays: MHolidays sedang membangunkan pakej untuk Pulau Pinang dan akan dipromosikan melalui media sosial dan laman web Malaysia Airlines.

(e) Kempen Media dengan Sojern Travellers

Platform Sojern Traveller akan mengenal pasti, memahami dan mensasarkan pelancong pada semua peringkat perbelanjaan pengguna sambil menjalankan penyelidikan pasaran dan melaksanakan strategi pemasaran.

(f) Kempen media dengan Family Mart

Kempen media ini dijalankan dengan Family Mart bermula dari Disember 2020 sehingga Mac 2021 untuk mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi melancong.

Kerajaan Negeri juga giat mempromosikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pilihan utama MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*) melalui program *Business Events Penang Rejuvenation Plan 2021-2023*. Program ini bertujuan untuk mengembangkan industri '*business events*' berdasarkan 3 teras, iaitu kerjasama, sokongan dan digitalisasi

(iii) Tindakan jangka panjang (Long Term Action)

Pada fasa ini, Kerajaan Negeri akan memfokuskan pada pasaran antarabangsa setelah sempadan antarabangsa dibuka semula dan pelancongan antarabangsa diizinkan.

Kempen pemasaran akan dilakukan untuk memulihkan pasaran tumpuan pelancongan serta menerokai pasaran baharu dengan melibatkan pasaran antarabangsa dan domestik melalui iklan jenama untuk menggalakkan penambahan pelancong ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

30. Sejauh manakah sistem kesihatan awam negeri Pulau Pinang bersedia untuk berdepan dengan penularan varian Delta COVID-19 yang lebih mudah merebak serta menjangkiti individu lain dengan lebih pantas?
- (a) Bilakah jangkaan herd immunity boleh dicapai di Pulau Pinang?
- (b) Adakah vaksin yang disuntik kini mampu untuk melindungi rakyat daripada varian Delta dan Lambda?

YAB. Ketua Menteri:

30. Sistem kesihatan awam di negeri Pulau Pinang di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk menghadapi ancaman varian COVID-19 yang baru dan lebih cepat menular berbanding sebelumnya. Terdapat aktiviti-aktiviti yang dirangka untuk merealisasikan tujuan persediaan menghadapi ancaman tersebut berlandaskan beberapa perancangan:-
- (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil perhatian terhadap aktiviti virus yang menular dalam kluster-kluster komuniti atau tempat kerja yang dilihat berpotensi untuk menjadi penularan yang lebih ganas. Sampel akan dihantar untuk tujuan *Whole Genomic Sequencing* (WGS) ke *Institute of Medical Research* (IMR) untuk tujuan analisa penuh varian COVID-

19. Aktiviti ini telahpun bermula sejak pertengahan tahun 2021, dan sehingga 11 Ogos 2021 terdapat satu kes import varian Delta melibatkan seorang pengembara.

Kes Postitif Covid-19 dengan VOC dan VOI mengikut negeri sehingga 17 Ogos 2021

(i) Varian Beta

- (1) 3 Kes pekerja kapal (saringan kontak rapat)
- (2) 2 kes HCW *Breakthrough infections* (kedua-duanya HCW HPP; satu beralamat di SPU dan satu di TL)
- (3) 1 kes kluster Jalan Kampung Bukit
- (4) 2 kes kluster Lebuhraya Kurau Tiga

(ii) Varian Delta

- (1) 1 kes traveler dari Costa Rica (telah disembuh)

Rujuk **Lampiran 1**

- (a) Respon kesihatan awam terhadap COVID-19 juga sentiasa berterusan dengan menjalankan pemantauan survelan COVID-19 secara sentinel bagi mengesan jangkitan COVID-19 dalam kalangan klien Klinik Kesihatan yang bergejala. Dengan cara ini, mereka akan lebih cepat diisolasi untuk mengekang penularan dalam komuniti.
- (b) Bahagian kesihatan awam juga akan menjalankan kolaborasi dengan agensi awam dan jentera dibawah kerajaan negeri bagi membantu pengurusan pesakit COVID-19 dan kontak rapat yang sedang dalam tempoh kuarantin. Pematuhan SOP juga akan dititikberatkan melalui aktiviti penguatkuasaan kesihatan awam yang akan lebih dirancarkan lagi bagi memastikan penularan dapat dikawal di peringkat komuniti.
- (c) Walaupun kes Covid-19 harian kami tinggi (meningkat kepada 2500 kes), 98% tidak mempunyai gejala atau mempunyai gejala ringan tetapi jumlah kes Kategori 5 dengan jangkitan serius yang memerlukan rawatan di hospital meningkat kepada 21 kes pada 24 Ogos 2021. Oleh itu untuk mengelakkan 8,000 orang kuarantin dari rumah menjadi sakit ke kategori yang lebih tinggi, Dr Leong Ketua PKRC Kompleks Masyarakat Penyayang dengan kemudahan Oksigen untuk kes Kategori 3-4 dan saya telah memulakan Pasukan Tindakan Kecemasan Covid-19 untuk mempercepat 911 tindak balas, dan telah mula melatih 24 orang sukarelawan semalam di Dewan PINTAR Tmn Guar Perahu Penanti.

Secara kolektif, semua usaha yang dinyatakan akan membantu usaha Pulau Pinang dalam usaha menghadapi varian baru COVID-19 yang lebih cepat berjangkit dalam kalangan komuniti.

Capai *Herd Immunity* apabila 80% telah menerima kedua-dua Covid-19. Sehingga 25.8.21, 79.9% dewasa di Pulau Pinang telah menerima Dos 1 dan 50.5% dewasa menerima Dos 2. Rujuk **Lampiran 2**

Vaksin kini mampu melindungi rakyat daripada mendapat kategori penyakit Covid-19 yang lebih teruk.

LAMPIRAN 1

STATUS TERKINI COVID-19 MALAYSIA
BILANGAN KES POSITIF COVID-19 DENGAN VOC & VOI
MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 17 OGOS 2021
18.8.2021



NEGERI	VOC (VARIANT OF CONCERN)			VOI (VARIANT OF INTEREST)			JUMLAH
	ALPHA	BETA	DELTA	KAPPA	THETA	ETA	
SELANGOR	8	48	69(38)	1	0	0	126(38)
KELANTAN	0	25	3	0	0	0	28
SARAWAK	0	47	272	0	13	1	333
K. LUMPUR	3	9	18(5)	0	0	2	32(5)
KEDAH	0	14	13	0	0	0	27
PERAK	0	16	4	0	0	0	20
JOHOR	0	10	16	3	0	0	29
PUTRAJAYA	0	3	6	0	0	0	9
TERENGGANU	0	9	7	0	0	0	16
N. SEMBILAN	0	3	9	0	0	0	12
SABAH	3	4	4	0	0	0	11
PERLIS	0	4	4	0	0	0	8
P. PINANG	0	8	1	0	0	0	9
MELAKA	0	7	8	0	0	0	15
LABUAN	0	0	14	0	0	0	14
PAHANG	0	2	19	0	0	0	21
JUMLAH	14	209	467(43)	4	13	3	710(43)

*B.1.1.7 - VARIAN ALPHA *B.1.351 - VARIAN BETA *B.1.617.2 - VARIAN DELTA
*P.3 - VARIAN THETA *B.1.525 - VARIAN ETA *B.1.617.1 - VARIAN KAPPA () = Kes baharu

LAMPIRAN 2

25 OGOS 2021
11:59 MALAM

JUMLAH KUMULATIF PEMBERIAN DOS VAKSIN

JUMLAH PEMBERIAN DOS 1 & DOS 2

32,635,907

NEGERI	DOS 1	DOS 2	% POPULASI KESELURUHAN		% POPULASI DEWASA	
			DOS 1	DOS 2	DOS 1	DOS 2
MALAYSIA	18,792,979	13,842,928	57.5	42.4	80.3	59.1
W.P. LABUAN	69,501	63,575	69.8	63.8	101.5*	92.8
LEMBAH KLANG	6,775,251	5,356,312	80.4	63.6	109.9*	86.9
SARAWAK	1,840,963	1,754,803	65.4	62.3	90.1	85.9
NEGERI SEMBILAN	748,658	606,482	66.3	53.7	91.9	74.5
PERLIS	149,645	115,615	58.7	45.4	82.6	63.8
MELAKA	516,872	343,118	55.4	36.8	76.3	50.7
PULAU PINANG	1,092,150	690,486	61.6	38.9	79.9	50.5
PAHANG	716,724	544,132	42.7	32.4	61.0	46.3
TERENGGANU	619,737	360,185	49.2	28.6	76.7	44.6
PERAK	1,132,969	822,704	45.1	32.8	60.8	44.2
JOHOR	1,948,209	1,129,279	51.5	29.9	71.8	41.6
KELANTAN	691,374	503,902	36.3	26.4	55.9	40.8
KEDAH	987,048	619,577	45.2	28.4	64.1	40.2
SABAH	1,503,878	932,758	38.5	23.9	54.5	33.8

aratusan vaksinasi bagi W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya dan Selangor telah digabungkan untuk
menunjukkan liputan di sekitar Lembah Klang.

SUMBER: CITF

elebihi 100% kerana statistik kependudukan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia tidak mengambil
ra perubahan populasi sejak Banci akhir, penduduk tanpa dokumen serta vaksinasi yang diberi kepada
anduduk tanpa dokumen dan golongan bukan pemastautin.

vaksincovid.gov.my

LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.



**JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)**

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

31. Berapakah jumlah terkini pemohon rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah mengikut daerah?
- (a) Pecahan mengikut umur dan jumlah kelulusan yang telah diperolehi daripada permohonan tersebut.

YAB. Ketua Menteri:

31. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima permohonan Rumah Mampu Milik (RMM) sepanjang masa yang direkodkan di dalam Sistem Maklumat Perumahan. Rekod terkini menunjukkan bahawa jumlah pemohon adalah sebanyak 74,884 dengan pecahan RMM A sebanyak 41,497 dan RMM B sebanyak 33,387 berdasarkan data 2008 hingga 2021.

Sepanjang tempoh 2013 hingga 2021, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPP) / *Selection and Process Enhancing Committee* (SPEC) telah meluluskan penawaran kepada 42,033 pemohon RMM A dan RMM B. Senarai menunggu semasa adalah berjumlah 28,349 dengan pecahan RMM A sebanyak 12,188 dan RMM B sebanyak 16,161. Senarai menunggu terbesar adalah di daerah Timur Laut sebanyak 13,592 (48%) melibatkan 2,581 permohonan bagi RMM A dan 11,011 permohonan bagi RMM B. Pecahan pemohon dan senarai menunggu mengikut daerah dan umur seperti di **LAMPIRAN A** yang telah diletakkan di atas meja Yang Berhormat.

LAMPIRAN A

SENARAI PERMOHONAN BAGI RMM A DAN B MENGIKUT PECAHAN UMUR DAN DAERAH
BAGI TEMPOH MULAI 2008 HINGGA 2021

DAERAH PILIHAN	RUMAH MAMPU MILIK A					RUMAH MAMPU MILIK B				
	21-30	31-40	41-50	51-60	61 DAN KE ATAS	21-30	31-40	41-50	51-60	61 DAN KE ATAS
Timur Laut	496	3714	2999	2048	2326	2663	9443	3851	2015	1874
Barat Daya	1232	4081	2517	1493	1372	1178	3116	1085	482	352
Seberang Perai Utara	766	2730	1780	920	518	466	1379	473	179	90
Seberang Perai Tengah	1184	3271	1973	1042	654	387	1516	481	191	112
Seberang Perai Selatan	501	1455	1190	818	417	334	1048	444	160	68
Jumlah	4179	15251	10459	6321	5287	5028	16502	6334	3027	2496
	41497					33387				
	74884									

SENARAI MENUNGGU RMM A DAN B MENGIKUT DAERAH DAN UMUR
BAGI TEMPOH MULAI 2008 HINGGA 2021

DAERAH PILIHAN	RUMAH MAMPU MILIK A					RUMAH MAMPU MILIK B				
	21-30	31-40	41-50	51-60	61 DAN KE ATAS	21-30	31-40	41-50	51-60	61 DAN KE ATAS
Timur Laut	301	1057	572	307	344	2272	5430	1721	880	708
Barat Daya	737	1486	639	334	240	758	760	208	93	38
Seberang Perai Utara	431	1124	625	276	107	312	570	177	66	16
Seberang Perai Tengah	488	961	524	240	104	279	436	134	37	14
Seberang Perai Selatan	256	525	321	155	34	278	649	232	75	18
Jumlah	2213	5153	2681	1312	829	3899	7845	2472	1151	794
	12188					16161				
	28349									

ID159/04

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

32. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Bekerja dari Rumah (BDR) dan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) merupakan norma baharu dalam kehidupan sekarang. Kebanyakan rakyat mengalami masalah rangkaian Internet yang lemah di kawasan perumahan.
- (a) Apakah usaha dan penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi cabaran/masalah ini bagi memperluaskan rangkaian dan meningkatkan kelajuan Internet demi kebajikan rakyat negeri?

YAB. Ketua Menteri:

32. (a) Bagi memperluaskan rangkaian dan memastikan liputan internet yang baik di seluruh Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan sembilan (9) syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi iaitu Celcom Networks Sdn. Bhd., Maxis Broadband Sdn. Bhd., Digi Telecommunications Sdn. Bhd., UMobile Sdn. Bhd., Telekom Malaysia Berhad, TIME dotcom Berhad, YTL Communications Sdn. Bhd., Webe Digital Sdn. Bhd. dan Allo Technology Sdn. Bhd. telah merangka Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang atau *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) selaras dengan aspirasi negara iaitu melalui perancangan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Strategi pelaksanaan PCMP ini merangkumi aspek pembangunan infrastruktur telekomunikasi, pengurusan tadbir urus yang lebih cekap dan peningkatan kesedaran awam terhadap pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang. Bagi pengukuhan infrastruktur telekomunikasi di seluruh Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri turut menyediakan insentif memudahkan cara kepada syarikat telekomunikasi bagi merencanakan pembangunan jaringan telekomunikasi di Pulau Pinang. Melalui perancangan PCMP, Kerajaan Negeri telah menetapkan enam (6) Indeks Prestasi Utama (KPI) dalam usaha menaik taraf infrastruktur telekomunikasi iaitu:

- (i) 100% ketersediaan kelajuan Gigabit di Ibu Negeri dan kawasan berimpak tinggi di Pulau Pinang menjelang tahun 2023;
- (ii) 50% premis di kawasan berimpak rendah tersedia dengan capaian sehingga 500 Mbps menjelang tahun 2025;
- (iii) Ketersediaan 100% rangkaian gentian fiber optik di sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan pejabat pos menjelang tahun 2025;
- (iv) Kelajuan purata jalur lebar mudah alih 50 Mbps di 100% kawasan berpenduduk menjelang tahun 2025;
- (v) *Drop Call Rate* (DCR) kurang daripada 3% dan *Call Setup Successful Rate* (CSSR) sama atau melebihi 95% di kawasan *Green Connector* di Pulau Pinang menjelang tahun 2023; dan
- (vi) 90% jumlah aduan mengenai struktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang dapat diselesaikan.

Selain itu, usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan liputan internet dalam keadaan baik adalah melalui perancangan inisiatif strategik PCMP seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan kaedah fiberisasi baharu;

- (ii) Menyediakan pelan insentif bukan kewangan kepada syarikat NFP sebagai galakan untuk ketersediaan infrastruktur jalur lebar gentian optik di kawasan berimpak rendah;
- (iii) Menyediakan infrastruktur gentian optik di sekolah-sekolah milik Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan Projek Gigabit City oleh pihak TT Dot Com;
- (iv) Menyediakan infrastruktur gentian optik di semua sekolah-sekolah di bawah KPM melalui pelaksanaan projek KKMM (*School Fiberization*) merangkumi jajaran agensi-agensi kerajaan;
- (v) Mengkaji semula Garis Panduan Pembinaan Menara Telekomunikasi Tahun 2015;
- (vi) Mewujudkan garis Panduan *Smart Street Pole* di Negeri Pulau Pinang;
- (vii) Mewujudkan Garis Panduan Perabot Jalan Negeri Pulau Pinang;
- (viii) Mewujudkan garis panduan penggunaan *Minor Communication Infrastructure* (MCI);
- (ix) Melaksanakan Projek *Smart Street Pole* di Negeri Pulau Pinang;
- (x) Melaksanakan Projek *Micro Cell* menggunakan Perabot Jalan Negeri Pulau Pinang;
- (xi) Menyediakan garis panduan bagi pembinaan struktur telekomunikasi di atas tanah kerajaan/bangunan kerajaan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri;
- (xii) Mewujudkan permohonan pembinaan struktur telekomunikasi di atas tanah milik Wakaf Pulau Pinang;
- (xiii) Menggunakan konsep *Smart Street Pole* di jajaran *Green Connector*;
- (xiv) Mewujudkan *Standard Operating Procedure* (SOP) Bantahan Penduduk Bagi Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang;
- (xv) Menganjurkan seminar EMF secara berkala kepada rakyat Negeri Pulau Pinang;
- (xvi) Menganjurkan program kesedaran EMF kepada pelajar sekolah;
- (xvii) Mempromosikan video penerangan EMF oleh pihak MCMC;
- (xviii) Menyediakan Garis Panduan Fiberisasi di Negeri Pulau Pinang;
- (xix) Mewajibkan perkongsian infrastruktur dalam kalangan syarikat telekomunikasi
- (xx) Menguatkuasakan pemasangan komunikasi sebagai infrastruktur asas melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS); dan
- (xxi) Menaik taraf infrastruktur *copper* kepada gentian optik;

Kerajaan Negeri amat komited untuk memastikan ketersediaan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang untuk menghadapi cabaran norma baharu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Pengajaran dan Pembelajaran di

Rumah (PdPR), penyertaan dalam ekonomi digital, penerimaan *Industrial Revolution* (IR) 4.0 serta capaian kepada teknologi terbaru seperti 5G.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

33. Rancangan pembangunan berskala besar di Pulau Jerejak.
- (a) Apakah status dan perkembangan terkini projek pembangunan tersebut?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengazetkan Pulau Jerejak sebagai tapak warisan UNESCO sekiranya projek pembangunan seperti yang dirancang tidak diteruskan?
 - (c) Apakah kesan dan manfaat projek tersebut kepada masyarakat sekitar?

YAB. Ketua Menteri:

33. (a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) pada mesyuarat Bil. 9/2016 pada 30 Ogos 2016 dan disahkan pada 29 September 2016 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan Bercampur Bagi Lot-Lot PT 1962 – 1965 Serta Tanah Kerajaan 'Petak A', 'Petak B', 'Petak C' Mukim 13, DTL, Serta Tanah Kerajaan, 'Petak E, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. (TIRSB).

Pihak TIRSB telah mengemukakan satu perancangan di atas Pulau Jerejak melalui permohonan kebenaran merancang kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang diluluskan pada 20 Mac 2018 dan perlanjutan ketiga (Ext. 3) telah diberikan sehingga 19 Mac 2022.

Perancangan tersebut adalah bagi cadangan:

- (i) Merobohkan sebuah hotel dan blok-blok kemudahan hotel; dan
- (ii) Mendirikan pembangunan bercampur berfasa. Pelan perancangan ini terdiri daripada:

Fasa 1

- (a) Satu (1) blok hotel 10-tingkat (350 bilik) dengan tempat letak kereta 2-tingkat di paras 'lower ground' 1-2; dan
- (b) Satu (1) rumah kelab empat (4) tingkat.

Fasa 2

Kemajuan masa hadapan untuk tujuan kediaman dan kedai / pejabat.

Fasa 3

- (a) Tiga (3) blok pangsapuri perkhidmatan 10-tingkat (450 unit) dengan tempat letak kereta 3-tingkat di paras 'lower ground' 1-3; dan
- (b) Kedai/pejabat lima (5) tingkat (60 unit) dengan tempat letak kereta 5-tingkat di paras 'lower ground' – 4.

Fasa 4

- (a) Dua (2) blok kondominium 10-tingkat (556 unit) dengan tempat letak kereta 3-tingkat di paras 'lower ground' 1-3; dan
- (b) Villa empat (4) tingkat (44 unit).

Fasa 5

Satu (1) blok pangsapuri perkhidmatan 10-tingkat (180 unit) dengan tempat letak kereta 2-tingkat di paras 'lower ground' 1-2.

- (i) Cadangan tapak Tenaga Nasional Berhad (TNB) seluas 28meter persegi bagi tujuan gantian tanah untuk Lot 6340 (keluasan lot 23meter persegi) di atas Lot-Lot PT1963, PT1964, sebahagian Lot 11254, sebahagian Lot 1701, 'Petak A', Sebahagian 'Petak B' dan 'Petak C', Pulau Jerejak, dan Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Permohonan Kebenaran Merancang di Fasa 2 daripada Tetuan TIRSB masih dalam pertimbangan MBPP iaitu bagi cadangan:

- (i) Merobohkan struktur bangunan lama atas tapak; dan
- (ii) Mendirikan pembangunan bercampur.

Pihak MBPP juga telah meluluskan Kebenaran Merancang kepada Tetuan *Boustead Penang Shipyard Sdn. Bhd.* pada 20 Ogos 2019 bagi kerja-kerja telah dijalankan untuk cadangan membina satu (1) unit limbungan kapal, pencawang elektrik TNB dan tandas sedia ada di atas sebahagian Lot 3222, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Jerejak, Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dimaklumkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Jabatan Warisan Negara mengenai cadangan MOTAC untuk mewartakan Pulau Jerejak sebagai Tapak Warisan Dunia *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Cadangan pihak MOTAC ialah mewartakan keseluruhan tapak- *tapak* warisan yang berada di atas Pulau Jerejak.

Pihak Kerajaan Negeri berpandangan bahawa sekiranya cadangan untuk mewartakan Pulau Jerejak sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, pihak MOTAC perlulah mengambil kira kebenaran merancang yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, MBPP (MBPP/OSC/PM3350/17(LB) yang telah diluluskan pada 20 Mac 2018 iaitu termasuk pengambilan balik tanah yang dimiliki oleh pemaju Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. (TIRSB).

Kos keseluruhan pengambilan balik tersebut beserta dengan kerugian yang akan dituntut oleh pemaju tersebut perlu dibiayai sepenuhnya sendiri oleh pihak MOTAC.

Walau bagaimanapun, sekiranya projek pembangunan seperti yang dirancang tidak diteruskan, Kerajaan Negeri boleh meneruskan hasrat pihak MOTAC untuk mengazetkan semula kawasan Pulau Jerejak sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Sekiranya projek pembangunan tersebut berjalan lancar, sektor pelancongan akan menjadi sektor utama kepada penduduk Pulau Pinang khususnya bahagian pembangunan yang diintergrasikan dengan sistem kediaman yang lebih dinamik termasuk perniagaan, perhotelan dan pangsapuri perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, secara tidak langsung pembangunan ini akan membantu dari segi penjanaan dan peningkatan sektor ekonomi Negeri Pulau Pinang dan membuka peluang pekerjaan dalam sektor industri pelancongan yang dibangunkan bagi masyarakat setempat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

34. Pengajaran dan Pembelajaran secara online sedang dilaksanakan untuk semua tahap pendidikan dalam suasana pandemik ini. Kerajaan Persekutuan PN telah gagal membekalkan 150,000 komputer riba kepada pelajar B40 seperti yang dijanjikan.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu para pelajar yang telah terkesan dengan keadaan ini, supaya mereka tidak tercicir dalam pendidikan?

YAB. Ketua MenteriL

34. (a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama *Malaysia Semiconductor Industry Association* (MSIA) telah berjaya menyediakan sebanyak 1,552 buah komputer riba kepada para pelajar daripada golongan B40 di Negeri Pulau Pinang di bawah Program Inisiatif Dan Sokongan Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Tahun 2021 atau e-Pembelajaran. Pecahan pemberian komputer riba mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Unit komputer riba
Timur Laut	504
Barat Daya	272
Seberang Perai Utara	424
Seberang Perai Tengah	220
Seberang Perai Selatan	132
Jumlah	1,552

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa e-Pembelajaran tahun 2021 juga telah memperuntukkan sebanyak 100 buah komputer riba terpakai secara pinjaman pajakan selama enam (6) bulan kepada pelajar sekolah menengah. Walau bagaimanapun, skim pajakan ini masih dalam peringkat pengagihan kepada para pelajar yang memerlukan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

35. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menggubal undang-undang tempatan bagi mengawal pembangunan tanah lot/lot lidi yang dijual secara berleluasa untuk pembinaan rumah?

YAB. Ketua Menteri:

35. Secara umumnya, pengawalan pembangunan tanah termasuk melibatkan lot pertanian/lot lidi adalah pada masa ini tertakluk kepada undang-undang di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Kanun Tanah Negara (KTN).

Berdasarkan KTN, pembinaan rumah di atas tanah bagi kategori pertanian tidak boleh meliputi lebih daripada satu perlima keseluruhan keluasan tanah itu atau dua hektar, mengikut mana yang lebih kurang.

Dari aspek perundangan tanah, tiada perancangan bagi penggubalan undang-undang bagi pengawalan pembangunan melibatkan lot pertanian/lot lidi dan sebarang tindakan penguatkuasaan bagi pengawalan isu ini akan berpandukan undang-undang sedia ada. Namun begitu, satu garis panduan berkaitan pecah bahagian tanah bagi menangani isu ini secara tidak langsung akan dikuatkuasakan dalam tempoh terdekat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

36. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dan jumlah lot yang disewa di Penang Halal Park? Mohon diberikan perincian status dan perancangan yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri bagi perkara tersebut.

YAB. Ketua Menteri:

36. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mewujudkan Penang Halal Park (PHP) dalam kawasan perindustrian PDC di Penang Science Park (PSP) dan Penang Science Park North (PSPN) masing-masing dengan keluasan 53 ekar dan 84 ekar. Sehingga kini sebanyak 29 buah syarikat telah membeli tanah industri dengan keluasan keseluruhan 94 ekar untuk tujuan memulakan dan pengembangan perniagaan mereka.

Kawasan PSP dan PSPN juga telah mendapat pengiktirafan sijil Halmas daripada Halal Development Corporation (HDC) bagi melayakkan para pelabur untuk menikmati insentif serta galakan cukai. Ini bagi membantu pelabur untuk meningkatkan daya saing dalam industri makanan halal termasuk bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Antara usaha/perancangan yang dijalankan oleh Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) selaku agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berperanan untuk mempromosikan Penang Halal Park (PHP) kepada pelabur untuk melabur di PHP adalah menerusi penyertaan dalam pameran, expo perdagangan, rangkaian penglibatan perniagaan dan kerjasama dengan agensi lain seperti :

- (i) Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) pada 9 September hingga 31 Disember 2021;
- (ii) Selangor International Business Summit pada 7 hingga 10 Oktober 2021 yang akan diadakan secara maya;
- (iii) Penglibatan dalam forum dan persidangan yang dianjurkan oleh PHI dan rakan strategik PHI;
- (iv) Penganjuran International Inspirasi Khadijah Virtual 2021 dan Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC) yang dijadualkan pada bulan November hingga Disember 2021; dan
- (v) Penyertaan ke Expo Dubai 2020 pada 16 hingga 22 Januari 2022 dengan mengadakan business matching dan *pocket talk* khas untuk mempromosikan pelaburan ke PHP.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

37. Masa bertindak (*response time*) untuk pesakit COVID-19.
- (a) Apakah kadar masa bertindak Jabatan Kesihatan Negeri terhadap pesakit COVID-19 mengikut daerah di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah kadar kes brought-in-dead (BID) COVID-19 di Pulau Pinang mengikut daerah?

YAB. Ketua Menteri:

37. (a) Semua kes COVID-19 di Pulau Pinang yang telah dikenal pasti perlu dinotifikasikan segera kepada pihak kesihatan (Pejabat Kesihatan Daerah atau

Jabatan Kesihatan Negeri) untuk pemakluman dalam tempoh 24 jam. Seterusnya, dalam tempoh 24 jam berikutnya, kes akan disiasat dan kontak rapat akan dikenal pasti untuk saringan dan pemberian arahan kuarantin mengikut ketetapan garis panduan pengurusan kes COVID-19 dan kontak rapat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Tatacara ini adalah “*standard operating procedure*” yang digunapakai oleh semua daerah di Pulau Pinang.

(i) **Penambahbaikan Perkhidmatan Pra Hospital bagi Kes-kes Kecemasan Covid-19**

Dr Leong Head of PKRC Komplex Masyarakat Penyayang with Oxygen facilities for Category 3-4 telah menubuhkan *Covid-19 Emergency Response Team* telah dapat konsensus dari pakar-pakar perubatan kecemasan untuk menambah baik perkhidmatan pra hospital untuk kes-kes kecemasan COVID-19. Ambulans, telefon dan sebagainya telah sedia ada. 24 sukarelawan sedang dilantik di Dewan PINTAR Taman Guar Perahu, Penanti menjadi Back-End untuk bantu panggilan kecemasan 999.

(ii) **Ringkasan Eksekutif**

Bilangan kes COVID-19 melonjak secara mendadak sejak 3 minggu yang lalu. Sejajar dengan lonjakan ini, maka bilangan panggilan kecemasan ke talian 999 juga meningkat melepasi ambang jumlah panggilan yang diterima sebelum ini. Keadaan ini, jika tidak ditangani dengan penambahbaikan dalam model penyampaian perkhidmatan sedia ada akan melumpuhkan keseluruhan system perkhidmatan pra hospital di negeri Pulau Pinang.

Untuk memastikan setiap panggilan kecemasan melalui 999 ditangani dengan baik, maka beberapa cadangan di bawah dikemukakan:

- (a) Pengalihan panggilan kecemasan COVID-19 yang tidak mengancam nyawa ke COVID-19 *Emergency Helpline*
- (b) Mewujudkan perkhidmatan Kenderaan Pesakit COVID-19 Berisiko Tinggi (*COVID-19 High Risk Patient Transport Service Vehicle*)

(iii) **Penang COVID-19 Emergency Helpline**

Satu talian khusus untuk menguruskan semua pesakit COVID-19 yang memohon bantuan melalui talian 999 perlu diwujudkan dengan kadar segera. Talian ini hanya berfungsi sebagai talian sokongan kepada talian 999 sekiranya panggilan memenuhi tiga kriteria seperti berikut:

- (a) Bukan panggilan kecemasan yang mengancam nyawa (event code: *ECHO*).
- (b) Panggilan adalah berkaitan dengan pesakit positif COVID-19 sama ada melalui ujian makmal maupun ujian sendiri.
- (c) Pesakit tidak mengalami sesak nafas dan tidak mampu berjalan.
- (d)

(iv) **Petugas di Penang COVID-19 Emergency Helpline**

Penang COVID-19 Emergency Helpline akan menggunakan khidmat sukarelawan bukan perubatan. Mereka akan bekerja dalam 2 syif dan 2 petugas setiap syif.

(v) **Lokasi Penang COVID-19 Emergency Helpline**

Pusat Panggilan

Jabatan Kecemasan dan Trauma,
Hospital Pulau Pinang,
Jalan Resideni,
10990 George Town,
Pulau Pinang

(vi) **Back-End Support**

(a) Dewan PINTAR Taman Guar Perahu, Penanti

(vii) **Waktu Operasi**

(b) 8 pagi – 4 petang, 4 petang – 12 tengah malam

(viii) **Pengoperasian**

- (a) Menerima nombor telefon pemanggil dari MECC Seberang Jaya
- (b) Mendapatkan informasi lanjut dari pesakit
- (c) Dispatch pasukan COVID-19 High Risk PTSV
- (d) Keputusan keperluan untuk menggunakan ambulans
- (e) Keputusan untuk pesakit tetap berada di rumah


(b) Terdapat 97 kes kematian diklasifikasi sebagai kes BID di Pulau Pinang sehingga 25 Ogos 2021. **Lampiran A** menunjukkan maklumat terperinci.

Jadual dibawa menunjukkan *Death Trend* dan *Cumulative BID* Pecahan sehingga 10 Ogos mengikut Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti berikut:-

Barat Daya	5
Seberang Perai Selatan	5
Seberang Perai Tengah	8
Seberang Perai Utara	8
Timur Laut	17

LAMPIRAN A


Penang State Total Covid-19 Death Trend




Exponential increment over the last 7 weeks with ICU at full capacity.

Announced by KKM 274

Penang State Cumulative BID



This is worrying. The cumulative BID numbers had shown sharp increase over the last 6 weeks.



Penambahbaikan
Perkhidmatan Pra Hospital bagi
Kes-kes Kecemasan COVID-19

LAMPIRAN B

KANDUNGAN

1

Kertas Kerja

Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma Negeri Pulau Pinang




Pengenalan.....	2
Ringkasan Eksekutif.....	2
COVID-19 Emergency Helpline	3
Sistem Panggilan Kecemasan	3
Penang COVID-19 Emergency Helpline.....	3
COVID-19 High Risk PTSV	9
Pengangkutan Pesakit COVID-19 di Negeri Pulau Pinang	9
Modifikasi Van Penumpang untuk digunakan sebagai High Risk Patient Transport Service Vehicle.....	10
Modus Operandi.....	9
Penutup.....	16

PENGENALAN

2

Ringkasan Eksekutif

Bilangan kes COVID-19 melonjak secara mendadak sejak 3 minggu yang lalu. Sejajar dengan lonjakan ini, maka bilangan panggilan kecemasan ke talian 999 juga meningkat melepasi ambang jumlah panggilan yang diterima sebelum ini. Keadaan ini, jika tidak ditangani dengan penambahbaikan dalam model penyampaian perkhidmatan sedia ada akan melumpuhkan keseluruhan system perkhidmatan pra hospital di negeri Pulau Pinang.



Untuk memastikan setiap panggilan kecemasan melalui 999 ditangani dengan baik, maka beberapa cadangan di bawah dikemukakan:

1. Pengalihan panggilan kecemasan COVID-19 yang tidak mengancam nyawa ke COVID-19 Emergency Helpline
2. Mewujudkan perkhidmatan Kenderaan Pesakit COVID-19 Berisiko Tinggi (COVID-19 High Risk Patient Transport Service Vehicle)

Kedua-dua mekanisme baru di atas akan dapat mengekalkan mutu perkhidmatan sedia ada tanpa mengabaikan pesakit COVID-19. Cadangan ini juga telah mengambil kira kekangan bilangan ambulans sedia ada dan juga sumber manusia kesihatan yang terhad.

COVID-19 Emergency Helpline

3

Sistem Panggilan Kecemasan

Talian 999 merupakan nombor utama untuk pengurusan kes-kes kecemasan perubatan di Malaysia. Pesakit yang memerlukan bantuan kecemasan atau ambulans akan menghubungi talian 999 dan diproses menggunakan sistem *Medical Priority Dispatch System* (MPDS) yang berasaskan *evidence base* dan bertaraf antarabangsa.

Namun begitu, dengan peningkatan jumlah panggilan yang terlalu mendadak dalam gelombang COVID-19 pada masa ini, kekangan dalam jumlah *work station* dan sumber manusia terlatih untuk mengekalkan standar perkhidmatan talian 999 akan tergugat.


Oleh yang demikian, satu mekanisme baru yang tidak bergantung pada *work station* maupun sumber manusia terlatih perlu dilaksanakan dengan kadar segera. Disamping itu, sistem ini haruslah mampu digandingkan dengan sistem MPDS sedia ada dan menyokong pesakit-pesakit COVID-19 yang memohon bantuan menerusi talian 999.

Penang COVID-19 Emergency Helpline

Satu talian khusus untuk menguruskan semua pesakit COVID-19 yang memohon bantuan melalui talian 999 perlu diwujudkan dengan kadar segera. Talian ini hanya berfungsi sebagai talian sokongan kepada talian 999 sekiranya panggilan memenuhi tiga kriteria seperti berikut:

1. Bukan panggilan kecemasan yang mengancam nyawa (*event code: ECHO*).
2. Panggilan adalah berkaitan dengan pesakit positif COVID-19 samada melalui ujian makmal maupun ujian sendiri.
3. Pesakit tidak mengalami sesak nafas dan tidak mampu berjalan.

**Carta Alir Penerimaan Panggilan Kecemasan
MERS 999 di MECC Seberang Jaya Semasa
Pandemik COVID-19**



Rajah 1: Cadangan carta alir pengalihan panggilan kecemasan ke COVID-19 Emergency Helpline dari MECC Seberang Jaya

5

ID728/06

Sebaik sahaja ketiga-tiga kriteria dipenuhi, penerima panggilan (*call taker*) akan melakukan tindakan berikut:

1. Menetapkan event code sebagai 26-A-2C (*sick person with sign/symptom of COVID-19*)
2. *Exit case* dari sistem
3. Menamatkan panggilan dengan jaminan bahawa pemanggil akan dihubungi semula oleh petugas Penang COVID-19 Emergency Helpline dalam kadar segera
4. Memberikan nombor telefon kepada petugas di Penang COVID-19 Emergency Helpline

Semua kes-kes yang tidak berkaitan dengan COVID-19 dan semua kes mengancam nyawa (samaada COVID-19 atau bukan), kes-kes sesak nafas dan tidak mampu berjalan perlulah diuruskan dengan protokol sedia ada di MECC Seberang Jaya.

Petugas di Penang COVID-19 Emergency Helpline

Penang COVID-19 Emergency Helpline akan menggunakan khidmat sukarelawan bukan perubatan. Mereka akan bekerja dalam 2 syif dan 2 petugas setiap syif.

Lokasi Penang COVID-19 Emergency Helpline

Pusat Panggilan, Jabatan Kecemasan dan Trauma,
Hospital Pulau Pinang,
Jalan Residen, 10990 George Town,
Pulau Pinang


Waktu Operasi

8 pagi – 4 petang, 4 petang – 12 tengah malam

5

ID728/06

Carta Alir Penang COVID-19 Emergency Helpline



Rajah 2: Cadangan carta alir pengurusan pesakit di Penang COVID-19 Emergency Helpline

Pengoperasian

1. Menerima nombor telefon pemanggil dari MECC Seberang Jaya
 - a. Nombor telefon pemanggil akan diberikan kepada petugas COVID-19 Emergency Helpline selepas mengenal pasti pesakit yang tidak mengancam nyawa.
2. Mendapatkan informasi lanjut dari pesakit
 - a. Petugas COVID-19 Emergency Helpline akan menghubungi pemanggil untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai demografi pesakit.
 - b. Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah nama pesakit, nombor kad pengenalan / nombor pengenalan diri pesakit, dan alamat / lokasi dimana pesakit berada.
3. Dispatch pasukan COVID-19 High Risk PTSV
 - a. Pasukan COVID-19 High Risk PTSV yang paling dekat dengan lokasi pesakit akan diaktifkan oleh petugas COVID-19 Emergency Helpline bagi semua kes tanpa kecuali.
 - b. Maklumat yang telah diperoleh dari pemanggil akan dihantar kepada pasukan COVID-19 High Risk PTSV berkenaan.
4. Keputusan keperluan untuk menggunakan ambulans
 - a. Selepas penilaian dilakukan oleh pasukan COVID-19 High Risk PTSV, dan jika timbul keperluan untuk menggunakan perkhidmatan ambulans, maka petugas COVID-19 Emergency Helpline akan menerima arahan dari pasukan COVID-19 High Risk PTSV untuk mengaktifkan ambulans untuk pesakit berkenaan.
 - b. Petugas COVID-19 Emergency Helpline akan menghubungi MECC dengan segera untuk memohon pengaktifan ambulans sebagai *tier 2 respond*.
 - c. Ambulans akan dihantar oleh MECC untuk mengambil alih rawatan pesakit berkenaan dari pasukan High Risk PTSV di lokasi.
5. Keputusan untuk pesakit tetap berada di rumah

- a. Sekiranya pasukan COVID-19 High Risk PTSV membuat keputusan bahawa pesakit boleh kekal berada di rumah dan tak perlu dibawa ke fasiliti kesihatan, maka petugas COVID-19 Emergency Helpline akan diberitahu.
- b. Petugas COVID-19 Emergency Helpline akan melengkapkan surat rujukan mengikut templat yang telah disediakan dan memanjangkan rujukan tersebut ke CAC yang berkenaan.

Keperluan


1. 2 unit telefon untuk membuat panggilan keluar
2. 1 unit telefon pintar untuk membuat panggilan whatsapp
3. 1 unit desktop / laptop (Processor i5 11th generation atau lebih baik) untuk memasukkan data

COVID-19 High Risk PTSV

Pengangkutan Pesakit COVID-19 di Negeri Pulau Pinang

Sejak 28 Disember 2019, pesakit COVID-19 berisiko rendah yakni kategori 1 dan 2, adalah diangkut menggunakan kenderaan bukan ambulans yang disediakan oleh Pusat Kawalan Bersepadu Negeri Pulau Pinang (PUCC), manakala semua kes yang berisiko tinggi, yakni kategori 3, 4 dan 5 adalah menggunakan ambulans yang disediakan oleh perkhidmatan pra hospital Negeri Pulau Pinang. Perkhidmatan kenderaan bukan ambulans yang disediakan oleh PUCC telah berjaya mengekalkan fungsi perkhidmatan ambulans di seluruh Negeri Pulau Pinang tanpa terjejas oleh lonjakan kes-kes COVID-19 sehingga akhir bulan Julai 2021.

Seiring dengan peningkatan kes-kes berisiko tinggi bagi pesakit COVID-19 sejak bulan Julai 2021 yang lalu, maka purata permohonan bagi perkhidmatan ambulans kecemasan juga meningkat lebih dari 60% pada bulan Ogos berbanding dengan bulan Jun 2021. Adalah dianggarkan bahawa jumlah permohonan perkhidmatan ambulans kecemasan akan terus meningkat melebihi 200 kes setiap hari pada bulan September 2021.



Majoriti perkhidmatan ambulans kecemasan adalah disediakan oleh pihak Jabatan Kecemasan dan Trauma di 6 hospital di seluruh Negeri Pulau Pinang. Disamping itu, beberapa klinik kesihatan dan NGO juga turut terlibat untuk membekalkan perkhidmatan ambulans kecemasan berdasarkan kemampuan masing-masing.

Setiap ambulans hanya mampu membawa 3 pesakit duduk dan seorang pesakit berbaring pada satu-satu masa. Ambulans juga hanya mampu membawa 2 pesakit yang memerlukan bantuan oksigen pada saat yang sama.


Menurut pemerhatian, kebanyakan panggilan kecemasan yang dipohon oleh pesakit COVID-19 adalah stabil, dan hanya sebahagian kecil yang benar-benar memerlukan ambulans. Kes-kes yang stabil hanya memerlukan penilaian oleh petugas kesihatan untuk meyakinkan mereka bahawa mereka adalah dalam keadaan stabil.

Oleh yang demikian, suatu sistem yang kreatif perlu dilaksanakan untuk mengoptimumkan penilaian dan pengangkutan pesakit-pesakit COVID-19 di luar hospital supaya tidak melumpuhkan keseluruhan sistem perkhidmatan ambulans di Negeri Pulau Pinang.

Modifikasi Van Penumpang untuk digunakan sebagai High Risk Patient Transport Service Vehicle

Van penumpang menjadi kenderaan pilihan untuk dimodifikasi menjadi COVID-19 *High Risk Patient Transport Service Vehicle* (COVID-19 High Risk PTSV) kerana boleh memuatkan lebih ramai pesakit dengan selesa. Van juga mampu menembusi jalan-jalan kecil di sekitar Pulau Pinang untuk mencapai pesakit dengan lebih mudah. Dengan penambahan 4 – 6 tong oksigen saiz F (1.4 L), van ini berupaya membekalkan oksigen kepada 4 – 6 pesakit sekaligus, menjadikannya kenderaan yang optima untuk menghadapi lonjakan pesakit COVID-19.

Skema Pengubahsuaian Van Penumpang



Setiap van akan mampu mengangkut sekitar 6 – 8 pesakit berdasarkan kapasiti tempat duduk penumpang di kabin van. Dalam pada itu, sekitar 4 – 6 pesakit dapat dirawat menggunakan oksigen bergantung pada jumlah tong oksigen yang dipasang dalam van.

Tong oksigen dipasang dengan menggunakan tali pengikat berkancing berkualiti industri. Beberapa tali pengikat dipasang dengan ketat untuk memastikan kestabilan tong oksigen terjamin. Tali pengikat berkancing digunakan kerana mudah dipasang, mudah diketatkan dan mudah ditanggalkan.

Petugas di COVID-19 High Risk PTSV

Setiap kenderaan COVID-19 High Risk PTSV memerlukan khidmat seorang Penolong Pegawai Perubatan dan seorang pemandu seperti berikut:


1. Penolong Pegawai Perubatan
 - a. Menggunakan kakitangan sedia ada di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital masing-masing.
 - b. Mengikut syif bekerja biasa.
2. Pemandu
 - a. Menggunakan pemandu sedia ada di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital masing-masing atau pemandu sukarela dari orang awam yang telah lengkap menerima 2 dos vaksin COVID-19.
 - b. Pemandu Jabatan Kecemasan dan Trauma bekerja mengikut syif bekerja biasa manakala pemandu sukarela bekerja dalam 2 syif dengan seorang pemandu bagi setiap kenderaan yang digunakan.

Bilangan dan Penempatan COVID-19 High Risk PTSV

Dicadangkan sekurang-kurangnya 6 kenderaan disediakan bagi memenuhi keperluan seluruh rakyat Pulau Pinang dengan lokasi pengoperasian seperti berikut:

Daerah Pengoperasian	Bilangan COVID-19 High Risk PTSV
Timur Laut	2 buah
Barat Daya	1 buah
Seberang Perai Utara	1 buah
Seberang Perai Tengah	1 buah
Seberang Perai Selatan	1 buah
Jumlah	6 buah

Carta Alir COVID-19 High Risk Patient Transport Service Vehicle



Rajah 3: Cadangan carta alir pengurusan pesakit oleh pasukan COVID-19 High Risk Patient Transport Service Vehicle

Waktu Operasi

10 pagi – 10 malam

Modus Operandi

Pengoperasian COVID-19 High Risk PTSV adalah berdasarkan konsep "Multiple Tier Response", "Treat and Transport" dan "Treat, Refer and Release". Konsep ini akan memastikan proses pengangkutan yang optima supaya dapat menyampaikan perkhidmatan kepada semua pesakit COVID-19 yang memohon perkhidmatan ambulans. COVID-19 High Risk PTSV akan bertindak sebagai pasukan Tier 1 untuk membuat penilaian awal terhadap pesakit sebelum membuat keputusan selanjutnya. Berikut merupakan perincian modus operandi perkhidmatan COVID-19 High Risk PTSV di Pulau Pinang.

1. Kenderaan COVID-19 High Risk PTSV akan dipandu mengelilingi daerah yang ditetapkan. Penolong pegawai perubatan dan pemandu sudah siap memakai PPE dan sedia menerima pesakit pada bila-bila masa.
2. Pasukan COVID-19 High Risk PTSV yang terdekat dengan lokasi pesakit akan diaktifkan oleh petugas Penang COVID-19 Emergency Helpline. Mereka akan dibekali dengan nama pesakit, nombor kad pengenalan / nombor pengenalan diri pesakit, dan alamat / lokasi dimana pesakit berada melalui aplikasi pesanan ringkas telefon bimbit.
3. Pasukan COVID-19 High Risk PTSV bergerak ke lokasi pesakit.
4. Penilaian pesakit dibuat secara fizikal di lokasi pesakit berada. Ia meliputi:
 - a. Keluhan utama
 - b. Tanda-tanda bahaya (*warning signs*)
 - c. Faktor risiko
 - d. Tanda-tanda vital

- e. Rawatan awal
 - f. Keperluan untuk dibawa ke hospital
 - g. Keperluan untuk menggunakan ambulans
 - h. Kesesuaian untuk kuarantin di rumah
5. Sekiranya pesakit sesuai untuk meneruskan kuarantin di rumah, maka pesakit akan diberikan informasi mengenai "Home Monitoring", diberikan Annex 14 (Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19), dan gelang merah jambu oleh Penolong Pegawai Perubatan. Informasi pesakit juga akan dipanjangkan kepada Penang COVID-19 Emergency Careline untuk dirujuk ke CAC yang berkenaan.
 6. Sekiranya pesakit memerlukan ambulans untuk dibawa ke hospital kerana keadaan pesakit yang serius, atau memerlukan usungan, maka pasukan COVID-19 High Risk PTSV akan menghubungi petugas Penang COVID-19 Emergency Careline untuk dipanjangkan ke MECC bagi mengaktifkan pasukan ambulans (Tier 2 response).
 7. Sekiranya pesakit memerlukan rawatan lanjut di fasiliti kesihatan dan sesuai menaiki kenderaan COVID-19 High Risk PTSV, maka pesakit akan dibawa bersama dalam kenderaan tersebut sambil menerima rawatan. Kenderaan COVID-19 High Risk PTSV akan meneruskan pergerakan mengelilingi daerah yang ditetapkan sambil menuju ke lokasi pesakit yang selanjutnya. Kenderaan hanya akan menurunkan pesakit di fasiliti kesihatan jika kenderaan sudah penuh, ataupun sudah selesai mengelilingi daerah masing-masing.

Penutup

16

Penambahbaikan ini adalah sesuatu yang amat penting dan perlu dilaksanakan dalam masa terdekat untuk mengelakkan lumpuhnya perkhidmatan pra hospital di Negeri Pulau Pinang. Ia direka dengan teliti, mengambil kira kekangan sumber manusia dan ambulans yang sedang kritikal pada ketika ini. Penambahbaikan ini bukan sahaja selaras dengan operasi MECC dan perkhidmatan ambulans sedia ada di negeri Pulau Pinang, malah akan membantu dalam memberikan perkhidmatan yang selamat dan sewajarnya kepada semua pemanggil yang memohon perkhidmatan ambulans untuk kes-kes COVID-19.

Adalah diharapkan agar kertas kerja ini dilaksanakan dengan kadar segera demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Disediakan oleh,

16 Ogos 2021


DR. LEONG YUEN CHIN

Pakar Perubahan Kecemasan

Hospital Pulau Pinang

Konsensus bersama:

17 Ogos 2021


DR. NOOR AZLEEN AYOP
DPM. NOOR AZLEEN BT AYOP
Pakar Perubahan Kecemasan
Jabatan Kecemasan & Trauma
Hospital Seberang Jaya
NIP 94321, MGR 1322101

Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma

Negeri Pulau Pinang

Pakar Perunding Kanan dan Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma

Hospital Seberang Jaya


DR. TEO AIK HOWE

Pakar Perunding Kanan

Jabatan Kecemasan dan Trauma

Hospital Pulau Pinang


DR. KWANHATHAI DARIN WONG

Pakar Perunding dan Ketua Jabatan

Jabatan Kecemasan dan Trauma

Hospital Pulau Pinang


DR. SURESH NAIDU A/L NOOK NAIDU

Pakar Perunding

Jabatan Kecemasan dan Trauma

Hospital Seberang Jaya

DR. SURESH NAIDU A/L NOOK NAIDU
AGRES. MAHES. EN (J.M.)
Pakar Perubahan Kecemasan
Jabatan Kecemasan & Trauma
Hospital Seberang Jaya
No. Pendaftaran: 38943

ID728/06

17

Ahhli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

38. Adakah Kerajaan Negeri menggunakan kesemua premis-premis kerajaan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) / pusat penempatan pesakit COVID-19?
- (a) Berapakah jumlah kematian berlaku di rumah akibat COVID-19 dan jenis-jenis varian baharu yang telah menular di Pulau Pinang?
- (b) Apakah kesannya kepada rakyat dan langkah-langkah baru diambil oleh kerajaan bagi membendungnya?

YAB. Ketua Menteri:

38. Untuk Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Risiko Rendah (PKRC), kebanyakan adalah menggunakan premis-premis kerajaan. Pemilihan adalah dibuat berdasarkan kapasiti dan kesesuaian premis tersebut.

Bil.	Jenis PPV	Nama PPV
1.	Awam	Kompleks Masyarakat Penyayang
2.	Awam	Kompleks Sukan Balik Pulau
3.	Awam	Tapak Ekspo Seberang Jaya
4.	Awam	Dewan SP Arena
5.	Awam	Dewan Millenium
6.	Awam	Tapak Pesta Sungai Nibong
7.	Awam	Dewan Serbaguna Jawi
8.	Awam	Balai Rakyat Bayan Baru
9.	Awam	Hospital Pulau Pinang
10.	Awam	Hospital Seberang Jaya
11.	Awam	Hospital Balik Pulau
12.	Awam	Hospital Bukit Mertajam
Bil.	Jenis Pusat Kuarantin	Nama PKRC
1.	PKRC	Pusat Konvensyen Perda
2.		Vangohh Eminent Hotel
3.		SPICE Arena AstraZeneca
4.		SPICE Convention Centre
5.		SPP

Rujuk **LAMPIRAN A** untuk maklumat terperinci

- (a) Dari sejumlah 478 kematian yang direkodkan sehingga 26 Ogos 2021, 97 adalah kematian berlaku di rumah akibat COVID-19.

Sehingga 17 Ogos 2021, bilangan kes positif COVID-19 dengan varian adalah 8 kes Varian Beta dan 1 kes Varian Delta.

Rujuk **LAMPIRAN B** untuk maklumat terperinci.

- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendungnya termasuklah:
- (i) Pemantauan terhadap aktiviti virus yang menular dalam kluster-kluster komuniti atau tempat kerja yang dilihat berpotensi untuk menjadi penularan yang lebih ganas dengan mengambil dan menghantar sampel untuk tujuan *Whole Genomic Sequencing* (WGS) ke *Institute of*

Medical Research (IMR) untuk tujuan analisa penuh varian COVID-19. Aktiviti ini telah pun bermula sejak pertengahan tahun 2021, sehingga 11 Ogos 2021 terdapat satu kes import varian Delta melibatkan seorang pengembara.

- (ii) Pemantauan survelan COVID-19 secara sentinel bagi mengesan jangkitan COVID-19 dalam kalangan klien Klinik Kesihatan yang bergejala. Dengan cara ini, mereka akan lebih cepat diisolasi untuk mengekang penularan dalam komuniti.
- (iii) Kolaborasi dengan agensi awam dan jentera di bawah Kerajaan Negeri bagi membantu pengurusan pesakit COVID-19 dan kontak rapat yang sedang dalam tempoh kuarantin. Pematuhan SOP juga akan dititikberatkan melalui aktiviti penguatkuasaan kesihatan awam yang akan lebih dirancarkan lagi bagi memastikan penularan dapat dikawal di peringkat komuniti.
- (iv) *Person Under Surveillance* (PUS) - sehingga 24 Ogos 2021

Person under Surveillance (PUS)		
Perkara	Jumlah (Orang/%)	Catatan
Hotel Rainbow Paradise	76	124 - Kosong
Hotel Bahang Bay	140	60 - Kosong

Secara kolektif, semua usaha yang dinyatakan akan membantu usaha Pulau Pinang dalam usaha menghadapi varian baru COVID-19 yang lebih cepat berjangkit dalam kalangan komuniti.

LAMPIRAN A


PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH (PKRC)

BIL.	PERKARA	JUMLAH (ORANG/%)	CATATAN
1.	MEC JAWI, SPS	Lelaki: 260/510 (51.0%) 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 (55.2%) 260 (WN) 15 (BWN)	Lelaki: 260/510 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 260 (WN) 15 (BWN)
2.	PULAZA	Standby Mode 3/8/2021	Standby Mode 3/8/2021
3.	Kompleks Masyarakat Penyayang	5/16 (31%)	Mula beroperasi pada 20/8/2021 96 Katil
4.	LRCC Penjara Jawi	112/200 (56%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
5.	Penjara Satelit Bukit Mertajam	4/341 (1.2%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
6.	Penjara Reman Pulau Pinang	0/20 (0%)	Mula beroperasi pada 27 Jun 2021


LAMPIRAN A

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

NEGERI PULAU PINANG - sehingga 23 Ogos 2021




Penang State Total Covid-19 Death Trend



Exponential increment over the last 7 weeks with ICU at full capacity.

Announced by KKM 274

Penang State Cumulative BID



This is worrying. The cumulative BID numbers had shown sharp increase over the last 6 weeks.



3

STATUS TERKINI COVID-19 MALAYSIA
BILANGAN KES POSITIF COVID-19 DENGAN VOC & VOI
MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 17 OGOS 2021
18.8.2021

NEGERI	VOC (VARIANT OF CONCERN)			VOI (VARIANT OF INTEREST)			JUMLAH
	ALPHA	BETA	DELTA	KAPPA	THETA	ETA	
SELANGOR	8	48	69(38)	1	0	0	126(38)
KELANTAN	0	25	3	0	0	0	28
SARAWAK	0	47	272	0	13	1	333
K. LUMPUR	3	9	18(5)	0	0	2	32(5)
KEDAH	0	14	13	0	0	0	27
PERAK	0	16	4	0	0	0	20
JOHOR	0	10	16	3	0	0	29
PUTRAJAYA	0	3	6	0	0	0	9
TERENGGANU	0	9	7	0	0	0	16
N. SEMBILAN	0	3	9	0	0	0	12
SABAH	3	4	4	0	0	0	11
PERLIS	0	4	4	0	0	0	8
P. PINANG	0	8	1	0	0	0	9
MELAKA	0	7	8	0	0	0	15
PAHANG	0	2	19	0	0	0	21
JUMLAH	14	209	467(43)	4	13	3	710(43)

*B.1.1.7 - VARIAN ALPHA *B.1.351 - VARIAN BETA *B.1.617.2 - VARIAN DELTA
*P.3 - VARIAN THETA *B.1.525 - VARIAN ETA *B.1.617.1 - VARIAN KAPPA
() = Kes baharu

SUMBER: CPKC KEMANGAN

4

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

39. Berapakah jumlah tangkapan dan denda mengikut daerah tidak patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa COVID-19 di Pulau Pinang?
- (a) Mengapakah Yang Berhormat Air Putih dan Pantai Jerejak tidak diambil tindakan apabila tidak patuh SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa menyertai demonstrasi di Dataran Merdeka pada 2 Ogos 2021? Adakah mereka dari warga kayangan? Mohon penjelasan.

YAB. Ketua Menteri:

39. Jumlah tangkapan dan denda yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang mengikut daerah tidak mematuhi SOP semasa COVID-19 di Pulau Pinang Tahun 2021 seperti berikut:

- (i) Daerah Timor Laut - tangkapan 1299, denda RM 2,598,000.00
- (ii) Daerah Barat Daya - tangkapan 691, denda RM1,382,000.00
- (iii) Daerah Seberang Perai Utara tangkapan 1058, denda RM2,116,000.00
- (iv) Daerah Seberang Perai Tengah tangkapan 1184, denda RM2,368,000.00
- (v) Daerah Seberang Perai Selatan tangkapan 163, denda RM326,000.00

Jumlah tangkapan dan denda mengikut daerah tidak mematuhi SOP semasa COVID-19 di Pulau Pinang Tahun 2020 seperti berikut :

- (i) Daerah Timor Laut tangkapan 931, denda RM931,000.00
- (ii) Daerah Barat Daya tangkapan 187, denda RM187,000.00
- (iii) Daerah Seberang Perai Utara tangkapan 1836, denda RM1836,000.00
- (iv) Daerah Seberang Perai Tengah tangkapan 592, denda RM592,000.00
- (v) Daerah Seberang Perai Selatan tangkapan 102, denda RM102,000.00

Jumlah tangkapan dan denda yang dikeluarkan oleh PDRM mengikut daerah tidak patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa COVID-19 di Pulau Pinang

BIL	DAERAH	JUMLAH ORANG KENA KOMPAUN	JUMLAH TANGKAPAN
1	TIMOR LAUT	2283	776
2	BARAT DAYA	741	281
3	SEBERANG PERAI UTARA	3904	808
4	SEBERANG PERAI TENGAH	1920	987
5	SEBERANG PERAI SELATAN	370	209
JUMLAH		9218	3061

Kertas siasatan telah dibuka dan masih dalam siasatan Kontinjen Kuala Lumpur.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

40. Berkaitan Penang Saring COVID-19 (PSC-19).

- (a) Berapakah peruntukan keseluruhan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program ini?
- (b) Apakah manfaatnya kepada ADUN?
- (c) Sejauh manakah program ini membantu Kerajaan Negeri menangani kes COVID-19 di Negeri Pulau Pinang?

YAB. Ketua Menteri:

40. Program Penang Saring COVID-19 (PSC19) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 2 Jun 2021 dan disahkan pada 9 Jun 2021 bagi memperkasa langkah kesihatan awam di Negeri Pulau Pinang dalam menangani penularan pandemik COVID-19 melalui program saringan komuniti secara bersasar melibatkan 40,000 saringan iaitu 1,000 saringan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3.52 juta bagi melaksanakan program PSC19 secara percuma melibatkan 40,000 saringan COVID-19 bagi rakyat negeri Pulau Pinang.
- (b) Program PSC19 yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak ADUN ini telah dapat membantu kesemua ADUN mengurangkan risiko penularan pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan 1,000 saringan secara percuma di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing. Dalam masa yang sama, pihak ADUN juga dapat membantu rakyat di lapangan dalam memerangi pandemik COVID-19 melalui penglibatan aktif dalam pelaksanaan program PSC19. Selain itu, pihak ADUN juga dapat mempromosikan program-program kesihatan dan bukan kesihatan yang disediakan oleh Pejabat ADUN dan Kerajaan Negeri kepada mereka yang menyertai PSC19.
- (c) Pelaksanaan program PSC19 ini adalah berdasarkan pendekatan 3T iaitu saringan massa (*mass testing*), pengesanan kontak (*tracing*) dan rawatan (*treatment*). Pelaksanaan program saringan PSC19 setakat 22 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Lokasi	Jumlah Pradaftar	Jumlah Saring	RTK-Ag -ve	RTK-Ag +ve
43	44,915	39,524	36,891 (93.33%)	2,623 (6.63%)

Berdasarkan rekod pelaksanaan PSC19, sememangnya program saringan ini telah berjaya membantu mengawal penularan pandemik COVID-19 di Negeri Pulau Pinang dengan meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat negeri ini untuk menjalani ujian saringan COVID-19. Pelaksanaan PSC19 juga telah menunjukkan bahawa jumlah kes yang dilaporkan di Pulau Pinang adalah tinggi dan ini bermakna masih terdapat kes-kes COVID-19 yang telah merebak dalam komuniti. Menerusi PSC19 juga, mereka yang positif dapat diasingkan dengan lebih awal seterusnya telah berjaya mengelakkan tercetusnya kluster-kluster baharu di negeri ini. Pelaksanaan program PSC19 ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab bagi menyediakan satu platform kepada warga Pulau Pinang mendapat akses kepada saringan COVID-19 dengan percuma. Selain itu, baki

476 saringan akan dibuat melibatkan pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di bangunan KOMTAR pada 24 Ogos 2021. Rakyat negeri ini masih harus mengambil langkah berjaga-jaga dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan untuk memastikan mereka tidak dijangkiti COVID-19.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

41. Sektor industri perkilangan.

- (a) Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menggalakkan warga negara Malaysia bekerja di sektor perkilangan bagi mengurangkan khidmat warga asing?
- (b) Berapakah jumlah warga asing yang bekerja kilang di Negeri Pulau Pinang?
- (c) Apakah Kerajaan Negeri mendapat apa-apa pendapatan daripada setiap warga asing yang bekerja di sini?

YAB. Ketua Menteri:

41. (a) Berdasarkan statistik yang dikumpul oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Negeri Pulau Pinang telah merekodkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada negatif 2.1 peratus (2.1%) pada tahun 2020. Meskipun begitu, prestasi tersebut adalah lebih baik berbanding pertumbuhan di peringkat nasional yang mencatatkan kejatuhan 5.6 peratus (5.6%). Selain itu, pertumbuhan yang direkodkan oleh Pulau Pinang adalah yang keempat tertinggi di Malaysia. Secara keseluruhannya, pertumbuhan positif di sektor perkilangan pada 2.8 peratus (2.8%) telah mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi di Pulau Pinang pada tahun 2020.

Memandangkan sektor perkilangan merupakan penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui InvestPenang secara berterusan berusaha untuk menambahkan pekerjaan yang berkualiti dan berpendapatan tinggi bagi warganegara Malaysia melalui kemasukan pelaburan yang strategik dalam sektor perkilangan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sememangnya bersedia dan telah pun mengorak langkah dalam menggalakkan warganegara Malaysia untuk bekerja di sektor perkilangan bagi mengurangkan khidmat warga asing.

- (b) Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) setakat Jun 2021, seramai 55,014 orang warga asing yang bekerja di sektor perkilangan di Negeri Pulau Pinang.
- (c) Dasar Semasa Penggajian Pekerja Asing di bawah Kementerian Dalam Negeri menetapkan bahawa hanya enam (6) sektor pekerjaan yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing iaitu lima (5) sektor formal merangkumi sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian dan satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing. Berdasarkan Laporan Sosioekonomi Negeri Pulau Pinang 2020 dan rekod JIM, sumbangan sektor tersebut kepada KDNK Negeri Pulau Pinang dan bilangan pekerja asing dalam setiap sektor tersebut adalah seperti berikut:

Sektor	Sumbangan kepada KDNK Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 2020 (%)	Bilangan pekerja asing (orang)
Perkhidmatan	49.5	10,479
Perkilangan	45.0	55,014
Pembinaan	2.4	11,819
Pertanian	2.2	1,818
Jumlah	99.1	79,130

Mengambil kira statistik tersebut, setiap warga asing yang bekerja di Negeri Pulau Pinang telah menyumbang kepada KDNK negeri ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

42. Banjir di Pulau Pinang.

- (a) Adakah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang telah dirancang siap sepenuhnya?
- (b) Banjir masih berlaku di kawasan Parlimen Balik Pulau seperti di Sungai Rusa, Telok Bahang dan beberapa tempat lagi. Sila huraikan dengan terperinci.

YAB. Ketua Menteri:

42. (a) Sebagai makluman, Projek Tebatan Banjir di kawasan Parlimen Balik Pulau masih dalam kajian reka bentuk terperinci oleh pihak perunding yang dilantik oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia.

Kajian reka bentuk tersebut meliputi dua (2) projek tebatan banjir iaitu:

- (i) Projek Tebatan Banjir Teluk Bahang/Sungai Pinang; dan
- (ii) Projek Tebatan Banjir Pondok Upeh/Sungai Burung.

Projek Tebatan Banjir bagi kedua-dua kawasan tersebut masih dalam peringkat pemilihan konsep yang terdiri daripada komponen rumah pam/pintu air, menaik taraf tebing sungai, pembinaan ban, serta mengorek dan melebarkan sungai. Pelaksanaan projek dijangka akan dimulakan pada suku ketiga tahun 2022.

- (b) Selain itu, kejadian banjir yang berlaku di Teluk Bahang adalah disebabkan oleh halangan yang berlaku di bawah jambatan Sungai Teluk Awak (Jalan Hassan Abas berhampiran Flat Aseana) yang menyebabkan aliran air tidak lancar dan melimpah ke atas jalan raya dan kawasan perumahan bersebelahan lalu menyebabkan banjir. Sebagai makluman tambahan, jambatan di Jalan Hassan Abas akan dinaik taraf oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang dan dijangka bermula peminannya pada bulan Oktober 2021.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

43. Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP).

- (a) Apakah status terkini pelaksanaan dasar tersebut?

- (b) Apakah sokongan yang telah diberikan khususnya dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terhadap penyelenggaraan perumahan di Pulau Pinang?

YAB. Ketua Menteri:

43. Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah tadbir urus yang cekap, amanah dan telus telah pun mewujudkan satu tabung yang dikenali dengan nama Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP). Penubuhan tabung ini dengan tujuan utama adalah untuk membantu kediaman berstrata dalam hal ehwal penyelenggaraan harta bersama. Ini merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang.

- (a) Sejak tabung ini ditubuhkan pada tahun 2013 sehingga Ogos 2021, sebanyak RM45.24 juta telah dibelanjakan dengan bilangan permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 283 melibatkan 479 bilangan kerja. Perincian mengikut tahun dan jenis kerja adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN	AMAUN
2013	8	RM512,732.54
2014	20	RM4,514,832.00
2015	22	RM3,020,376.88
2016	18	RM4,231,488.47
2017	45	RM5,759,988.16
2018	98	RM13,064,885.77
2019	16	RM 1,947,057.40
2020	32	RM5,300,881.00
8/2021	24	RM6,888,851.70
JUMLAH	283	RM45,241,093.92

BIL.	JENIS PROJEK	BIL. PROJEK	AMAUN
1.	Menaik taraf dan/atau menggantikan Lif	277	RM24,239,125.74
2.	Penggantian Tangki Air dan/atau menaik taraf Sistem Perpaipan	135	RM10,245,486.80
3.	Menggantikan dan/atau menaik taraf Bumbung	29	RM2,927,829.28
4.	Pengecatan	22	RM6,358,025.04
5.	Penurapan Jalan	2	RM27,917.70
6.	Dinding Bata/Pagar- (<i>Anti Climb</i>)	7	RM708,679.36
7.	Keretakan	1	RM5,830.00
8.	Railing/Jeriji Tangga	3	RM271,300.00
9.	Kelulusan Khas-Bencana	3	RM456,900.00
JUMLAH BESAR		479	RM45,241,093.92

- (b) Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan telah memohon peruntukan sebanyak RM100juta bagi membiayai projek-projek penyelenggaraan perumahan di Negeri Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menerima geran peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan amaun sebanyak RM35,191,291.20. Perincian projek melibatkan penyaluran peruntukan daripada KPKT bagi tahun 2020 adalah sepertimana diperincikan di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Bagi tahun 2021 pula, Bahagian Perumahan telah memanjangkan permohonan sebanyak RM86.94 juta dan Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah menyalurkan geran peruntukan dengan amaun sebanyak RM18,446,000.00. Perincian projek melibatkan penyaluran peruntukan daripada KPKT bagi tahun 2021 adalah sepertimana diperincikan di **LAMPIRAN B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Ringkasa projek yang diterima mengikut tahun dan jumlah amaun yang terlibat adalah seperti berikut:

Penyaluran Peruntukan daripada KPKT bagi Tahun 2020

BIL.	PERUNTUKAN	BIL. PROJEK	AMAUN (RM)
1.	PPP	14	13,410,000.00
2.	PRE	26	6,860,000.00
3.	PRE PRIHATIN	7	5,250,000.00
4.	TPPM	45	9,671,291.20
JUMLAH		92	35,191,291.20

***PPP : Program Penyelenggaraan Perumahan**

***PRE : Pakej Rangsangan Ekonomi**

***TPPM : Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia**

Penyaluran Peruntukan daripada KPKT bagi Tahun 2021

BIL.	PERUNTUKAN	BIL. PROJEK	AMAUN (RM)
1.	PPP	5	820,000.00
2.	PEMERKASA	10	3,650,000.00
3.	TPPM	50	13,976,000.00
JUMLAH		65	18,446,000.00

***PPP : Program Penyelenggaraan Perumahan**

***TPPM : Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia**

LAMPIRAN A

SENARAI KERJA PPP, PRE, PRE PRIHATIN DAN TPPM TAHUN 2020

PETUNJUK KERJA:

- A : Membaiki atau mengganti lif
- B : Membaiki atau mengganti tangki air dan sistem retikulasi
- C : Membaiki atau mengganti paip sanitari
- D : Membaiki atau mengganti bumbung
- E : Membaiki atau mengganti tangga dan handrail
- F : Mengecat bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun)
- G : Pendawaian semula
- H : Membaiki kerosakan umum pada kemudahan awam harta bersama yang menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni
- I : Mengganti / membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan
- J : Pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan

PPP

BIL.	KAWASAN PEMAJUAN & PROJEK	JENIS	ADUN	PARLIMEN	PERUNTUKAN (RM)
1.	PPR Taman Bagan Jaya	AVAS	Bagan	Bagan Jermal	80,000.00
2.	Rumah Pangsa Ampang Jajar	AVAS	Permatang Pauh	Permatang Pasir	120,000.00
3.	PPR Taman Manggis	AVAS	Tanjong	Komtar	60,000.00
4.	PPR Taman Manggis	B	Tanjong	Komtar	400,000.00
5.	Rumah Pangsa Nibong Tebal	B	Nibong Tebal	Jawi	250,000.00
6.	Rumah PangsaKampung Melayu Blok A	A, AVAS	Bukit Gelugor	Air Itam	870,000.00
7.	Rumah PangsaKampung Melayu Blok B	A, AVAS	Bukit Gelugor	Air Itam	870,000.00
8.	Rumah Pangsa Desa Wawasan, Blok A & B	A, AVAS	Bukit Mertajam	Padang Lalang	1,620,000.00
9.	Rumah Pangsa Gat Lebu Nordin	A, AVAS	Tanjong	Pengkalan Kota	940,000.00
10.	Rumah Pangsa Batu Lanchang	B	Jelutong	Batu Lanchang	1,200,000.00
11.	Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Fasa I	B	Bukit Gelugor	Seri Delima	1,000,000.00
12.	Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Fasa II	B	Bukit Gelugor	Seri Delima	4,400,000.00
13.	Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Fasa III	B	Bukit Gelugor	Seri Delima	600,000.00
14.	Rumah Pangsa Jawi III	B	Nibong Tebal	Jawi	1,000,000.00
JUMLAH					13,410,000.00

PRE

BIL.	KAWASAN PEMAJUAN & PROJEK	JENIS	PARLIMEN	ADUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	PPR Taman Bagan Jaya Blok A	F	Bagan	Bagan Jermal	350,000.00
2.	PPR Taman Bagan Jaya Blok B & C	F	Bagan	Bagan Jermal	500,000.00
3.	PPR Taman Manggis	F	Tanjong	Komtar	500,000.00
4.	Rumah Pangsa Jawi III Blok A & B	F	Nibong Tebal	Jawi	375,000.00
5.	Rumah Pangsa Jawi III Blok C & D	F	Nibong Tebal	Jawi	375,000.00
6.	Rumah Pangsa Kampung Melayu A	F	Bukit Gelugor	Air Itam	450,000.00
7.	Rumah Pangsa Kampung Melayu B	F	Bukit Gelugor	Air Itam	450,000.00
8.	Rumah Pangsa Nibong Tebal	F	Nibong Tebal	Jawi	200,000.00
9.	Rumah Pangsa Ampang Jajar Blok A & B	F	Permatang Pauh	Permatang Pasir	650,000.00
10.	Rumah Pangsa Ampang Jajar Blok C	F	Permatang Pauh	Permatang Pasir	650,000.00
11.	Rumah Pangsa Seberang Jaya Blok 4 & 5	F	Permatang Pauh	Seberang Jaya	500,000.00
12.	Rumah Pangsa Seberang Jaya Blok 6 & 7	F	Permatang Pauh	Seberang Jaya	500,000.00
13.	Rumah Pangsa Kampung Melayu (Kawasan A)	H	Bukit Gelugor	Air Itam	100,000.00
14.	Rumah Pangsa Kampung Melayu (Kawasan B)	H	Bukit Gelugor	Air Itam	100,000.00
15.	Rumah Pangsa Padang Tembak (Kawasan A)	H	Bukit Gelugor	Air Itam	100,000.00
16.	Rumah Pangsa Padang Tembak (Kawasan B)	H	Bukit Gelugor	Air Itam	100,000.00
17.	Rumah Pangsa Padang Tembak (Sistem Bekalan Air)	H	Bukit Gelugor	Air Itam	100,000.00
18.	Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Blok E, B & AG	H	Bukit Gelugor	Seri Delima	100,000.00
19.	Rumah Pangsa Taman Tun Sardon Fasa II	H	Bukit Gelugor	Seri Delima	100,000.00
20.	Rumah Pangsa Batu Lanchang	H	Jelutong	Batu Lanchang	80,000.00
21.	Rumah Pangsa Desa Wawasan (Panel Pam)	H	Bukit Mertajam	Padang Lalang	100,000.00
22.	Rumah Pangsa Desa Wawasan (Turap Jalan)	H	Bukit Mertajam	Padang Lalang	100,000.00
23.	Rumah Pangsa Desa Wawasan (Waterproofing)	H	Bukit Mertajam	Padang Lalang	80,000.00
24.	Rumah Pangsa Ampang Jajar	H	Permatang Pauh	Permatang Pasir	100,000.00
25.	Seberang Perai Selatan	H	Nibong Tebal	Jawi	100,000.00
26.	Rumah Pangsa Jalan Mohd Saad	H	Bagan	Bagan Jermal	100,000.00
JUMLAH					6,860,000.00

PRE PRIHATIN

BIL.	KAWASAN PEMAJUAN & PROJEK	JENIS	PARLIMEN	ADUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Blok A, 3 Unit Lif	A	Air Itam	Bukit Gelugor	750,000.00
2.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Blok B, 3 Unit Lif	A	Air Itam	Bukit Gelugor	750,000.00
3.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Blok C, 3 Unit Lif	A	Air Itam	Bukit Gelugor	750,000.00
4.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Blok E, 3 Unit Lif	A	Air Itam	Bukit Gelugor	750,000.00
5.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Blok F, 3 Unit Lif	A	Air Itam	Bukit Gelugor	750,000.00
6.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Blok G, 3 Unit Lif	A	Air Itam	Bukit Gelugor	750,000.00
7.	Rumah Pangsa Padang Tembak, Blok J, 3 Unit Lif	A	Air Itam	Bukit Gelugor	750,000.00
JUMLAH					5,250,000.00

TPPM

BIL.	KAWASAN	KAWASAN PEMAJUAN & PROJEK	KOS (RM)	SKOP
1.	MBPP	Desa Widuri	399,490.00	F
2.	MBPP	Desa Putra	127,000.00	F
3.	MBPP	Rumah Pangsa Serendah	185,555.00	F
4.	MBPP	Apartment Saujana Heights	76,465.00	F
5.	MBPP	Rumah Pangsa Medan Tunku Blok 1, Jelutong	157,257.00	F
6.	MBPP	Apartment Mutiara Perdana	968,000.00	F
7.	MBPP	Apartment Mutiara Perdana		F
8.	MBPP	Rumah Pangsa Jalan Kelawei	105,000.00	F
9.	MBPP	Pangsapuri Blok H, Greenlane Heights	132,000.00	F
10.	MBPP	Tingkat Nusantara	465,394.50	A
11.	MBPP	Desa Green Blok 42	480,000.00	A
12.	MBPP	Rumah Pangsa Medan Tunku Blok 1, Jelutong	526,000.00	A
13.	MBPP	Pinang Emas	560,000.00	A
14.	MBPP	Desa Widuri	96,560.00	F
15.	MBPP	Pangsapuri Taman Dafe Blok A & B	122,720.00	F
16.	MBPP	Medan Penaga Blok 77	122,435.00	F
17.	MBPP	Medan Penaga Blok 77 & Taman Cemerlang	77,480.00	F
18.	MBPP	Pangsapuri Taman Soon Boon Kee	77,277.00	F
19.	MBPP	Rumah Pangsa Serendah	73,250.00	F
20.	MBPP	Taman Dafe Blok C	102,641.70	F
			4,854,525.20	

BIL.	KAWASAN	KAWASAN PEMAJUAN & PROJEK	KOS SILING	S K O P
1.	MBSP	Taman Belimbing 2 (Blok A, B & C)	267,500.00	F
2.	MBSP	Pangsapuri Widuri Blok D	272,000.00	F
3.	MBSP	Taman Pantai Bersih	150,000.00	F
4.	MBSP	Rumah Pangsa Taman Bukit Noning Berapit	118,000.00	F
5.	MBSP	Taman Seri Delima	256,000.00	F
6.	MBSP	Rumah Pangsa Taman Sukaria Mak Mandin (Blok A, B & C)	369,000.00	F
7.	MBSP	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Bayu Mutiarra	156,864.00	F
8.	MBSP	Taman Perwira Indah	165,430.00	F
9.	MBSP	Rumah Pangsa Blok L1,L2,L3 & L4	248,252.00	F
10.	MBSP	Kondorakyat Taman Remia	66,020.00	F
11.	MBSP	Taman Impian Jaya	80,200.00	F
12.	MBSP	Pangsapuri Desa Cemara	65,700.00	F
13.	MBSP	Apartement Permata Blok O-T	450,500.00	F
14.	MBSP	Rumah Pangsa Blok D6, Lorong Tuna	107,800.00	F
15.	MBSP	Taman Impian Indah Blok A	45,500.00	F
16.	MBSP	Taman Belimbing 2 Blok A, B dan C	258,000.00	F
17.	MBSP	RP Taman Bukit Noning	120,000.00	F
18.	MBSP	RP Blok L1, L2, L3 dan L4	100,000.00	F
19.	MBSP	RP Taman Bukit Noning, SPT	100,000.00	F
20.	MBSP	Kondorakyat Taman Remia, SPT	100,000.00	F
21.	MBSP	Apartmen Permata Blok J dan K	100,000.00	F
22.	MBSP	Apartmen Permata Blok E	100,000.00	F
23.	MBSP	PPR Ampangan	60,000.00	F
24.	MBSP	PPR Ampangan	60,000.00	F
25.	MBSP	Pangsapuri Casa Prima, Taman Sutera Prima	1,000,000.00	A
Jumlah			4,816,766.00	

SENARAI KERJA PPP, PEMERKASA DAN TPPM TAHUN 2021

PETUNJUK KERJA:

- A : Membaiki atau mengganti lif
 B : Membaiki atau mengganti tangki air dan sistem retikulasi
 C : Membaiki atau mengganti paip sanitari
 D : Membaiki atau mengganti bumbung
 E : Membaiki atau mengganti tangga dan handrail
 F : Mengecat bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun)
 G : Pendawaian semula
 H : Membaiki kerosakan umum pada kemudahan awam harta bersama yang menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni
 I : Mengganti / membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan
 J : Pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan

NO.	BIL.	KAWASAN PEMAJUAN & PROJEK	SKOP KERJA	PARLIMEN	ADUN	ANGGARAN KOS SILING (KELULUSAN) (RM)
PPP						
LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG						
1.	1.	Rumah Pangsa Mak Mandin Lama Blok 1	H	Bagan	Bagan Jermal	200,000.00
	2.	Rumah Pangsa Mak Mandin Lama Blok 2	H	Bagan	Bagan Jermal	200,000.00
	3.	Rumah Pangsa Mak Mandin Lama Blok 3	H	Bagan	Bagan Jermal	200,000.00
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG						
2.	4.	PPR Jalan Sungai	B	Jelutong	Sungai Pinang	100,000.00
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI						
3.	5.	PPR Ampangan	B	Permatang Pauh	Permatang Pasir	120,000.00
JUMLAH						820,000.00

PEMERKASA						
LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG						
1.	1.	PPR Bagan Jaya Blok A	B	Bagan	Bagan Jermal	300,000.00
	2.	PPR Bagan Jaya Blok B	B	Bagan	Bagan Jermal	300,000.00
	3.	PPR Bagan Jaya Blok C	B	Bagan	Bagan Jermal	200,000.00
	4.	Rumah Pangsa Mak Mandin 1 (Blok 1)	G	Bagan	Bagan Jermal	150,000.00
	5.	Rumah Pangsa Mak Mandin 1 (Blok 7)	G	Bagan	Bagan Jermal	150,000.00
	6.	Rumah Pangsa Mak Mandin 1 (Blok 8)	G	Bagan	Bagan Jermal	150,000.00
JUMLAH						1,250,000.00
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG						
1.	1.	Blok L, Flat Perumahan Awam, Taman Free School	A	Jelutong	Datok Keramat	600,000.00
	2.	Blok M, Flat Perumahan Awam, Taman Free School	A	Jelutong	Datok Keramat	600,000.00
	3.	Blok N, Flat Perumahan Awam, Taman Free School	A	Jelutong	Datok Keramat	600,000.00
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI						
1.	4.	PPR Ampangan	A	Bagan	Bagan Jermal	600,000.00
JUMLAH						2,400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN						3,650,000.00

TPPM TAHUN 2021

BIL.	KAWASAN	KAWASAN PEMAJUAN & PROJEK	KOS SILING	SKOP
1.	MBPP	Blok 346 Gat Lebu Macallum	120,000.00	F
2.	MBPP	Kota Nibong Apartment	175,000.00	F
3.	MBPP	Rumah Pangsa Serendah Blok 3 & 5	150,000.00	F
4.	MBPP	Blok 1 Jalan Tengah	200,000.00	F
5.	MBPP	Blok 362 Gat Lebu Macallum	150,000.00	F
6.	MBPP	Taman Sri Relau Blok 88A	200,000.00	F
7.	MBPP	Taman Bukit Jambul Blok J	215,000.00	F
8.	MBPP	Desa Green Blok 46	150,000.00	F
9.	MBPP	Taman Desa Genting	230,000.00	F
10.	MBPP	Blok 358 Gat Lebu Macallum	200,000.00	G
11.	MBPP	Desa Sri Ara	100,000.00	G
12.	MBPP	Taman Bukit Jambul Blok A,B & C	160,000.00	F
13.	MBPP	Rumah Pangsa Seberang Jaya Blok L1 & L2	290,000.00	H
14.	MBPP	Rumah Pangsa Seberang Jaya Blok L3 & L4	290,000.00	H
15.	MBPP	Rumah Pangsa Seberang Jaya Blok J1 & J2	275,000.00	H
16.	MBPP	Rumah Pangsa Taman Pauh Indah Blok 1 & 2	377,000.00	H
17.	MBPP	Rumah Pangsa Taman Pauh Indah Blok 3 & 4	407,000.00	H
18.	MBPP	Kondo Rakyat Taman Seruling Emas (2 Blok , 5 Tingkat)	412,000.00	H
19.	MBPP	Kondo Rakyat Taman Seruling Emas (2 Blok , 5 Tingkat)	286,000.00	F
20.	MBPP	Kondo Rakyat Taman Seruling Emas (2 Blok , 5 Tingkat)	66,000.00	F
21.	MBPP	Kondo Rakyat Taman Seruling Emas (2 Blok , 5 Tingkat)	154,000.00	G

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

44. Mengapakah Pulau Pinang tidak dapat mencapai sasaran 100% penduduk dewasa yang menerima satu dos vaksin COVID-19 pada awal bulan Ogos seperti mana yang dicapai oleh Lembah Klang?
- (a) Bilakah satu Penyelaras Operation Surge Capacity di kalangan Ahli Parlimen yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan dilantik untuk Pulau Pinang?

YAB. Ketua Menteri:

44. (a) Sasaran Pulau Pinang untuk mencapai 100% dos pertama vaksin COVID-19 untuk penduduk dewasa ialah bulan September 2021. Setakat 27 Ogos 2021, Pulau Pinang telah merekodkan 81.3% untuk pemberian dos pertama.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

45. Bagaimanakah draf pelan Rancangan Tempatan (RT) MBSP akan menangani perbezaan jurang pembangunan sosial dan ekonomi antara bahagian Pulau dan Seberang Perai?

YAB. Ketua Menteri:

45. Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP 2030) merupakan rancangan pemajuan untuk semua daerah di Seberang Perai. Draf ini adalah di peringkat draf akhir dan dijangka akan dapat diwartakan pada bulan Disember 2021.

Draf ini mengandungi rancangan guna tanah dan fizikal Seberang Perai dalam bentuk peta cadangan dan pernyataan bertulis yang disokong dengan cadangan pembangunan berkonsepkan "*smart growth*" iaitu pembangunan mengikut koridor Wilayah Utara dan pemusatan di bandar-bandar sedia ada serta berintegrasi dengan kawasan sekitar selain mengambil kira strategi "*20 minutes city*" melibatkan tiga (3) teras utama iaitu:

- (a) Kompetitif;
- Kawasan Seberang Perai perlu kompetitif dalam konteks ekonomi yang berdaya maju dan berdaya saing. Pembangunan ekonomi di kawasan RTSP2030 perlu diberi penekanan ke arah merencanakan lagi aktiviti pelaburan dan pembangunan yang dapat menyumbang serta menyokong peningkatan sumber ekonomi daerah.
- (b) Inklusif; dan
- Penyediaan komponen bandar yang inklusif dan berdaya huni seperti mempunyai asas infrastruktur dan kemasyarakatan yang lengkap, berkualiti dan mencukupi. Persekitaran yang inklusif juga mengutamakan ciri-ciri seperti berdaya tahan, kesepaduan daripada segi integrasi sosial, selamat, sihat dan beridentiti.
- (c) Hijau
- Teras hijau memastikan penerapan aspek-aspek hijau dan rendah karbon serta kemampanan sebagai asas perancangan dan pembangunan semasa serta masa hadapan. Melalui teras ini, persekitaran yang bersih dan hijau

melalui pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan aset semula jadi diberi penekanan.

Penyediaan draf Rancangan Tempatan (RT) ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 12(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). RTSP2030 yang dirangka oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga telah disediakan berdasarkan kepada dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030).

Draf Pelan RTSP2030 yang disediakan ini mengambil perhatian terhadap keperluan untuk menangani perbezaan jurang pembangunan sosial dan ekonomi antara bahagian Pulau dan Seberang Perai seterusnya menjadikan bahagian Seberang Perai sebagai "*new growth area*" untuk Negeri Pulau Pinang menerusi perancangan berikut:

- (i) Perindustrian Yang Bernilai Tambah;
- (ii) Pelancongan Bertaraf Antarabangsa;
- (iii) Pertanian Produktif;
- (iv) Pusat Bandar Yang Vibran;
- (v) Kepelbagaian Aktiviti Perniagaan;
- (vi) Pusat Logistik Utama Wilayah;
- (vii) Pusat Logistik Rangkaian Jalan Raya Yang Menyeluruh Dan Efisien;
- (viii) Peningkatan Infrastruktur Digital Bagi Merangsang Ekonomi Setempat;
- (ix) Perumahan Yang Mencukupi, Berkualiti, Vibran Dan Selamat;
- (x) Kemudahan Lanskap Dan Rekreasi Yang Optimum;
- (xi) Kemudahan Masyarakat Yang Seimbang Dan Komprehensif;
- (xii) Amalan Pengurusan Alam Sekitar Yang Baik;
- (xiii) Peningkatan Jumlah Serapan Karbon;
- (xiv) Pengangkutan Awam Yang Efisien;
- (xv) Sumber Tenaga Alternatif;
- (xvi) Sumber Bekalan Air Bersih Alternatif; dan
- (xvii) Pengurangan Sisa Pepejal.

Dengan mengambil kira perancangan RTSP2030 tersebut, adalah diharapkan ekonomi sekitar akan dapat diperkembangkan melalui pembangunan baharu di kawasan tersebut selain pada masa yang sama turut meningkatkan pembangunan sosial menerusi perancangan yang telah dibuat dan adalah diharapkan jurang pembangunan sosial dan ekonomi antara Pulau dan Seberang Perai akan dapat ditangani melalui penyediaan RTSP2030.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

46. Pelan pembangunan dalam Tasek Gelugor.

- (a) Senaraikan projek pembangunan meliputi perumahan, perniagaan, pendidikan, pertanian dan ekonomi yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam kawasan Tasek Gelugor yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri.
- (b) Senaraikan pembangunan infrastruktur dan telekomunikasi yang telah, sedang dan akan dinaik taraf. Perincian jenis dan jumlah pembangunan mengikut lokasi.

YAB. Ketua Menteri:

46. (a) Sejumlah 41 projek pembangunan meliputi perumahan, pendidikan, pertanian dan perniagaan serta ekonomi yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di kawasan Tasek Gelugor. Perincian bilangan projek adalah seperti berikut:

JENIS PEBANGUNAN	STATUS	BILANGAN
Perumahan	Siap	14
	Pelaksanaan	9
	Perancangan	11
Pendidikan	Siap	
	Pelaksanaan	3
	Perancangan	
Pertanian	Siap	1
	Pelaksanaan	1
	Perancangan	
Perniagaan dan Ekonomi	Siap	1
	Pelaksanaan	1
	Perancangan	
JUMLAH		41

(b) Sejumlah 38 projek pembangunan infrastruktur dan telekomunikasi sedang dan telah dilaksanakan di kawasan Tasek Gelugor. Perincian bilangan projek adalah seperti berikut:

JENIS PEBANGUNAN	STATUS	BILANGAN
Infrastruktur	Siap	14
	Pelaksanaan	3
	Perancangan	
Telekomunikasi	Siap	21
	Pelaksanaan	
	Perancangan	
JUMLAH		38

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

47. Projek Tambakan Bagan Ajam ke Telok Air Tawar.

- (a) Huraikan bentuk pembangunan, bentangkan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA), Penilaian Impak Perikanan (FIA), Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan senarai ke-3 secara terperinci.
- (b) Huraikan status bantahan projek dalam RSSP dan mengapakah projek ini tiada dalam Rancangan Tempatan Seberang Perai (RTSP)?
- (c) Nyatakan sebab kampung bawah senarai Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) disenaraikan dalam pembangunan terancang RTSP. Jelaskan pembangunan terancang.

YAB. Ketua Menteri:

47. (a) Projek Tambakan Bagan Ajam ke Telok Air Tawar ini boleh dirujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jilid 63 Tambahan No : 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019, Kenyataan Warta No. 1068 telah ditunjukkan dalam gambarajah utama cadangan tebusguna tanah Bagan Ajam ke Telok Air Tawar. Cadangan tebusguna tanah ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bil. 8/2019 pada 30 September 2019 dan disahkan pada 24 Oktober 2019 untuk tujuan pembangunan bercampur.

Antara komponen pembangunan bercampur yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

- (i) Kediaman;
- (ii) Perniagaan;
- (iii) Rezab Kerajaan;
- (iv) Infrastruktur;
- (v) Kemudahan Masyarakat;
- (vi) Kawasan Lapang; dan
- (vii) *Promenade*.

Projek tambakan Bagan Ajam ke Telok Air Tawar adalah tertakluk di bawah Jadual Kedua, Aktiviti 7(a), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Penilaian Laporan EIA Jadual Kedua adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat.

Cadangan pembangunan adalah melibatkan tebus guna tanah seluas 407 hektar dari Bagan Ajam hingga ke Teluk Air Tawar untuk tujuan pembangunan bercampur. *Terms of Reference* (TOR) telah disahkan oleh JAS Ibu Pejabat pada 10 Oktober 2019.

Walau bagaimanapun, pihak penggerak projek iaitu Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RCSB) masih dalam proses mengemukakan Laporan TOR yang dikemas kini kerana terdapat pindaan pada pelan induk pembangunan. Laporan TOR yang dikemas kini tersebut dan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) masih belum diterima oleh JAS Ibu Pejabat.

Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) telah dikemukakan oleh pihak RCSB kepada PLANMalaysia Semenanjung Malaysia (Ibu Pejabat) pada 12 Ogos 2021 dan dijangka akan bermesyuarat pada 10 September 2021. Bagi isi kandungan Laporan Penilaian Impak Perikanan (FIA) ianya akan diambil kira semasa penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

- (b) Status bantahan projek dalam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai (RTSP) adalah di bawah penyelarasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Merujuk kepada seksyen 14(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), bagi siasatan dan pendengaran berkenaan dengan draf Rancangan Tempatan (Draf RTSP2030) telah tamat tempoh Publisiti dan Penyertaan Awam yang bermula pada 12 April hingga 11 Jun 2021. Lanjutan sehingga 9 Julai 2021 berdasarkan seksyen 13(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) membenarkan pihak berkuasa perancang tempatan pelanjutan sekali tidak lebih daripada empat (4) minggu.

Jumlah bantahan terhadap Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (RTSP2030) yang diterima mengikut Daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Bilangan Bantahan
Seberang Perai Utara (SPU)	4,738
Seberang Perai Tengah (SPT)	159
Seberang Perai Selatan (SPS)	151
Jumlah	5,048

Projek Tambakan Bagan Ajam ke Telok Air Tawar hanya dinyatakan secara indikatif dalam laporan draf RTSP2030 kerana ia adalah cadangan tebus guna tanah, terletak di luar kawasan kajian dan di luar kawasan pentadbiran MBSP.

Pelaksanaan projek di bawah seksyen 5(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan bahawa mana-mana kawasan di dalam negeri yang tidak menjadi sebahagian daripada kawasan mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan, Pengarah Negeri hendaklah menjadi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

Seksyen tersebut menjelaskan bahawa mana-mana kawasan baharu (kawasan tambakan) yang belum lagi diwartakan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang akan bertindak sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan.

- (c) Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) meletakkan kampung dalam pembangunan adalah bertujuan mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa yang berbentuk *operational plan* yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan, infrastruktur, utiliti, warisan, pengurusan dan mekanisma pemantauan.

Kampung disenaraikan dalam pembangunan terancang Draf RTSP2030 kerana kampung merupakan salah satu kategori *zoning/guna* tanah di bawah peta cadangan pembangunan terancang.

Contoh pembangunan terancang adalah seperti berikut:-

- (i) Perumahan terancang;
- (ii) Perniagaan dan perkhidmatan;
- (iii) Industri;
- (iv) Pendidikan;
- (v) Infrastruktur dan utiliti,
- (vi) Pengangkutan; dan
- (vii) Pembangunan bercampur dan sebagainya.

Pembangunan terancang bermaksud pembangunan yang mengikut keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

48. Adakah Kerajaan Negeri telah merangka pelan pemulihan dan strategi pembangunan pasca COVID-19?
- (a) Apakah kaedah pemudahcara mempercepatkan proses permohonan pelan pembangunan dan tanah?
 - (b) Apakah Pelan Pemulihan Usahawan Kecil dan Sederhana serta penaja?
 - (c) Apakah strategi baru untuk membantu sektor hotel dan pelancongan selain Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang (PGTMP)?

YAB. Ketua Menteri:

48. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Pelan pemulihan dan strategi pembangunan pasca COVID-19 adalah berdasarkan pelan tindakan pemulihan Negeri Pulau Pinang seperti di **Lampiran A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat.**
- (a) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi memudahcara dan mempercepatkan proses permohonan pelan pembangunan dan tanah seperti berikut:
 - (i) Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTG) telah mewujudkan sistem temujanji dan menggunakan kaedah 'dropbox' bagi mempercepatkan proses permohonan tanah selaras dengan arahan kerajaan yang berkuatkuasa semasa Pelan Pemulihan Negara Fasa 2;
 - (ii) Pihak Berkuasa Tempatan berpanduan kepada pelaksanaan Dasar *Home Ownership Campaign* (HOC) Negeri Pulau Pinang dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang yang menyatakan berkaitan sokongan institusi dalam mempercepatkan proses pemajuan; dan

- (iii) Permohonan Kebenaran Memulakan Kerja Pembinaan Awal (e-COW) daripada MBPP diberi dalam tempoh 24 jam bagi kategori cadangan pemajuan seperti Kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (Borang C1 diperolehi dan Pelan Bangunan dikemukakan); Pembinaan bangunan kediaman (rumah sesebuah / rumah berkembar / rumah teres); Pindaan dan tambahan ke atas kediaman sedia ada yang tidak melebihi 1500 kaki persegi atau 50% daripada ruang lantai sedia ada; Pengubahsuaian ruang dalaman sahaja bagi bangunan komersial yang sedia ada; dan Kilang di kawasan perindustrian Bayan Lepas (FTZ).
- (b) Perancangan Kerajaan Negeri ke atas pemulihan usahawan kecil dan sederhana serta penjaja adalah seperti berikut :
 - (i) Pemberian bantuan di bawah Pakej Bantuan Rakyat Negeri Pulau Pinang (PBRPP) di mana bantuan yang telah diberikan adalah seperti berikut :
 - (a) Bantuan khas kewangan one-off RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen yang diberikan sebanyak dua (2) kali pada PBRPP Fasa 1 dan 3.
 - (b) Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - (c) Bantuan khas kewangan sebanyak RM500 secara one-off peniaga/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/ kedai persendirian (shoplot) yang diberikan sebanyak dua (2) kali pada PBRPP Fasa 2 dan 3.
 - (d) Bantuan khas kewangan sebanyak RM500 secara one-off kepada peniaga/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan PBT yang diberikan sebanyak dua (2) kali pada PBRPP Fasa 2 dan 3.
 - (e) Diskaun dan pengecualian kadar sewaan bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 bagi premis-premis tertentu milik PDC.
 - (f) Bantuan khas kewangan one-off RM500 kepada syarikat penganjur acara (*event management*) di Pulau Pinang.
 - (g) Bantuan khas kewangan one-off RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah perkhidmatan gunting rambut/salon rambut, salon kecantikan dan spa, pusat refleksologi dan bekam.
 - (ii) MBPP membantu dan memberi ruang kepada pengusaha baharu/sedia ada untuk berniaga dengan sah adalah seperti berikut:
 - (a) Pengisian tawaran tapak pasar/kompleks/tapak peniaga MBPP dengan lebih kerap. Proses permohonan dilaksanakan secara atas talian bagi memastikan orang awam boleh memohon dan mendapat tapak perniagaan dengan pengecualian caj bayaran selama tempoh 6 bulan.
 - (b) Penempatan gerai kepada peniaga pasar malam/pagi/minggu/tani bagi membantu golongan terjejas yang terjejas dan tidak dapat beroperasi sepanjang pandemik

- COVID-19 dengan pengecualian bayaran sewaan. Individu yang menjalankan perniagaan di dalam pasar/kompleks dibenarkan menukar jenis perniagaan yang lain sekiranya aktiviti semasa tidak dibenarkan berdasarkan penetapan MKN.
- (c) Pengeluaran permit sementara bagi perniagaan dari rumah (*Business From Home*) bagi membantu rakyat mencari nafkah hidup sejak awal Oktober 2020.
 - (d) Lesen trak bergerak turut diperkenalkan bagi memudahkan para peniaga baharu beroperasi di 3 lokasi yang dibenarkan.
 - (e) Memberi kebenaran perniagaan di atas tanah persendirian dengan konsep push cart /stall tanpa sebarang struktur binaan kekal.
 - (f) Jom Beli Online (JBO) diperkenalkan bagi membantu golongan peniaga untuk menjalankan perniagaan secara atas talian.
- (iii) MBSP membantu usahawan kecil dan sederhana serta penjaja melalui tindakan berikut :
- (a) Menyediakan Garis Panduan Permit Bangunan Perniagaan Berskala Kecil dengan mempermudah kelulusan premis bangunan perniagaan dan mendapatkan lesen perniagaan MBSP yang sah kepada perniagaan-perniagaan tidak berisiko berskala kecil.
 - (b) Menyediakan Garis Panduan Perniagaan Secara Atas Talian (Online) di Premis Kediaman sebagai pilihan bagi membantu peniaga-peniaga yang tidak dapat beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menjalankan perniagaan secara atas talian di premis kediaman. Melalui garis panduan ini, peniaga boleh menggunakan premis kediaman dengan memiliki permit perniagaan MBSP yang sah untuk menjalankan perniagaan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan.
 - (c) Membangunkan sistem pelesenan baharu bagi menggantikan sistem sedia ada bagi membantu mempermudah proses permohonan lesen dan permit oleh peniaga-peniaga di Seberang Perai. Sistem ini akan mula dilancarkan secara berperingkat pada bulan Ogos 2021 dan dijangka meningkatkan jumlah permohonan lesen dan permit perniagaan di Seberang Perai.
 - (d) Mempermudahkan prosedur permohonan lesen dan permit perniagaan di Seberang Perai dengan mempertingkatkan senarai aktiviti perniagaan tidak berisiko yang membolehkan pengeluaran serta-merta selepas permohonan lengkap diterima.
 - (e) Bekerjasama dengan *Boost* yang menyediakan bantuan pembiayaan sehingga RM20,000.00 bagi membantu peniaga-peniaga menghidupkan kembali perusahaan / perniagaan yang terjejas.

- (f) Memudahkan proses pengeluaran lesen / permit kepada penjaja / peniaga kecil iaitu lesen dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap agar dapat menjalankan perniagaan secara sah.
 - (g) Mewujudkan 25 lokasi penempatan semula penjaja bagi peniaga / penjaja yang tidak berlesen / tanpa kebenaran.
- (c) Strategi baharu untuk membantu sektor hotel dan pelancongan selain Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang adalah seperti berikut:
 - (i) Pemberian bantuan di bawah PBRPP di mana bantuan yang telah diberikan adalah seperti berikut:
 - (a) Bantuan One-off RM500 kepada pemandu pelancong berdaftar yang diberikan sebanyak dua (2) kali pada PBRPP Fasa 1 dan 3.1.
 - (b) Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada penarik beca yang diberikan sebanyak dua (2) kali pada PBRPP Fasa 1 dan 3.
 - (c) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara one-off kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan yang diberikan sebanyak dua (2) kali pada PBRPP Fasa 2 dan 3.1.
 - (d) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara one-off kepada pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang yang diberikan sebanyak dua (2) kali pada PBRPP Fasa 2 dan 3.1.
 - (e) Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada *Tourist Attraction Operators*.
 - (ii) Menawarkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) dan *Creative Leap Loan* bagi membantu industri pelancongan dan ekonomi kreatif. Permohonan dibuka melalui laman web PDC dan telah dilanjutkan enam (6) bulan lagi untuk pembayaran Skim PEKA 2.0 bagi meringankan beban kewangan penggiat-penggiat industri pelancongan.
 - (iii) Pemberian moratorium kepada hotel, tempat tarikan pelancongan, taman tema Pulau Pinang dan pengusaha pelancongan (*travel agency*) di Pulau Pinang yang merangkumi bil air bagi tahun 2021, moratorium untuk cukai petak/cukai tanah dan cukai pintu bagi tahun 2021 dan moratorium untuk fi lesen perniagaan tahun 2021.
 - (iv) Bagi jangka masa panjang, Kerajaan Negeri akan memberikan lebih tumpuan terhadap peningkatan permintaan perjalanan ke Pulau Pinang dengan meneruskan kempen pemasaran ke luar negeri dan antarabangsa bagi memulihkan industri pelancongan seperti sedia kala. Melalui langkah ini, ia dapat mengurangkan kerugian, mendorong permintaan yang lebih tinggi, meningkatkan ekonomi serta memastikan ketahanan industri pelancongan.

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG
DI BAWAH *PENANG SOCIO ECONOMIC RECOVERY CONSULTATIVE COUNCIL (PSERCC)*

A) SEKTOR INDUSTRI/SMI/SME/PERUNCITAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Cadangan memudahkan kelulusan <i>Special Relief Fund</i> (SRF)	<i>Special Relief Fund</i> (SRF) diluluskan tetapi perlu menunggu sokongan CGC untuk pelepasan dana. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memohon proses permohonan dapat dipermudah dan pembayaran SRF dipercepatkan.
2	Cadangan mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST kepada syarikat-syarikat berkaitan
3	Cadangan pekerja asing turut dipertimbangkan dalam insentif subsidi upah	Pekerja asing tidak termasuk dalam insentif subsidi upah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan insentif subsidi upah kepada pekerja asing.
4	Cadangan penambahan pelanjutan moratorium selama enam (6) bulan lagi	Moratorium penangguhan pembayaran pinjaman ditetapkan sehingga September 2020 sahaja. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya
5	Penambahbaikan ke atas isu sekatan terhadap <i>foreign key personnel</i> dan pasukan teknikal yang memasuki Malaysia serta kekeliruan akibat SOP yang kurang jelas yang melibatkan pelbagai agensi	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen untuk mempertimbangkan pelaksanaan proses kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu bagi kemasukan perniagaan atau Professional Visit Pass (PVP) dan diuruskan oleh satu (1) agensi pusat serta mempunyai tempat perhubungan dari mula hingga selesai permohonan.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
6	Kelulusan pengambilan pekerja asing untuk sektor terpilih tidak termasuk pembuatan	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan
7	Cadangan mewujudkan kempen jualan Pulau Pinang dan menggalakkan SME menggunakan platform digital	Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah melancarkan " <i>Penang EMall</i> " secara atas talian melalui platform e-dagang " <i>Shopee</i> " bagi membantu peniaga mikro dan perusahaan sederhana kecil. Kempen ini telah berjaya membantu sejumlah 36,507 peniaga.
8	Meningkatkan kadar penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan dan MNC	Kadar penyertaan PKS masih rendah dalam perolehan kerajaan dan MNC. InvestPenang telah menganjurkan Hari Pembekal "<i>Supplier's Day</i>" secara atas talian pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama syarikat Lam Research Malaysia. Sejumlah 256 peserta dari syarikat-syarikat tempatan telah mengambil bahagian. Mengkaji cadangan untuk mempertimbangkan penetapan kuota khusus untuk syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan (Jabatan Kerajaan Negeri / Persekutuan yang berkaitan). MNC pula mempertimbangkan untuk membuka perolehan bahan tidak langsung kepada PKS tempatan (FMM, FREPENCA) untuk mendorong perolehan tempatan.
9	Cadangan pelanjutan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) oleh PDC	Pada masa ini, Skim PEKA tidak akan dilanjutkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menyediakan pinjaman secara bersasar kepada penerima sektor yang memerlukan.
10	Cadangan supaya sektor pembuatan dikecualikan daripada ditutup sepenuhnya sekiranya PKP diperkenalkan semula	Didapati bahawa tiada kluster COVID-19 di kilang-kilang di Pulau Pinang sejak Februari 2020 kerana pematuhan SOP keselamatan dan kebersihan dalaman yang ketat. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara dan MITI untuk mempertimbangkan sektor pembuatan dikecualikan untuk ditutup sepenuhnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

B) SEKTOR PASARAN TENAGA KERJA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Platform berkenaan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang	Satu sekretariat untuk mengumpulkan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja telah ditubuhkan yang merangkumi Penang CAT Centre, Penang Skills Development Centre, Penang Institute, PERKESO, FREPENCA dan BPEN. Secretariat ini akan menyediakan maklumat dan statistik berkaitan situasi pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang kepada YB EXCO Pembangunan Modal Insan.
2	Memperkasakan peranan Penang CAT Centre	Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat dari seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Di bawah kempen ini terdapat dua (2) siri webinar bertajuk <i>"Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang"</i> yang dihadiri oleh hampir 700 orang pencari kerja, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi di seluruh negara. Kempen ini dianjurkan oleh Penang CAT Centre dan disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang seperti Micron, Clarivate, Keysight, ViTrox, Jabil, Pentamaster, Teleperformance dan ManpowerGroup.
3	Syarikat memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di sistem Penang CAT Centre/MyFutureJobs	Individu kehilangan pekerjaan yang membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja akan memperoleh ID MyFutureJobs secara automatik dan seorang <i>caseworker</i> akan ditugaskan untuk membantu setiap pencari kerja
4	Program peningkatkan kemahiran pekerja	Di bawah PenjanaKerjaya, majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran (<i>re-skilling & upskilling</i>) berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000. PSDC juga menawarkan pelbagai kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan IT yang boleh diambil oleh pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
5	Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku dan puncanya serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan pencari kerja lepasan universiti	Penang Institute telah memulakan kajian tersebut dan dalam proses pengumpulan data. Kajian dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2021. Kos pelaksanaan kajian termasuk dalam permohonan peruntukan Penang Institute kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2021

C) SEKTOR PERUMAHAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Insentif kepada pembeli	a) Had siling maksima RMM diturunkan sebanyak 10 peratus bagi projek baru. b) Keluasan RMM ditingkatkan 50kps jika pemaju ingin mengekalkan harga maksima asal. c) Skor minima 70% Qclassic CIDB.
2	Insentif kepada pemaju	a) Pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun. b) Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees) sebanyak 50% secara menyeluruh bagi tempoh 1 tahun. c) Pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun. d) Penggunaan kuota RMM mengikut PBT. e) Nisbah Plot 1:4 pembinaan RMM. f) Pengurangan kos pembangunan bagi tempoh 1 tahun.
3	Insentif tambahan kepada pemaju serta kajian dan syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan	a) Pengurangan kadar sumbangan <i>in kind</i> pembukaan pasaran terbuka RMM 100 peratus kepada LPNPP. b) Pengecualian Pemeriksa Bebas bagi Laporan Kajian Lalu Lintas (TIA) dan Penyediaan Laporan Kajian Impak Sosial(SIA). c) Cadangan diskaun 50% dari 15% premium nilai tanah dikenakan dan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah. d) Cadangan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
4	Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui konsep sewa beli	Sebanyak 10 skim perumahan RMM telah siap dan sedia untuk ditawarkan, manakala dua (2) skim perumahan di peringkat pembinaan dan dua (2) skim perumahan lagi di peringkat perancangan.

D) SEKTOR INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	<i>Penang Connectivity Master Plan (PCMP)</i> a) Projek Penaiktarafan Infrastruktur <i>Copper</i> Milik Telekom Malaysia (TM) kepada Fiber Optik di seluruh Negeri Pulau Pinang. b) Projek <i>Allo Nationwide Fiberisation Plan</i> (AFNP) c) Projek <i>Fiber Clip On Solution</i> (FTTL) d) Projek <i>Smart Street Pole</i> di Negeri Pulau Pinang	53% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dinaiktaraf kepada jajaran fiber optik Unifi sehingga bulan Jun 2021. Dijangka akan mencapai 100% fiberisation menjelang Jun 2022. Sedang dalam proses pemasangan yang melibatkan 11,000 home premises di seluruh kawasan Seberang Jaya. Pemasangan telah siap sepenuhnya melibatkan 8,711 premis rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga Jun 2021. Pelaksanaan projek masih di peringkat <i>Proof of Concept</i> (POC) oleh Syarikat Webe Digital Sdn Bhd dan Celcom Berhad.
2	Cadangan Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) 275 kV	Perbincangan TNB bersama JKPTG akan dibuat bagi membincangkan proses pemindahan 12 buah rumah transit. Perbincangan bersama Lembaga Perumahan Pulau Pinang juga akan dijalankan bagi memohon rumah PPRT bagi tujuan perpindahan penghuni rumah transit.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		TNB akan membincangkan perkara di atas bersama KeTSA bagi tujuan kelulusan untuk menanggung kos perpindahan secara keseluruhan seperti yang dimohon oleh MINDEF.
3	Ekonomi Digital	<i>Startups</i> - Meningkatkan penglibatan komuniti kejuruteraan/perisian melalui pendekatan <i>engagement</i>. Pembangunan program dan perkhidmatan untuk <i>Startups</i>. <i>Local Enterprise Development</i> - Meningkatkan penglibatan PKS. Membangunkan aliran urus niaga untuk syarikat ICT. Beralih dari pendedahan asas ke digitalisasi proses perniagaan untuk PKS mikro. Pelabur (<i>Investor</i>) - Menyediakan petunjuk selaras dengan matlamat Ekonomi Digital. Mengenal pasti peluang semasa yang sesuai untuk pelaburan digital.
4	Pembangunan Projek Lebuhraya <i>Northern Corridor Highway</i> (NCH)	NCIA dan LLM dalam tindakan untuk memuktamadkan <i>Statement of Needs</i> (SON) projek. Model pelaksanaan akan dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Cadangan jajaran hubungan dari Serdang ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 25.5km.

E) SEKTOR PELANCONGAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Program promosi dan rangsangan pasaran tempatan	a) Kempen taktikal merangkumi produksi video (<i>Experience it all in Penang, The other side of the Island, The opposite side of the Island, Penang through the lens</i> dan lain-lain), kempen <i>Penang Tour Packages</i> dan kempen <i>Penang Frontliners</i>. b) Kempen pengiklanan di <i>family mart retails, covered walkaways, giant cubes</i> dan laman web <i>Penang</i>

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		<i>Travel Deals.</i> c) Kempen media dengan kerjasama Astro Radio. d) Promosi muslim-friendly dan halal melalui risalah. Risalah Jalan-Jalan Penang dan Muslim Travel Guide yang masih dalam peringkat penyediaan.
2	Kempen <i>Responsible Tourism</i>	Promosi melalui badan bas (<i>bus wrap</i>) perhentian bas bagi mewujudkan kesedaran masyarakat akan pelancongan bertanggungjawab
3	Promosikan Pulau Pinang secara digital untuk mencapai sasaran pelancong lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan	a) Promosi melalui kolaborasi dengan Penang Foodie, Penang Hidden Gems dan pengiklanan media sosial. Kempen akan dimulakan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. b) Pengiklanan digital dengan Sojern bagi mempromosikan <i>Jom! Experience Penang Campaign</i> telah diselesaikan. c) Pengiklanan atas talian melalui laman web rasmi <i>Going Places (Malaysia Airlines inflight magazine)</i> ditangguhkan sementara. d) Penambahbaikan laman web pelancongan mypenang.gov.my
4	Meningkatkan daya perbelanjaan dan menjana pendapatan untuk pemain industri tempatan	Tarikh permulaan kempen akan ditentukan setelah perjalanan merentas negeri dibenarkan semula. Kempen dengan kerjasama Shopee.
5	Kerjasama dengan penggiat-penggiat pelancongan untuk merangsang pelancongan domestik	Kolaborasi dengan Klook, Booking.com, Shopback dan AirAsia. Kempen telah diluluskan pada tahun 2020, namun telah ditangguhkan sehingga sektor pelancongan dapat beroperasi semula.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
6	Mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran luar negara	a) Penglibatan dalam pameran perdagangan luar negara secara maya seperti <i>ITB Asia Virtual, Virtual Wedding Festival, Malaysia Meet 2021 - Istanbul, Moscow and Almaty, Travel Meet Asia Virtual</i> dan <i>ITB China</i>. b) Penglibatan dalam webinar secara atas talian seperti <i>New Zealand Travel Agents together with Malaysia Airlines, Online Cooking Class with Malaysia Airlines Australia and Travel Agents, Virtual Tour – The Habitat with Scandinavia Travel Agents</i> dan <i>Nordic Travel Agents together with Tourism Malaysia</i>.

F) SEKTOR INDUSTRI MAKANAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Penguatkuasaan Rumah Sembelih (Akta rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang adalah meliputi rumah sembelihan babi dan ruminan sahaja)	a) Sehingga kini, 5 buah rumah sembelihan babi telah dilesenkan dan 2 buah rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan serta 1 rumah sembelihan ruminan JPV. b) 5 buah rumah sembelihan babi tersebut terbahagi kepada 1 di SPS, 2 di SPU, 1 di DBD dan 1 di DTL manakala rumah sembelihan ruminan di DTL dan SPT. c) JPV telah menghantar notis kepada pemilik Rumah Sembelih yang tidak berlesen untuk tidak beroperasi dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas aduan yang diterima oleh Jabatan.
2	Wabak penyakit <i>Lumpy Skin Disease</i> (LSD) pada ternakan lembu	a) Kertas MMK telah dibentangkan dan diluluskan pada 23 Julai 2021 dan pewartaan dalam peringkat proses dokumentasi. b) Permohonan peruntukan perolehan vaksin dengan anggaran RM72,000 setahun dipohon untuk tahun 2022. Bagi tahun 2021, perolehan vaksin menggunakan penjimatan daripada peruntukan tahun Jabatan semasa.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		c) Peruntukan wang ehsan/saguhati bagi ternakan yang diarahkan dilupus akibat penyakit dengan anggaran RM30,000 setahun. Sehingga 21 Ogos 2021, sebanyak 11 ekor lembu telah dilupuskan oleh pihak Jabatan. Tuntutan akan dikemukakan untuk mendapatkan wang ehsan/saguhati daripada Kerajaan Negeri.
3	Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN) (Permohonan telah dihantar oleh Persatuan Penternak dan Peladang Negeri Pulau Pinang)	a) Dalam pertimbangan program PIKAS-PPVIN awam di EQ kepada pekerja yang terlibat dalam rantai bekalan makanan dalam sektor ternakan seramai 1,570 orang. b) Program pemvaksinan bagi pekerja yang terlibat dengan industri unggas turut dilaksanakan di bawah program Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac). c) Seramai 70 orang telah menerima suntikan dos pertama vaksin dan sedang menunggu suntikan dos kedua vaksin, manakala seramai 2,039 orang telah mendapat temujanji untuk suntikan dos pertama vaksin bermula pada 9 Ogos 2021. d) Status pelaksanaan program pemvaksinan telah diurus dan mencapai kadar 90%.
4	Masalah dalam pembekalan kepada usahawan (Pertubuhan Usahawan Industri Desa - kebanyakan kilang dalam pembuatan pembungkusan plastik tidak dapat dibuka menyebabkan masalah dalam pembekalan)	a) Bermula 1 Jun 2021, permohonan sokongan untuk pengoperasian penternak atau usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) yang berdaftar dengan JPV dan mempunyai Sijil SSM perlu melalui Sistem CIMS 3.0 di mana pertimbangan dan kelulusan akan diberikan oleh pihak MAFI. b) Pihak JPV Pulau Pinang hanya akan mengeluarkan surat sokongan pengoperasian kepada penternak dan usahawan IATn yang berdaftar dengan pihak Jabatan, tidak mempunyai sijil SSM, merupakan penternak / pengusaha IATn kecil atau tergolong dalam kategori isi rumah B40 selaras dengan arahan daripada pihak MAFI. c) Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (IPPV) telah memberi taklimat pada 19 Ogos 2021 berkenaan pelaksanaan sistem eTernak kepada pegawai di semua negeri untuk menyelaraskan permohonan surat sokongan bagi pengoperasian di dalam tempoh COVID-19 kepada para penternak / pengusaha IATn.
5	Isu kenaikan harga makan ternakan susulan daripada kenaikan bekalan bahan mentah yang diimport	a) Perundingan dengan MPOB mengurangkan kapasiti eksport PKE yang merupakan sumber bahan mentah dalam negara.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		b) Insentif bekalan makanan dan bahan makanan tambahan kepada penternak terkesan. Pemberian Bantuan Makanan Ternakan & Penokok Diet (Supplement) Ternakan telah dilaksanakan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM 200,001.50 dengan 988 orang penerima pada tahun 2020 dan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 melibatkan peruntukan sebanyak RM574,424,00 dengan 1,088 penerima pada tahun 2021. c) Cadangan kajian berterusan sumber bahan mentah alternatif yang tersedia dalam negara sebagai bahan mentah. d) Mempertimbangkan lebih banyak bantuan sokongan tanaman fodder untuk penternakan ruminan dan makanan alternatif bagi ternakan lain sebagai bekalan makanan utama untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan komersial/pallet melalui permohonan bantuan Jabatan.
6	Pelaksanaan Sistem Penternakan Moden mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti dan mesra alam	Pelaksanaan merangkumi dua pendekatan seperti berikut: a) Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi yang bermula tahun 2020 dengan penguatkuasaan pelesenan ladang ternakan di atas kepatuhan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Verifikasi ladang babi sedang dilaksanakan bermula 2 Ogos 2021 dan seterusnya semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022. b) Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telah diwartakan pada 19 Oktober 2020 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 bagi memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Pengawasan Perladangan Unggas dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.
7	Keselamatan Makanan (<i>Food Safety</i>)	a) Penguatkuasaan Akta Rumah Sembelih (Penswastaan 1993) – Pemeriksaan Ante / Post Mortem bagi memastikan prosedur pemeriksaan daging dipatuhi untuk menjamin keselamatan kepada pengguna. b) Penempatan Pegawai Pemeriksa Daging (Meat Inspector) – Kemasukan sebanyak 12 orang pegawai (<i>contract of service</i>) pada Mac 2021 untuk pemeriksaan daging di

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		rumah sembelih swasta yang terlibat memastikan bekalan daging suci, sihat serta selamat untuk dimakan.
8	Penstrukturan Semula Kawasan Kekal Ternakan	Mewujudkan kawasan penternakan dirancang sebelum ini sebagai kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan (dicadangkan seumpama ini dalam Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030) sebagai kawasan pengeluaran ternakan berpusat dan kekal bagi jaminan pengeluaran hasil makanan dan keselamatan makanan (<i>food security</i>).
9	Projek 'Farmer to Farmer'	a) Telah mendapat persetujuan penggunaan peruntukkan Pembangunan di bawah P01. Program dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2021. b) Terdapat 10 projek sebagai projek " <i>pilot</i> " merangkumi 8 projek fertigasi dan 2 projek Cendawan. c) Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin <i>Retort</i>).
10	Projek Pembangunan Pusat Agro Pelancongan Relau	Projek untuk dimohon melalui NCIA di bawah RMKe-12. Walau bagaimanapun, belum mendapat perakuan daripada pihak JPM. Dalam pertimbangan untuk pelaksanaan secara " <i>Request for Proposal</i> ".
11	Isu pengeluaran dan penjualan buah-buahan	Jabatan Pertanian sedang dalam tindakan untuk menyediakan ruang pasaran kepada petani secara kerjasama dengan AEON.
12	Isu kenaikan harga bahan tanaman padi	a) Terdapat aduan dari petani di mana peningkatan dari segi kos seperti racun dan baja yang naik antara 20% hingga 40% berikutan pandemik COVID-19. b) Jabatan Pertanian telah mengadakan sesi hands-on kepada petani melalui penyediaan baja sendiri.
13	Isu harga sayur naik turun sepanjang PKP	Pemantauan dari Jabatan Pertanian mendapati penjualan sayur-sayuran masih terkawal dengan harga yang berpatutan. Petani lebih bijak dalam pengaturan penjualan sayuran.
14	Projek 'Farm to Farm' - Projek ternakan keli	a) BQ untuk projek berkenaan telah disiapkan oleh Jabatan Perikanan dan telah diserahkan kepada BPEN. BPEN akan menjalankan proses sebutharga tersebut. b) Data Sistem Ternakan Air Tawar 2020: tangki air tawar – pengeluaran 56.33 mt dengan nilai RM498,891.60.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
15	Projek TOL Kerang	a) Kajian telah dilaksanakan di daerah SPU dan di Beting Selatan. Pada masa ini, dalam proses untuk menyelesaikan kajian biomass di daerah SPT dan SPS. b) Sebanyak 13 Lot Penternakan Kerang di SPU akan dibuka. Iklan penyertaan peserta kebun kerang telah dikeluarkan pada 18 Ogos 2021. c) Data Sistem Kultur Laut (SKL) 2020: Kerang – pengeluaran 2,691.32 mt dengan nilai RM21,531,887.61
16	Lesen Sampan Khas Negeri Pulau Pinang	Permohonan oleh nelayan dari tahun 2018 hingga 2020. Kelulusan – 535 Lesen yang telah keluar - 326 KIV untuk siasatan semula – 38 Tidak disokong – 72 Tidak Hadir (Tidak hadir sewaktu program sukat sampan bagi tujuan pelesenan) – 51 Baki (Nama duplicate) – 48 Data Perikanan Tangkapan 2020: Pendaratan untuk perikanan tangkapan yang meliputi kesemua zon (A, B, C, C2/C3) ialah sebanyak 56,848.53 mt dengan nilai RM513,426,731.71
17	Isu kesukaran menjual ternakan ikan sangkar a) PENKUA Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang – Ikan ternakan tidak dapat dieksport kerana isu permit bot Hong Kong dan harga ikan merosot disebabkan tiada pembeli b) Vaksinasi kepada pekerja asing sangkar ikan	a) Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 15 Julai 2021 memaklumkan bahawa YB Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian dan membenarkan vesel ikan hidup Hong Kong memasuki perairan Malaysia dan tempoh pengecualian adalah pada 13 Julai sehingga 31 Disember 2022. b) Pihak Industri telah memohon kepada PIKAS untuk menyejajarkan vaksin dalam industri makanan. c) Data Sistem Ternakan Air Payau 2020: Sangkar air payau - pengeluaran 18,684.35 mt dengan nilai RM427,685,546.52
18	Projek HUB Tuna di Jeti Batu Maung	a) Penang Development Corporation (PDC) tidak meluluskan permohonan Syarikat Abadi Utama Food Industries Sdn. Bhd. kerana bekas Restoran Jeti Batu Musang tersebut akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan lain (Ecotourism dan Pembangunan Bercampur). b) Mesyuarat di antara pihak PDC bersama PPN Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Ogos 2021 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Satu penyelesaian terbaik akan dicapai setelah pembentangan lanjut oleh pemohon kelak.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		c) 93,898 tan metrik hasil perikanan yang dianggarkan bernilai RM1.16 bilion setahun. Terdapat 11 buah vesel tuna di Pulau Pinang. Pendaratan di Dermaga Dalam, Penang Port. Untuk tahun 2020, sebanyak 30 kali pendaratan telah dicatatkan iaitu melibatkan 11 vesel tempatan dan 2 vesel asing. Sebanyak 1,943,843.53 kg ikan tuna telah didaratkan di Penang Port yang membawa nilai USD7,775,374.12 atau RM31,196,496.48.
19	Industri Asas Tani (IAT) - <i>Retort Technology</i>	a) Bagi mempromosikan penggunaan teknologi retort dalam industri makanan, pengusaha IAT di Pulau Pinang digalakkan untuk menggunakan teknologi tersebut. Oleh itu, pada tahun 2021, sebanyak 2 projek yang menggunakan teknologi retort akan dilaksanakan. Projek tersebut akan diperluaskan lagi pada masa hadapan. b) Penggunaan <i>Easy Pack Retort</i> sebab mereka merupakan syarikat tempatan dan berada dalam Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang melibatkan USM dan UITM. c) Mewujudkan komuniti <i>Retort</i>, untuk membantu usahawan terutamanya jika mempunyai automated sealer. d) Buat satu <i>Retort</i> machine dahulu untuk diletakkan di satu tempat dan dapat melatih dan memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga). e) Pihak jabatan juga telah melaksanakan kajian penggunaan mesin "<i>retort</i>" kepada PKS Industri Asas Tani.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

49. Wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi impak yang amat besar kepada Industri Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.

- (a) Sila nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani situasi ini dan perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan kelestarian industri.

YAB. Ketua Menteri:

49. (a) Pelbagai tindakan telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu penggiat-penggiat industri pelancongan dan ekonomi kreatif yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Untuk pelan jangka masa pendek, pemberian bantuan kewangan telah diberikan seperti bayaran *one-off* dan pinjaman tanpa faedah untuk memastikan kesinambungan industri pelancongan dan ekonomi kreatif.

Kerajaan Negeri akan menitikberatkan pelancongan domestik bagi memulihkan semula ekonomi pelancongan dan ekonomi kreatif sementara menunggu pembukaan semula sempadan negara.

Untuk pelan jangka masa panjang pula, Kerajaan Negeri akan memberi fokus terhadap peningkatan permintaan perjalanan ke Pulau Pinang dengan meneruskan kempen pemasaran domestik dan antarabangsa secara berperingkat bagi memulihkan industri pelancongan supaya Pulau Pinang kekal sebagai satu destinasi pilihan utama para pelancong.

Berkaitannya, **Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan** (*Tourism Recovery Action Plan*) telah digubal mengikut situasi semasa dan dilaksanakan sejak Februari 2020. Pelan tindakan tersebut merangkumi tiga (3) fasa seperti berikut:

(i) **Tindakan Segera (*Immediate Action*)**

(a) **Kempen media sosial**

Sejak permulaan penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih memberi fokus kepada usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui media sosial. Bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan utama pilihan pelancong, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meningkatkan kekerapan hantaran (*posting*) dalam media sosial sehingga berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menjalankan pengiklanan di media sosial untuk menonjolkan keistimewaan Pulau Pinang. Pengiklanan di media sosial akan dipaparkan di laman web *penangtraveldeals.com* di mana pembelian pakej secara langsung dengan penggiat-penggiat pelancongan yang berkenaan dapat dilaksanakan.

(b) **Kempen “Yes, This is Penang & Penang Through Lenses”**

Kempen ini akan menggalakkan lawatan semula (*revisitation*) ke Pulau Pinang dengan memberi tumpuan kepada pemasaran

destinasi seperti Seberang Perai, Balik Pulau dan juga Teluk Bahang di mana destinasi-destinasi ini menawarkan seribu satu keistimewaan tersendiri yang menggambarkan keunikan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

(c) **Kempen 7 World Wonders of Penang**

Pulau Pinang juga terkenal dengan tempat tarikan pelancong yang tiada bandingan di dunia yang kini dijenamakan sebagai “7 World Wonders of Penang” iaitu *The Habitat, Penang Hill, The Top Penang, The Gravityz, Tech Dome Penang, Entopia by Penang Butterfly Farm* dan *Escape Theme Park*. Kempen ini akan mempromosikan ketujuh-tujuh tempat tarikan pelancong ini melalui media sosial, saluran-saluran Astro Radio dan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Kempen ini juga telah mendapat sambutan baik daripada media-media tempatan seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM), surat khabar dan majalah-majalah tempatan.

(d) **Penang Give You Peace of Mind**

Dua (2) video promosi iaitu “*Your Safety is Our Priority*” dan “*Thank You for Keeping Penang Safe*” telah dihasilkan untuk kempen ini, di mana ia menonjolkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak dalam meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi yang selamat.

(e) **Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang (COVID-19 Safety Accreditation Programme)**

Akreditasi ini akan diberikan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi dan mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan. Proses audit yang menyeluruh juga akan dijalankan untuk memastikan semua garis panduan dan SOP dipatuhi sebelum kelulusan permohonan akreditasi tersebut. Pihak yang telah memenuhi SOP akreditasi ini akan diberi logo rasmi untuk dipamerkan di premis serta untuk kegunaan promosi dan pemasaran. Dengan mempamerkan logo akreditasi di premis-premis hotel dan tempat-tempat daya tarikan, ia akan memberi keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada pelancong semasa melancong di Pulau Pinang.

(f) **Kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”**

Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melancarkan kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”. Kempen ini merupakan satu pendekatan berhemah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memberi peringatan kepada semua pihak mengenai kepentingan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan menjaga kebersihan diri sendiri semasa melancong di Pulau Pinang.

(ii) **Tindakan Jangka Pendek dan Pertengahan (*Short-Midterm Action*)**

Kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan melalui penggiat industri pelancongan seperti syarikat penerbangan, hotel penginapan, tempat tarikan dan ejen pelancongan untuk mengadakan pakej pelancongan yang menarik dengan tujuan memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa. Kempen-kempen yang telah dilaksanakan dalam fasa ini adalah seperti berikut:

(a) ***Outdoor Advertising Campaign in Kuala Lumpur – Covered Walkways***

Kempen pengiklanan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) pusat bandar Kuala Lumpur sedang diadakan selama 12 bulan mulai Disember 2020 di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan.

(b) ***JOM! Experience Penang Campaign***

Dalam usaha mengukuhkan pelancongan domestik dalam kalangan penduduk tempatan, laman web *penangtraveldeals.com* telah dilancarkan untuk memberikan maklumat tumpuan kepada pelancong yang ingin melawat Pulau Pinang. “JOM! Experience Penang Campaign” menawarkan platform yang sesuai bagi mereka yang merancang perjalanan mereka dengan tawaran terbaik yang dibekalkan oleh hotel, tempat tarikan pelancong, pakej pelancongan, makanan dan gaya hidup (*Best Hotel Deals, Best Attraction Deals, Best Tour Packages, Best Food and Lifestyle Deals*) dan akan merangkumi tawaran syarikat penerbangan pada masa hadapan.

(c) ***Penang Tour Packages Promotion Best Tour Packages***

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang bekerjasama dengan persatuan pelancongan iaitu *Malaysian Chinese Tourism Association* (MCTA) dalam mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara konsortium. MCTA mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara pakej berkumpulan untuk menggalakkan pelancongan domestik ke Pulau Pinang.

(d) ***Pakej dengan Malaysia Airlines***

Malaysia Airlines Holidays: MHHolidays sedang membangunkan pakej untuk Pulau Pinang dan akan dipromosikan melalui media sosial dan laman web Malaysia Airlines.

(e) ***Kempen Media dengan Sojern Travellers***

Platform *Sojern Traveller* akan mengenal pasti, memahami dan mensasarkan pelancong pada semua peringkat perbelanjaan pengguna sambil menjalankan penyelidikan pasaran dan melaksanakan strategi pemasaran.

(f) **Kempen media dengan *Family Mart***

Kempen media ini dijalankan dengan *Family Mart* bermula dari Disember 2020 sehingga Mac 2021 untuk mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan.

Kerajaan Negeri juga giat mempromosikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pilihan utama MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*) melalui program *Business Events Penang Rejuvenation Plan 2021-2023*. Program ini bertujuan untuk mengembangkan industri '*business events*' berdasarkan tiga (3) teras, iaitu Kerjasama, Sokongan dan Digitalisasi.

(iii) **Tindakan jangka panjang (*Long Term Action*)**

Pada fasa ini, Kerajaan Negeri akan memfokuskan pada pasaran antarabangsa setelah sempadan antarabangsa dibuka semula dan pelancongan antarabangsa diizinkan.

Kempen pemasaran akan dilakukan untuk memulihkan pasaran tumpuan pelancongan serta menerokai pasaran baharu dengan melibatkan pasaran antarabangsa dan domestik melalui iklan jenama untuk menggalakkan penambahan pelancong ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

50. Apakah perkembangan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap menggunakan garis panduan aksesibiliti sejagat yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri?

(a) Adakah kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan menggunakan garis panduan ini dalam kelulusan dalam Jawatankuasa *One Stop Centre* (OSC)?

YAB. Ketua Menteri:

50. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 9 Disember 2020 dan disahkan pada 17 Disember 2020 telah mempertimbang dan meluluskan Garis Panduan Pematuhan Senarai Semak Audit Aksesibiliti Berdasarkan Reka Bentuk Sejagat Bagi Pemajuan Di Negeri Pulau Pinang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021.

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) telah mengadakan beberapa sesi Focus Group Discussion (FGD) melibatkan Ahli Majlis dari Jawatankuasa One Stop Centre (OSC) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), wakil Surveyors, Planners, Engineers, Architects and Developers (SPEAD), wakil Badan Bukan Kerajaan dan wakil Golongan Kurang Upaya (OKU) termasuk kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi pelaksana/teknikal di Pulau Pinang.

Sehubungan itu, beberapa keputusan telah dibuat bagi menjelaskan prosedur menggunakan borang senarai semak dalam garis panduan ini berkuatkuasa pada 1 Jun 2021 kepada semua pihak terlibat.

Walau bagaimanapun, akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Diperketatkan yang berkuatkuasa mulai 25 Mei 2021 di seluruh negara, pentadbiran ini terpaksa menunda sesi mengaudit kemudahan-kemudahan akses dan persekitaran

bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat (universal design) dengan agensi-agensi berkaitan kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Kedua-dua PBT iaitu MBPP dan MBSP akan menggunakan Garis Panduan Pematuhan Senarai Semak Audit Aksesibiliti Berdasarkan Rekabentuk Sejagat Bagi Pemajuan Di Negeri Pulau Pinang yang telah dikuatkuasakan bermula 1 Jun 2021 sebagai salah satu rujukan selain MS1184 (*Universal Design And Accessibility In The Built Environment - Code Of Practice*) bagi memastikan pemajuan baharu dan projek-projek infrastruktur di dalam kawasan pentadbiran di Pulau Pinang dan Seberang Perai mematuhi keperluan reka bentuk sejagat. Garis panduan tersebut juga digunakan sebagai salah satu syarat bagi kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan serta Pelan Jalan dan Parit oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di MBPP dan MBSP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

51. Adakah Kerajaan Negeri masih bercadang menaikkan cukai pintu dan cukai tanah dalam keadaan ramai kehilangan mata pencarian dan perniagaan merosot akibat daripada pandemik COVID-19?

YAB. Ketua Menteri:

51. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan permasalahan rakyat dan mengutamakan kesejahteraan rakyat terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19 ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hasrat untuk menaikkan cukai pintu/taksiran atau cukai tanah buat masa ini.

Bagi cukai pintu/taksiran, Senarai Nilai sedia ada yang digunakan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020. Oleh yang demikian, semakan semula Senarai Nilai baharu yang seterusnya adalah pada tahun 2025 tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan bukan dalam masa yang terdekat.

Selain itu, disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, Kerajaan Negeri telah memberikan rebat 100% kepada semua kategori harta bagi perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam senarai nilai baharu 2020 berbanding cukai taksiran dari tahun 2019 kepada rakyat Pulau Pinang yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Pemberian rebat 100% juga diberikan kepada rumah kampung, rumah kos rendah (LC) dan sederhana rendah (LMC) bagi perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam senarai nilai baharu 2021 berbanding cukai taksiran dari tahun 2020 manakala rebat sebanyak 50% diberikan kepada lain-lain kategori harta.

Bagi Cukai Tanah pula, kadar yang digunakan sekarang merupakan kadar yang telah disemak pada tahun 1994 dan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menaikkan kadar cukai tanah walaupun kadar tersebut telah digunakan selama 26 tahun.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

52. Pesakit di KADUN Pulau Betong sering menghadapi masalah kenderaan (pengangkutan) ke Hospital Besar Pulau Pinang. Mereka ini miskin dan tidak mampu bergerak.

(a) Apakah syor untuk membantu golongan pesakit ini?

YAB. Ketua Menteri:

52. Buat masa ini tiada bantuan spesifik dikhaskan kepada pesakit yang datang ke Hospital Besar Pulau Pinang bagi tujuan rawatan. Bagi pesakit yang dikenal pasti memerlukan rawatan susulan dan mempunyai masalah keupayaan kenderaan atau kewangan, pesakit akan dirujuk ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) bagi penilaian seterusnya. Pesakit atau waris akan dirujuk ke badan kebajikan kerajaan atau bukan kerajaan seperti Zakat Pulau Pinang, Persatuan Kebajikan Buddhist Tzu-Chi dan sebagainya mengikut kesesuaian bagi mendapatkan bantuan.
- (a) Antara syor atau cadangan bagi membantu golongan pesakit seperti ini adalah seperti berikut:
- (i) Pesakit atau Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berkerusi roda boleh membuat tempahan Rapid Mobiliti yang dikendalikan oleh pihak Rapid Penang. Rapid Mobiliti mempunyai kemudahan lif hidraulik yang membolehkan golongan OKU yang berkerusi roda bergerak dari kediaman ke Hospital Besar Pulau Pinang atau lokasi lain. Kadar caj Rapid Mobiliti yang diluluskan oleh APAD (Agensi Pengangkutan Awam Darat) adalah RM6.00 diikuti dengan RM0.20 setiap 100m atau setiap 21 saat. Sekiranya pesakit tersebut tidak mampu untuk membiayai kos pengangkutan Rapid Mobiliti, YB ADUN kawasan boleh membantu dengan menanggung kos pengangkutan pesakit dengan membuat tempahan awal kepada pihak Rapid Penang. Pihak Rapid Penang akan mengemukakan invois kepada Pejabat YB untuk bayaran mengikut jarak yang sebenar; dan
- (ii) Kerjasama di antara Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan perkhidmatan pengangkutan seperti *GrabCar* dan sebagainya atau pemberian baucar pengangkutan inisiatif/ dana oleh Kerajaan Negeri di bawah seliaan Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) hospital seperti yang dipraktikkan di Negeri Kedah. Perkara ini masih di peringkat cadangan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

53. Senaraikan bilangan keluarga yang telah diusir keluar kerana tidak mampu bayar sewa atau rumah dilelong akibat COVID-19 mengikut daerah dan jenis hartanah sejak 2020.
- (a) Apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka yang hilang tempat tinggal?
- (b) Kenapa kerajaan tidak melaksanakan moratorium untuk hentikan pengusiran keluar penyewa yang tidak mampu bayar sewa?

YAB. Ketua Menteri:

53. Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan telah memberikan kesan secara langsung terhadap ekonomi dan sekaligus mempengaruhi kuasa membeli (*buying power*) pengguna. Bagi sektor perumahan, kesan ketara akan dapat dilihat terhadap pemilikan dan penyewaan.
- (a) Permasalahan ini telah mendorong Kerajaan Negeri sebagai pemudahcara dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dalam Dasar Rangsangan Sektor Hartanah dan Dasar Pemilikan Kediaman/*Home Ownership Campaign* (HOC)

yang diperkenalkan pada tahun 2020 dan telah dilanjutkan ke versi 2.0 sehingga 30 Jun 2022.

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan menyaksikan dua aspek utama isi rumah (*household*) perlu diberi perhatian iaitu kesan ekonomi dan keperluan kediaman yang selesa. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan penurunan paras maksima harga Rumah Mampu Milik (RMM) sebanyak 10 peratus di Pulau dan Seberang Perai menjadikan harga Rumah Mampu Milik bagi unit berkeluasan 850 kaki persegi maksima RM270,000.00 di Pulau dan RM225,000.00 seunit di Seberang Perai. Sekiranya pemaju ingin mengekalkan harga lama iaitu RM300,000.00 di Pulau dan RM250,000.00 di Seberang Perai, saiz hendaklah ditingkatkan menjadi minima 900 kaki persegi. Selain daripada itu, pelbagai kemudahan dan fasiliti kegunaan bersama seperti tempat riadah, dewan serbaguna, ruang bacaan juga perlu disediakan.

Sebagai kerajaan yang prihatin, Kerajaan Negeri juga telah mengekalkan harga RMM A dan RMM B di negeri Pulau Pinang berbanding lain-lain negeri. Ini bertujuan bagi memastikan perumahan sebagai keperluan asas mampu dinikmati oleh kumpulan B40 yang paling terkesan dengan kesan ekonomi pandemik. Perbandingan harga RMM A dan B dengan negeri Selangor, Perak, Johor dan Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:-

NEGERI	RMM A	RMM B
PULAU PINANG	RM42,000.00	RM72,500.00
SELANGOR (Rumah Selangorku)	RM42,000.00	RM100,000.00
PERAK (Rumah Perakku)	RM70,000.00- RM90,000.00	RM90,000.00- RM150,000.00
JOHOR (Rumah Mampu Biaya)	RM42,000.00	RM80,000.00
RUMAWIP	RM63,000.00 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya)	RM63,000.00 – RM150,000.00

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pengecualian bayaran sewa empat (4) bulan kepada unit sewa rumah dan kedai di RSKN/PPR, termasuk penangguhan bayaran sewa beli selama empat (4) bulan melibatkan 2,911 unit sewa rumah, 541 unit sewa beli dan 122 unit sewa kedai berjumlah RM1,329,728.00. Arahan pemberian moratorium kepada penyewa individu yang menyewakan kediaman mereka tidak dapat dilaksanakan dengan mengambilkira itu merupakan hak pemilik rumah sendiri, selain tiadanya senarai penyewaan rumah.

Senarai menunggu bagi permohonan unit sewa Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN)/Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah sebanyak 1,202 dengan permohonan tertinggi adalah melibatkan permohonan di daerah Timur Laut iaitu sebanyak 786 (65%). Permohonan unit sewa RSKN/PPR kekal popular berikutan caj sewaan bulanan yang rendah iaitu dari RM70.00 hingga RM156.00 berbanding kadar sewaan di pasaran iaitu RM900.00 dan ke atas (khususnya di kawasan George Town). Tiada pengusiran dibuat melibatkan unit RSKN/PPR sejak pandemik dilaporkan bermula.

Kesan ekonomi akibat COVID-19 menyebabkan pemilik rumah terpaksa melepaskan kediaman mereka untuk mengurangkan komitmen bulanan termasuk tindakan lelongan. Pemberian moratorium oleh Kerajaan Persekutuan selama enam (6) bulan pada tahun 2020 dan sedikit sebanyak memberi ruang kelegaan, namun sebaik tempoh enam (6) bulan ini tamat masih banyak punca pendapatan belum pulih sepenuhnya. Bagi kes lelongan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Rayuan turut memberikan pertimbangan agar mereka dapat memohon untuk memiliki RMM A, B mahupun C mengikut kelayakan setelah pendapatan mereka pulih. Langkah ini dalam jangka masa panjang memberi peluang untuk pemohon merancang masa hadapan mereka.

- (b) Pemilik unit mempunyai hak untuk mengambil tindakan perundangan ke atas mana-mana pelanggaran syarat penyewaan, termasuk bagi kes penyewa tidak mampu membayar sewa. Ini terpakai kepada samaada unit perumahan awam dan unit perumahan swasta. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan telah mengambil pendekatan proaktif bagi menangani isu ini di perumahan awam dengan menawarkan pakej ansuran bagi amaun bertunggakan. Penyewa unit perlu membayar separuh daripada amaun tunggakan dan disusuli dengan bayaran ansuran bulanan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 54. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada bidang pertanian, penternakan dan perikanan pada tahun 2020 dan 2021 yang telah dibelanjakan terus kepada penerima?
 - (a) Sila senaraikan jumlah dan jenis-jenis kategori dalam pertanian, dalam penternakan dan bidang perikanan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

YAB. Ketua Menteri:

- 54. Salah satu jenis projek dalam kategori pertanian adalah Projek *Farmer-To-Farmer* untuk Latih 10 Komuniti di kawasan (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk belajar Penanaman Cili dan tanaman kontan lain yang mempunyai pulangan yang tinggi. Pelaksanaan *Farmer to Farmer Programme* ini melibatkan penyertaan seramai 10 komuniti yang dipilih daripada MPKK yang mempunyai kawasan sesuai bagi pelaksanaan program ini.

Tujuan untuk bantu penduduk Pulau Pinang yang terkesan akibat Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terdiri dari *Non-Farmers*, Graduan dan Lulusan Sekolah yang tiada pekerjaan atau *under-employed*, mereka yang hilang pekerjaan atau penurunan gaji untuk Jana Pendapatan melalui AgroTeknologi agar setiap isi rumah menjadi *self-sustainable*, basmi kemiskinan, dan mencegah belia terkesan dari terjebak dalam kegiatan tidak sihat dan najis dadah

Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk menarik minat anak muda yang menganggur, atau mereka yang bekerja tetapi menerima gaji rendah (*underpaid*) serta kepada komuniti yang berminat untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian dengan tanaman cili dan juga tanaman kontan yang lain.

Selain boleh menjadi sumber pendapatan, tanaman cili atau tanaman kontan secara kaedah fertigasi ini dilihat lebih mudah untuk diusahakan. Tanaman cili atau tanaman kontan juga senang untuk dipasarkan secara harian. Selain itu, masa yang diperlukan untuk menuai hasil adalah lebih singkat.

Rancangan perniagaan ini akan melibatkan projek tanaman cili atau tanaman kontan lain sebanyak 2,000 polibeg bagi setiap komuniti yang terlibat. Keluasan tanah yang diperlukan bagi menempatkan sebanyak 2,000 polibeg tanaman ialah seluas setengah ekar (0.5 ekar) tanah.

Anggaran hasil bagi tanaman cili adalah di antara RM56,000.00 sehingga RM64,000.00 bagi setiap musim tanaman.

Dijangkakan program ini akan dilaksanakan sebelum akhir bulan ogos 2021. Terdapat 10 projek sebagai projek “pilot”, (8 projek fertigasi, 2 projek Cendawan). Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin Retort).

Perincian pelaksanaan bagi projek ini adalah seperti di **Jadual 1** dalam **LAMPIRAN A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Selain daripada itu, Projek *Farm to Farm* diwujudkan untuk komuniti yang berminat dalam penternakan ikan air tawar secara berkelompok dalam satu kawasan kolam ternak berskala besar dengan kapasiti 50 buah kolam konkrit dalam satu kelompok penternakan sebagai salah satu program Bantuan Rakyat Negeri Pulau Pinang 3.1. Dicapai bantuan berkelompok diberi secara ‘*One Off*’ berupa latihan, peralatan lengkap dan binaan kolam untuk 50 kolam ternak yang dibina di tanah sendiri, pajakan mahupun tanah milik kerajaan (TOL) bagi peserta yang layak menyertai program.

Tawaran akan dibuka kepada seluruh komuniti di Negeri Pulau Pinang yang berminat melalui media sosial dan perlu melalui proses temuduga yang akan memberi keutamaan kepada golongan yang terjejas akibat covid 19 yang terdiri dari golongan yang kehilangan kerja, diberhentikan kerja penganggur, ibu tunggal, belia / beliawanis, lepasan sekolah dan graduan yang menganggur. Perincian pelaksanaan dan iklan penyertaan bagi projek ini adalah seperti di **Jadual 2** dalam **LAMPIRAN A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Projek Kebun Kerang merupakan projek pemetaan semula Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Kerang Pulau Pinang tahun 2021 yang melibatkan kajian *Oseanografi* proses pantai dan kajian *Bathimetri*. Kajian percubaan ternakan di lot percubaan di Seberang Perai Utara (SPU). Sebanyak 13 lot dapat ditawarkan di SPU manakala di Beting Selatan hampir 238 lot boleh ditawarkan. Perincian pelaksanaan projek ini dilampirkan di **Jadual 3** dalam **LAMPIRAN A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan** bersama dengan iklan penyertaan bagi projek ini yang dikeluarkan pada 18 Ogos 2021.

Pada tahun 2020, sebanyak **RM3.81 juta** telah diperuntukkan bagi pembangunan sektor agromakan, yang meliputi 16 projek pembangunan pertanian, manakala dua (2) projek pembangunan infrastruktur untuk kemudahan warga kerja Jabatan

Pertanian Negeri (JPN), dengan menjadikan jumlah keseluruhan agihan peruntukan negeri adalah sebanyak **RM5.81 juta**.

Pecahan peruntukan yang disalurkan serta bilangan petani yang menerima faedah program pembangunan pertanian Pulau Pinang adalah seperti di **Jadual 1** di dalam **LAMPIRAN B yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Jabatan Kewangan Negeri (JKN) telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak **RM1,270,000.00** pada bulan Oktober 2020 bagi Pembangunan Industri Tanaman Padi, Pembangunan Tanaman Buah-buahan, Pembangunan Sayur-sayuran dan Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan 2 (TKPM 2).

Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah **RM1,682,510.00** kepada JPN untuk tahun 2020 bagi pembangunan pertanian Pulau Pinang. Perincian peruntukan tersebut adalah seperti di **Jadual 2** di dalam **LAMPIRAN B yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Pada tahun 2021, JPN telah menerima peruntukan pembangunan negeri berjumlah **RM6.75 juta** bagi 16 projek /program pembangunan dengan 14 projek/program pembangunan telah memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar iaitu petani, usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan belia tani. Manakala dua (2) projek lagi adalah untuk baik pulih dan naik taraf kemudahan bagi kegunaan operasi Jabatan.

Pada tahun 2021, sebanyak **RM4.8 juta** telah diperuntukkan bagi pembangunan sektor agromakan, yang meliputi 14 projek pembangunan pertanian, manakala dua (2) projek pembangunan infrastruktur untuk kemudahan warga kerja JPN, dengan menjadikan jumlah keseluruhan agihan peruntukan negeri adalah sebanyak **RM5.16 juta**. Perincian pecahan peruntukan yang disalurkan untuk pembangunan pertanian Pulau Pinang adalah seperti di **Jadual 3** di dalam **LAMPIRAN B yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah **RM3,741,664.40** kepada JPN bagi tahun 2021 untuk 15 projek/program pembangunan pertanian Pulau Pinang. Perincian projek dan jumlah peruntukan tersebut adalah seperti di **Jadual 4** di dalam **LAMPIRAN B yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Rumusan pelaksanaan program pertanian bandar/penaja/kebuniti dari 2019 hingga 2021 boleh rujuk di **Jadual 1** dalam **LAMPIRAN C yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Bagi sektor penternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang menyediakan jumlah dan jenis-jenis kategori dalam pertanian, penternakan dan bidang perikanan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan seperti di **Jadual 5** di dalam **Lampiran B yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Perincian bilangan penerima bantuan makanan ternakan dan supplement di bawah pakej Bantuan Rakyat NPP. 3.1 boleh merujuk dalam **Jadual 2** di **Lampiran C yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan**.

Bagi sektor akuakultur, jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang telah dibelanjakan terus kepada penternak akuakultur pada tahun **2020** adalah sebanyak **RM1,170,625.00** dan pada tahun **2021** adalah sebanyak **RM1,221,073.15**.

Jumlah penerima dan kategori penerima adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	KATEGORI	BILANGAN PENERIMA
2020	Pengusaha akuakultur	196
2021		89
JUMLAH KESELURUHAN		285

Bagi sektor pemprosesan produk perikanan pula, mengikut rekod jabatan pada tahun 2020, jumlah peruntukan yang diterima oleh Jabatan Perikanan untuk bantuan kepada nelayan adalah sebanyak **RM160,000.00**. Bantuan ini adalah di bawah Projek Rangsangan Ekonomi 1.0 dan Program Bantuan *Touch Point*. Antara peralatan yang diterima oleh nelayan adalah seperti berikut :

- (i) Unjam : *my*Komuniti Perikanan (*my*KP) Changkat dan Teluk Kumbar;
- (ii) Mesin membuat ais : *my*KP Kuala Jalan Bharu;
- (iii) *Eco Sounder* : *my*KP Changkat;
- (iv) Jaket keselamatan : Semua Ketua Unit; dan
- (v) Alat pemadam api : Semua Ketua Unit.

Pada tahun 2021 pula, jumlah peruntukan yang diterima oleh Jabatan Perikanan bagi bantuan kepada nelayan adalah sebanyak **RM198,000.00**. Bantuan ini adalah di bawah Projek Dana Jaminan Makanan.

Antara projek perikanan yang menerima bantuan ini adalah seperti berikut:

- (i) Projek ternakan kupang secara P-Line: *my*KP Pulau Aman;
- (ii) Projek ternakan kupang secara rakit: *my*KP Changkat;
- (iii) Projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar: *my*KP Pantai Kamloon; dan
- (iv) Projek pengumpulan pemprosesan keropok lekor di Permatang Pauh

LAMPIRAN A

JADUAL 1: PERINCIAN PELAKSANAAN BAGI PROJEK *FARMER TO FARMER*

Perincian anggaran kos pelaksanaan bagi cadangan *Farmer to Farmer Program*

Bil	Perkara	Kos (RM)
1.	Penyediaan tapak – mencuci kawasan – pemasangan pagar – Plastik silvershine /Weed Mat	3,000.00
2.	Tangki baja, sistem pengairan, pam air, pH meter, EC meter	6,000.00
3.	Polibeg, media tanaman, tiang sokongan, tali	6,000.00
4.	Benih & tapak semaian	1,000.00
5.	Baja, foliar dan pengurusan perosak dan penyakit tanaman selama 2 pusingan tanaman	10,000.00
6.	Stor, Pusat pengumpulan hasil kawasan pilih cili	5,000.00
7.	Kos-kos lain	1,000.00
	JUMLAH	32,000.00

Perincian anggaran kos pelaksanaan bagi cadangan Penanaman Cendawan

Bil	Perkara	Kos (RM)
1.	Rumah Cendawan Mudah Alih dan Alatan(Mobile)	6,000.00
2.	Bongkah	3000 bongkah
3.	Lain-lain kos	1,000.00
	Jumlah	16,000.00

Nota. 2 rumah dengan 6000 bongkah dengan jangkaan pendapatan RM38,400.00 (2 pusingan tanaman)

JADUAL 2: PERINCIAN PELAKSANAAN BAGI PROJEK *FARM TO FARM* DAN IKLAN PENYERTAAN PROJEK INI

12. PERINCIAN KOS TERNAK

Musim Pertama - keempat

Jumlah Kolam = 50 kolam

Benih Ikan = 150,000 benih

Tempoh masa = 3 bulan

i.	Benih ikan	3,000 ekor benih satu kolam x RM 0.20 = RM 600.00 per kolam x 50 tangki	=	RM 30,000.00
ii.	D 1.0	3 bag satu kolam x 50 kolam = 150 bag x RM 100.00 satu bag	=	RM 15,000.00
iii.	Makanan	13.5 bag (270kg) 1 kolam x 50 kolam = 675 bag x RM 60.00 satu bag	=	RM 40,500.00
iv.	Gaji	RM 90 satu kolam x 50 kolam	=	RM 4,500.00
v.	Bil semasa	Elektrik / air RM 5 satu kolam x 50 kolam Telefon RM 50 x 3bulan	= =	RM 250.00 RM 150.00
vi.	Selenggara tambahan	RM 100 satu bulan x 3 bulan	=	RM 300.00
JUMLAH KOS PENTERNAKAN DALAM TEMPOH 3 BULAN (musim kedua - keempat)				RM 90,700.00

Kos penternakan untuk satu tangki pada musim pertama – keempat.

= RM 90,700.00 / 50 tangki

= RM 1,814.00 satu tangki



IKLAN PENYERTAAN BAGI PROGRAM *FARM TO FARM* DI PENANTI, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Tarikh Iklan : 26 Ogos 2021 (Khamis)
Tarikh Pengambilan Borang : 2 September 2021 (Khamis)
Tarikh Akhir Penyerahan Borang : 10 September 2021 (Jumaat)

SYARAT SYARAT PENYERTAAN:



1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Keutamaan diberikan kepada penduduk sekitar Seberang Perai Tengah.
3. Tergolong dalam kumpulan B40 (berpendapatan isi rumah RM 4,000 ke bawah)
4. Mempunyai minat, rajin, semangat yang tinggi, cekal dan sanggup belajar.
5. Mengisi dan menghantar borang penyertaan **Program 'Farm to Farm'** sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan.
6. Borang penyertaan boleh diperolehi di Pejabat Perikanan Daerah Seberang Perai, Jalan Permatang Rawa 14000 Bukit Mertajam, SPT, Pulau Pinang.

APA ITU PROGRAM 'FARM TO FARM' ?


- I. Merupakan projek perintis bagi ternakan ikan keli di dalam kolam simen secara berkelompok yang akan dilaksanakan di Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- II. Merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pendapatan golongan B40 dan seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan ternakan ikan air tawar secara mesra alam dan bertanggungjawab.
- III. Melibatkan latihan dan kerja-kerja pengurusan ternakan keli bermula dari penyediaan kolam sehingga ke peringkat tuaian hasil.
- IV. Kemudahan asas dan input ternakan disediakan oleh pihak kerajaan bagi pusingan pertama ternakan untuk memulakan pelaksanaan program ini

*** Sebarang sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Cawangan
 Akuakultur, Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang di talian 04-6572777

**JADUAL 3: PERINCIAN PELAKSANAAN BAGI PROJEK KEBUN
 KERANG**



ID161/07



LAMPIRAN B

**JADUAL 1: PERINCIAN PECAHAN PERUNTUKAN YANG DISALURKAN SERTA
BILANGAN PETANI YANG MENERIMA FAEDAH PROGRAM PEMBANGUNAN
PERTANIAN PULAU PINANG BAGI TAHUN 2020**

No.	Projek / Program	Peruntukan Tahun 2020 (RM)	Bilangan Petani Yang Menerima Faedah
1.	Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	300,000.00	9,933
2.	Program Perkhidmatan Kejenteraan	300,000.00	385
3.	Pembangunan Pusat Inkubator (Tasek Cempedak & Bumbung Lima)	50,000.00	3
4.	Pembangunan Pusat Pengembangan Teknologi Pertanian Cherok Tok Kun	170,000.00	-
5.	Pembangunan Pusat Teknologi Sungai Acheh, SPS	50,000.00	-
6.	Pembangunan Tanaman Padi	500,000.00	2,603
7.	Pembangunan Tanaman Buah-Buahan	300,000.00	1,642
8.	Pembangunan Sayur-Sayuran	400,000.00	815
9.	Program Pembangunan Petani Pelapis	50,000.00	300
10.	Program Pembangunan Tanaman Lain-Lain Ekonomi	100,000.00	99
11.	Program Pembangunan Kelompok Tani	50,000.00	315
12.	Pembangunan Kawasan Kelapa	100,000.00	77
13.	Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan	70,000.00	-
14.	Pusat Pengembangan Teknologi Pertanian Daerah Barat Daya/Timur Laut	100,000.00	-
JUMLAH		2,540,000.00	16,172



IKLAN PENYERTAAN PESERTA KEBUN KERANG, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

Tarikh Iklan : 18 Ogos 2021 (Rabu)
Tarikh Pengambilan Borang : 1 September 2021 (Rabu)
Tarikh Akhir Penyerahan Borang : 20 September 2021 (Isnin)

SYARAT SYARAT PENYERTAAN:

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Keutamaan diberikan kepada nelayan berdaftar di Negeri Pulau Pinang bermula dari Pengkalan Nelayan Butterworth sehingga Pengkalan Kuala Muda, Pulau Pinang.
3. Tergolong dalam kumpulan B40 (berpendapatan isi rumah RM 4,000 ke bawah)
4. Mempunyai minat, rajin, semangat yang tinggi, cekal dan sanggup belajar.
5. Mengisi dan menghantar borang penyertaan sebagai Peserta Kebun Kerang sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan.
6. Borang penyertaan boleh diperolehi di Pejabat Perikanan Daerah Seberang Perai, Jalan Permatang Rawa 14000 Bukit Mertajam, SPT, Pulau Pinang.

APA ITU KEBUN KERANG?

- I. Merupakan kawasan yang diperuntukan bagi projek ternakan kerang di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- II. Keluasan lot kerang adalah 21 hektar / lot
- III. Melibatkan kerja-kerja pengurusan ternakan kerang seperti tabur benih, serak benih, tuaian hasil dan kerja-kerja pembersihan lot ternakan.
- IV. Perlu memohon dan menjelaskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada Pejabat Daerah & Tanah dan juga memohon serta menjelaskan Lesen Sistem Kultur Laut (SKL) kepada Jabatan Perikanan Negeri.

*** Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Cawangan Akuakultur, Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang di talian **04-6572777**

**JADUAL 2: PERINCIAN PECAHAN PERUNTUKAN YANG DISALURKAN OLEH
KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA JABATAN PERTANIAN PULAU PINANG BAGI
TAHUN 2020**

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN TAHUN 2020 (RM)	BILANGAN PETANI YANG MENERIMA FAEDAH
1.	Pembangunan Kluster Tanaman Kontan	65,000.00	5
2.	Pembangunan Ladang Organik	50,000.00	7
3.	Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-sayuran (BPHS)	150,000.00	23
4.	Tanaman Semula Buah-buah Terpilih (TSBT)	400,000.00	44
5.	Pembangunan Pertanian Bandar	200,000.00	Komuniti-405 (24 Projek) Individu-86 (6 Projek) Sekolah-720 (15 Projek) Institusi-175 (7 Projek)
6.	Pembangunan Kluster Buah - Durian	50,000.00	-
7.	Pembangunan Kluster Buah - Pisang	16,000.00	3
8.	Pembangunan Kluster Buah - Betik	12,000.00	
9.	Pembangunan Kluster Buah - Tembikal	50,000.00	1
JUMLAH PERUNTUKAN DOA		993,000.00	
1.	Projek Pemacu Pertanian: <i>High Value Herbal Products</i> (EPP1)	37,750.00	3
2.	Projek Pemacu Pertanian: <i>Premium Market For Fruits and Vegetable</i> (EPP7)	300,000.00	61
JUMLAH PERUNTUKAN PPP (Projek Pemacu Pertanian)		337,750.00	
1.	Pembangunan Tanah Terbiar	65,000.00	1
2.	Pembangunan myGAP & myOrganic	50,000.00	111
3.	Ladang Kontrak	150,000.00	41
4.	Program Pelan Penggantian Petani, Penternak, Nelayan Dan Pengusaha IAT Golongan Generasi XY (Agropreneur Muda)	400,000.00	40
		351,760.00	
JUMLAH PERUNTUKAN DOA + PPP + MOA		1,682,510.00	1,726

**JADUAL 3: : PERINCIAN PECAHAN PERUNTUKAN YANG DISALURKAN SERTA
BILANGAN PETANI YANG MENERIMA FAEDAH PROGRAM PEMBANGUNAN
PERTANIAN PULAU PINANG BAGI TAHUN 2021**

No.	Butiran Projek	Peruntukan Tahun 2021 (RM)	Sasaran Bilangan Petani Yang Menerima Faedah
1.	Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	350,000.00	2114
2.	Program Perkhidmatan Kejenteraan	250,000.00	414
3.	Pembangunan Pusat Inkubator	100,000.00	7
4.	Projek Pembangunan Dan Naiktaraf Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian	500,000.00	-
5.	Pembangunan Tanaman Padi	500,000.00	1947
6.	Pembangunan Tanaman Buah-Buahan	500,000.00	1125
7.	Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran	570,000.00	1012
8.	Program Pembangunan Petani Pelapis	90,000.00	60
9.	Program Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba & Florikultur	200,000.00	130
10.	Program Industri Pemprosesan Makanan	600,000.00	79
11.	Program Pembangunan Kelompok Tani	100,000.00	222
12.	Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus	300,000.00	43
13.	Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan	90,000.00	-
14.	Pembangunan Taman Pertanian Dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	700,000.00	43
JUMLAH KESELURUHAN		4,850,000.00	7,196

**JADUAL 4: PERINCIAN PECAHAN PERUNTUKAN YANG DISALURKAN OLEH
KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA JABATAN PERTANIAN PULAU PINANG BAGI
TAHUN 2021**

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN TAHUN 2021 (RM)	BILANGAN PETANI YANG MENERIMA FAEDAH
1.	Naik Taraf Kompleks Pengembangan Agro-Tekno Negara	70,150.00	331
2.	Program Pembangunan Tanaman Sayuran	350,000.00	87
3.	Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Panjang	240,000.00	19
4.	Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Pendek	90,000.00	5
5.	Naik Taraf Agrofood Park (AFP) Sedia ada	100,000.00	28
6.	Pembangunan Industri Tanaman Kelapa	75,000.00	17
7.	Program Pembangunan Pertanian Komuniti	270,000.00	688
8.	Dana Jaminan Makanan 2021: Projek Petanian Organik	500,000.00	107
9.	Program Agropreneur Muda 2.0	7,000.00	56
10.	Projek Pelaksanaan Program Pengukuhan myGAP & myOrganic	120,000.00	44
11.	Program Pembangunan Agropelancongan	200,000.00	-
12.	Dana Jaminan Makanan 2021: Program Kebuniti 2.0	1,210,500.00	Komuniti-442 (51Projek) Individu-414
13.	PPP : Program Pembangunan Kluster Herba	103,000.00	7
14.	Pembangunan Usahawan Pertanian Dan Industri Makanan	106,015.00	3
JUMLAH PERUNTUKAN		3,741,664.40	2,248

JADUAL 5: Senaraikan jumlah dan jenis – jenis kategori dalam pertanian, penternakan dan bidang perikanan yang diberikan oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan adalah seperti berikut :

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (P.17)
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR PULAU PINANG

GOLONGAN SASAR	PROJEK	JENIS KATEGORI GERAN / GERAN PEMADANAN	PERUNTUKAN (RM)	
			TAHUN 2020	TAHUN 2021
Penternak Ruminan Besar	Pembangunan Ternakan Ruminan Besar (RB)	Geran merangkumi: 1. Bantuan pembinaan kandang baru/naik taraf kandang 2. Bantuan mesin/ peralatan untuk kegunaan ladang	RM150,000.00	RM200,000.00
Penternak Ruminan Kecil	Pembangunan Ternakan Ruminan Kecil (RK)	Geran merangkumi: 1. Bantuan pembinaan kandang baru/naik taraf kandang 2. Bantuan mesin/peralatan untuk kegunaan ladang	RM150,000.00	RM200,000.00
Penternak Ruminan Besar / Ruminan Kecil	Pembangunan Makanan Ternakan	Geran merangkumi: 1. Bantuan <i>homeplot</i> untuk penternak seperti pembersihan kawasan, renovasi tanah, penanaman rumput, pemasangan sprinkler, pembajaan dan pemagaran atau mana-mana yang bersesuaian	RM39,000.00	RM80,000.00
GOLONGAN SASAR	PROJEK	JENIS KATEGORI GERAN / GERAN PEMADANAN	PERUNTUKAN (RM)	
			TAHUN 2020	TAHUN 2021

5

ID161/07

Penternak Ruminan Besar / Ruminan Kecil	Perolehan Baka Ternakan	Geran merangkumi: 1. Bantuan Baka Lembu 2. Bantuan Baka Kambing 3. Bantuan Baka Bebiri	RM100,000.00	RM80,000.00
Penternak Ruminan Besar / Ruminan Kecil	Projek Perintis Pembangunan Ternakan Ruminan	Geran Pemadanan (90% : 10%) merangkumi: 1. Pembinaan kandang baru @ penambahan keluasan kandang sedia ada 2. Perolehan baka lembu sebanyak 1 Jantan: 5 Betina @ baka kambing/bebiri sebanyak 1 Jantan : 10 Betina Geran Pemadanan (90% : 10%) adalah bermaksud 90% daripada jumlah perolehan akan ditanggung oleh kerajaan manakala baki 10% akan ditanggung oleh penternak	RM0.00	RM344,000.00
Penternak Ruminan Besar / Ruminan Kecil / Pengusaha IAT / Pengusaha Walet / Aneka Haiwan / Unggas	Rancangan Pembangunan Perkhidmatan Sokongan Penternak	Pembangunan modal insan untuk penternak / usahawan IATn – Kursus/Seminar/Bengkel dll	RM100,000.00	RM99,585.00

6

ID161/07

GOLONGAN SASAR	PROJEK	JENIS KATEGORI GERAN / GERAN PEMADANAN	PERUNTUKAN (RM)	
			TAHUN 2020	TAHUN 2021
Penternak Ruminan Besar / Ruminan Kecil / Unggas / Babi	Bantuan khas / Insentif Penternak	Pemberian bantuan makanan ternakan dan <i>supplement</i> ternakan bagi membantu penternak ruminan, unggas dan babi semasa wabak COVID-19	RM200,147.00	RM574,424.00
Pengusaha IAT	Pembangunan Industri Asas Tani (IAT)	Geran merangkumi: 1. Bantuan naik taraf premis pemprosesan 2. Bantuan papan tanda perniagaan 3. Bantuan mesin/peralatan IAT 4. Bantuan pembungkusan dan perlabelan produk	RM70,000.00	RM100,000.00
Pengusaha IAT	Projek Transformasi Usahawan Industri Asas Ternakan (IAT)	Geran Pemadanan (80%-20%) merangkumi: 1. Naiktaraf premis pemprosesan & perolehan papan tanda perniagaan 2. Perolehan mesin/peralatan /penyimpanan produk 3. Perolehan reka bentuk pembungkusan dan perlabelan produk Geran Pemadanan (80% : 20%) adalah bermaksud 80% daripada jumlah perolehan akan ditanggung oleh kerajaan manakala baki 20% akan ditanggung oleh usahawan IAT	RM0.00	RM100,000.00

GOLONGAN SASAR	PROJEK	JENIS KATEGORI GERAN / GERAN PEMADANAN	PERUNTUKAN (RM)	
			TAHUN 2020	TAHUN 2021
Pengusaha Walet	Pembangunan Industri Burung Walet	Geran merangkumi: 1. Bantuan naik taraf infrastruktur bagi premis perumahan dan loji pemprosesan sarang burung walet 2. Bantuan peralatan bagi premis perumahan dan loji pemprosesan sarang burung walet 3. Insentif bahan/peralatan bagi Program Pendaftaran/Pemantauan/Rangsangan kepada perusahaan sarang burung walet	RM50,000.00	RM70,000.00
Penternak / Pengusaha Aneka Haiwan	Pembangunan Aneka Haiwan	Geran merangkumi: 1. Bantuan makanan ternakan kepada pengusaha kuda/rusa/arnab bagi membantu pengusaha aneka haiwan semasa wabak COVID-19 2. Bantuan baka arnab kepada penternak arnab negeri	RM0.00	RM80,000.00
Penternak Ayam Piru	Pembangunan Ternakan Ayam Piru	Geran merangkumi: 1. Bantuan pembinaan reban baru /naik taraf reban 2. Bantuan mesin/peralatan untuk kegunaan ladang 3. Pakej bantuan anak ayam piru dan makanan ternakan	RM100,000.00	RM0.00

GOLONGAN SASAR	PROJEK	JENIS KATEGORI GERAN / GERAN PEMADANAN	PERUNTUKAN (RM)	
			TAHUN 2020	TAHUN 2021
Penternak Unggas (Ayam, Itik, Puyuh)	Pembangunan Ternakan Unggas	Geran merangkumi: 1. Bantuan pembinaan reban baru /naiktaraf reban 2. Bantuan mesin/peralatan untuk kegunaan ladang 3. Pakej bantuan anak ayam dan makanan ternakan	RM130,000.00	RM220,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM1,089,147.00	RM2,148,009.00

**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR PULAU PINANG**

GOLONGAN SASAR	PROJEK	JENIS KATEGORI GERAN / GERAN PEMADANAN	PERUNTUKAN (RM)	
			TAHUN 2020	TAHUN 2021
Penternak Ruminan Besar / Ruminan Kecil / Unggas / IAT	Geran Agropreneur Muda (GAM)	Geran Agropreneur Muda (GAM) adalah bantuan daripada kerajaan kepada agropreneur muda bagi membantu mereka meminimalkan kos kewangan dalam menjalankan perniagaan. Geran ini diberi dalam bentuk barangan (nilai maksima RM20,000.00 per individu) dan ianya tidak perlu dibayar balik	RM80,000.00	RM20,000.00
Pengusaha IAT	Program Change Upgrade Product (CUP)	Program CUP merupakan Program secara Geran Pemadanan dengan nisbah 70% (Kerajaan): 30% (Usahawan) dengan kadar bantuan maksimum kerajaan sebanyak RM60,000. Skop perolehan yang ditawarkan: 1. Kajian pembangunan kualiti produk (100% geran, maks RM1,000) 2. Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan 3. Peningkatan kapasiti pengeluaran –mesin/ peralatan 4. Penambahbaikan premis 5. Perolehan papan tanda perniagaan	RM0.00	RM60,000.00

GOLONGAN SASAR	PROJEK	JENIS KATEGORI GERAN / GERAN PEMADANAN	PERUNTUKAN (RM)	
			TAHUN 2020	TAHUN 2021
Penternak Unggas	Rezeki Ternak Unggas	Geran merangkumi: 1. Bekalan bahan membaikpulih infrastruktur reban sedia ada 2. Bekalan peralatan keperluan pengurusan 3. Bekalan bahan makanan 4. Bekalan ubatan dan vaksin 5. Bekalan anak ayam / puyuh / itik 6. Bekalan mesin penetasan (incubator) 7. Bekalan bahan prebiotic / probiotic Bantuan boleh diberi berdasarkan salah satu atau gabungan dari jenis bantuan bergantung kepada keperluan pemohon	RM0.00	RM10,000.00
Penternak Ruminan Besar / Ruminan Kecil / Unggas / Babi / Aneka Haiwan	Projek Pertanian Organik	Geran merangkumi: 1. Kerja – kerja awalan seperti pembersihan kawasan, penyediaan tapak dan pembangunan kemudahan infrastruktur dan kelengkapan ladang 2. Penggunaan teknologi <i>smart farming</i> atau <i>Internet of Thing</i> (IOT) 3. Pembangunan, pemrosesan dan pemasaran produk 4. Baikpulih ladang atau kemudahan ladang 5. Pembelian bahan-bahan input pertanian, mesin dan peralatan 6. Pengangkutan dan logistik 7. Analisis sampel ke arah organik 8. Pengurusan lepas tuai	RM0.00	RM200,000.00

		Peruntukan ini boleh digunakan untuk skop perbelanjaan bagi salah satu perkara di atas atau gabungan beberapa perkara merujuk kepada keperluan pemohon bagi mencapai tahap minimum standard organik		
	JUMLAH KESELURUHAN		RM80,000.00	RM290,000.00

PERUNTUKAN KAWALAN PENCEMARAN TAHUN 2020 KEPADA PENTERNAK

Bil	Perkara	Bilangan penerima	Perbelanjaan
1	KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN DAN NAIKTARAF INFRASTRUKTUR KAWALAN PENCEMARAN DI LADANG PENTERNAK NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020	5 orang	RM25,150.00
2	KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN DAN NAIKTARAF KAWALAN BUANGAN SISA KUMBAHAN DAN PENCEMARAN BAU DI LADANG PENTERNAK NEGERI PULAU PINANG 2020	17 orang	RM130,000.00
3	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKEJ KELENGKAPAN PEMBUATAN UM & UMAS KEPADA PENTERNAK NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020	50 orang	RM65,750.00
4	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN SERTA PERALATAN DEEP PIT DI LADANG PENTERNAKAN BABI BAGI PROGRAM KAWALAN PENCEMARAN DI KAWASAN HOT SPOT	15 orang	RM47,400.00
5	MEMBEKAL PAPAN TANDA UNTUK PENTERNAK BAGI PROMOSI KEMPEN KAWALAN PENCEMARAN TAHUN 2020	10 orang	RM8,000.00

PERUNTUKAN KAWALAN PENCEMARAN TAHUN 2021 KEPADA PENTERNAK

Bil	Perkara	Bilangan penerima	Anggaran Perbelanjaan
1	BANTUAN NAIKTARAF KUMBAHAN DI RUMAH SEMBELIH RUMINAN	1 orang	RM15,000.00
2	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKEJ KELENGKAPAN PEMBUATAN UM & UMAS KEPADA PENTERNAK NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021	30 orang	RM50,000.00

Tahun 2019		Tahun 2021				KERJASATI 2.0				JUMLAH						
Sl.	Daerah	Sl. ProjeK	Perencanaan	DUN	Sl. ProjeK	Perencanaan	Sl. ProjeK	Perencanaan	DUN	Sl. ProjeK	Perencanaan	Sl. ProjeK	Perencanaan	DUN	Sl. ProjeK	Perencanaan
1		3	30	Pemang	9	89		Pemang	6	59		Pemang	13	211		
2				Serem				Serem	2	40		Serem	5	80		
3				Puang Unggal				Puang Unggal	2	20		Puang Unggal	10	305		
4	Sekarang	1	30	Pemang Berangan	8	82	18	Sekarang	3	30	58	Pemang Berangan	12	175		
5	Pemang Utera	5		Sungai Dua	1	10		Sungai Dua	4	42	59	Sungai Dua	10	387		
6				Telik Ayer Tawar	0	0		Telik Ayer Tawar	1	10		Telik Ayer Tawar	4	100		
7				Sungai Paya	0	0		Sungai Paya	0	0		Sungai Paya	0	0		
8		1	20	Bagan Jermal				Bagan Jermal	1	10		Bagan Jermal	3	40		
9				Bagan Dalam	1	20		Bagan Dalam	0	0		Bagan Dalam	2	40		
10		7	135	Sekarang Jaya				Sekarang Jaya	0	0		Sekarang Jaya	8	186		
11				Pemang Pair	1	25	2	Pemang Pair	2	20		Pemang Pair	10	210		
12				Pemang	3	75		Pemang	0	0		Pemang	8	141		
13	Sekarang	30	172	Berapit	0	0	7	Sekarang	0	0	946	Berapit	2	20		
14	Pemang Tengah			Maehang Babuk	2	11		Maehang Babuk	1	11		Maehang Babuk	8	112		
15				Padang Lohng	0	0		Padang Lohng	3	31		Padang Lohng	6	116		
16				Pemang				Pemang	0	0		Pemang	2	30		
17				Bukit Tengah	0	0		Bukit Tengah	0	0		Bukit Tengah	4	66		
18				Batu Kawan	1	15		Batu Kawan	0	0		Batu Kawan	3	75		
19	Sekarang	9	130	Sungai Baka	6	62	6	Sekarang	1	11	40	Sekarang	13	236		
20	Pemang Selatan			Sungai Acheh	2	40		Sungai Acheh	1	10		Sungai Acheh	12	223		
21				Tanjung Bunga	0	0		Tanjung Bunga	2	20		Tanjung Bunga	5	55		
22				Air Putih	1	1		Air Putih	0	0		Air Putih	3	36		
23				Kebun Bunga	0	0		Kebun Bunga	0	0		Kebun Bunga	0	0		
24				Pulau Tisau	2	40		Pulau Tisau	0	0		Pulau Tisau	2	40		
25				Padang Kota	0	0		Padang Kota	0	0		Padang Kota	1	10		
26				Pengkalen Kota	0	0		Pengkalen Kota	0	0		Pengkalen Kota	0	0		
27	Daroh	176		KOMTAS	1	25	7	Daroh	0	0	44	KOMTAS	3	30		
28				Darak Kerasat	2	35		Darak Kerasat	2	17		Darak Kerasat	7	87		
29	Timur Laut			Sungai Pising	1	25		Sungai Pising	0	0		Sungai Pising	2	34		
30				Batu Lanchang	0	0		Batu Lanchang	0	0		Batu Lanchang	1	10		
31				Seri Delima	2	35		Seri Delima	1	10		Seri Delima	7	90		
32				Air Tum	0	0		Air Tum	0	0		Air Tum	2	20		
33				Paya Terbang	0	0		Paya Terbang	1	10		Paya Terbang	4	50		
34				Batu Uban	0	0		Batu Uban	1	10		Batu Uban	7	120		
35				Pantai Jerejak	1	15		Pantai Jerejak	4	34		Pantai Jerejak	10	144		
36				Satu Maang	2	40		Satu Maang	3	30		Satu Maang	12	225		
37	Bayan Baru	3	55	Bayan Lapan	2	16		Bayan Lapan	3	20		Bayan Lapan	9	126		
38				Pulau Belong	1	25		Pulau Belong	3	25	52	Pulau Belong	11	204		
39				Teluk Bahang	5	69		Teluk Bahang	1	10		Teluk Bahang	10	184		
40	Pedagag	1	0	Pedagag	1	0	4	Pedagag	4	800		Pedagag	9	1343		
	JUMLAH	45	888		45	902	51	JUMLAH	51	902	243	JUMLAH	243	4134		

RUMUSAN DILANGAN PENERIMA BANTUAN MAKANAN TERNAKAN DAN SUPPLEMENT DI BAWAH PAKEJ BANTUAN RAKYAT NPP 3.1

[illegible]**PAKEJ BANTUAN MAKANAN MENGIKUT KOMODITI BAGI SETIAP PENTERNAK**

1. Komoditi Ruminan Besar (Lembu / Kerbau) = 8 beg sediak 5211 Super Beef Soon Soon (1 beg / 50 kg) & 1 kotak bala bala (1 kotak / 20kg)

1. Komoditi Ruminans Kecil (Kambing / Babi) = 7 beg dawai 5160 Meat Goat Feed Soan (1 beg / 50 kg) & 1 kotak beta garam (1 kotak / 20 kg)

1. Komoditi Unggas (Ayam / Itik / Puyuh / Ayam Piliu) = 4 beg desdat 202P Grawer Gold Coin (1 beg / 50 kg)

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

55. Industri Pelancongan Negeri terjejas serius dalam pandemik COVID-19. Di kawasan Air Itam terdapat banyak tarikan pelancongan serta kawasan pelancongan. Banyak kehidupan rakyat Air Itam bergantung kepada industri pelancongan.
- (a) Apakah perancangan pemulihan atau dikenali sebagai *Exit Policy* untuk memulih industri pelancongan selain daripada memberi bantuan secara *one-off* sahaja?

YAB. Ketua Menteri:

55. Pelbagai tindakan telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu penggiat-penggiat industri pelancongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 iaitu secara pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Untuk pelan jangka masa pendek, pemberian bantuan kewangan diberikan seperti bayaran *one-off* dan pinjaman tanpa faedah untuk membantu mereka meneruskan kelangsungan industri ini.

Kerajaan Negeri akan menitikberatkan pelancongan domestik bagi memulihkan semula ekonomi pelancongan sementara menunggu pembukaan semula sempadan negara.

Untuk pelan jangka masa panjang pula, Kerajaan Negeri akan memberikan lebih tumpuan terhadap peningkatan permintaan perjalanan ke Pulau Pinang dengan meneruskan kempen pemasaran domestik dan antarabangsa secara berperingkat bagi memulihkan industri pelancongan supaya Pulau Pinang kekal sebagai satu destinasi pilihan utama para pelancong.

Berkaitannya, **Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan** (*Tourism Recovery Action Plan*) telah digubal, diubal mengikut situasi semasa dan dilaksanakan sejak Februari 2020. Pelan tindakan tersebut merangkumi tiga (3) fasa seperti berikut:-

(a) Tindakan Segera (Immediate Action)

(i) Kempen media sosial

Sejak permulaan penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih memberi fokus kepada usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui media sosial. Bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan utama pilihan pelancong, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meningkatkan kekerapan hantaran (*posting*) dalam media sosial sehingga berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menjalankan pengiklanan di media sosial untuk menonjolkan keistimewaan Pulau Pinang. Pengiklanan di media sosial akan dipaparkan di laman web *penangtraveldeals.com* di mana pembelian pakej secara langsung dengan penggiat-penggiat pelancongan yang berkenaan dapat dilaksanakan.

(ii) Kempen “Yes, This is Penang & Penang Through Lenses”

Kempen ini akan menggalakkan lawatan semula (*revisitation*) ke Pulau Pinang dengan memberi tumpuan kepada pemasaran destinasi seperti Seberang Perai, Balik Pulau dan juga Teluk Bahang di mana destinasi-destinasi ini menawarkan seribu satu keistimewaan tersendiri yang menggambarkan keunikan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

(iii) Kempen 7 World Wonders of Penang

Pulau Pinang juga terkenal dengan tempat tarikan pelancong yang tiada bandingan di dunia yang kini dijenamakan sebagai “7 World Wonders of Penang” iaitu The Habitat, Penang Hill, The Top Penang, The Gravityz, Tech Dome Penang, Entopia by Penang Butterfly Farm dan Escape Theme Park. Kempen ini akan mempromosikan ketujuh-tujuh tempat tarikan pelancong ini melalui media sosial, saluran-saluran Astro Radio dan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Kempen ini juga telah mendapat sambutan baik daripada media-media tempatan seperti RTM, surat khabar dan majalah-majalah tempatan.

(iv) Penang Give You Peace of Mind

Dua (2) video promosi iaitu “Your Safety is Our Priority” dan “Thank You for Keeping Penang Safe” telah dihasilkan untuk kempen ini, di mana ia menonjolkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak dalam meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi yang selamat.

(v) Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang (COVID-19 Safety Accreditation Programme)

Akreditasi ini akan diberikan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi dan mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan Proses audit yang menyeluruh juga akan dijalankan untuk memastikan semua garis panduan dan SOP dipatuhi sebelum kelulusan permohonan akreditasi tersebut. Pihak yang telah memenuhi SOP akreditasi ini akan diberi logo rasmi untuk dipamerkan di premis serta untuk kegunaan promosi dan pemasaran. Dengan mempamerkan logo akreditasi di premis-premis hotel dan tempat-tempat daya tarikan, ia akan memberi keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada pelancong semasa melancong di Pulau Pinang.

(vi) Kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”

- i. Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melancarkan kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”. Kempen ini merupakan satu pendekatan berhemah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memberi peringatan kepada semua pihak mengenai kepentingan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan menjaga kebersihan diri sendiri semasa melancong di Pulau Pinang.

(b) Tindakan Jangka Pendek dan Pertengahan (Short-Midterm Action)

Kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan dengan penggiat industri pelancongan seperti syarikat penerbangan, hotel penginapan, tempat tarikan

dan ejen pelancongan untuk mengadakan pakej pelancongan yang menarik dengan tujuan memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa. Kempen-kempen yang telah dilaksanakan dalam fasa ini adalah seperti berikut:-

(i) *Outdoor Advertising Campaign in Kuala Lumpur – Covered Walkways*

Kempen pengiklanan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) pusat bandar Kuala Lumpur sedang diadakan selama 12 bulan mulai Disember 2020 di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan.

(ii) *JOM! Experience Penang Campaign*

Dalam usaha mengukuhkan pelancongan domestik dalam kalangan penduduk tempatan, laman web *penangtraveldeals.com* telah dilancarkan untuk memberikan maklumat tumpuan kepada pelancong yang ingin melawat Pulau Pinang. “JOM! Experience Penang Campaign” menawarkan platform yang sesuai bagi mereka yang merancang perjalanan mereka dengan tawaran terbaik yang dibekalkan oleh hotel, tempat tarikan pelancong, pakej pelancongan, makanan dan gaya hidup (*Best Hotel Deals, Best Attraction Deals, Best Tour Packages, Best Food and Lifestyle Deals*) dan akan merangkumi tawaran syarikat penerbangan pada masa hadapan.

(iii) *Penang Tour Packages Promotion Best Tour Packages*

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang bekerjasama dengan persatuan pelancongan iaitu *Malaysian Chinese Tourism Association* (MCTA) dalam mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara konsortium. MCTA mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara pakej berkumpulan untuk menggalakkan pelancongan domestik ke Pulau Pinang.

(iv) *Pakej dengan Malaysia Airlines*

Malaysia Airlines Holidays: MHHolidays sedang membangunkan pakej untuk Pulau Pinang dan akan dipromosikan melalui media sosial dan laman web Malaysia Airlines.

(v) *Kempen Media dengan Sojern Travellers*

Platform Sojern Traveller akan mengenal pasti, memahami dan mensasarkan pelancong pada semua peringkat perbelanjaan pengguna sambil menjalankan penyelidikan pasaran dan melaksanakan strategi pemasaran.

(vi) *Kempen media dengan Family Mart*

Kempen media ini dijalankan dengan Family Mart bermula dari Disember 2020 sehingga Mac 2021 untuk mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi melancong

Kerajaan Negeri juga giat mempromosikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pilihan utama MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*) melalui program *Business Events Penang Rejuvenation Plan 2021-2023*. Program ini bertujuan untuk mengembangkan industri

'business events' berdasarkan 3 teras, iaitu Kerjasama, Sokongan dan Digitalisasi.

(c) **Tindakan jangka panjang (Long Term Action)**

Pada fasa ini, Kerajaan Negeri akan memfokuskan pada pasaran antarabangsa setelah sempadan antarabangsa dibuka semula dan pelancongan antarabangsa diizinkan.

Kempen pemasaran akan dilakukan untuk memulihkan pasaran tumpuan pelancongan serta menerokai pasaran baharu dengan melibatkan pasaran antarabangsa dan domestik melalui iklan jenama untuk menggalakkan penambahan pelancong ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

56. Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk memberi vaksin kepada kanak-kanak dan pelajar sekolah?
- (a) Bilakah program pemberian vaksin kepada golongan ini akan dimulakan?
- (b) Sila berikan data jumlah jangkitan virus COVID-19 atau varian lain terhadap golongan ini di Negeri Pulau Pinang berserta tahap jangkitan, jantina dan kategori umur.

YAB. Ketua Menteri:

56. (a) Pemberian vaksin kepada kanak-kanak dan pelajar Sekolah adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin Kebangsaan (JKJAV). Garis panduan akan dikeluarkan apabila pelaksanaan imunisasi ini bermula.
- (b) Sebanyak 5,290 kes jangkitan virus COVID-19 dicatatkan dalam kalangan kanak-kanak dan pelajar sekolah di Pulau Pinang sehingga 1 Ogos 2021. Pecahan adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan
Kumpulan Umur	
Bawah 12 Tahun	3,735 (70.6%)
13 tahun hingga 18 tahun	1,555 (29.4%)
Jantina	
Lelaki	2,722 (51.5%)
Perempuan	2,568 (48.5%)
Status Semasa	
Sembuh	4,375 (82.7%)
Kes Aktif	914 (17.2%)
Meninggal	1 (0.1%)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

57. Penularan wabak COVID-19 dalam kalangan warga asing.

- (a) Sila perincikan langkah-langkah yang diambil untuk mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan warga asing.
- (b) Apakah status terkini projek pembangunan asrama pekerja asing di Pulau Pinang?
- (c) Perincikan tindakan yang telah diambil untuk mengawal penularan COVID-19 dalam kalangan warga asing yang tidak berdokumen.

YAB. Ketua Menteri:

57. (a) Penularan wabak COVID-19 dalam kalangan warga asing kebanyakannya melibatkan kluster sektor perkilangan dan kluster tapak bina. Bagi mengekang penularan COVID-19 di kalangan warga asing, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan pemantauan ke atas penempatan pekerja warga asing;
- (ii) Melaksanakan langkah jangka masa pendek dan sederhana dengan membenarkan penempatan penginapan pekerja warga asing di tapak kilang dan unit komersial kosong yang jauh daripada kawasan perumahan;
- (iii) Melaksanakan langkah jangka masa panjang dengan penyediaan penempatan asrama pekerja warga asing;
- (iv) Membenarkan warga asing dalam komuniti untuk membuat saringan dalam program Penang Saring COVID-19 (PSC-19);
- (v) Memutuskan rantai transmisi melalui aktiviti pengesanan kes secara aktif dan pengesanan kontak bagi kes positif sama ada dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) atau hospital atau dikuarantin tempat penginapan jika bersesuaian;
- (vi) Memberikan vaksin melalui Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); dan
- (vii) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan secara operasi bersepadu melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MITI dan lain-lain agensi.

- (b) Status terkini projek pembangunan asrama pekerja asing di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

STATUS	SKIM	UNIT (katil)
Siap Dibina	2	6,221
Sedang Dibina	7	55,238
Dalam proses permohonan	2	12,380
Jumlah	11	73,839

Perincian status terkini Projek Pembangunan Asrama Pekerja Asing adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (c) Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ke atas warga asing tidak berdokumen di Depoh Tahanan Imigresen (DTI) adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan saringan kemasukan ke Depoh Tahanan Imigresen (DTI);
 - (ii) Menjalankan aktiviti saringan ke atas kontak rapat sekiranya terdapat kes positif dikesan;
 - (iii) Merawat dan memantau warga asing yang positif di PKRC dalam DTI;
 - (iv) Mengasingkan kontak rapat mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
 - (v) Menjalankan saringan pembebasan ke atas tahanan berkenaan setelah tamat tempoh kuarantin

LAMPIRAN A**PERINCIAN STATUS TERKINI PROJEK PEMBANGUNAN ASRAMA PEKERJA ASING**

PEMAJU	NO LOT & LOKASI ASRAMA PEKERJA	TARIKH LULUS OSC/JPN	JUMLAH UNIT/PENGHUNI	STATUS
1. JUMLAH PEMBINAAN PENGINAPAN PEKERJA YANG TELAH SIAP DAN DIDUDUKI				
Tetuan Westlite Dormitory (Bukit Minyak) Sdn Bhd	Lot 9224, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan.	28.4.2016	369 unit 3,321 penghuni	Siap diduduki dan beroperasi
Tetuan Ong Hang Meng Construction Sdn Bhd	Lot 797, Jalan Permatang Damar Laut, Mukim 12, Batu Maung, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	7.5.2019	364 unit 2,900 penghuni	Siap diduduki dan beroperasi
JUMLAH KECIL			6,221 penghuni	
2. JUMLAH PEMBINAAN PENGINAPAN PEKERJA YANG TELAH LULUS / DALAM PROSES PEMBINAAN				
Tetuan Westlite Dormitory (Penang-Juru) Sdn Bhd	Lot 14750, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	8.3.2017	339 unit 6,102 penghuni	Borang C1 belum dikeluarkan
Tetuan Passion Paradise Sdn. Bhd.	Lot 1226, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Selatan.	8.3.2017	910 unit 3,640 penghuni	Dalam pembinaan
Tetuan Right Pristine Development Sdn. Bhd.	Lot 1249, Mukim 14, Jalan Permatang Tinggi, Daerah Seberang Perai Tengah	22.2.2017	408 unit 4,896 penghuni	Borang C1 dikeluarkan pada 29.11.2017 Pembinaan belum dimulakan
Tetuan GUH Realty Sdn. Bhd.	Lot 1377, 1690 & 1692, Mukim 12, Seberang Perai Selatan	6.11.2019	138 unit 6,180 penghuni	Borang C1 belum dikeluarkan
Tetuan Biopolis Resources Sdn Bhd	"Petak A", Penang Science North, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	6.8.2020	684 unit 9,420 penghuni	Borang C1 belum dikeluarkan

Tetuan Zantalite Enterprise (M) Sdn Bhd	Lot 1435 dan 1437. Mukim 9, Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Lorong Gertak Sanggul, Pulau Pinang	-	25,000 penghuni	Telah lulus permohonan perlingkungan semula di Mesyuarat JK Perancang
JUMLAH KECIL			55,238 penghuni	
3. JUMLAH PERMOHONAN BARU / CADANGAN				
Cadangan	Daerah Barat Daya	-	8,700	Masih dalam cadangan
RP Dormitory Sdn Bhd	Batu Maung	-	140 unit 1,680 penghuni	Masih dalam cadangan n
Cadangan	Daerah Timur Laut	-	2,000 penghuni	Masih dalam cadangan
JUMLAH KECIL			12,380 penghuni	
JUMLAH KESELURUHAN			73,839 penghuni	

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

58. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan adakah Kerajaan Negeri bercadang menaik taraf surau-surau untuk dibenarkan ibadat solat Jumaat walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah tamat?

YAB. Ketua Menteri:

58. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kehadiran jemaah untuk menunaikan solat Jumaat di masjid-masjid adalah tertakluk kepada bilangan jemaah yang dibenarkan dalam garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP). Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP telah meminta kelulusan Jabatan Mufti Pulau Pinang untuk memberi kebenaran sementara bagi melaksanakan solat Jumaat di surau-surau. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengekalkan pelaksanaan solat Jumaat di surau-surau selepas tamat tempoh PKP.

Secara pentadbirannya dalam sesebuah komuniti Islam di negara kita yang diistilahkan sebagai 'kariah', hanya akan ada satu (1) buah sahaja masjid jamik. 'Jamik' bermaksud yang didirikan solat Jumaat di dalamnya sesuai dengan pegangan hukum yang menetapkan keharaman didirikan lebih daripada satu (1) solat Jumaat di sesebuah kariah. Surau pula adalah pusat ibadat terutamanya bagi solat berjemaah untuk kemudahan masyarakat dan aktiviti keilmuan di satu kawasan yang lebih kecil. Ia berada di bawah kawal selia jawatankuasa kariah. Keharusan menunaikan solat Jumaat sementara di surau-surau adalah berasaskan keperluan dan darurat yang dipertimbang oleh syariat berdasarkan kaedah yang jelas. Sekiranya keadaan darurat tersebut telah selesai, maka keharusan didirikan solat Jumaat di situ sudah terbatal secara automatik.

Kaedah Syarak menetapkan :

الضرورة تبيح المحظورات. والضرورة تقدر بقدرها

"Darurat mengharuskan perkara yang dilarang (haram). Namun, darurat hendaklah dibataskan dengan kadarnya."

Justeru, darurat akan memberi penyelesaian mengikut batasan kemudaratannya dan bukan dibiarkan lepas bebas tanpa panduan. Solat Jumaat sementara di surau-surau yang dibenarkan kerana darurat COVID-19 ini akan gugur keharusan apabila keadaan telah pulih seperti sedia kala.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

59. Apakah status terkini pemutihan penjaja di kawasan Taman Sutera dan sila nyatakan anggaran kos pembinaan gerai penjaja yang telah dicadangkan bagi penempatan penjaja di situ.

YAB. Ketua Menteri:

59. Bagi program pemutihan penjaja di Taman Sutera, Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 28 April 2021 telah bersetuju untuk menyusun semula peniaga-peniaga di tapak seluas 347.46 meter persegi yang telah diluluskan penggunaan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah. Program pemutihan ini akan melibatkan seramai 23 orang peniaga sedia ada.

Konsep pemutihan yang dilaksanakan adalah tapak berturap secara terbuka tanpa bekalan utiliti dan bumbung. Anggaran kos pembinaan tapak ini adalah RM100,000.00. Cadangan ini dijangka akan dilaksanakan pada Mac 2022 dan siap pada Mei 2022.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

60. Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTAPP).

- (a) Apakah status terkini berhubung dengan projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas?
- (b) Apakah impak pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) khususnya terhadap sektor logistik dan perindustrian Pulau Pinang?

YAB. Ketua Menteri:

60. (a) Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara. Hal ini juga telah menjejaskan perancangan pihak MAHB bagi pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dari 6.5 mppa (*million passengers per annum*) kepada 12 mppa atau sehingga 25 mppa. Dalam pada itu, syarikat penerbangan yang terjejas dijangka memerlukan tempoh selama tiga (3) tahun untuk pulih sepenuhnya daripada impak ekonomi yang dialami akibat daripada penularan wabak COVID-19.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memutuskan untuk menangguhkan semua projek menaik taraf lapangan terbang di Malaysia sehingga industri penerbangan negara dapat dipulihkan kelak. Buat masa ini, pihak MAHB akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan beberapa isu termasuk proses pengambilan balik tanah yang terlibat dalam projek ini.

Pada masa yang sama, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka masa panjang lapangan terbang di Malaysia serta keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, pihak MOT akan melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan bermula pada tahun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2023. Setakat ini, perincian mengenai laporan ini masih belum dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

- (b) Pembinaan lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Kulim (KXP) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Kerajaan Negeri berpendapat cadangan pembinaan KXP perlu diteliti secara mendalam dan lebih terperinci.

Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri dengan dua (2) laporan yang disediakan oleh juruperunding yang telah melaksanakan kajian kebolehlaksanaan Pembinaan Lapangan Terbang Kulim, pembinaan KXP berkemungkinan memberi impak yang negatif kepada sektor logistik dan perindustrian Pulau Pinang. Kedua-dua sektor ini adalah dijangka berkemungkinan akan terjejas apabila operasi kargo berpecah atau beralih kepada KXP & akan menjejaskan aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Pulau Pinang. Secara tidak langsung, terdapat kemungkinan pelabur-pelabur beralih arah ke KXP (*trade out of investment from Penang*).

Kerajaan Negeri berpendirian tegas bahawa pihak Kementerian Pengangkutan perlu meneliti perkara ini sekali lagi dan kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan agar cadangan pembangunan lapangan terbang di Wilayah Utara adalah holistik dan menguntungkan semua pihak.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

61. Krisis pandemik COVID-19 menjejaskan kehidupan rakyat dari segi ekonomi dan psikologi.
- (a) Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan segala bentuk bantuan disampaikan kepada rakyat bagi menghadapi krisis COVID-19 khususnya golongan ibu tunggal.
 - (b) Inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat khususnya ibu-ibu bersalin untuk kembali ke alam pekerjaan.

YAB. Ketua Menteri:

61. (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan segala bentuk bantuan disampaikan kepada rakyat bagi menghadapi krisis COVID-19 khususnya golongan ibu tunggal. Antara inisiatif yang dijalankan adalah seperti berikut:
- (i) Projek #SokongBIZIbuTunggal merupakan kerjasama antara PWDC dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang telah dilancarkan pada Julai 2021. Melalui projek ini, PWDC dan JPWK akan mempromosikan produk-produk yang dihasilkan oleh ibu tunggal melalui laman *Facebook* PWDC dan JPWK. Sehingga kini, 30 JPWK telah mendaftarkan 100 produk ibu tunggal untuk dipromosikan;
 - (ii) Projek Kuih Raya 2020 telah membuka peluang kepada 49 wanita termasuk ibu tunggal untuk menjana pendapatan keseluruhan sebanyak RM62,540.00 iaitu secara purata RM1,276.00 seorang semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri 2020;
 - (iii) Projek Kudapan Raya 2021 yang melibatkan 60 orang pengusaha wanita termasuk ibu tunggal telah menjana pendapatan secara keseluruhan berjumlah RM35,000 dengan penghasilan kuih raya dan kudapan untuk diedarkan kepada petugas barisan hadapan;
 - (iv) Projek Wanita Jana Rezeki 2020 telah melibatkan seramai lapan (8) usahawan wanita untuk menerima geran program yang bernilai RM1,000.00 bagi pembelian keperluan perniagaan untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan produktiviti mereka. Kini, program Wanita Jana Rezeki 2.0 (WJR2.0) diteruskan pada tahun ini. Setakat ini, sebanyak 30 pengusaha dan 58 produk telah dikumpul.
- Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah meyalurkan bantuan seperti berikut:
- (i) Tabung Bantuan Segera (TBS) iaitu bayaran RM300.00 secara *one-off* kepada ibu tunggal yang layak;
 - (ii) Bantuan Kanak-Kanak (BKK) minimum RM150.00 kepada ibu tunggal yang layak; dan

- (iii) Bakul Prihatin Negara telah diberikan kepada ibu tunggal sebagai bantuan keperluan asas semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- (b) Antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat khususnya ibu-ibu bersalin untuk kembali ke alam pekerjaan adalah seperti berikut:
 - (i) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menubuhkan Taska D'KOMTAR pada tahun 2013 bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan anak-anak kepada kakitangan jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan memberi subsidi berjumlah RM180 untuk menampung yuran TASKA kepada keluarga yang layak;
 - (ii) Selain TASKA, Kerajaan Negeri melalui PWDC juga telah menubuhkan dua (2) buah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak kepada golongan wanita yang bekerjaya; dan

Pada tahun 2021 juga, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Skim Bantuan Asuhan Kanak-Kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Pulau Pinang bagi golongan isi rumah B40 melibatkan pemberian diskaun yuran sebanyak RM50.00 setiap bulan. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan golongan wanita bekerja termasuk ibu tunggal daripada golongan B40 untuk menghantar anak-anak ke TASKA.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 62. Terangkan dengan jelas kebajikan yang diberikan kepada petugas barisan hadapan menentang COVID-19 dan kebajikan diberikan pada waris kematian berpunca COVID-19 yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- (a) Apakah bantuan kewangan dan lain-lain bantuan yang diberikan dalam negeri ini?

YAB. Ketua Menteri:

- 62. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, beberapa jenis bantuan kewangan telah diberikan kepada petugas barisan hadapan kesihatan bagi meringankan beban mereka serta menghargai jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh petugas-petugas ini dalam menentang dan memerangi wabak COVID-19. Antara bantuan kewangan dan bantuan lain yang diberikan adalah seperti berikut:
 - (i) Elaun Khas COVID-19: Elaun ini dibayar kepada petugas kesihatan yang diarahkan untuk melaksanakan skop tugas dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebanyak RM300 sebulan bagi yang bertugas selama satu (1) hingga 14 hari dalam sebulan atau RM600 sebulan bagi yang bertugas 15 hari atau lebih dalam sebulan. Para petugas perlu mengemukakan tuntutan melalui ketua jabatan masing-masing untuk pengesahan. Tuntutan adalah daripada kalangan doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan serta pembendungan wabak COVID-19.
 - (ii) Elaun Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK): Anggota barisan hadapan kesihatan yang terlibat dalam PICK menerima peningkatan kadar

pembayaran elaun khas daripada RM200 kepada RM600 selama enam (6) bulan bermula pada bulan Julai 2021

- (iii) Elaun *One-off* Petugas Barisan Hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): Elaun ini diberi secara *one-off* sebanyak RM500 pada bulan Mac 2021.
- (iv) Elaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang: Bantuan elaun RM300 secara *one-off* kepada petugas kesihatan barisan hadapan pada April 2020.

Bagi waris pesakit yang mana terdapat pesakit meninggal dunia disebabkan oleh COVID-19 pula, terdapat Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang diberikan secara *one-off* sebanyak RM5,000.00 (kematian akibat COVID-19 atau kematian dengan COVID-19) berdasarkan tuntutan yang dikemukakan oleh waris pesakit.

Manakala di bawah skim mySalam pula, ia menyediakan manfaat kepada golongan B40 yang dimasukkan ke hospital kerana jangkitan COVID-19. Pesakit boleh menuntut bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

- 63. Adakah Projek JKR persekutuan FASA 6 di FT001 Nibong Tebal sudah bermula?
 - (a) Sila nyatakan kos projek dan masa untuk projek tersebut.
 - (b) Adakah apa-apa pampasan dibayar kepada tanah persendirian dan berapakah struktur seperti kuil dan rumah pengebumian untuk kaum orang Cina?

YAB. Ketua Menteri:

- 63. Projek Menaik Taraf Jambatan FT001/724/5 Merentasi Sungai Kerian dan Membina Jejambat Merentasi Persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian FT001/FT283, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang telah bermula pada Julai 2021.
 - (a) Projek tersebut tidak dikategorikan sebagai Fasa 6 sebaliknya ia telah dinyatakan sebagai satu tajuk baharu. Projek ini melibatkan dua (2) Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Jawi dan DUN Sungai Acheh. Tarikh milik tapak adalah pada 8 Julai 2021 dan tarikh patut siap adalah pada 7 Julai 2024 iaitu dengan tempoh penyiapan selama tiga (3) tahun. Untuk makluman, projek ini di bawah seliaan Unit Projek Khas Zon Utara 3, Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, selaku Pegawai Penguasa projek. Kos projek adalah berjumlah RM209 juta dan tempoh pembinaan adalah selama 36 bulan.

Kelayakan pampasan kepada tanah persendirian untuk mereka yang berkaitan masih dalam perbincangan dan akan ditentukan selepas mesyuarat koordinasi antara semua pihak. Amaun bayaran pampasan adalah bergantung kepada penilaian yang akan dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Perkara ini juga turut dalam tindakan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

64. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah satu agensi penting bagi membantu rakyat terutama ketika pandemik.
- (a) Adakah benar pejabat JKM Barat Daya yang sekarang ini menyewa di bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Balik Pulau menghadapi masalah penyewaan premis?
 - (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu JKM Barat Daya supaya dapat berfungsi dengan selesa?

YAB. Ketua Menteri:

64. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan satu agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang prihatin sentiasa berusaha bagi memastikan premis yang disediakan adalah sesuai dengan keperluan dan keselesaan orang awam serta kakitangan JKM.
- (a) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Barat Daya menyewa premis pejabat di tingkat bawah, Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau. Perjanjian sewaan premis yang telah diperbaharui adalah bagi tempoh 1 Ogos 2020 hingga 31 Julai 2023. Perjanjian sewaan ini akan diperbaharui setiap tiga (3) tahun dengan melibatkan pelbagai perubahan kepada terma dan syarat perjanjian daripada penyewa. Memandangkan tiada premis dan bangunan pejabat yang sesuai dengan lokasi bagi kemudahan klien JKM seperti golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan lain-lain, PKMD Barat Daya telah membuat rayuan untuk terus berada di premis sedia ada. Ini juga disebabkan oleh kedudukan lokasi pejabat yang sangat sesuai dan strategik bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan daripada jabatan.
- Terdapat permohonan daripada pihak Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang yang memohon untuk menambahkan ruang perkhidmatan dialisis sedia ada dengan mencadangkan premis pejabat PKMD Barat Daya sebagai lokasi tambahan. Cadangan ini telah diangkat kepada pihak YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Alam Sekitar dan Kebajikan Negeri Pulau Pinang dan beberapa sesi perbincangan telah diadakan bersama dengan beberapa agensi terlibat bagi mencari jalan penyelesaian. Perbincangan dan rundingan masih lagi berjalan dan pihak PKMD Barat Daya sedang menunggu maklum balas serta keputusan daripada pihak MBPP mengenai cadangan memindahkan pejabat PKMD Barat Daya ke ruang tingkat atas bangunan yang sama.
- Perbincangan masih dilaksanakan bersama semua agensi yang terlibat bagi membolehkan JKM Barat Daya dapat berfungsi dengan selesa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

65. Tanah wakaf di Pulau Pinang.

- (a) Sebutkan jumlah pembangunan tanah wakaf dari tahun 2017 hingga kini.
- (b) Berapakah pendapatan yang diperolehi daripada pembangunan tanah wakaf ini? Perincikan.

YAB. Ketua Menteri:

65. (a) Jumlah pembangunan tanah wakaf dari tahun 2017 hingga kini adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan 77 unit kediaman Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajah Norijah, Sungai Nibong. Projek ini siap dibina pada 26 April 2018; dan
- (ii) Pembangunan 152 unit kediaman Pangsapuri Wakaf An-Nur, Teluk Air Tawar. Projek ini siap dibina pada 10 Januari 2020.

Kedua-dua projek ini dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

(b) Pendapatan yang diperolehi daripada pembangunan tanah wakaf tersebut adalah seperti berikut:

- (i) RM773,400.00 diperolehi melalui sewaan 67 unit premis kediaman di Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah, Sungai Nibong sejak tahun 2019; dan
- (ii) RM66,276.00 diperolehi melalui sewaan 12 unit kediaman di Pangsapuri Wakaf An-Nur, Teluk Air Tawar sejak tahun 2020.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

66. Sila nyatakan bangunan kompleks yang terbengkalai di Kawasan Bukit Mertajam dan masalahnya kepada masyarakat.

- (a) Apakah tindakan yang boleh dilakukan supaya masalah tersebut tidak menjejaskan kehidupan penduduk setempat?

YAB. Ketua Menteri:

66. Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mendapati tiada kompleks yang terbengkalai iaitu projek yang belum siap dibina dan ditinggalkan di kawasan Bukit Mertajam. Walau bagaimanapun terdapat empat (4) kompleks yang telah siap dibina dan mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan, namun pada ketika ini telah terbiar dan tidak beroperasi. Kompleks-kompleks tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Bazar Perdana;
- (ii) Plaza Utama;
- (iii) Perdana Mall-JUSCO; dan
- (iv) Pasaraya Mayang.

Perincian maklumat mengenai bangunan tersebut adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (a) Permasalahan yang timbul dari projek terbengkalai dan bangunan terbiar kepada masyarakat antaranya adalah seperti berikut:-
- (i) kacau gangu berkaitan kebersihan;
 - (ii) menjadi punca penyakit;
 - (iii) pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab; dan
 - (iv) keselamatan struktur bangunan.

Sehubungan dengan permasalahan yang timbul, MBSP boleh mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis kacau ganggu/ bangunan bahaya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 yang mengkehendaki pemunya membuat sesuatu tindakan kepada bangunan tersebut bagi menghalang kacau ganggu/bahaya tersebut daripada berterusan. Antara arahan yang boleh dikeluarkan melalui notis tersebut kepada pemilik bangunan untuk menghapuskan kacau gangu adalah seperti berikut: -

- (i) memastikan pemilik memagar kawasan bangunan terbiar tersebut sekiranya dikhuatiri boleh menimbulkan kacau ganggu/ bahaya kepada orang awam;
- (ii) mengosongkan bangunan sekiranya bangunan yang ditinggalkan berada dalam keadaan merbahaya;
- (iii) membaiki kecacatan bangunan atau struktur;
- (iv) meruntuhkan bangunan terbiar tersebut; dan
- (v) menghapuskan lain -lain kacauganggu.

LAMPIRAN A

BIL	JENIS BANGUNAN	NAMA BANGUNAN	BILANGAN TINGKAT	PEMILIK BANGUNAN	LOKASI	MUKIM	DAERAH
1.	Bazar Perda Jalan Perda Selatan	Bazar Perdana	5	Aseania Development Sdn Bhd	Bazar Perda Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam	7	SPT
2.	Kompleks membeli belah	Plaza Utama	21	Ascot Frontier Sdn.Bhd	Jalan Muthupalaniappa, 14000 Bukit Mertajam, SPT	Seksyen 3	SPT
3.	Kompleks	Perdana Mall-JUSCO	3	D'Aseania Mall Sdn Bhd	565, Jalan Perda Timur, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam	7	SPT
4.	Kompleks Perniagaan	Pasaraya Mayang	7	Harian Utara Sdn.Bhd	Lorong Maju 1, 14000 Bukit Mertajam	15	SPT

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

67. Apakah kesan pemilihan kontraktor yang baru dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk meneruskan projek terowong dan tiga lebuh raya bernilai RM6.3 bilion, yang juga dipilih sebagai kontraktor oleh Negeri Kedah untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP)?

YAB. Ketua Menteri:

67. Perjanjian Awal (*Preliminary Agreement*) di antara Kerajaan Negeri dan syarikat konsesi Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) telah dimeterai pada bulan Oktober 2013 bagi pelaksanaan projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang yang bernilai RM6.341 bilion. Pihak konsesi ini telah dilantik menerusi proses tender terbuka berdasarkan dokumen *Request For Proposal* (RFP) bagi pelaksanaan projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan April 2011.

Pihak CZC memaklumkan kepada Kerajaan Negeri pada bulan September 2020 berkenaan cadangan penstrukturan semula syarikat tersebut menerusi pengambil alihan syer majoriti syarikat oleh pihak ketiga, iaitu syarikat ECK Development Sdn. Bhd. (ECK). Mengambil kira keperluan kelangsungan projek, Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan cadangan pengambil alihan syer majoriti syarikat CZC oleh pihak ketiga berdasarkan kriteria yang digariskan di dalam dokumen RFP Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut. Dalam hal ini, pihak ECK telah membuktikan keupayaan kewangan, keupayaan teknikal serta keupayaan memenuhi keperluan kontrak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Awal. Lanjutan penelitian oleh pihak Kerajaan Negeri, cadangan pengambil alihan syer majoriti syarikat CZC oleh ECK telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri pada 11 November 2020.

Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kedah bersama syarikat ECK menerusi perjanjian usaha sama (*joint venture*) pada Ogos 2021 tidak akan menjejaskan pelaksanaan Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut. Ini adalah berdasarkan pertimbangan Kerajaan Negeri bahawa syarikat ECK telah mempunyai peruntukan yang mencukupi serta kakitangan pengurusan projek yang berasingan bagi melaksanakan projek Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut.

Selain itu, pihak ECK juga telah mengemukakan sebahagian kos pengambilan balik tanah sejumlah RM25.0 juta daripada nilai keseluruhan sebanyak RM240 juta kepada Kerajaan Negeri pada Februari 2021 bagi projek Pakej 2 – Jalan Pintasan dari Lebuh raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam di bawah komponen projek Jalan-Jalan Utama. Perkara ini merupakan sebahagian daripada keperluan kontrak seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Awal.

Berdasarkan huraian di atas, adalah jelas bahawa pembangunan projek KXP serta projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut mempunyai perancangan pelaksanaan yang tersendiri oleh syarikat ECK.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

68. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani peningkatan kes COVID-19 daripada kluster sektor pengilangan di tempat kerja dan penempatan pekerja di taman-taman perumahan, khususnya Seberang Perai Tengah (SPT) dan di KADUN Bukit Tengah?

YAB. Ketua Menteri:

68. Dari 1 Jun 2021 hingga 10 Ogos 2021, sebanyak 2426 kes COVID-19 dilaporkan di kawasan KADUN Bukit Tengah, kebanyakan kes adalah melibatkan kluster kilang industri dan saringan tempat kerja. Peningkatan kes yang melibatkan sektor kilang dan tempat kerja juga direkodkan di kawasan-kawasan tumpuan industri di sekitar Pulau Pinang. Sehubungan itu beberapa langkah kawalan, pencegahan dan rawatan direncana sebagai respon kepada perkembangan ini.

- (a) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri dan beberapa agensi termasuk JTK, PDRM dan MITI akan menjalankan operasi bersepadu untuk memastikan pematuhan SOP ditempat kerja.
- (b) Pemantauan terhadap kawasan-kawasan penempatan pekerja kilang bukan warganegara akan dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan proses kuarantin pekerja-pekerja ini berjalan dengan sempurna. Aktiviti ini akan digiatkan lagi dengan kerjasama pihak JTK sebagai agensi yang menguatkuasakan undang-undang keselamatan pekerja.
- (c) Jabatan Kesihatan Negeri dengan Kerjasama Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) menyokong penuh aktiviti saringan surveilan tempat kerja (Penang Safe) yang dijalankan kepada kilang-kilang untuk memastikan kes COVID-19 dapat dikesan lebih awal sebelum menular menjadi kluster COVID-19 yang lebih besar. Sehingga 20 Ogos 2021, Penang Safe telah menjalankan saringan kepada 59 syarikat dengan 6753 pekerja dimana Pecahan Kadar Jangkitan Mengikut Bulan adalah seperti berikut:

BULAN	KADAR JANGKITAN
Mei 2021	0.58%
Jun 2021	0.64%
Julai 2021	3.41%
Ogos 2021	4.52%

- (d) Penubuhan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 berisiko rendah swasta (PKRC Swasta) telah dicadangkan dimana PKRC Swasta ini akan dipantau oleh pengamal perubatan am disamping digunakan untuk pelaksanaan kuarantin memandangkan masih terdapat seramai 75,000 hingga 80,000 pekerja kilang-kilang kecil yang berdaftar dengan Program Imunisasi Industri Covid-19 kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) masih belum mendapat suntikan dos pertama vaksin.
- (e) Program Saring Covid-19 (PSC19) telah diadakan dimana lebih 40,000 peserta telah disaring melalui program ini sehingga 22 Ogos 2021. Keberkesanan program ini adalah seperti berikut:

LOKASI	JUMLAH PENDAFTAR	JUMLAH SARING	RTK-AG -VE	RTK-AG +VE
44,915	39,524	39,524	36,891 (93.33%)	2,623 (6.635%)

- (f) Malumat terperinci mengenai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Negeri Pulau Pinang bagi barisan sektor ekonomi Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan** manakala **Jadual 1** menunjukkan jenis-jenis PPV yang dikhususkan bagi golongan pekerja.

Jadual 1

BIL.	JENIS PPV	NAMA PPV	KAPASITI HARIAN
i.	Sektor Pengangkutan	SPP	200
ii.	PIKAS (MITI)	BBraun Medical	400
iii.	PIKAS (MITI)	Keysight Technologies	800
iv.	PIKAS (MITI)	Osram Opto Semiconductor	400
v.	PIKAS (MITI)	Jabil	1500
vi.	PIKAS (MITI)	Intel	1000
vii.	PIKAS (MITI)	Plexus	1500
viii.	PIKAS (MITI)	Flextronic	1000
ix.	PIKAS (MITI)	Molex	800
x.	PIKAS (MITI)	Mattel	300
xi.	PIKAS (MITI)	Inari	1500
xii.	PIKAS (MITI)	Hotel Ixora	1000
xiii.	PIKAS (MITI)	Hotel Equatorial	1500
xiv.	PIKAS (MITI)	Hotel Pearlview	1500
xv.	PIKAS (Negeri)	Bukit Jawi Golf Resort	1500
xvi.	CIVAC (CIDB)	Sunway carnival Covention Centre	1300
xvii.	RIVAC (KPDNHEP)	Gurney Paragon	1200
xviii.	RIVAC (KPDNHEP)	Design Village	800

LAMPIRAN A

PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) NEGERI PULAU PINANG 25 OGOS 2021 (RABU)								
A. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN AWAM + HOSPITAL AWAM								
BIL.	DAERAH	DEWAN	PENERIMA VAKSIN DOS 1	PENERIMA VAKSIN DOS 2	JUMLAH PENERIMA VAKSIN	KAPASITI (DOS / HARI)	PERATUSAN MENCAPAI KAPASITI SEHARI	CATATAN
1.	SEBERANG PERAI UTARA	DEWAN MILENIUM KEPALA BATAS	220	2,470	2,690	2,000	135%	Aktif
2.	SEBERANG PERAI TENGAH	DEWAN SEBERANG PERAI ARENA	399	744	1,143	1,200	95%	
3.	SEBERANG PERAI SELATAN	DEWAN SERBAGUNA JAWI	44	1,072	1,116	1,200	93%	
4.	BARAT DAYA	KOMPLEKS SUKAN, BALIK PULAU	0	882	882	800	110%	
5.	TIMUR LAUT	TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG	37	1,461	1,498	1,000	150%	
6.	SEBERANG PERAI TENGAH	DEWAN TAPAK EKSPLO SEBERANG JAYA	35	997	1,032	800	172%	
7.	BARAT DAYA	DEWAN BALAI RAKYAT BAYAN BARU	0	754	754	800	94%	
8.	HOSPITAL - HOSPITAL AWAM (4 BUAH HOSPITAL)		498	534	1,032	900	115%	
JUMLAH DOS / HARI			1,233	8,914	10,147	8,600	119%	
B. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN INTEGRASI & NGO								
9.	SEBERANG PERAI UTARA	PUSAT KONVENSYEN PERDA	1,735	19	1,754	2,000	88%	Aktif
10.	SEBERANG PERAI SELATAN	DEWAN SERBAGUNA SUNGAI BAKAP	633	10	643	1,200	54%	
11.	SEBERANG PERAI TENGAH	ONE HOPE CHARITY, JURU	180	360	540	1,000	54%	
12.	SEBERANG PERAI TENGAH	VANGOWH EMINENT	960	0	960	1,000	96%	
JUMLAH DOS / HARI			3,508	389	3,897	5,200	75%	
C. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN MEGA								
13.	SPICE ARENA		11	2,854	2,865	3,000	96%	Aktif
14.	SPICE CONVENTION		1,384	2,438	3,822	5,000	76%	
JUMLAH DOS / HARI PPV MEGA			1,395	5,292	6,687	8,000	84%	
D. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN USM								
15.	USM KAMPUS INDIK + Drive-through		0	364	364	1,000	36%	Aktif
16.	USM IPPT BERTAM		0	520	520	400	130%	
JUMLAH DOS / HARI PPV USM			0	884	884	1,400	63%	
E. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN INDUSTRI (ECONOMIC FRONTLINERS) PROGRAM VAKSINASI BARISAN SEKTOR EKONOMI NEGERI PULAU PINANG (Pvac)								
17.	PPV BUKIT JAWI		636	0	636	1,500	42%	Aktif
18.	HOTEL IKORA		1,027	0	1,027	1,000	103%	
19.	HOTEL EQUATORIAL		54	240	294	1,500	20%	
20.	PPV LAPANGAN (INTEL, PLEXUS, JABIL, INARI, FLEXTRONICS, KEYSIGHT, B.BRAUN, MOLEX, MATTTEL, OSRAM, PEMBINAAN & PENGANGKUTAN, GURNEY PARAGON MALL, DESIGN VILLAGE)		1,759	2,212	3,971	11,100	36%	
21.	HOTEL PEARLVIEW		0	0	0	1,500	0%	
JUMLAH DOS / HARI PPV AKTIF			3,476	2,452	5,928	16,600	36%	
22.	ECO MEADOWS GALLERY (SPS)		0	0	0	600		Menunggu kelulusan

1

23.	HOTEL RAJA, BAYAN LEPAS	0	0	0	1,000		Menunggu kelulusan
24.	DEWAN SUNSHINE BAYAN BARU	0	0	0	1,000		Menunggu kelulusan
JUMLAH DOS / HARI (AKAN DIBUKA & PERSEDIAAN)		0	0	0	2,600	0%	
JUMLAH DOS / HARI PPV INDUSTRI		3,476	2,452	5,928	19,200	31%	

F. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN HOSPITAL SWASTA							
BIL.	DAERAH	DEWAN	PENERIMA VAKSIN DOS 1	PENERIMA VAKSIN DOS 2	JUMLAH PENERIMA VAKSIN	KAPASITI (DOS / HARI)	PERATUSAN MENCAPAI KAPASITI SEHARI
25.		HOSPITAL PANTAI	3	291	294	200	147%
26.		HOSPITAL KPJ	0	615	615	200	308%
27.		HOSPITAL LAM WAH EE	0	408	408	400	102%
28.		HOSPITAL LOH GUAN LYE	5	265	270	200	135%
29.		HOSPITAL GLENEAGLES	4	212	216	200	108%
30.		HOSPITAL PENANG ADVENTIST	3	69	72	200	36%
31.		OPTIMAX EYE SPECIALIST	0	60	60	200	30%
32.		BAGAN SPECIALIST CENTRE	0	0	0	200	0%
33.		GEORGETOWN SPECIALIST HOSPITAL	0	0	0	200	0%
		JUMLAH DOS / HARI	15	1,920	1,935	2,000	97%
G. GENERAL PRACTITIONER (58 BERDAFTAR)							
34.		58 BUAH KLINIK SWASTA	219	1,599	1,818	1,630	112%
							Aktif (41GP – 3 hari, 12GP – 6 hari & 5GP – 7 hari)
H. USM OUTREACH / MOBILE PPV							
35.		By UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	0	0	0	200	
							Persediaan (hujung Julai 2021)
I. PEJABAT KESIHATAN DAERAH (OUTREACH PUSAT JAGAAN WARGA EMAS / OKU)							
36.		5 BUAH PKD	19	0	19		
JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA VAKSIN HARIAN (PPV AKTIF)			9,865	21,450	31,315	43,330	72%
							Kapasiti PPV (Aktif)
JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA VAKSIN HARIAN (PPV AKTIF + PPV TIDAK AKTIF)			9,865	21,450	31,315	46,130	68%
							Kapasiti PPV (Aktif + Persediaan)
JUMLAH KESELURUHAN DOS / HARI (PPV TIDAK AKTIF)					2,800		Kapasiti PPV Persediaan
JUMLAH KUMULATIF PEMBERIAN DOS 1 VAKSIN COVID-19 NEGERI PULAU PINANG			1,095,196		1,384,600	79.1%	Prestasi Pencapaian Pemberian Vaksin Negeri (Dos 1)
JUMLAH KUMULATIF PEMBERIAN LENGKAP DOS VAKSIN NEGERI PULAU PINANG			690,720		1,384,600	49.9%	Prestasi Pencapaian Pemberian Vaksin Negeri (Lengkap)

Fasa 1 sudah selesai pada 1 Julai 2021 dengan pencapaian 100% untuk dos 1 dan 99.2% untuk dos 2

DISEDIAKAN OLEH : SEKRETARIAT, CITF NEGERI PULAU PINANG (APM)

J. RUMAH SAKIT ANGKATAN TENTERA (RSAT)							
BIL.	DAERAH	DEWAN	JUMLAH PENERIMA VAKSIN DOS 1	JUMLAH PENERIMA VAKSIN DOS 2	JUMLAH PENERIMA VAKSIN KUMULATIF	JUMLAH SASARAN	PERATUSAN MENCAPAI SASARAN
37.		RSAT SG ARA, KEM TUN RAZAK	4,547	4,607	9,154	9,217	99%
38.		RSAT TUDM BUTTERWORTH	3,861	3,555	7,416	7,458	99%
		JUMLAH DOS / HARI	8,408	8,162	16,570	16,675	99%

Data sehingga 25 OGOS 2021

DISEDIAKAN OLEH : SEKRETARIAT, CITF NEGERI PULAU PINANG (APM)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

69. Pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

- (a) Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri dalam usaha memulihkan ekonomi rakyat di Pulau Pinang.
- (b) Bagaimanakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan sumber ekonomi negeri dan rakyat dapat dipulihkan semasa dan selepas pandemik?
- (c) Apakah pelan pemulihan jangka pendek dan jangka panjang dalam merealisasikan usaha tersebut?

YAB. Ketua Menteri:

69. Dalam usaha memulihkan ekonomi rakyat di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri mengambil pendirian untuk mengutamakan kesihatan rakyat dan memastikan kelangsungan sektor ekonomi.

- (a) Perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan sumber ekonomi negeri dan rakyat dapat dipulihkan semasa dan selepas pandemik adalah seperti berikut:
 - (i) Pemulihan ekonomi bersandarkan kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan program saringan massa untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19 dalam komuniti. Kerajaan Negeri telah mengguna pakai strategi 3T (*testing, tracing, treatment*) bertujuan mengenal pasti, mengasingkan serta merawat individu pembawa COVID-19. Kerajaan Negeri mensasarkan bahawa 100% populasi penduduk Pulau Pinang yang berumur 18 tahun ke atas akan menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin pada awal bulan September 2021;
 - (ii) Kerajaan Negeri telah meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang bagi mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pakej bantuan ini telah dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1, 2 dan 2.1 pada tahun 2020 dan Fasa 3 dan 3.1 pada tahun 2021. Perincian bantuan adalah seperti di **LAMPIRAN A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan**; dan
 - (iii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Di bawah PSERCC, enam (6) Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan iaitu bagi Sektor Industri/SMI/SME/Peruncitan, Sektor Pasaran Tenaga Kerja, Sektor Perumahan, Sektor Infrastruktur dan Pengangkutan, Sektor Pelancongan, Sektor Industri Makanan. Pelan tindakan pemulihan yang dikenal pasti adalah seperti di **LAMPIRAN B yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan**.

- (b) Bagi pelan pemulihan jangka pendek, Kerajaan Negeri memberikan penekanan kepada program saringan untuk memutuskan jangkitan COVID-19 serta program imunisasi bagi mencapai *herd immunity*. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan kepada rakyat melalui agensi/jabatan Kerajaan khususnya melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang. Jawatankuasa PSERCC juga telah ditubuhkan untuk mengenal pasti tindakan pemulihan yang bersesuaian.

Bagi pelan pemulihan jangka panjang, Kerajaan Negeri akan melaksanakan usaha berterusan untuk menambah pekerjaan yang berkualiti dan berpendapatan tinggi kepada rakyat Negeri Pulau Pinang melalui tindakan seperti berikut:

- (i) Membangunkan daya saing Pulau Pinang dalam sektor pembuatan berteknologi canggih dan maju dan seterusnya menjadikan Pulau Pinang sebagai hab industri teknologi perubatan;
- (ii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan peralatan yang menawarkan kepakaran *front-to-back end* di peringkat serantau dan global;
- (iii) Menggalakkan syarikat multinasional untuk melokalisasikan (*localise*) rantai bekalan dan memberi perkhidmatan mudahcara dalam pepadanan perniagaan yang secara tidak langsung akan membuka peluang pekerjaan kepada syarikat tempatan;
- (iv) Membuka peluang kepada industri tempatan di Pulau Pinang melalui konfigurasi semula rantai bekalan, percambahan teknologi mengganggu (*disruptive technologies*) dan perkembangan pesat di wilayah Asia Pasifik;
- (v) Memperkukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) untuk menambahkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), perisian, seni kreatif dan sumber manusia; dan

Menjalinkan kerjasama berterusan dengan pemegang taruh bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif dapat dikekalkan melalui dasar yang memberi penekanan kepada kesenangan untuk menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang di samping penawaran kos yang kompetitif kepada industri dalam menjalankan perniagaan

**SENARAI BANTUAN DI BAWAH PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG
(PENANG LAWAN COVID-19)**

FASA 1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	One-off RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen	7,072,000.00	11,456 peniaga (MBPP - 6,806, MBSP - 4,518, FAMA - 132)	5,728,000.00
2	Bekalan peralatan keselamatan diri (<i>face mask, hand sanitizer</i> dll.)	10,000,000.00	Rakyat Pulau Pinang dan kakitangan barisan hadapan	8,416,587.00
3	Bantuan tunai one-off kepada pesakit COVID-19 Pulau Pinang	300,000.00	92 (pesakit dan waris pesakit COVID-19)	46,500.00
4	One-off RM500 kepada pemandu pelancong berdaftar	685,000.00	751	375,500.00
5	One-off RM500 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan AES di bawah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)	9,328,500.00	18,747 (JKM - 18,087, AES - 660)	9,373,500.00
6	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada penarik beca dan <i>upfront</i> RM300 (April, Mei, Jun)	63,600.00	189 penarik beca	94,500.00
7	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada pemandu teksi dan <i>upfront</i> RM300 (bayaran fasa 2)	449,600.00	2,221 pemandu teksi	1,110,500.00
8	One-off RM300 kepada pemandu e-hailing	3,000,000.00	8,390 pemandu e-hailing	2,517,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
9	Bantuan kewangan khas kepada masjid dan surau	495,000.00	702 (226 masjid, 476 surau)	464,000.00
10	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	1,437,300.00	4,983 kakitangan (MBPP – 1,892, MBSP - 3,091)	1,494,900.00
11	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada 10,511 kakitangan barisan hadapan Jabatan Persekutuan	3,300,000.00	8,048 kakitangan (ATM - 240, RELA - 164, PDRM - 1,787, JKNPP - 5,107, APM - 300, JIM - 450)	2,414,400.00
12	Peruntukan khas RM30,000 kepada setiap ADUN	1,200,000.00	40 ADUN	1,200,000.00
13	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (<i>Penang Business Continuity Zero Interest Loan</i>)	30,000,000.00	1,651 SME dan mikro	28,740,000.00
14	Bantuan zakat sebanyak RM3 juta kepada golongan asnaf	3,000,000.00	6,000 golongan asnaf	3,000,000.00
15	Pengecualian sewa bulanan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri	932,844.00	Anggaran 4,860 keluarga	932,844.00
16	Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan PBT	1,610,000.00	Anggaran 10,999 premis perniagaan	1,610,000.00
17	Penangguhan tempoh pembayaran kepada	-	Rakyat Pulau Pinang	-

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	Kerajaan Negeri bagi cukai tanah/petak, bayaran skim sewa beli RSKN dan pinjaman (Skim Pinjaman Harapan (SPH), Tabung Usahawan Tani (TUT) dan penuntut)			
18	Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri (Tasek Gelugor/Kepala Batas dan Balik Pulau)	60,000.00	Rakyat di kawasan Parlimen berkaitan	60,000.00
19	Pengawai Penyelaras KADUN Penaga, Sungai Dua dan Permatang Berangan (YAB KM)	90,000.00	Rakyat di KADUN berkaitan	90,000.00
20	Bantuan untuk pelarian Rohingya (NGO)	100,000.00	-	100,000.00
21	Peruntukan kepada <i>Penang Science Cluster</i> untuk menyediakan <i>facemask</i> bagi petugas barisan hadapan	60,000.00	Petugas barisan hadapan	60,000.00
22	Bantuan Barang Keperluan Harian kepada rakyat yang kurang berkemampuan	1,032,500.00	20,650 keluarga	1,032,500.00
23	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan Bahagian Perumahan, PSUKPP	15,300.00	51 kakitangan	15,300.00
24	Peruntukan Makanan dan Minuman Petugas Ops COVID-19 PDRM	120,000.00	Petugas Ops COVID-19	120,000.00
25	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada pengusaha kuda	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
26	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM200 kepada pemandu bas dan <i>upfront</i> RM300 bayaran Fasa 2	260,500.00	463 pemandu bas	231,500.00
27	Pembelian <i>facemask</i> bagi perlindungan dan mitigasi ancaman COVID-19	35,000.00	Rakyat Pulau Pinang	35,000.00
28	Projek Penyediaan Makmal Minilab di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	186,100.00	-	90,000.00
29	Peruntukan kepada Kelab PDRM untuk pembelian khemah semasa tempoh PKPB	225,000.00	-	225,000.00
JUMLAH BESAR		75,062,744.00	100,302	69,582,031.00

FASA 2.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Rebat bagi cukai taksiran tahun 2020	47,311,854.20	Anggaran 597,806 (MBPP - 281,949, MBSP - 315,857)	47,311,854.20
2	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/ kedai persendirian (<i>shoplot</i>)	1,551,500.00	1,670 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,229, MBSP - 441)	835,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada penjaja/penggerai yang mempunyai <i>tagging</i> dan berdaftar dengan PBT	2,833,000.00	1,586 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,345, MBSP - 241)	793,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
4	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara <i>one-off</i> kepada kakitangan barisan hadapan yang terlibat dalam menangani wabak COVID-19	1,853,700.00	6,390 kakitangan (PDRM - 4,090, ATM - 1,436, APM - 60, RELA - 239, Vet. Askar Wataniah - 277, BOMBA - 211, PSUKPP Pengawal Keselamatan - 77)	1,917,000.00
5	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara <i>one-off</i> kepada ahli MPKK dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) sebagai penghargaan dalam usaha membantu Kerajaan Negeri membendung penularan wabak Covid 19	1,815,000.00	3,383 ahli (MPKK - 3,074, JPWK - 309)	1,014,900.00
6	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	165,500.00	351 pemandu	175,500.00
7	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha lancang air (<i>watercraft operator</i>) di Pulau Pinang	6,900.00	21 pengusaha	6,300.00
8	Peruntukan RM200,000 untuk pelaksanaan Show Penang, sebuah projek bagi membangunkan kandungan digital (<i>digital content</i>) sektor seni, budaya dan warisan yang pertama dalam negara	200,000.00	24 penerima	64,830.00
9	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha taska dan pusat jagaan	322,500.00	494 pengusaha (Tadika - 314, Taska – 118, Pusat Jagaan	247,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Masyarakat dan tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang		Kanak-Kanak - 62)	
10	Peruntukan RM100,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga	100,000.00	5 NGO dan individu	65,000.00
11	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM400 secara <i>one-off</i> kepada Nelayan Pesisir Pantai (Zon A)	2,325,600.00	3,999 nelayan	1,599,600.00
12	Bantuan kotak insulasi (RM180) kepada 250 nelayan darat/sungai	45,000.00	250 nelayan darat/sungai	38,750.00
13	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi	200,147.00	988 penternak	200,001.50
14	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (<i>Penang Business Continuity Zero Interest Loan</i>) - Pelancongan	10,000,000.00	93 peniaga	3,245,000.00
15	Bantuan Zakat	5,000,000.00	3,769 penerima	1,884,500.00
16	Pengecualian Kadar Sewaan dan Pajakan bagi Projek-projek Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) bagi bulan April dan Mei 2020	271,926.00	33 pengusaha/ syarikat	271,926.00
17	Diskaun dan Pengecualian Kadar Sewaan bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 bagi premis-premis tertentu	1,030,000.00	387 syarikat/ premis/ penghuni	1,030,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)			
18	Konsesi sewa kepada 24 lot komersial Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang untuk setengah bulan pada Januari dan Februari 2020, dan sepenuhnya untuk Mac, April dan Mei 2020. Bantuan <i>one-off</i> RM500 kepada pengendali servis jip di Bukit Bendera.	448,253.00	24 lot komersial / 13 pengendali jip	448,253.00
19	Pengecualian Sewa Bulanan RSKN dan PPR untuk bulan Jun dan Julai 2020	516,000.00	2,911 unit	516,000.00
20	Pengecualian bayaran sewa bagi unit kedai di bawah pengurusan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2020	76,741.00	122 unit	76,741.00
JUMLAH BESAR		76,073,621.20	624,306	61,741,155.70

FASA 2.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	219,500.00	462 pengusaha kantin	231,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada syarikat penganjur acara (<i>event management</i>) di Pulau Pinang	100,000.00	160 syarikat	80,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM1,000 kepada	1,711,000.00	601 pertubuhan	601,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	Pertubuhan Rumah Ibadat Bukan Islam			
4	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada Pertubuhan/Persatuan yang aktif dan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) di Pulau Pinang.	1,740,500.00	634 pertubuhan/ persatuan	317,000.00
5	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 bagi pengusaha penjual akhbar dan buku Pulau Pinang	75,000.00	243 pengusaha	121,500.00
6	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 bagi Persatuan Belia Pulau Pinang	257,500.00	12 persatuan	6,000.00
JUMLAH BESAR		4,103,500.00	2,112	1,356,500.00

FASA 3.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada: (i) peniaga dan penjaja berlesen; (ii) penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (<i>shop lot</i>); (iii) penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan (iv) peniaga pasar tani (FAMA)	7,356,000.00	16,322 peniaga [(i) MBPP - 6,930, MBSP - 5,770; (ii) MBPP - 1,296, MBSP - 661; (iii) MBPP - 1,410, MBSP - 173; (iv) FAMA – 82]	8,161,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
2	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM200 kepada penarik beca	57,600.00	157 penarik beca	31,400.00
3	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	231,000.00	435 pengusaha kantin	217,500.00
4	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT): (i) perkhidmatan gunting rambut/salun rambut; (ii) perkhidmatan salun kecantikan dan spa; (iii) perkhidmatan pusat refleksologi; dan (iv) perkhidmatan bekam	1,464,500.00	869 peniaga [(i) MBPP - 225, MBSP - 354; (ii) MBPP - 95, MBSP - 137; (iii) MBPP - 38, MBSP - 19; (iv) MBPP - 0, MBSP - 1]	434,500.00
5	Peruntukan Khas RM30,000 kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0	1,770,000.00	59 penerima	1,770,000.00
JUMLAH BESAR		10,879,100.00	17,842	10,614,400.00

FASA 3.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International	288,000.00	88 usahawan	10,720.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara <i>one-off</i> kepada SME yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA)	1,000,000.00	333 SME	333,000.00
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT	97,000.00	38 pengusaha	19,000.00
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada pengendali perkhidmatan Mobile SPA	31,500.00	42 pengusaha	21,000.00
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	574,424.00	1,088 penternak	0.00
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	175,500.00	142 pemandu	71,000.00
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada pemandu pelancong berdaftar	683,500.00	587 pemandu pelancong	293,500.00
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha lancang air (<i>watercraft operator</i>) di Pulau Pinang	11,500.00	21 pengusaha lancang air	10,500.00
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	250,000.00	31 pengusaha kantin	15,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	2,000,000.00	5 PDT	1,351,420.95
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara <i>one-off</i> kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	520,000.00	94 pusat jagaan	470,000.00
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara <i>one-off</i> kepada <i>Tourist Attraction Operators</i>	60,000.00	10 pengusaha	10,000.00
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara <i>one-off</i> kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83,000.00	46 pertubuhan	46,000.00
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara <i>one-off</i> kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539,000.00	286 pertubuhan	286,000.00
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara <i>one-off</i> kepada surau berdaftar di bawah Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)	600,000.00	600 surau	600,000.00
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada guru-guru sekolah agama rakyat berdaftar di bawah JHEAIPP	467,500.00	935 guru	467,500.00
18	Bantuan khas kewangan RM500 secara <i>one-off</i> kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	27,500.00	55 pemegang tauliah mengajar	27,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia platform <i>marketplace digital commerce</i>	1,000,000.00	-	353,438.00
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	360,000.00	36 persatuan	360,000.00
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	381,000.00	20 pengusaha/syarikat	381,000.00
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB. ADUN Kerajaan Negeri, YB. Parlimen Kerajaan Negeri, YB. ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas Y.A.B Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	1,180,000.00	59 penerima	1,180,000.00
JUMLAH BESAR		10,333,924.00	4,525	6,311,578.95

LAMPIRAN B

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

DI BAWAH PENANG SOCIO ECONOMIC RECOVERY CONSULTATIVE COUNCIL (PSERCC)

A) SEKTOR INDUSTRI/SMI/SME/PERUNCITAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Cadangan memudahkan kelulusan <i>Special Relief Fund</i> (SRF)	<i>Special Relief Fund</i> (SRF) diluluskan tetapi perlu menunggu sokongan CGC untuk pelepasan dana. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memohon proses permohonan dapat dipermudah dan pembayaran SRF dipercepatkan.
2	Cadangan mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST kepada syarikat-syarikat berkaitan
3	Cadangan pekerja asing turut dipertimbangkan dalam insentif subsidi upah	Pekerja asing tidak termasuk dalam insentif subsidi upah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan insentif subsidi upah kepada pekerja asing.
4	Cadangan penambahan pelanjutan moratorium selama enam (6) bulan lagi	Moratorium penangguhan pembayaran pinjaman ditetapkan sehingga September 2020 sahaja. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya
5	Penambahbaikan ke atas isu sekatan terhadap <i>foreign key personnel</i> dan pasukan teknikal yang memasuki Malaysia serta kekeliruan akibat SOP yang kurang jelas yang melibatkan pelbagai agensi	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen untuk mempertimbangkan pelaksanaan proses kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu bagi kemasukan perniagaan atau Professional Visit Pass (PVP) dan diuruskan oleh satu (1) agensi pusat serta mempunyai tempat perhubungan dari mula hingga selesai permohonan.
6	Kelulusan pengambilan pekerja asing untuk sektor terpilih tidak termasuk pembuatan	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan
7	Cadangan mewujudkan kempen jualan Pulau Pinang dan	Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah melancarkan " <i>Penang EMall</i> " secara atas talian melalui platform e-dagang " <i>Shopee</i> " bagi membantu peniagaan mikro

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
	menggalakkan SME menggunakan platform digital	dan perusahaan sederhana kecil. Kempen ini telah berjaya membantu sejumlah 36,507 peniaga.
8	Meningkatkan kadar penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan dan MNC	Kadar penyertaan PKS masih rendah dalam perolehan kerajaan dan MNC. InvestPenang telah menganjurkan Hari Pembekal “<i>Supplier's Day</i>” secara atas talian pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama syarikat Lam Research Malaysia. Sejumlah 256 peserta dari syarikat-syarikat tempatan telah mengambil bahagian. Mengkaji cadangan untuk mempertimbangkan penetapan kuota khusus untuk syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan (Jabatan Kerajaan Negeri / Persekutuan yang berkaitan). MNC pula mempertimbangkan untuk membuka perolehan bahan tidak langsung kepada PKS tempatan (FMM, FREPENCA) untuk mendorong perolehan tempatan.
9	Cadangan pelanjutan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) oleh PDC	Pada masa ini, Skim PEKA tidak akan dilanjutkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menyediakan pinjaman secara bersasar kepada penerima sektor yang memerlukan.
10	Cadangan supaya sektor pembuatan dikecualikan daripada ditutup sepenuhnya sekiranya PKP diperkenalkan semula	Didapati bahawa tiada kluster COVID-19 di kilang-kilang di Pulau Pinang sejak Februari 2020 kerana pematuhan SOP keselamatan dan kebersihan dalaman yang ketat. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara dan MITI untuk mempertimbangkan sektor pembuatan dikecualikan untuk ditutup sepenuhnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

B) SEKTOR PASARAN TENAGA KERJA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Platform berkenaan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang	Satu sekretariat untuk mengumpulkan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja telah ditubuhkan yang merangkumi Penang CAT Centre, Penang Skills Development Centre, Penang Institute, PERKESO, FREPENCA dan BPEN. Sekretariat ini akan menyediakan maklumat dan statistik berkaitan situasi pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang kepada YB EXCO Pembangunan Modal Insan.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
2	Memperkasakan peranan Penang CAT Centre	Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat dari seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Di bawah kempen ini terdapat dua (2) siri webinar bertajuk <i>"Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang"</i> yang dihadiri oleh hampir 700 orang pencari kerja, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi di seluruh negara. Kempen ini dianjurkan oleh Penang CAT Centre dan disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang seperti Micron, Clarivate, Keysight, ViTrox, Jabil, Pentamaster, Teleperformance dan ManpowerGroup.
3	Syarikat memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di sistem Penang CAT Centre/MyFutureJobs	Individu kehilangan pekerjaan yang membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja akan memperoleh ID MyFutureJobs secara automatik dan seorang <i>caseworker</i> akan ditugaskan untuk membantu setiap pencari kerja
4	Program peningkatkan kemahiran pekerja	Di bawah PenjanaKerjaya, majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran (<i>re-skilling & upskilling</i>) berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000. PSDC juga menawarkan pelbagai kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan IT yang boleh diambil oleh pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.
5	Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku dan puncanya serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan pencari kerja lepasan universiti	Penang Institute telah memulakan kajian tersebut dan dalam proses pengumpulan data. Kajian dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2021. Kos pelaksanaan kajian termasuk dalam permohonan peruntukan Penang Institute kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2021

C) SEKTOR PERUMAHAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Insentif kepada pembeli	(a) Had siling maksima RMM diturunkan sebanyak 10 peratus bagi projek baru. (b) Keluasan RMM ditingkatkan 50kps jika pemaju ingin mengekalkan harga maksima asal. (c) Skor minima 70% Qclassic CIDB.
2	Insentif kepada pemaju	(a) Pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh satu (1) tahun. (b) Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees) sebanyak 50% secara menyeluruh bagi tempoh satu (1) tahun. (c) Pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh satu (1) tahun. (d) Penggunaan kuota RMM mengikut PBT. (e) Nisbah Plot 1:4 pembinaan RMM. (f) Pengurangan kos pembangunan bagi tempoh satu (1) tahun.
3	Insentif tambahan kepada pemaju serta kajian dan syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan	(a) Pengurangan kadar sumbangan <i>in kind</i> pembukaan pasaran terbuka RMM 100 peratus kepada LPNPP. (b) Pengecualian Pemeriksa Bebas bagi Laporan Kajian Lalu Lintas (TIA) dan Penyediaan Laporan Kajian Impak Sosial (SIA). (c) Cadangan diskaun 50% dari 15% premium nilai tanah dikenakan dan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah. (d) Cadangan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah.
4	Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui konsep sewa beli	Sebanyak 10 skim perumahan RMM telah siap dan sedia untuk ditawarkan, manakala dua (2) skim perumahan di peringkat pembinaan dan dua (2) skim perumahan lagi di peringkat perancangan.

) SEKTOR INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	<i>Penang Connectivity Master Plan (PCMP)</i> (a) Projek Penaiktarafan Infrastruktur <i>Copper</i> Milik Telekom Malaysia (TM) kepada Fiber Optik di seluruh Negeri Pulau Pinang. (b) Projek <i>Allo Nationwide Fiberisation Plan</i> (AFNP) (c) Projek <i>Fiber Clip On Solution</i> (FTTL) (d) Projek <i>Smart Street Pole</i> di Negeri Pulau Pinang	53% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dinaik taraf kepada jajaran fiber optik Unifi sehingga bulan Jun 2021. Dijangka akan mencapai 100% fiberisation menjelang Jun 2022. Sedang dalam proses pemasangan yang melibatkan 11,000 home premises di seluruh kawasan Seberang Jaya. Pemasangan telah siap sepenuhnya melibatkan 8,711 premis rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga Jun 2021. Pelaksanaan projek masih di peringkat <i>Proof of Concept</i> (POC) oleh Syarikat Webe Digital Sdn Bhd dan Celcom Berhad.
2	Cadangan Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) 275 kV	Perbincangan TNB bersama JKPTG akan dibuat bagi membincangkan proses pemindahan 12 buah rumah transit. Perbincangan bersama Lembaga Perumahan Pulau Pinang juga akan dijalankan bagi memohon rumah PPRT bagi tujuan perpindahan penghuni rumah transit. TNB akan membincangkan perkara di atas bersama KeTSA bagi tujuan kelulusan untuk menanggung kos perpindahan secara keseluruhan seperti yang dimohon oleh MINDEF.
3	Ekonomi Digital	<i>Startups</i> - Meningkatkan penglibatan komuniti kejuruteraan/perisian melalui pendekatan <i>engagement</i>. Pembangunan program dan perkhidmatan untuk <i>Startups</i>. <i>Local Enterprise Development</i> - Meningkatkan penglibatan PKS. Membangunkan aliran arus niaga untuk syarikat ICT. Beralih dari pendedahan asas ke digitalisasi proses perniagaan untuk PKS mikro. Pelabur (<i>Investor</i>) - Menyediakan petunjuk selaras dengan matlamat Ekonomi Digital. Mengenal pasti peluang semasa yang sesuai untuk pelaburan digital.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
4	Pembangunan Projek Lebuhraya <i>Northern Corridor Highway</i> (NCH)	NCIA dan LLM dalam tindakan untuk memuktamadkan <i>Statement of Needs</i> (SON) projek. Model pelaksanaan akan dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Cadangan jajaran hubungan dari Serdang ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 25.5km.

E) SEKTOR PELANCONGAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Program promosi dan rangsangan pasaran tempatan	(a) Kempen taktikal merangkumi produksi video (<i>Experience it all in Penang, The other side of the Island, The opposite side of the Island, Penang through the lens</i> dan lain-lain), kempen <i>Penang Tour Packages</i> dan kempen <i>Penang Frontliners</i>. (b) Kempen pengiklanan di <i>family mart retails, covered walkaways, giant cubes</i> dan laman web <i>Penang Travel Deals</i>. (c) Kempen media dengan kerjasama Astro Radio. (d) Promosi muslim-friendly dan halal melalui risalah. Risalah Jalan-Jalan Penang dan Muslim Travel Guide yang masih dalam peringkat penyediaan.
2	Kempen <i>Responsible Tourism</i>	Promosi melalui badan bas (<i>bus wrap</i>) perhentian bas bagi mewujudkan kesedaran masyarakat akan pelancongan bertanggungjawab
3	Promosikan Pulau Pinang secara digital untuk mencapai sasaran pelancong lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan	(a) Promosi melalui kolaborasi dengan Penang Foodie, Penang Hidden Gems dan pengiklanan media sosial. Kempen akan dimulakan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. (b) Pengiklanan digital dengan Sojern bagi mempromosikan <i>Jam! Experience Penang Campaign</i> telah diselesaikan. (c) Pengiklanan atas talian melalui laman web rasmi <i>Going Places (Malaysia Airlines inflight magazine)</i> ditangguhkan sementara. (d) Penambahbaikan laman web pelancongan mypenang.gov.my
4	Meningkatkan daya perbelanjaan dan menjana pendapatan untuk pemain industri tempatan	Tarikh permulaan kempen akan ditentukan setelah perjalanan merentas negeri dibenarkan semula. Kempen dengan kerjasama Shopee.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
5	Kerjasama dengan penggiat-penggiat pelancongan untuk merangsang pelancongan domestik	Kolaborasi dengan Klook, Booking.com, Shopback dan AirAsia. Kempen telah diluluskan pada tahun 2020, namun telah ditangguhkan sehingga sektor pelancongan dapat beroperasi semula.
6	Mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran luar negara	(a) Penglibatan dalam pameran perdagangan luar negara secara maya seperti <i>ITB Asia Virtual</i>, <i>Virtual Wedding Festival</i>, <i>Malaysia Meet 2021 - Istanbul, Moscow and Almaty</i>, <i>Travel Meet Asia Virtual</i> dan <i>ITB China</i>. (b) Penglibatan dalam webinar secara atas talian seperti <i>New Zealand Travel Agents together with Malaysia Airlines</i>, <i>Online Cooking Class with Malaysia Airlines Australia and Travel Agents</i>, <i>Virtual Tour – The Habitat with Scandinavia Travel Agents</i> dan <i>Nordic Travel Agents together with Tourism Malaysia</i>.

F) SEKTOR INDUSTRI MAKANAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Penguatkuasaan Rumah Sembelih (Akta rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang adalah meliputi rumah sembelihan babi dan ruminan sahaja)	(a) Sehingga kini, lima (5) buah rumah sembelihan babi telah dilesenkan dan dua (2) buah rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan serta satu (1) rumah sembelihan ruminan JPV. (b) Lima (5) buah rumah sembelihan babi tersebut terbahagi kepada satu (1) di SPS, dua (2) di SPU, satu (1) di DBD dan satu (1) di DTL manakala rumah sembelihan ruminan di DTL dan SPT. (c) JPV telah menghantar notis kepada pemilik Rumah Sembelih yang tidak berlesen untuk tidak beroperasi dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas aduan yang diterima oleh Jabatan.
2	Wabak penyakit <i>Lumpy Skin Disease</i> (LSD) pada ternakan lembu	(a) Kertas MMK telah dibentangkan dan diluluskan pada 23 Julai 2021 dan pewartaan dalam peringkat proses dokumentasi. (b) Permohonan peruntukan perolehan vaksin dengan anggaran RM72,000 setahun dipohon untuk tahun 2022. Bagi tahun 2021, perolehan vaksin menggunakan penjimatan daripada peruntukan tahun Jabatan semasa. (c) Peruntukan wang ehsan/saguhati bagi ternakan yang diarahkan dilupus akibat penyakit dengan anggaran RM30,000 setahun. Sehingga 21 Ogos 2021, sebanyak 11 ekor lembu telah dilupuskan oleh pihak Jabatan. Tuntutan akan dikemukakan untuk mendapatkan wang ehsan/saguhati daripada Kerajaan Negeri.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
3	Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN) (Permohonan telah dihantar oleh Persatuan Penternak dan Peladang Negeri Pulau Pinang)	(a) Dalam pertimbangan program PIKAS-PPVIN awam di EQ kepada pekerja yang terlibat dalam rantai bekalan makanan dalam sektor ternakan seramai 1,570 orang. (b) Program pemvaksin bagi pekerja yang terlibat dengan industri unggas turut dilaksanakan di bawah program Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac). (c) Seramai 70 orang telah menerima suntikan dos pertama vaksin dan sedang menunggu suntikan dos kedua vaksin, manakala seramai 2,039 orang telah mendapat temujanji untuk suntikan dos pertama vaksin bermula pada 9 Ogos 2021. (d) Status pelaksanaan program pemvaksin telah diurus dan mencapai kadar 90%.
4	Masalah dalam pembekalan kepada usahawan (Pertubuhan Usahawan Industri Desa - kebanyakan kilang dalam pembuatan pembungkusan plastik tidak dapat dibuka menyebabkan masalah dalam pembekalan)	(a) Bermula 1 Jun 2021, permohonan sokongan untuk pengoperasian penternak atau usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) yang berdaftar dengan JPV dan mempunyai Sijil SSM perlu melalui Sistem CIMS 3.0 di mana pertimbangan dan kelulusan akan diberikan oleh pihak MAFL. (b) Pihak JPV Pulau Pinang hanya akan mengeluarkan surat sokongan pengoperasian kepada penternak dan usahawan IATn yang berdaftar dengan pihak Jabatan, tidak mempunyai sijil SSM, merupakan penternak / pengusaha IATn kecil atau tergolong dalam kategori isi rumah B40 selaras dengan arahan daripada pihak MAFL. (c) Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (IPPV) telah memberi taklimat pada 19 Ogos 2021 berkenaan pelaksanaan sistem eTernak kepada pegawai di semua negeri untuk menyelaraskan permohonan surat sokongan bagi pengoperasian di dalam tempoh COVID-19 kepada para penternak / pengusaha IATn.
5	Isu kenaikan harga makan ternakan susulan daripada kenaikan bekalan bahan mentah yang diimport	(a) Perundingan dengan MPOB mengurangkan kapasiti eksport PKE yang merupakan sumber bahan mentah dalam negara. (b) Insentif bekalan makanan dan bahan makanan tambahan kepada penternak terkesan. Pemberian Bantuan Makanan Ternakan & Penokok Diet (Supplement) Ternakan telah dilaksanakan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM 200,001.50 dengan 988 orang penerima pada tahun 2020 dan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 melibatkan peruntukan sebanyak RM574,424,00 dengan 1,088 penerima pada tahun 2021. (c) Cadangan kajian berterusan sumber bahan mentah alternatif yang tersedia dalam negara sebagai bahan mentah. (d) Mempertimbangkan lebih banyak bantuan sokongan tanaman fodder untuk penternakan ruminan dan makanan alternatif bagi ternakan lain sebagai bekalan makanan utama untuk mengurangkan kebergantungan

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		kepada makanan komersial/pallet melalui permohonan bantuan Jabatan.
6	Pelaksanaan Sistem Penternakan Moden mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti dan mesra alam	Pelaksanaan merangkumi dua pendekatan seperti berikut: (a) Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi yang bermula tahun 2020 dengan penguatkuasaan pelesenan ladang ternakan di atas kepatuhan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Verifikasi ladang babi sedang dilaksanakan bermula 2 Ogos 2021 dan seterusnya semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022. (b) Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telah diwartakan pada 19 Oktober 2020 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 bagi memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.
7	Keselamatan Makanan (<i>Food Safety</i>)	(a) Penguatkuasaan Akta Rumah Sembelih (Penswastaan 1993) – Pemeriksaan Ante / Post Mortem bagi memastikan prosedur pemeriksaan daging dipatuhi untuk menjamin keselamatan kepada pengguna. (b) Penempatan Pegawai Pemeriksa Daging (Meat Inspector) – Kemasukan sebanyak 12 orang pegawai (<i>contract of service</i>) pada Mac 2021 untuk pemeriksaan daging di rumah sembelih swasta yang terlibat memastikan bekalan daging suci, sihat serta selamat untuk dimakan.
8	Penstrukturan Semula Kawasan Kekal Ternakan	Mewujudkan kawasan penternakan dirancang sebelum ini sebagai kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan (dicadangkan seumpama ini dalam Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030) sebagai kawasan pengeluaran ternakan berpusat dan kekal bagi jaminan pengeluaran hasil makanan dan keselamatan makanan (<i>food security</i>).
9	Projek 'Farmer to Farmer'	(a) Telah mendapat persetujuan penggunaan peruntukkan Pembangunan di bawah P01. Program dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2021. (b) Terdapat 10 projek sebagai projek "pilot" merangkumi 8 projek fertigasi dan 2 projek Cendawan. (c) Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin <i>Retort</i>).
10	Projek Pembangunan Pusat Agro Pelancongan Relau	Projek untuk dimohon melalui NCIA di bawah RMKe-12. Walau bagaimanapun, belum mendapat perakuan daripada pihak JPM.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		Dalam pertimbangan untuk pelaksanaan secara "Request for Proposal".
11	Isu pengeluaran dan penjualan buah-buahan	Jabatan Pertanian sedang dalam tindakan untuk menyediakan ruang pasaran kepada petani secara kerjasama dengan AEON.
12	Isu kenaikan harga bahan tanaman padi	(a) Terdapat aduan dari petani di mana peningkatan dari segi kos seperti racun dan baja yang naik antara 20% hingga 40% berikutan pandemik COVID-19. (b) Jabatan Pertanian telah mengadakan sesi hands-on kepada petani melalui penyediaan baja sendiri.
13	Isu harga sayur naik turun sepanjang PKP	Pemantauan dari Jabatan Pertanian mendapati penjualan sayur-sayuran masih terkawal dengan harga yang berpatutan. Petani lebih bijak dalam pengaturan penjualan sayuran.
14	Projek 'Farm to Farm' - Projek ternakan keli	(a) BQ untuk projek berkenaan telah disiapkan oleh Jabatan Perikanan dan telah diserahkan kepada BPEN. BPEN akan menjalankan proses sebutharga tersebut. (b) Data Sistem Ternakan Air Tawar 2020: tangki air tawar – pengeluaran 56.33 mt dengan nilai RM498,891.60.
15	Projek TOL Kerang	(a) Kajian telah dilaksanakan di daerah SPU dan di Beting Selatan. Pada masa ini, dalam proses untuk menyelesaikan kajian biomass di daerah SPT dan SPS. (b) Sebanyak 13 Lot Penternakan Kerang di SPU akan dibuka. Iklan penyertaan peserta kebun kerang telah dikeluarkan pada 18 Ogos 2021. (c) Data Sistem Kultur Laut (SKL) 2020: Kerang – pengeluaran 2,691.32 mt dengan nilai RM21,531,887.61
16	Lesen Sampan Khas Negeri Pulau Pinang	Permohonan oleh nelayan dari tahun 2018 hingga 2020. Kelulusan – 535 Lesen yang telah keluar - 326 KIV untuk siasatan semula – 38 Tidak disokong – 72 Tidak Hadir (Tidak hadir sewaktu program sukat sampan bagi tujuan pelesenan) – 51 Baki (Nama duplicate) – 48 Data Perikanan Tangkapan 2020: Pendaratan untuk perikanan tangkapan yang meliputi kesemua zon (A, B, C, C2/C3) ialah sebanyak 56,848.53 mt dengan nilai RM513,426,731.71
17	Isu kesukaran menjual ternakan ikan sangkar (a) PENKUA Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang – Ikan ternakan tidak dapat dieksporth kerana isu	(a) Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 15 Julai 2021 memaklumkan bahawa YB Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian dan membenarkan vesel ikan hidup Hong Kong memasuki perairan Malaysia dan tempoh pengecualian adalah pada 13 Julai sehingga 31 Disember 2022. (b) Pihak Industri telah memohon kepada PIKAS untuk menyegerakan vaksin dalam industri makanan.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
	permit bot Hong Kong dan harga ikan merosot disebabkan tiada pembeli (b) Vaksinasi kepada pekerja asing sangkar ikan	(c) Data Sistem Ternakan Air Payau 2020: Sangkar air payau - pengeluaran 18,684.35 mt dengan nilai RM427,685,546.52
18	Projek HUB Tuna di Jeti Batu Maung	(a) Penang Development Corporation (PDC) tidak meluluskan permohonan Syarikat Abadi Utama Food Industries Sdn. Bhd. kerana bekas Restoran Jeti Batu Musang tersebut akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan lain (Ecotourism dan Pembangunan Bercampur). (b) Mesyuarat di antara pihak PDC bersama PPN Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Ogos 2021 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Satu penyelesaian terbaik akan dicapai setelah pembentangan lanjut oleh pemohon kelak. (c) 93,898 tan metrik hasil perikanan yang dianggarkan bernilai RM1.16 bilion setahun. Terdapat 11 buah vesel tuna di Pulau Pinang. Pendaratan di Dermaga Dalam, Penang Port. Untuk tahun 2020, sebanyak 30 kali pendaratan telah dicatatkan iaitu melibatkan 11 vesel tempatan dan 2 vesel asing. Sebanyak 1,943,843.53 kg ikan tuna telah didaratkan di Penang Port yang membawa nilai USD7,775,374.12 atau RM31,196,496.48.
19	Industri Asas Tani (IAT) - <i>Retort Technology</i>	(a) Bagi mempromosikan penggunaan teknologi retort dalam industri makanan, pengusaha IAT di Pulau Pinang digalakkan untuk menggunakan teknologi tersebut. Oleh itu, pada tahun 2021, sebanyak 2 projek yang menggunakan teknologi retort akan dilaksanakan. Projek tersebut akan diperluaskan lagi pada masa hadapan. (b) Penggunaan <i>Easy Pack Retort</i> sebab mereka merupakan syarikat tempatan dan berada dalam Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang melibatkan USM dan UITM. (c) Mewujudkan komuniti <i>Retort</i>, untuk membantu usahawan terutamanya jika mempunyai automated sealer. (d) Buat satu <i>Retort</i> machine dahulu untuk diletakkan di satu tempat dan dapat melatih dan memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga). (e) Pihak jabatan juga telah melaksanakan kajian penggunaan mesin "<i>retort</i>" kepada PKS Industri Asas Tani.